



MALAYSIA

**PENYATA RASMI PARLIMEN
DEWAN RAKYAT**

**PARLIMEN KEDUA BELAS
PENGAL KEEMPAT
MESYUARAT KETIGA**

K A N D U N G A N

JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN	(Halaman 1)
RANG UNDANG-UNDANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT	(Halaman 201)
USUL-USUL:	
Menangguhkan Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga Rang Undang-Undang di Bawah P.M. 62	(Halaman 1)
Waktu Mesyuarat dan Urusan Dibebaskan Daripada Peraturan Mesyuarat	(Halaman 21)
Penyata Jawatankuasa Pilihan Khas Berhubung Penambahbaikan Proses Pilihan Raya	(Halaman 21)
RANG UNDANG-UNDANG:	
Rang Undang-undang Kanun Tatacara Jenayah (Pindaan) 2011	(Halaman 81)
Rang Undang-undang Keterangan (Pindaan) 2011	(Halaman 86)
Rang Undang-undang Kewangan (No.2) 2011	(Halaman 89)
Rang undang-undang Standard Malaysia (Pindaan) 2011	(Halaman 109)
USUL-USUL MENTERI KEWANGAN:	
Akta Persatuan Pembangunan Antarabangsa 1960 [Seksyen 5]	(Halaman 116)
Akta Tatacara Kewangan 1957 [<i>Akta 61</i>]	(Halaman 118)
Akta Kastam 1967 – Perintah Duti Kastam	(Halaman 123)

AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT

1. Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, Tan Sri Datuk Seri Panglima Pandikar Amin Haji Mulia, P.S.M., S.P.D.K., S.U.M.W., P.G.D.K., J.S.M., J.P.
2. Yang Berhormat Timbalan Yang di-Pertua, Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar, P.J.N., P.B.S. J.B.S., J.S.M. (Santubong) – PBB
3. “ Timbalan Yang di-Pertua, Datuk Ronald Kiandee, A.S.D.K., P.G.D.K. (Beluran) – UMNO

MENTERI

1. Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Menteri Kewangan, Dato' Sri Mohd. Najib bin Tun Abdul Razak, D.U.P.N., S.S.A.P, S.I.M.P., D.P.M.S., D.S.A.P., P.N.B.S., D.U.B.C.(T). (Pekan) – UMNO
2. “ Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Pelajaran, Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Mohd. Yassin, P.S.M., S.P.M.P., S.P.M.J., S.M.J., P.I.S., B.S.I. (Pagoh) – UMNO
3. Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Tan Sri Dr. Koh Tsu Koon – *Senator*
4. “ Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi, Tan Sri Bernard Giluk Dompok, P.S.M., S.P.D.K. (Penampang) – UPKO
5. “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz, S.P.M.P., D.M.S.M., A.M.P., B.K.T. (Padang Rengas) – UMNO
6. “ Menteri Dalam Negeri, Dato' Seri Hishammuddin bin Tun Hussein, S.P.M.P., S.S.A.P., S.I.M.P., D.S.A.P., D.P.M.J. (Semborong) – UMNO
7. “ Menteri Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan, Dato' Seri Utama Dr. Rais Yatim, S.J.M.K., S.S.A.P., S.P.N.S., D.S.N.S. (Jejebu) – UMNO
8. “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Tan Sri Nor Mohamed bin Yakcop, (Tasik Gelugor) – UMNO
9. “ Menteri Tenaga, Teknologi Hijau dan Air, Dato' Sri Peter Chin Fah Kui, S.S.A.P., P.G.B.K., P.B.S., A.B.S. (Miri) – SUPP
10. “ Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah, Dato' Seri Haji Mohd. Shafie bin Haji Apdal, D.S.A.P., P.G.D.K., D.M.S.M. (Semporna) – UMNO
11. “ Menteri Pengajian Tinggi, Dato' Seri Mohamed Khaled bin Nordin, D.S.P.N., S.M.J., P.I.S. (Pasir Gudang) – UMNO
12. “ Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Dato' Sri Mustapa bin Mohamed (Jeli) – UMNO
13. “ Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Datuk Seri Dr. Maximus Johnity Ongkili, A.S.D.K., J.P. (Kota Marudu) – PBS
14. “ Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar, Dato' Seri Douglas Uggah Embas (Betong) – PBB
15. “ Menteri Pelancongan, Dato' Sri Dr. Ng Yen Yen, D.I.M.P., D.S.A.P., D.P.M.K., D.P.M.P., P.J.K. (Raub) – MCA
16. “ Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Datuk Seri Noh bin Haji Omar, D.G.S.M., D.P.M.S., D.M.S.M., K.M.N., A.S.A., P.J.K., J.P. (Tanjong Karang) – UMNO

17. Yang Berhormat Menteri Pertahanan, Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi, D.M.S.M., S.S.A.P., P.P.T., P.J.K. (Bagan Datok) – UMNO
18. “ Menteri Kerja Raya, Datuk Seri Shaziman bin Abu Mansor, D.S.N.S., D.S.A.P., A.N.S., J.P., D.G.S.M (Tampin) – UMNO
19. “ Menteri Kesihatan, Dato' Seri Liow Tiong Lai, D.G.S.M., S.S.A.P., D.I.M.P., S.M.P., (Bentong) – MCA
20. “ Menteri Belia dan Sukan, Dato' Sri Ahmad Shabery Cheek (Kemaman) – UMNO
21. “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato' G. Palanivel – *Senator*
22. “ Menteri Sumber Manusia, Datuk Seri Dr. S. Subramaniam, D.G.S.M (Segamat) – MIC
23. “ Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan, Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob, D.I.M.P., D.M.S.M., A.D.K. (Bera) – UMNO
24. “ Menteri Kewangan II, Dato' Seri Haji Ahmad Husni Mohamad Hanadzlah, P.P.T., A.M.P. (Tambun) – UMNO
25. “ Menteri Pengangkutan, Dato' Seri Kong Cho Ha (Lumut) – MCA
26. “ Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Dato' Sri Shahrizat binti Abdul Jalil, S.S.A.P., D.G.P.N., D.I.M.P. – *Senator*
27. “ Menteri Luar Negeri, Dato' Sri Anifah bin Aman, S.S.A.P. (Kimanis) – UMNO
28. “ Menteri Wilayah Persekutuan dan Kesejahteraan Bandar, Dato' Raja Nong Chik bin Raja Zainal Abidin, D.P.T.J. – *Senator*
29. “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Mejar Jeneral (B) Dato' Seri Jamil Khir Baharum, P.S.A.T., D.I.M.P., D.S.N.S., D.S.D.K., P.A.T., J.S.M., K.A.T., K.M.N., A.M.K., P.J.M. – *Senator*
30. “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Sri Idris Jala – *Senator*
30. “ Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Datuk Seri Chor Chee Heung, D.G.S.M. (Alor Setar) – MCA

TIMBALAN MENTERI

1. Yang Berhormat Timbalan Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar, Tan Sri Datuk Seri Panglima Joseph Kurup (Pensiangan) – PBRS
2. “ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Liew Vui Keong, P.G.D.K., A.D.K., J.P. (Sandakan) – LDP
3. “ Timbalan Menteri Pertahanan, Datuk Dr. Haji Abd. Latiff bin Ahmad (Mersing) – UMNO
4. “ Timbalan Menteri Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan I, Dato' Joseph Salang anak Gandum (Julau) – PRS
5. “ Timbalan Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah II, Datuk Joseph Entulu anak Belaun (Selangau) – PRS
6. “ Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani I, Dato' Wira Mohd. Johari bin Baharum, S.I.M.P., D.S.D.K., D.M.S.M., D.I.M.P., D.S.M., A.M.K., B.K.M., P.J.K., J.P. (Kubang Pasu) – UMNO
7. “ Timbalan Menteri Dalam Negeri I, Datuk Wira Abu Seman bin Haji Yusop, D.C.S.M., D.M.S.M., K.M.N., B.K.T., J.P. (Masjid Tanah) – UMNO

8. Yang Berhormat Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Dr. Mashitah binti Ibrahim – *Senator*
9. “ Timbalan Menteri Kerja Raya, Dato' Yong Khoo Seng, D.S.P.N., K.M.N. (Stampin) – SUPP
10. “ Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan II, Datuk Hajah Rohani binti Abdul Karim (Batang Lupar) – PBB
11. “ Timbalan Menteri Tenaga, Teknologi Hijau dan Air, Dato' Noriah binti Kasnon, S.M.S., P.J.K., D.M.S.M. (Sungai Besar) – UMNO
12. “ Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri II, Dato' Jacob Dungau Sagan, P.S.B.S., J.B.S., K.M.N., P.P.B., P.P.N. (Baram) – SPDP
13. “ Timbalan Menteri Pelajaran I, Datuk Dr. Wee Ka Siong, D.M.S.M. (Ayer Hitam) – MCA
14. “ Timbalan Menteri Pengangkutan II, Tuan Jelaing anak Mersat (Saratok) – SPDP
15. “ Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Datuk Haji Fadillah bin Yusof, P.G.B.K., (Petra Jaya) – PBB
16. “ Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan I, Dato' Tan Lian Hoe, D.P.M.P. (Gerik) – GERAKAN
17. “ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Devamany a/l S. Krishnasamy, S.M.P., P.P.T. (Cameron Highlands) – MIC
18. “ Timbalan Menteri Wilayah Persekutuan dan Kesejahteraan Bandar, Datuk Saravanan a/l Murugan (Tengah) – MIC
19. “ Timbalan Menteri Luar Negeri I, Tuan A. Kohilan Pillay a/l G. Appu – *Senator*
20. “ Timbalan Menteri Pengajian Tinggi I, Dr. Hou Kok Chung (Kluang) – MCA
21. “ Timbalan Menteri Perusahaan, Perladangan dan Komoditi I, Dato' Hamzah bin Zainudin, D.P.M.P., D.P.T.J., K.M.N., A.M.P., P.P.T., J.P. (Larut) – UMNO
22. “ Timbalan Menteri Pengajian Tinggi II, Dato' Saifuddin bin Abdullah, D.S.A.P., D.P.M.P., D.S.M. (Temerloh) – UMNO
23. “ Timbalan Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah I, Dato' Haji Hasan bin Malek, D.S.N.S., D.M.S.M., D.S.M., J.P., K.M.N., A.M.N., P.M.C., P.J.K., B.K.C., (Kuala Pilah) – UMNO
24. “ Timbalan Menteri Sumber Manusia, Dato' Maznah binti Mazlan – *Senator*
25. “ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Datuk Seri Panglima Haji Lajim bin Haji Ukin, P.G.D.K., S.P.D.K., J.M.N., J.P. (Beaufort) – UMNO
26. “ Timbalan Menteri Pengangkutan I, Datuk Abdul Rahim bin Bakri (Kudat) – UMNO
27. “ Timbalan Menteri Kewangan I, Datuk Dr. Awang Adek Hussin, D.M.S.M., D.J.M.K., S.I.M.P., D.P.M.K., D.C.S.M., J.S.M. - *Senator*.
28. “ Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Datuk Heng Seai Kie, D.M.S.M. - *Senator*
29. ” Timbalan Menteri Kesihatan, Datuk Rosnah binti Haji Abd. Rashid Shirlin, P.G.D.K., A.D.K. (Papar) – UMNO

30. Yang Berhormat Timbalan Menteri Pelajaran II, Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi, P.I.S. (Batu Pahat) – UMNO
31. “ Timbalan Menteri Belia dan Sukan II, Dato’ Razali bin Haji Ibrahim (Muar) – UMNO
32. “ Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri I, Dato’ Mukhriz bin Tun Dr. Mahathir (Jerlun) – UMNO
33. “ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan, D.M.S.M. (Pontian) – UMNO
34. “ Timbalan Menteri Dalam Negeri II, Dato’ Lee Chee Leong, D.P.M.P., A.M.P. (Kampar) – MCA
35. “ Timbalan Menteri Pelancongan, Dato’ Dr. James Dawos Mamit, P.S.B.S., P.P.B., P.P.S., P.P.D. (Mambong) – PBB
36. “ Timbalan Menteri Kewangan II, Dato’ Donald Lim Siang Chai – *Senator*
37. “ Timbalan Menteri Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan II, Datuk Maglin Dennis D’Cruz – *Senator*
38. “ Timbalan Menteri Belia dan Sukan I, Tuan Gan Ping Sieu – *Senator*
39. “ Timbalan Menteri Luar Negeri II, Datuk Richard Riot anak Jaem, P.J.N., J.B.S., K.M.N. (Serian) – SUPP
40. “ Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani II, Datuk Chua Tee Yong, D.P.S.M. (Labis) – MCA

AHLI-AHLI (BN)

1. Yang Berhormat Datuk Aaron Ago anak Dagang (Kanowit) – PRS
2. “ Datuk Abd. Rahman Bakri, A.S.A. (Sabak Bernam) – UMNO
3. “ Dato’ Abd. Rahman Dahlan, D.I.M.P., A.D.K. (Kota Belud) – UMNO
4. “ Datuk Seri Panglima Haji Abdul Ghapur Salleh (Kalabakan) – UMNO
5. “ Tun Abdullah bin Haji Ahmad Badawi, S.U.M.Z., D.K.1 (Johor), S.P.M.S., S.S.S.J., S.P.S.A., S.S.A.P., S.P.D.K., D.U.N.M., D.P., S.P.N.S., D.G.P.N., D.S.S.A., D.M.P.N., D.J.N., K.M.N., A.M.N. (Kepala Batas) – UMNO
6. “ Dato’ Seri Dr. Abdullah Md. Zin, D.P.M.T. (Besut) – UMNO
7. “ Dato’ Abdul Manan Ismail, D.I.M.P., P.K.C. (Paya Besar) – UMNO
8. “ Datuk Abdul Wahab Dolah (Igan) – PBB
9. “ Dato’ Paduka Abu Bakar bin Taib, D.H.M.S., D.S.D.K., S.D.K., K.M.N., B.C.K., P.J.K., (Langkawi) – UMNO
10. “ Datuk Wira Haji Ahmad Hamzah, D.C.S.M., D.M.S.M., K.M.N., P.J.K. (Jasin) – UMNO
11. “ Tuan Haji Ahmad Lai Bujang, A.B.S. (Sibuti) – PBB
12. “ Datuk Alexander Nanta Linggi (Kapit) – PBB
13. “ Dato’ Sri Azalina Dato’ Othman Said, S.P.M.P. (Pengerang) – UMNO
14. ” Dato’ Seri Haji Azmi Khalid, D.P.M.P., S.M.P., P.J.K. (Padang Besar) – UMNO
15. “ Datuk Haji Baharum bin Haji Mohamed, D.M.S.M., A.M.N., P.I.S. (Sekijang) – UMNO

16. Yang Berhormat Datuk Billy Abit Joo, K.M.N. (Hulu Rajang) – PRS
17. “ Datuk Bung Moktar bin Radin (Kinabatangan) – UMNO
18. “ Tuan Ding Kuong Hiing (Sarikei) – SUPP
19. “ Tan Sri Datuk Seri Dr. Fong Chan Onn, D.G.S.M., D.M.S.M. (Alor Gajah) – MCA
20. “ Datuk Halimah binti Mohd. Sadique, P.J.N., P.I.S. (Tenggara) – UMNO
21. “ Ir. Haji Hamim bin Samuri (Ledang) – UMNO
22. “ Tuan Haji Hasbi Haji Habibollah (Limbang) – PBB
23. “ Dato’ Henry Sum Agong (Lawas) – PBB
24. “ Datuk Wira Ir. Haji Idris bin Haji Haron, D.M.S.M., D.S.M., D.C.S.M (Tangga Batu) – UMNO
25. “ Dato’ Ismail bin Abd. Muttalib, D.I.M.P., S.A.P., A.A.P., A.M.P., P.K.C. (Maran) – UMNO
26. “ Datuk Ismail Kasim, D.P.M.P., S.M.P., A.M.P. (Arau) – UMNO
27. “ Dato’ Haji Ismail bin Mohamed Said (Kuala Krau) – UMNO
28. “ Dato’ Seri Dr. Jamaluddin Mohd. Jarjis, S.I.M.P., D.I.M.P., S.A.P. (Rompin) – UMNO
29. “ Tan Sri Datuk Seri Joseph Pairin Kitingan (Keningau) – PBS
30. “ Datuk Juslie Ajirol (Libaran) – UMNO
31. “ Tuan P. Kamalanathan a/l P. Panchanathan (Hulu Selangor) - MIC
32. “ Tuan Khairy Jamaluddin (Rembau) – UMNO
33. “ Tuan Liang Teck Meng (Simpang Renggam) – GERAKAN
34. “ Dato’ Lilah bin Yasin, D.S.N.S. (Jempol) – UMNO
35. “ Datin Linda Tsen Thau Lin (Batu Sapi) – PBS
36. “ Datuk Dr. Marcus Mojigoh, P.G.D.K., J.S.M., A.D.K., B.S.K. (Putatan) – UPKO
37. “ Tuan Masir Kujat, P.P.B. (Sri Aman) – PRS
38. “ Tuan Matulidi Jusoh, P.P.N., P.J.K. (Dungun) – UMNO
39. “ Datuk Md. Sirat Abu, D.M.S.M., K.M.N., B.K.T., P.J.K., J.P. (Bukit Katil) – UMNO
40. “ Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz (Sri Gading) – UMNO
41. “ Dato’ Dr. Mohamad Shahrum Osman, D.I.M.P., A.M.P. (Lipis) – UMNO
42. “ Dato’ Mohd. Jidin Shafee, D.P.M.T., D.M.S.M., K.M.N., A.M.N. (Setiu) – UMNO
43. “ Datuk Mohd. Nasir Ibrahim Fikri, D.M.P.T. (Kuala Nerus) – UMNO
44. “ Tuan Haji Mohd. Nor Othman, A.M.N., P.J.C., P.J.K. (Hulu Terengganu) – UMNO
45. “ Tuan Mohd. Nizar Haji Zakaria, A.M.P. (Parit) – UMNO
46. ” Dato’ Seri Mohd. Radzi Sheikh Ahmad (Kangar) – UMNO
47. “ Dato’ Sri Ir. Mohd. Zin bin Mohamed, D.P.M.S., D.P.T.J., S.S.A.P., J.P. (Sepang) – UMNO

48. Yang terhormat Dato' Sri Dr. Muhammad Leo Michael Toyad Abdullah, P.N.B.S., P.G.B.K., J.B.S. (Mukah) – PBB
49. “ Puan Hajah Nancy Shukri (Batang Sadong) – PBB
50. “ Datuk Hajah Norah Abd. Rahman (Tanjong Manis), P.J.N. – PBB
51. “ Dato' Noraini binti Ahmad (Parit Sulong) – UMNO
52. “ Datuk Nur Jazlan Mohamed (Pulai) – UMNO
53. “ Dato' Seri Ong Ka Chuan, S.P.M.P., D.P.M.P., P.M.P. (Tanjong Malim) - MCA
54. “ Tan Sri Dato' Seri Ong Ka Ting, P.M.N., S.P.M.P., D.P.M.S., D.P.M.P. (Kulai) – MCA
55. “ Dato' Sri Ong Tee Keat, P.J.N., S.M.S. (Pandan) – MCA
56. “ Tan Sri Rafidah Aziz, S.M.P.T., S.P.M.P., D.P.M.S., A.M.N. (Kuala Kangsar) – UMNO
57. “ Datuk Raime Unggi (Tenom) – UMNO
58. “ Tuan Haji Salleh Kalbi, A.D.K., B.K.M., P.J.K. (Silam) – UMNO
59. “ Datuk Sapawi Ahmad Wasali (Sipitang) – UMNO
60. ” Datuk Seri Utama Shahrir bin Abdul Samad (Johor Bahru) – UMNO
61. “ Dato' Shamsul Anuar Nasarah, D.P.M.P., S.M.S., P.P.N., P.P.T. (Lenggong) – UMNO
62. “ Datuk Siringan Gubat (Ranau) – UPKO
63. “ Dato' Sri Sulaiman Abdul Rahman bin Abdul Taib (Kota Samarahan) – PBB
64. “ Tan Sri Datuk Seri Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar, P.M.N., S.P.M.K., S.P.M.J., D.P.P.N., D.G.S.M., S.P.D.K., D.P.M.J., S.M.J., A.M.N. (Kota Tinggi) – UMNO
65. “ Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman, D.P.M.P., D.M.S.M., K.M.N., A.M.P., J.P. (Pasar Salak) – UMNO
66. “ Puan Tan Ah Eng (Gelang Patah) – MCA
67. “ Tuan Teng Boon Soon (Tebrau) – MCA
68. “ Datuk Seri Tengku Adnan Tengku Mansor, S.S.A.P. (Putrajaya) – UMNO
69. “ Tan Sri Tengku Azlan ibni Sultan Abu Bakar, S.P.T.J., D.S.A.S. (Jerantut) – UMNO
70. “ Tengku Razaleigh Hamzah (Gua Musang) – UMNO
71. “ Dato' Seri Tiong King Sing (Bintulu) – SPDP
72. “ Datuk Tiong Thai King, P.G.B.K. (Lanang) – SUPP
73. “ Datuk Dr. Tekhee @ Tiki anak Lafe, D.M.S.M. (Mas Gading) – SPDP
74. “ Datuk Wee Jeck Seng (Tanjong Piai) – MCA
75. “ Datuk Seri Panglima Wilfred Mojilip Bumburing, S.P.D.K., P.G.D.K., P.J.N., J.S.M., J.P. (Tuaran) – UPKO
76. “ Tuan William @ Nyallau anak Badak, P.B.B., P.P.S. (Lubok Antu) – PRS
77. ” Datuk Haji Yusof Haji Mahal, D.M.S.M. (Labuan) – UMNO
78. “ Dato' Sri Haji Zulhasnan bin Rafique, D.I.M.P., A.M.N., (Setiawangsa) – UMNO

AHLI-AHLI (PKR)

1. Yang Berhormat Tuan Haji Ab. Aziz Ab. Kadir (Ketereh)
2. “ Tan Sri Dato’ Seri Abdul Khalid bin Ibrahim, D.P.M.S., D.S.A.P., P.S.M. (Bandar Tun Razak)
3. “ Tuan Abdullah Sani Abdul Hamid (Kuala Langat)
4. “ Tuan Ahmad Kasim (Kuala Kedah)
5. “ Tuan Amran bin Ab. Ghani (Tanah Merah)
6. “ Dato’ Seri Anwar Ibrahim (Permatang Pauh)
7. “ Tuan Azan Ismail (Indera Mahkota)
8. “ Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua (Batu)
9. “ Puan Fuziah Salleh (Kuantan)
10. “ Tuan Gwo Burne Loh (Kelana Jaya)
11. “ Tuan Hee Loy Sian (Petaling Jaya Selatan)
12. “ Dato’ Johari Abdul, D.S.D.K., (Sungai Petani)
13. “ Dato’ Kamarul Baharin Abbas, D.S.S.A. (Telok Kemang)
14. “ Dr. Lee Boon Chye (Gopeng)
15. “ Tuan Mohamed Azmin Ali (Gombak)
16. “ Tuan Mohd. Yusmadi Mohd. Yusoff (Balik Pulau)
17. “ Puan Nurul Izzah Anwar (Lembah Pantai)
18. “ Dato’ Rashid Din, S.M.K., D.I.M.P. (Merbok)
19. “ Tuan R. Sivarasa (Subang)
20. “ Tuan Saifuddin Nasution Ismail (Machang)
21. “ Tuan S. Manickavasagam (Kapar)
22. “ Tuan William Leong Jee Keen (Selayang)
23. “ Puan Hajah Zuraida Kamaruddin (Ampang)

AHLI-AHLI (DAP)

1. Yang Berhormat Tuan Charles Anthony Santiago (Klang)
2. “ Tuan Chong Chieng Jen (Bandar Kuching)
3. “ Puan Chong Eng (Bukit Mertajam)
4. “ Tuan Chow Kon Yeow (Tanjong)
5. “ Tuan Er Teck Hwa (Bakri)
6. “ Tuan Fong Kui Lun (Bukit Bintang)
7. “ Puan Fong Po Kuan (Batu Gajah)
8. “ Tuan Gobind Singh Deo (Puchong)
9. ” Tuan Hiew King Cheu (Kota Kinabalu)
10. “ Tuan Jeff Ooi Chuan Aun (Jelutong)
11. “ Tuan John Fernandez (Seremban)
12. “ Tuan Liew Chin Tong (Bukit Bendera)

13. Yang Berhormat Tuan Lim Guan Eng (Bagan)
14. “ Tuan Lim Kit Siang (Ipoh Timur)
15. “ Tuan Lim Lip Eng (Segambut)
16. “ Tuan Loke Siew Fook (Rasah)
17. “ Tuan M. Kulasegaran (Ipoh Barat)
18. “ Tuan M. Manogaran (Telok Intan)
19. “ Tuan Nga Kor Ming (Taiping)
20. “ Dato’ Ngeh Koo Ham (Beruas)
21. “ Prof. Dr. P. Ramasamy (Batu Kawan)
22. “ Tuan Tony Pua Kiam Wee (Petaling Jaya Utara)
23. “ Tuan Karpal Singh (Bukit Gelugor)
24. “ Tuan Sim Tong Him (Kota Melaka)
25. “ Tuan Tan Kok Wai (Cheras)
26. “ Dr. Tan Seng Giaw (Kepong)
27. “ Puan Teo Nie Ching (Serdang)
28. “ Puan Teresa Kok Suh Sim (Seputeh)
29. “ Tuan Wong Ho Leng (Sibu)

AHLI-AHLI (PAS)

1. Yang Berhormat Dato’ Seri Haji Abdul Hadi Awang (Marang)
2. “ Dato’ Ab. Halim bin Ab. Rahman, D.P.M.K. (Pengkalan Chepa)
3. “ Tuan Che Uda bin Che Nik, B.C.K., A.M.N. (Sik)
4. “ Dr. Che Rosli Che Mat (Hulu Langat)
5. “ Dr. Dzulkefly Ahmad (Kuala Selangor)
6. “ Dato’ Kamaruddin Jaffar, B.C.M., D.S.N.S. (Tumpat)
7. “ Tuan Khalid Abd. Samad (Shah Alam)
8. “ Dato’ Mahfuz bin Haji Omar, D.S.D.K., (Pokok Sena)
9. “ Dato’ Seri Ir. Mohammad Nizar bin Jamaluddin (Bukit Gantang)
10. “ Tuan Haji Mohd. Abdul Wahid bin Endut (Kuala Terengganu)
11. “ Tuan Mohd. Firdaus bin Jaafar (Jerai)
12. “ Dr. Mohd. Hatta Md. Ramli (Kuala Krai)
13. “ Dato’ Dr. Mohd. Hayati bin Othman (Pendang)
14. “ Tuan Mohd. Nasir bin Zakaria (Padang Terap)
15. “ Tuan Muhammad bin Husin (Pasir Puteh)
16. “ Dr. Mujahid Yusof Rawa (Parit Buntar)
17. ” Tuan Haji Nasharuddin Mat Isa (Bachok)
18. “ Tuan Salahuddin Haji Ayub (Kubang Kerian)
19. “ Dr. Hajah Siti Mariah binti Mahmud (Kota Raja)
20. “ Puan Siti Zailah Mohd. Yusoff (Rantau Panjang)

21. Yang Berhormat Dato' Haji Taib Azamudden Md. Taib, J.B.S., A.M.N. (Baling)
22. “ Dato' Haji Wan Abd. Rahim Wan Abdullah, D.J.M.K. (Kota Bharu)

AHLI (PSM)

1. Yang Berhormat Dr. M. Jeyakumar Devaraj (Sungai Siput)

AHLI (Bebas)

1. Yang Berhormat Datuk Chua Soon Bui, P.G.D.K. (Tawau) – SAPP
2. “ Datuk Eric E. Majimbun, P.G.D.K. (Sepanggar) – SAPP
3. “ Dato' Ibrahim Ali, D.J.M.K., D.P.M.S., D.M.S.M. (Pasir Mas)
4. “ Tuan Mohsin Fadzli Samsuri (Bagan Serai)
5. “ Tuan Tan Tee Beng (Nibong Tebal)
6. “ Tuan Wee Choo Keong, S.M.K. (Wangsa Maju)
7. “ Dato' Seri Zahrain Mohamed Hashim, D.S.P.N., P.J.K. (Bayan Baru)
8. “ Dato' Zulkifli bin Noordin (Kulim Bandar Baharu)
9. “ Tuan N. Gobalakrishnan (Padang Serai)

Kosong

1. Tiada (Titiwangsa)

DEWAN RAKYAT**Ketua Pentadbir Parlimen**

Dato' Ngah Senik

Setiausaha Dewan Rakyat

Datuk Roosme binti Hamzah

Setiausaha Bahagian (Pengurusan Dewan)

Encik Che Seman bin Pachik

PETUGAS-PETUGAS PENYATA RASMI (HANSARD)

Azhari bin Hamzah

Monarita binti Mohd Hassan

Rosna binti Bujairomi

Nurziana binti Ismail

Suriyani binti Mohd. Noh

Aisyah binti Razki

Yoogeswari a/p Muniandy

Nor Liyana binti Ahmad

Zatul Hijanah binti Yahya

Sharifah Nor Asilah binti Syed Basir

Nik Nor Ashikin binti Nik Hassan

Hafilah binti Hamid

Siti Norhazarina binti Ali

Mohd. Shahrul Hafiz bin Yahaya

Mulyati binti Kamarudin

Nor Faraliza binti Murad @ Nordin Alli

Nor Hamizah binti Haji Hassan

Azmir bin Mohd Salleh

Nur Nazihah binti Mohd. Nazir

Noraidah binti Manaf

Mohd. Fairus bin Mohd. Padzil

Mohd. Zaidi bin Mahmood

Mohd. Izwan bin Mohd. Esa

Nor Kamsiah binti Asmad

Siti Zubaidah binti Karim

Aifarina binti Azaman

Noorfazilah binti Talib

Farah Asyraf binti Khairul Anuar

Julia binti Mohd. Johari

Ainuddin bin Ahmad Tajuddin

Syahila binti Ab Mohd Khalid

Siti Norlina binti Ahmad

Hazwani Zarifah binti Anas

**MALAYSIA
DEWAN RAKYAT**

Khamis, 1 Disember 2011

Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00 pagi

DOA

*[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar)
mempengerusikan Mesyuarat]*

USUL

**MENANGGUHKAN BACAAN KALI YANG KEDUA DAN KETIGA
RANG UNDANG-UNDANG DI BAWAH P.M. 62**

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Devamany a/l S. Krishnasamy]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan;

“Bahawa menurut Peraturan Mesyuarat 62, Rang Undang-undang Cukai Barang dan Perkhidmatan 2009, seperti yang tertera di Nombor 6 dalam Aturan Urusan Mesyuarat pada hari ini, ditangguhkan bacaan kali yang kedua, dan ketiga dan dibawa ke Mesyuarat yang akan datang.”

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Baiklah Yang Berhormat Timbalan Menteri. Terima kasih. *Bismillaahir Rahmaanir Rahiim, assalamualaikum warahmatullaahi wabarakaatuh.* Ahli-ahli Yang Berhormat, saya sebelum menjemput Yang Berhormat Bintulu, biarlah pagi ini kita menjadi *Parliamentarian* Yang Berhormat. Jangan ada politik sangat di Dewan. Saya berharap, kita fahamlah apa yang kita sebut. Terima kasih. Dengan itu, saya menjemput Yang Berhormat Dato' Seri Tiong King Sing.

Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Selamat Pagi, salam sejahtera dan salam 1Malaysia. Pihak kerajaan, pihak Barisan Nasional, minta maaf. Bukan mereka tidak mahu datang, pasal mereka pergi Perhimpunan Agung UMNO. Sekejap lagi mereka akan sampai. Tadi mereka beritahu. Tuan Yang di-Pertua, sebelum saya bersoal, saya ingin mengalu-alukan rombongan pihak pengurusan guru-guru dari Tadika Pimpin kawasan Bintulu... *[Tepuk]*

JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN

1. Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu] minta Menteri Sumber Manusia menyatakan, adakah kementerian mempunyai rancangan tertentu bagi membantu Tenaga Industri Sarawak di dalam mendapatkan Tenaga Kerja Tempatan (Negeri Sarawak) di dalam mencari pekerjaan di dalam projek di bawah SCORE/RECODAR memandangkan rakyat tempatan Sarawak sukar untuk mendapatkan pekerjaan walaupun mereka mempunyai pengalaman tetapi tidak mempunyai Sijil Kelayakan Pendidikan.

Menteri Sumber Manusia [Datuk Seri Dr. S. Subramaniam]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan kepada Yang Berhormat Bintulu, kerana membangkitkan isu tentang kegunaan tenaga kerja di dalam program pembangunan SCORE di negeri Sarawak.

Tuan Yang di-Pertua, diunjurkan *Sarawak Corridor Of Renewable Energy* (SCORE) akan menyediakan peluang pekerjaan sebanyak 109,000 bagi tempoh dari tahun ini sampai tahun 2020. Peluang-peluang pekerjaan ini adalah daripada sektor pelancongan, pertanian, pembuatan dan industri berat. Bahagian-bahagian yang terlibat secara langsung adalah Kuching, Miri, Mukah, Tanjong Manis dan Samalaju. Keutamaan untuk mengisi keperluan tersebut adalah kepada rakyat tempatan Sarawak dan untuk itu, beberapa program dan usaha telah dilakukan dengan kerjasama Kementerian Sumber Manusia melalui Jabatan Tenaga Kerja, pihak SCORE dan Kerajaan Negeri Sarawak.

Kementerian telah menganjurkan program penempatan pekerjaan untuk menemukan terus para pencari pekerjaan dengan majikan yang beroperasi di kawasan SCORE. Dari bulan Januari tahun ini sehingga bulan Oktober, kementerian telah mengadakan 11 buah program penempatan di kawasan SCORE yang mana 160 majikan telah mengambil bahagian. Daripadanya, 1,860 orang pencari kerja telah mendapat pekerjaan hasil daripada program yang telah dijalankan tersebut.

Selain daripada itu, secara program berterusan, kerajaan pun mengadakan program-program lawatan keperluan guna tenaga kepada agensi-agensi, majikan-majikan yang terlibat di dalam program ini. Tujuan mengadakan lawatan ini adalah untuk mengenal pasti kekosongan jawatan yang wujud di kawasan SCORE dan membuat pepadanan pekerjaan dengan pencari kerja yang berdaftar. Lawatan ini bertujuan untuk mempromosikan peluang-peluang pekerjaan di kawasan SCORE kepada para pencari kerja tempatan. Bimbingan dan kaunseling kerjaya pula dijalankan bertujuan untuk memberikan pendedahan dan nilai tambah kepada para pencari kerja dengan tujuan untuk mempertingkatkan kebolehpelaksanaan dan kebolehpasaran mereka.

Dalam masa yang sama, kementerian dengan kerjasama SCORE dan pihak industri telah mengenal pasti keperluan tenaga kerja tersebut mengikut tahap kemahiran iaitu pengurusan dan penyeliaan sebanyak 29 peratus, pengoperasian 53 peratus dan pekerjaan 80 peratus. Melalui kerjasama ini, latihan kemahiran dapat diadakan bagi menyediakan tenaga kerja mengikut keperluan sebenar pihak industri. Dijangkakan melalui pendekatan ini, kekosongan tersebut akan diisi dan keutamaannya kepada rakyat setempat akan dapat diberikan.

■1010

Pada masa sekarang kementerian mempunyai tiga institut di negeri Sarawak iaitu ILP Miri, ILP Kota Samarahan dan institut baru di Bintulu ADTEC Bintulu. Kita akan meningkatkan bilangan tenaga kerja yang akan diberikan latihan kemahiran di institut-institut ini selaras dengan keperluan industri-industri di SCORE untuk mengisi kekosongan yang ada di dalam industri-industri ini. Sebagai tambahan, kementerian juga mempunyai program untuk memberikan akreditasi kepada kemahiran terlebih dahulu iaitu pekerja-pekerja yang mempunyai pengalaman melalui pekerjaan boleh melalui program khas yang telah diwujudkan oleh kerajaan mendapat pengiktirafan kepada kemahiran mereka dan melalui itu mendapat pensijilan dan selepas mendapat pensijilan iaitu akan memberi mereka satu peluang tambahan untuk mendapat pekerjaan-pekerjaan yang wujud daripada program-program yang akan diadakan di dalam kawasan SCORE.

Itulah langkah-langkah yang kerajaan sedang buat dan kerajaan sudi untuk mendengar tentang apa-apa cadangan daripada Kerajaan Negeri Sarawak cara-cara mana Kerajaan Persekutuan boleh membantu Kerajaan Negeri Sarawak untuk memastikan atau menghasilkan tenaga pekerja mahir yang diperlukan untuk mengisi kekosongan-kekosongan yang akan wujud di dalam program SCORE ini. Terima kasih.

Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Menteri, baru-baru ini memberikan jawapan yang panjang lebar. Jadi Yang Berhormat Menteri, baru-baru ini di dalam akhbar tempatan Yang Amat Berhormat Ketua Menteri Sarawak sering mengeluarkan kenyataan mengenai peluang pekerjaan di bawah SCORE dan Samalaju. Buat masa sekarang ini di Bintulu sahaja ia melibatkan projek perindustrian Samalaju yang melibatkan syarikat negara Jepun seperti Tokuyama dan Shingata yang memerlukan tenaga kerja yang mempunyai kelayakan akademik. Masalahnya pula tenaga kerja tempatan hanya mempunyai pengalaman tetapi tidak ada kelayakan akademik.

Soalan tambahan Tuan Yang di-Pertua, bagaimanakah pihak kementerian dapat membantu mengatasi permasalahan ini di dalam masa terdekat ini dan bolehkah pihak kementerian membuat program ataupun mengurus kursus-kursus secara langsung yang melibatkan kehendak syarikat-syarikat yang berkaitan supaya warga tempatan dapat diambil terus untuk bekerja dengan syarikat terbabit. Sekian, terima kasih.

Datuk Seri Dr. S. Subramaniam: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat, seperti yang saya telah jelaskan sedikit di dalam jawapan asal saya, ada beberapa program khusus yang boleh digunakan untuk membantu pekerja-pekerja di negeri Sarawak untuk mengisi kekosongan yang ada di dalam industri-industri yang wujud akibat daripada program SCORE.

Salah satu daripadanya ialah untuk mengenal pasti apa keperluan sebenarnya di dalam tiap-tiap satu industri dan untuk menjodohkan program-program latihan yang tersedia ada di dalam institusi latihan bukan sahaja di bawah Kementerian Sumber Manusia tetapi di bawah kementerian yang lain seperti Kementerian Pengajian Tinggi, Kementerian Belia dan Sukan di bawah MARA, supaya semua peluang-peluang yang sedia ada boleh digunakan secara optimum untuk menghasilkan tenaga kerja yang diperlukan oleh industri-industri.

Kita mempunyai beberapa program khusus, satunya ialah untuk mereka yang contoh terkeluar daripada sistem pendidikan iaitu mereka yang tercicir. Kita telah mengumumkan program SLDN di mana peluang-peluang ada untuk kumpulan ini supaya mereka ini melalui sistem latihan separuh di industri dan sistem latihan yang lebih banyak di dalam tempat majikan mendapat latihan pensijilan yang boleh memberikan peluang untuk mendapat kerja.

Satu lagi program yang ada ialah untuk mengatasi isu yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Bintulu tadi ialah tentang mereka yang sudah ada pengalaman tetapi tidak mempunyai pensijilan bagaimana mereka boleh mendapat kerja. Untuk mengatasi tujuan itu ialah kerajaan telah mengadakan program ini iaitu akreditasi pencapaian terdahulu di mana kemahiran yang telah diperolehi dahulu dikaji dan selepas itu asas kepada pencapaian mereka dan apa-apa latihan tambahan yang sepatutnya diberikan kepada mereka. Pekerja-pekerja ini yang mempunyai pengalaman di dalam sesuatu bidang diberikan sijil dan saya berharap melalui pensijilan itu ini akan meningkatkan keupayaan mereka untuk mendapatkan peluang pekerjaan.

Inilah salah satu daripada beberapa langkah yang telah diambil oleh kerajaan untuk memastikan bahawa mereka yang ada di dalam *pool* tenaga kerja ini mempunyai pensijilan akreditasi yang mencukupi untuk menunaikan keperluan industri seperti yang telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat Bintulu, terima kasih.

Tuan Abdullah Sani Abdul Hamid [Kuala Langat]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua yang membenarkan saya mengajukan soalan kedua. Seperti mana yang diketahui oleh umum, Sarawak adalah negeri yang kaya, memberikan pendapatan lumayan kepada rakyatnya. Namun apabila lawatan saya ke Sarawak baru-baru ini dengan rakan-rakan MTUC mendapati kebanyakan, malah majoriti rakyat Sarawak ini diberikan gaji paras bawah kemiskinan tegar, satu kawasan kilang di Saratok kilang kelapa sawit Tuan Yang di-Pertua amat memilukan apabila dimaklumkan gajinya sehari hanya RM8. Kesan ini sudah sampai ke tahap papa kedana.

Soalan saya memberikan pemantauan secara serius kedudukan pekerja Sarawak yang saya lihat sudah melebihi 40 peratus dalam paras kemiskinan tegar yang cukup memerlukan pertolongan daripada pemantauan untuk memastikan korporat-korporat mengambil untung tetapi pekerja juga diberikan ruang faedah yang selesa supaya hidup mereka tidak sengsara. Mohon penjelasan. Terima kasih.

Datuk Seri Dr. S. Subramaniam: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Kuala Langat yang telah memberikan pandangan tentang keadaan gaji di negeri Sarawak. Saya memang bersetuju dengan apa yang telah diberitahu oleh Yang Berhormat Kuala Langat bahawa semasa kita membuat kajian dengan kerjasama *World Bank* di dalam usaha untuk menetapkan kadar gaji minimum.

Butiran yang diperoleh melalui kerajaan ini menunjukkan bahawa di industri-industri dalam Sarawak dan Sabah memang gaji yang paling rendah di dalam Malaysia. Salah satu daripada tujuan untuk mengadakan gaji minimum ialah untuk mengatasi isu ini.

Di dalam Jawatankuasa Majlis Perundingan Kebangsaan Gaji Minimum kita mempunyai wakil daripada MTUC Sarawak dan wakil daripada majikan di Sarawak juga dan di situ mereka telah membangkitkan isu yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Kuala Langat. Saya berharap melalui hasil perbincangan dan perundingan yang dibuat ini apabila kadar gaji minimum diumumkan ini akan mengambil kira apa yang sudah dibangkitkan oleh Yang Berhormat Kuala Langat dan satu penyelesaian boleh didapatkan kepada isu ini. Terima kasih.

2. Dato' Rashid Din [Merbok] minta Menteri Pelajaran menyatakan, jumlah sekolah wawasan yang telah dibina dan sejak bila sekolah-sekolah ini beroperasi. Apakah pengalaman dan keberkesanan kaedah ini dikenal pasti dalam sasaran perbelanjaan yang diunjurkan. Yakni adakah KRA program ini tercapai.

Timbalan Menteri Pelajaran I [Datuk Dr. Wee Ka Siong]: Tuan Yang di-Pertua, sekolah wawasan yang diilhamkan oleh kerajaan merupakan wadah untuk memupuk integrasi nasional bermula di peringkat sekolah rendah. Langkah kerajaan mewujudkan kompleks sekolah wawasan yang berkongsi kemudahan dan persekitaran yang sama merupakan satu alternatif untuk memupuk perpaduan kaum. Dengan adanya konsep sekolah wawasan, Kementerian Pelajaran yakin kejayaan integrasi kaum boleh direalisasikan menerusi pelbagai aktiviti yang dilaksanakan secara bersama dan berterusan. Sehingga kini terdapat enam buah sekolah wawasan iaitu:

■1020

- (i) Kompleks Sekolah Wawasan penduduk Lumut, Perak iaitu Sekolah Kebangsaan Sri Bayu dan SJK(T) Mukim Punduk.
- (ii) Kompleks Sekolah Wawasan Pekan Baru Parit Buntar, Perak melibatkan Sekolah Kebangsaan Pekan Baru dan SJK(T) *Saint Mary's*;
- (iii) Sekolah Wawasan Taman Aman, Anak Bukit Kedah melibatkan Sekolah Kebangsaan Anak Bukit dan SJK(T) Thiruvalluvar;
- (iv) Kompleks Sekolah Wawasan Seremban II melibatkan Sekolah Kebangsaan Seremban II dan SJK(T) Convent;
- (v) Kompleks Sekolah Wawasan Tasik Permai melibatkan Sekolah Kebangsaan Tasik Permai dan SJK(T) Ladang Simpang Empat; dan
- (vi) Kompleks Sekolah Wawasan USJ melibatkan Sekolah Kebangsaan Dato' Onn Jaafar, SJK(C) Tun Tan Cheng Lock, dan juga SJK(T) Tun Sambanthan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, dapatan kajian tentang sekolah wawasan menunjukkan bahawa masyarakat tempatan dan para guru menyokong penubuhan sekolah ini serta berkeyakinan bahawa sekolah ini akan berjaya. Sekolah ini dapat menjalin semangat perpaduan di kalangan murid sekolah dan ini telah mencapai matlamat Program RIMUP iaitu Rancangan Integrasi Murid Untuk Perpaduan. Penubuhan sekolah telah menyebabkan penurunan kos pembinaan sekolah sebab murid-murid dari SK, SJK(C) dan SJK(T) telah dapat berkongsi kemudahan yang disediakan.

Di samping itu objektif integrasi kaum di sekolah wawasan merupakan sesuatu yang sukar diukur dan dibuktikan melalui kajian semata-mata. Berdasarkan pemantauan yang dijalankan Kementerian Pelajaran Malaysia berkeyakinan konsep ini dapat mengujudkan integrasi kaum dan penglibatan guru dan pelajar dalam pelbagai aktiviti.

Antaranya seperti perhimpunan sekolah, sambutan Hari Guru, sukan sekolah dan sambutan hari-hari kebesaran lain yang melibatkan semua murid dan guru telah menampakkan kerjasama erat antara murid dan guru serta ibu bapa. Walau bagaimanapun, pada masa ini hanya satu kompleks sekolah wawasan yang melibatkan ketiga-tiga jenis sekolah sementara lima kompleks sekolah wawasan lagi hanya melibatkan penyertaan dua jenis sekolah iaitu SK dan SJK(T). Terima kasih.

Dato' Rashid Din [Merbok]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat Timbalan Menteri. Tuan Yang di-Pertua, seperti mana yang disebut oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi kaedah sekolah wawasan ini adalah sesuai dan baik untuk sesuatu langkah untuk mengintegrasikan pelbagai kaum di Malaysia ini. Soalannya saya ialah mengapa enam sahaja? Adakah kaedah-kaedah dan kekangan-kekangan yang didapati dalam program ini? Seperkara lagi baru-baru ini dalam *New Straits Times* ada mengeluarkan berita di mana sebuah hospital di Muar telah menganjurkan pembelajaran bahasa Mandarin untuk semua kakitangannya dan orang Melayu berjumlah 1,800 orang. Apakah komen Yang Berhormat Timbalan Menteri dengan perkembangan ini dalam isu MBMMBI untuk menobatkan bahasa Melayu dan memperkasakan bahasa Inggeris? Minta penjelasan. Terima kasih.

Datuk Dr. Wee Ka Siong: Terima kasih Yang Berhormat. Yang Berhormat membangkitkan persoalan kenapa hanya enam sahaja sekolah wawasan yang dapat kita tubuhkan. Saya ingin memaklumkan kepada Dewan yang mulia ini, sebenarnya secara idealnya kita perlu mendapat satu tempat di mana populasinya terdiri daripada penduduk pelbagai kaum. Oleh sebab itulah ada kawasan-kawasan yang hanya ada SK dengan SJK(T). Di mana dua kaum merupakan dominasi atau pun mempunyai jumlah yang agak besar dalam kawasan tersebut. Akan tetapi untuk mendapatkan satu tempat di mana secara idealnya mempunyai tiga kaum. Itu bukan mungkin satu perkara yang tidak mudah.

Sebagai contoh kalau di USJ oleh kerana mempunyai populasi penduduk Cina, Melayu, dan India yang agak seimbang, maka kita boleh buat satu ya. Ia tidak ada masalah. Kalau kita buat di Kelantan, mungkin masyarakat India tidak ramai. Jadi walau pun dalam konsep kita sekolah wawasan mengintegrasikan tiga sekolah ada juga kita melalui Program RIMUP, kita melihat sekolah-sekolah yang sedia ada. Terdapat banyak sekolah yang didirikan sekarang mempunyai sempadan yang *common* iaitu mereka menggunakan *facility* yang sama. Jadi kita gunakan apa yang ada. Kalau sekolah jenis kebangsaan, sekolah kebangsaan kalau bersebelahan kita mempunyai satu Program RIMUP yang mana kita dapat menjalinkan hubungan antara dua atau tiga buah sekolah mengikut formula yang ada pada kita. Ia tidak ada masalah. Bermaksud untuk sekolah baru kalau ada tempatnya, dan kalau ada keperluan itu kita bina ya. Oleh sebab itu kita ada enam. Jadi pada waktu yang sama melihat banyak sekolah yang telah wujud kian lama 100 tahun dan 50 tahun. Kita tidak boleh membiarkan.

Oleh sebab itulah satu konsep RIMUP telah diperkenalkan pada tahun 1985 dan selepas itu dihidupkan semula kira-kira lima tahun yang lalu. Jadi kini Program RIMUP berjalan dengan lancar dan kita mempunyai banyak program. Kita mahu anak-anak kita sejak kecil lagi dapat bergaul dengan baik. Oleh sebab itulah kita lihat ada dua pendekatan dan secara idealnya kalau dapat keperluan itu kita boleh buat. Pada waktu yang sama kita juga melihat penerimaan masyarakat itu. Kalau untuk satu kaum mungkin SK sahaja. Kalau ada skop tempatnya sekolah jenis kebangsaan Cina sahaja. Jadi saya rasa kita melihat kesesuaian tempat itu, barulah kita dapat menentukan. Ini kerana itu bukanlah sesuatu kegagalan namanya. Akan tetapi kita perlu melihat tempat yang sesuai untuk kita buat sekolah wawasan. Terima kasih.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri sedar bahawa walaupun kita ada enam kompleks sekolah wawasan, perpaduan dan semangat perpaduan itu dipengaruhi oleh pelbagai masalah termasuk Dasar Kerajaan Persekutuan. Adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri mempunyai satu rancangan atau pun satu jadual waktu untuk melaksanakan semua di seluruh negara konsep perpaduan ini? Saya berharaplah itu satu dasar yang jelas dapat diumumkan untuk menangani masalah ini. Ini kerana ini hanya satu konsep. Kalau enam kompleks itu di seluruh negara dengan 28 juta orang, maka ini memanglah satu usaha yang kecil sangat.

Datuk Dr. Wee Ka Siong: Terima kasih Yang Berhormat. Saya ingin memaklumkan kepada Yang Berhormat, sebenarnya kalau kita menggabungkan tiga buah sekolah pun, waktu rehat tidak semestinya waktu yang sama. Oleh sebab itulah kita dapat melihat oleh sebab waktu persekolahan untuk SJK(T) dan SJK(C) melibatkan tiga bahasa, maka kita tidak dapat menyeragamkan waktu rehat itu sama dengan sekolah kebangsaan ya. Walaupun dalam kompleks di USJ tersebut kita melihat ada juga masalahnya yang perlu kita uruskan dengan baik. Akan tetapi secara umumnya cara atau pun *contact hour* bersama dengan kawan-kawan dari aliran lain memang bertambah dan secara signifikannya kita melihat pergaulan lebih mesra ya. Itu yang pertama.

Mengenai soalan Yang Berhormat tentang bagaimana dasar luar mempengaruhi pelajar di dalam Kementerian Pelajaran Malaysia dalam *syllabus* kita, kita memang menyemai semangat perpaduan. Itu yang kita utamakan tetapi apabila kalau saya beri contoh, mungkin ada Ahli Parlimen dalam Dewan ini menggunakan perkataan yang tidak betul, '*black metallic*' sebagai contoh ya. Kalau gunakan caranya adakah kita menganggap itu sebagai satu perkara yang diajar di sekolah? Tidak, kita tidak pernah ajar ya. Akan tetapi hakikatnya kalau perpaduan itu perlu datangnya daripada sanubari ya. Kalau kita melihat rakan-rakan Melayu dengan India itu kawan kita, sahabat karib kita. jadi dengan secara semula jadi kita dapat bergaul dengan baik dengan mereka.

Jadi saya rasa dalam konteks ini, bukan sahaja diajar dan dari segi apa yang *syllabus* kita dan kokurikulum kita, kita perlu merentasilah perlu masukkan elemen perpaduan itu di dalamnya. Jadi saya rasa itu yang sangat pentinglah di dalam sistem kita. Terima kasih.

3. Datuk Sapawi Ahmad Wasali [Sipitang] minta Perdana Menteri menyatakan, pada peringkat manakah sudah status persiapan pelaksanaan projek mega *Sabah Amonia Urea* (SAMUR) yang dicadangkan di Sipitang, dan bilakah pelaksanaannya akan bermula.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Devamany a/l S. Krishnasamy]: Tuan Yang di-Pertua, saya ucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat daripada Sipitang. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat keputusan pelaburan muktamad bagi projek mega *Sabah Amonia Urea* (SAMUR) telah mendapat kelulusan bersyarat daripada Lembaga Pengarah Petronas pada 29 Jun 2011 dan Lembaga Pengarah *Petronas Chemicals Group Berhad* (PCG) pada 30 Jun 2011.

■1030

Syarat-syarat berkenaan, kedudukan platform, bekalan air dan infrastruktur telah diselesaikan dengan surat komitmen yang dikeluarkan oleh *Sabah Oil and Gas Development Corporation* (SOGDC) kepada Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif PCG bertarikh 28 Julai 2011 dan 19 Ogos 2011. Projek SAMUR telah melalui frasa permulaan iaitu dengan penganugerahan kontrak *Basic and Detailed Engineering, Procurement, Construction and Commissioning* (BEPCC) kepada Mitsubishi Heavy Industries, Apex Energy Sdn. Bhd. dan PT Rekayasa Industri pada 15 September 2011. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Datuk Sapawi Ahmad Wasali [Sipitang]: Terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri. Saya mengucapkan terima kasih kepada kerajaan yang telah meletakkan satu asas yang kukuh untuk memilih Sipitang ini sebagai destinasi pusat pelaburan yang penting kerana Sipitang telah menyediakan *Sipitang Oil and Gas* sebagai *industrial park*. Projek ini sangat besar, sekitar RM4.6 bilion selepas Kimanis.

Cuma saya ingin bertanya, adakah peluang-peluang projek dan juga pekerjaan yang pastinya begitu besar akan berada di kawasan Sipitang ini untuk memberi peluang kepada kontraktor-kontraktor dan juga rakyat tempatan khususnya untuk sama-sama melakukan kerja-kerja yang sangat besar ini untuk kebaikan peluang-peluang kepada kontraktor-kontraktor bumiputera khususnya dan pekerja-pekerja tempatan dalam arus perdana pembangunan ini.

Dato' Devamany a/l S. Krishnasamy: Tuan Yang di-Pertua, semestinya dan setentunya sekiranya ada projek yang sebesar itu RM4.6 bilion, maka tempias mesti turun ke bawah. Untuk makluman Yang Berhormat, *Sabah Energy Corporation* (SEC) diberi tanggungjawab bagi memilih dan mewujudkan Tuan Yang di-Pertua, konsortium. Melalui pengawasan konsortium ini, maka terdapat banyak peluang bagi syarikat tempatan Sabah terlibat dalam fasa pembinaan dan pasca pembinaan. Contohnya, projek ini dijangkakan akan menjana *gross national income* (GNI) sebanyak RM950 juta dengan peluang pekerjaan sebanyak 500 dan dalam bidang yang *high end*, dengan izin, kerana melibatkan *technicality* yang begitu canggih, kerana melibatkan ammonia urea. Lojinya akan mengeluarkan ammonia sebanyak 2,100 metrik tan sehari dan ureanya adalah sebanyak 3,500 metrik tan sehari.

Konsortium yang terlibat untuk membina ini adalah daripada negara-negara maju yang mempunyai *technicality* yang tinggi. Maka adalah dijangkakan melalui projek ini yang dimudahcarakan oleh *Sabah Energy Corporation* yang meletakkan kepentingan rakyat Sabah sebagai satu agenda utama dalam penurunan kerja-kerja nanti di mana dijangkakan sektor-sektor yang akan dapat menjadi induk, pembangunan infrastruktur, logistik, perumahan, hotel, kesihatan dan pendidikan. So, saya mintalah Tuan Yang di-Pertua, supaya mulai sekarang diminta Yang Berhormat jenguk-jenguk, lihat-lihat, aturkan segala supaya dapat disempurnakan. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Saya boleh jemput Yang Berhormat untuk bertanya, tetapi ini soalan Sabah Ammonia Urea di Sipitang Yang Berhormat. Memang berhubung dengan Sipitang, ammonia itu sahaja. Sila, Yang Berhormat Kuala Krai.

Dr. Mohd. Hatta Md. Ramli [Kuala Krai]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Tidak mengapalah. Ahli Parlimen ini boleh bertanya mana sahaja Yang Berhormat, tetapi khususnya... [*Dewan riu*]

Yang Berhormat Putatan.

Dr. Mohd. Hatta Md. Ramli [Kuala Krai]: Ya, ya.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Sila Yang Berhormat Kuala Krai.

Dr. Mohd. Hatta Md. Ramli [Kuala Krai]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Saya mengucapkan syabas kepada Sipitang yang menjadi tuan rumah kepada satu projek besar RM4 bilion ini yang kita tahu tadi dengar akan memberikan peluang pekerjaan *high end* 500 orang dan yang *low end* lagi ramailah kan? Dan perbelanjaan sampai begitu banyak. Banyak peluang-peluang kepada orang Sabah. Saya memang menyokong penuh supaya keutamaan diberikan kepada penduduk tempatan yang dekat-dekat termasuk kawasan Putatan. Itu dekatlah itu. Jadi, Sipitang janganlah terlalu kontrol sangat.

Saya hendak bertanya, kita ada mempunyai projek yang hampir sama, Asian urea yang ada di Sarawak yang mendapat sokongan saya jangka daripada negara-negara Asian yang lain. Ini menjamin hasil dan juga produk industri ini, pasarannya kepada negara-negara Asian. Saya ingin bertanya, apakah SAMUR ini mendapat perhatian yang sama daripada rakan-rakan Asian kerana pasaran tempatan kita mungkin terhad kepada hasil-hasil ammonia urea ini dan ini jauh lebih penting penjelasannya kerana yang menentukan hidup matinya industri ini adalah sama ada kita mampu untuk memasarkan hasilnya dengan baik. Bukan sekadar tempoh pembangunannya sahaja yang akan hanya mengambil masa mungkin tiga tahun atau empat tahun. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Devamany a/l S. Krishnasamy: Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat daripada Kuala Krai. Memang *pertinent* sungguh soalnya. Saya akui, tetapi sebelum Yang Berhormat rasa waswas, ingin saya katakan di sini bahawa projek ini telah di bincang dengan begitu mendalam sekali dalam NKEA melibatkan semua *stakeholders*, dengan izin. Salah satu *indicator* kenapa ianya diletakkan di Sipitang. Satu, kawasannya masih belum membangun lagi.

Kedua ianya di dalam perjalanan di mana bekalan gas, terminal gas iaitu *Sabah Oil-Gas Terminal* (SOGT) ada laluan. Jadi senang kerana gas ini merupakan tenaga utama dalam penjana projek ini. Itu yang pertama.

Kedua ini, 100 peratus pengeluaran ini adalah untuk tujuan eksport. *Market viability, market study* telah dibuat dengan begitu mendalam sekali kerana kita menjadi *hub* untuk seluruh Asia Tenggara. Ini kerana permintaan, *demand* dengan izin, untuk ammonia dan urea begitu tinggi sekali. Maka itulah memang saya akui dan itulah yang telah menjadi hala tuju. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

4. Tuan Ahmad Kasim [Kuala Kedah] minta Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani menyatakan, mengapa jumlah import makanan terus bertambah dari tahun ke tahun. Apakah langkah-langkah yang dilakukan oleh kementerian dan agensinya untuk jadikanimbangan dagangan *Balance of Trade* (BOT) lebih positif.

Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani II [Datuk Chua Tee Yong]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, jumlah import makanan terus meningkat dari tahun ke tahun kerana peningkatan permintaan terhadap bahan makanan yang tidak dapat dihasilkan dalam negara. Ini kerana faktor iklim dan kos pengeluaran yang tinggi terutamanya bawang merah, jagung, gandum, bahan makanan ternakan serta buah-buahan beriklim sederhana.

Sehubungan dengan itu, kerajaan telah mengambil langkah untuk meningkatkan pengeluaran makanan dalam negara supaya tahap sara diri negara dapat ditingkatkan dan seterusnya mengurangkan kebergantungan terhadap import dari luar negara. Ini telah dilaksanakan melalui projek berimpak besar iaitu Taman Kekal Pengeluaran Makanan, Zon Industri Akuakultur, Ladang Kontrak dan juga Pembangunan Usahawan Asas Tani.

■1040

Dalam masa yang sama kementerian juga berusaha untuk meningkatkan eksport bagi memperbaikiimbangan dagangan dengan memberi tumpuan kepada komoditi yang bernilai tinggi dan mampu bersaing di pasaran luar negara iaitu *agriculture*, rumpai laut, sarang burung walit, produk herba, sayur-sayuran dan makanan yang diproses premium. Sekian, terima kasih.

Tuan Ahmad Kasim [Kuala Kedah]: Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Berdasarkan kepada jawapan yang diberi tadi saya mendapati bahawaimbangan dagangan antara eksport dan import nampaknya masih lagi belum *balance*. Tahap sara diri makanan ini masih belum berjaya dioptimumkan. Kalau kita bandingkan dengan tanaman komoditi yang lain seperti getah dan kelapa sawit, nampaknya tanaman komoditi getah dan kelapa sawit mendahului *food security* yang sepatutnya kerajaan berikan tumpuan yang agak lebih. Kita mendapati juga jumlah yang terlalu tinggi import makanan ini hampir mencecah RM20 bilion.

Makanan ini sebenarnya dasar-dasar yang telah dibuat oleh pihak kementerian gagal untuk mencapai tahap sara diri. Kita bimbang sebab isu *food security* ini merupakan isu keselamatan rakyat dalam negara. Kita bergantung kepada import luar dengan jumlah yang tinggi dan kita tidak tahu tentang kedudukan negara-negara luar dari sudut suasana, politik, import, bencana alam dan sebagainya.

Jika kita rujuk beras kita berjaya sampai tahap 72 peratus hingga 80 peratus, sayuran ialah 74 peratus, perikanan ialah 91 peratus. Akan tetapi daging lembu ini di bawah 30 peratus. Saya menyebut ini kerana kita telah menyuntik dana yang begitu banyak kepada projek NFC dengan berjumlah RM250 juta daripada pihak kerajaan untuk menaikkan taraf sara diri daging lembu ini kepada 38 peratus hingga 40 peratus. Jadi bolehkah Yang Berhormat Menteri tolong jelaskan dalam Dewan ini sejauh mana selepas dana sebanyak RM250 juta disuntik kepada NFC ini daripada tahun 2009 ini tahap sara diri daging lembu itu telah pun mencapai kepada 40 peratus. Mohon penjelasan.

Datuk Chua Tee Yong: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat di atas soalan tambahan. Secara umumnya untuk pengeluaran makanan kita tahu bahawa pengeluaran makanan dan tanaman-tanaman merupakan tanah.

Akan tetapi masalahnya adalah Kerajaan Persekutuan tidak dapat boleh dikatakan mengawal kegunaan tanah untuk setiap negeri. Maka saya juga menyeru agar Ahli-ahli Parlimen daripada pihak pembangkang di mana negeri-negeri mereka mentadbir seperti Kedah dan Selangor janganlah hanya tumpukan kepada pembangunan.

Seperti di negeri Kedah masih terdapat juga tanah atau tanah-tanah tanaman padi yang ditukar kegunaannya untuk pembangunan. Maka adalah positif kalau Yang Berhormat begitu prihatin juga membawa masalah ini kepada negeri Kedah supaya tanaman ini...
[*Dewan riu*].

Tuan Ahmad Kasim [Kuala Kedah]: [*Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara*]

Seorang Ahli: Duduklah.

Datuk Chua Tee Yong: Duduklah. Oleh itu dari segi ini adalah penting untuk Kerajaan Negeri bekerjasama..

Tuan Ahmad Kasim [Kuala Kedah]: Kerajaan Negeri Kedah sekarang tidak benarkan padi untuk projek industri.

Datuk Chua Tee Yong: ...Dengan pihak persekutuan untuk memastikan bahawa...
[*Disampuk*] Soalan kamu adalah *balance of trade*. Tadi cakap makanan kekurangan. Lepas itu baru cakap NFC. Saya jawab lah yang pertama dahulu. Buat apa bising-bising.

Tuan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat, Yang Berhormat.

Datuk Chua Tee Yong: Dengan itu...

Dato' Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Fakta Kedah itu tidak betul. Kerajaan Kedah memang polisi dia tidak membenarkan kawasan sawah padi untuk ditukarkan menjadi kawasan pembangunan.

Datuk Chua Tee Yong: Mengikut data yang kita ada...

Dato' Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Itu adalah polisi oleh kerajaan lama, Barisan Nasional.

Datuk Chua Tee Yong: Mengikut data yang kita ada...

Tuan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat.

Datuk Chua Tee Yong:..memang terdapat tanah.

Dato' Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Ya, data-data itu ialah data yang lama.

Tuan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat.

Datuk Chua Tee Yong: Ini bukan dialog.

Tuan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat. Kalau Yang Berhormat *address* kepada penanya memang macam itu jadi dia. Kalau *address* kepada saya dia tidak berlaku macam itu Yang Berhormat.

Datuk Chua Tee Yong: Okey, Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Mengenai pengeluaran makanan memang memerlukan kerjasama kerajaan negeri untuk memastikan bahawa terdapat tanah yang diberi untuk mengusahakan tanaman-tanaman tersebut. Sebagai contoh tadi yang mengatakan kelapa sawit. Kenapa kelapa sawit mempunyai pengeluaran yang tinggi? Oleh kerana mereka mempunyai tanah yang berkeluasan tinggi. Kita boleh lihat dari segi tanaman komoditi mereka diberikan tanaman yang luasnya beribu-ribu hektar dan dari segi tanaman sayur-sayuran dan buah-buahan tidak dapat melihatlah cara skala besar dan ini memang tidak dapatlah menolong kita dari segi pengeluaran makanan.

Dari segi jawapan untuk NFC, dari segi pengeluarannya tadi saya ingat Menteri dulu sudah jawab sudah dan saya tidak perlulah mengulanginya. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Ya, sebelum saya menjemput Yang Berhormat bertanya soalan tambahan yang kedua, saya hendak memperingatkan semua orang jangan gunakan kepada perkataan kamu, awak kepada Ahli-ahli Yang Berhormat. Minta tolong kata, sebutkan Ahli Yang Berhormat.

Datuk Dr. Marcus Mojigoh [Putatan]: *[Bangun]*

Tuan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Oleh kerana kita belum mengubahkan itu lagi Yang Berhormat. Jadi dasarnya, hendak guna istilah yang betul itu Yang Berhormat. Saya bukan itu, tetapi untuk semua walaupun Yang Berhormat Labis yang menyebut tadi Yang Berhormat. Sila Yang Berhormat Putatan.

Datuk Dr. Marcus Mojigoh [Putatan]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih. Ini soalan amat penting. Terima kasih kepada Yang Berhormat Kuala Kedah kerana melibatkan rakyat yang *at the end* hujungnya yang merasa harga-harga barangan. Kalau sekiranya pasaran tidak seimbang dengan import dan eksport. Ini saya menyentuh spesifik kepada BERNAS ini. Adakah pihak kementerian melihat bahawa kos pengimportan melalui BERNAS ini lebih mahal jika dibandingkan harga pasaran negara tempat yang diimport itu. Oleh kerana baru-baru ini saya ada satu majlis makan dengan para peniaga-peniaga yang berkeinginan sekali mengimport beras ini daripada negara-negara jiran kita yang mungkin kosnya lebih rendah...

Tuan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Ringkaskan yang itu Yang Berhormat. Lepas itu *switch off hand phone* itu.

Datuk Dr. Marcus Mojigoh [Putatan]: Ya ini termasuk Sarawak Tuan Yang di-Pertua. Jadi adakah pihak kementerian melihat kenapa BERNAS membeli lebih mahal? Adakah kerana persetujuan yang telah dimateraikan terlebih dahulu? Kenapa kadang-kadang BERNAS ini sukar dapat menurunkan harga beras terutama sekali Sabah dan Sarawak ini? Minta penjelasan daripada kementerian. Bila hendak turun.

Datuk Chua Tee Yong: Terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat. Tuan Yang di-Pertua untuk beras yang diimport memang dari segi pihak kementerian, kita sentiasa melihat dari segi harga-harganya. Akan tetapi apa yang kita juga dapat lihat adalah dari segi bila terdapat peningkatan harga beras di pasaran antarabangsa pada tahun 2008 di mana terdapat peningkatan secara mendadak Tuan Yang di-Pertua sebanyak 100 peratus sehingga 200 peratus. Akan tetapi di negara pasaran tempatan dengan kerjasama BERNAS kita akan dapat mengurangkan peningkatan ini di mana peningkatan ini adalah sebanyak 50 peratus sahaja. Oleh itu kementerian masih akan meninjau cadangan Yang Berhormat ini untuk sentiasalah memantau harga-harga beras supaya untuk manfaat pengguna. Sekian, terima kasih.

Datuk Dr. Marcus Mojigoh [Putatan]: Yang Berhormat Menteri, jawapan itu saya rasa tidak begitu memuaskan. Akan meninjau, akan meninjau. Itu jawapan selalunya kami dengar, rakyat mendengar jawapan macam ini. Tidak baik. Patut kementerian mencadangkan apa usaha untuk memperimbangkan import ini dan eksport. Kita ada tanah luas yang terbiar di negara ini.

Tuan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat.

Datuk Dr. Marcus Mojigoh [Putatan]: Ya, Sabah dan Sarawak ya...

5. Tuan Hasbi bin Habibollah [Limbang] minta Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah menyatakan, bilakah Kerajaan akan memulakan pembinaan Jalan Bawang Obor-Ukong-Medamit-Mentawai Fasa 2 untuk memastikan sepuluh buah rumah panjang, tiga perkampungan kaum Bisaya, sebuah klinik desa dan dua buah sekolah kebangsaan mendapat manfaat.

Timbalan Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah II [Datuk Joseph Entulu anak Belaun]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua untuk makluman Yang Berhormat dari Limbang, kementerian telah menyenaraikan projek pembinaan Jalan Bawang Obor, Ukong, Medamit, Mentawai Fasa 2 di bawah RMKe-10.

■1050

Datuk Joseph Entulu anak Belaun: Permohonan peruntukan dan siling telah dimajukan kepada pihak EPU. Sekiranya mendapat kelulusan siling dan peruntukan tersebut, ia akan dilaksanakan tahun 2013. Jadi tertaklukkan kepada kelulusan siling dan peruntukan Yang Berhormat.

Tuan Haji Hasbi Haji Habibollah [Limbang]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan Timbalan Menteri. Soalan tambahan saya, merupakan mungkin *statement* lah selepas mendengar jawapan daripada Timbalan Menteri tadi. Sekiranya dapatkah kementerian permohonan kata orang untuk *to stress more*lah, dengan izin, dapatkah jalan ini diberi keutamaan yang tinggi kerana cadangan jalan ini ialah jalan yang akan menuju ke Gua Mulu melalui *head hunters trail* dan juga akan menuju ke Gua Buddha yang saya yakin akan dijadikan juga *world heritage* sama seperti Gua Mulu. Ini pun sudah pastinya akan menarik pelancong yang begitu banyak ke negeri Sarawak. Terima kasih.

Datuk Joseph Entulu anak Belaun: Terima kasih sekali lagi Yang Berhormat dari Limbang. Tuan Yang di-Pertua, kalau mengikut kenapa perlunya dibina jalan ke tempat atau pun kawasan yang dimaksudkan, memang patut diberi keutamaan tetapi kementerian ini bukan kementerian yang meluluskan peruntukan ataupun siling. Jadi kita akan memohon dan membantu Yang Berhormat supaya ini akan diberi keutamaan. Akan tetapi tertaklukkan jugalah kepada pertimbangan dari pihak EPU dan juga Kerajaan Negeri Sarawak. Sekian.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Hendak bertanya soalan Kampung Bisayah punya jalan Yang Berhormat Petaling Jaya Selatan? Sila.

Tuan Hee Loy Sian [Petaling Jaya Selatan]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya hendak bertanya Yang Berhormat Menteri. Jalan yang menghubungkan ke Ulu Lubai dekat Limbang yang melalui kampung Rumah Tugang anak Amparan, Rumah Entili, Rumah Leban, Rumah Luta, yang melalui sepuluh perkampungan ini. Saya nampak jalan amat teruk, amat daif. So, kalau hendak guna kereta masuk, tidak tentu boleh masuk. So, saya memang simpatilah jalan-jalan di Limbang ini, so saya harap jalan-jalan di Lubai ini boleh disegerakan. Sekian, terima kasih... [Dewan riuh]

Datuk Joseph Entulu anak Belaun: Terima kasih Yang Berhormat dari Petaling Jaya Selatan... [Disampuk][Dewan riuh]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat, Yang Berhormat, Yang Berhormat.

Datuk Joseph Entulu anak Belaun: Tuan Yang di-Pertua, tanpa dipohon oleh pihak pembangkang, Kerajaan Barisan Nasional telah meluluskan siling RM17,713,000 untuk jalan tersebut dan kosnya selepas di *open tender* ialah RM14 juta lebih dan tapak jalan tersebut telah diserahkan kepada kontraktor sebulan lalu dan jalan yang akan dibina tersebut ialah sepanjang 20 km. Jadi, kerajaan Barisan Nasional wawasannya jauh lebih ke depan dari pihak pembangkang. Sekian, terima kasih... [Dewan riuh]

Tuan Haji Salleh Kalbi [Silam]: Yang Berhormat, Petaling Jaya Selatan. Jalan Hulu Lubai itu dibina sekarang. Jalan itu sedang dibina sekarang.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Baik Yang Berhormat. Yang Berhormat.

Tuan Haji Salleh Kalbi [Silam]: You tidak tahu, you itu pergi masa *election* sahaja hari itu.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat Limbang... [Ketawa] Itu cakap luar Dewan itu Yang Berhormat. Jangan dalam Dewan. Yang Berhormat Tuan Wong Ho Leng.

6. Tuan Wong Ho Leng [Sibu] minta Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi menyatakan, bagaimana Jabatan Kimia Malaysia di Sibu dapat membantu dan memanfaatkan Bandar Sibu. Nyatakan skop kerja dan bilangan ahli kimia dan kakitangan-kakitangan yang diambil kerja.

Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi [Datuk Haji Fadillah bin Yusof]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Soalan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Sibu adalah hampir sama dengan isu yang telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat Lanang semasa perbahasan Rang Undang-Undang Perbekalan 2012 dan juga melalui soalan lisan pada 21 Jun 2011. Maka pada hari ini saya akan memberi maklum kepada perkembangan terkini berkaitan isu yang sama. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, makmal baru Jabatan Kimia Malaysia cawangan Sibu memberi perkhidmatan analisis iaitu:

- (i) pemeriksaan nombor pengenalan kenderaan bagi mengenal pasti kenderaan yang dicuri;
- (ii) perkhidmatan analisis dadah berbahaya bagi kes-kes penyalahgunaan dan pengedaran dadah berbahaya;
- (iii) perkhidmatan analisis alkohol, darah dan air kencing bagi kes-kes kemalangan jalan raya;
- (iv) perkhidmatan analisis air yang mengandungi kimia dan bakteria bagi memantau kualiti dan keselamatan bekalan air awam di bawah Program Kawalan Kualiti Air Minum Kebangsaan; dan
- (v) perkhidmatan analisis *effluent* kelapa sawit.

Pelanggan utama makmal ini adalah Polis Diraja Malaysia, Kastam Diraja Malaysia, Jabatan Pengangkutan Jalan, Jabatan Kesihatan dan Jabatan Kerja Raya dari bahagian Sibu dan Sarikei. Tuan Yang di-Pertua, sejak mula beroperasi bilangan kes ataupun sampel yang dikendalikan oleh Makmal Kimia Sibu telah bertambah dengan ketara. Sebagai perbandingan, sejumlah 303 kes/sampel telah dianalisis pada tahun 2009 dan 5,534 kes dan 5,866 sampel pada tahun 2010. Manakala dari Januari sehingga November 2011 sejumlah 5,557 kes dan 5,713 sampel telah dianalisis. Perkhidmatan analisis-analisis yang diberikan ini telah dapat meningkatkan lagi kecekapan dan keberkesanan perkhidmatan jabatan ini kepada pelanggan yang sebelum ini telah dilakukan oleh makmal Kuching. Di antara perkhidmatan-perkhidmatan yang telah dapat dipertingkatkan ialah:

- (i) penghantaran kes atau sampel ke makmal oleh pelanggan, lebih mudah, cepat menjimatkan kos dan dapat memenuhi keperluan analisis;
- (ii) kerja-kerja penyiasatan di tempat-tempat kejadian oleh ahli kimia bagi kes-kes kemalangan jalan raya, kebakaran dan sebagainya lebih berkesan, cepat dan mudah serta keselamatan bahan bukti lebih terjamin;
- (iii) jarak perjalanan bagi menghadiri perbicaraan oleh ahli kimia ke mahkamah lebih dekat dan menjimatkan kos; dan
- (iv) membantu mengurangkan beban kerja yang sebelum ini dilakukan oleh makmal cawangan Kuching.

Tuan Yang di-Pertua, dengan tertubuhnya makmal cawangan di Sibu, secara tidak langsung telah dapat membantu meningkatkan lagi sosioekonomi penduduk sekitar bandar Sibu seperti sektor perkhidmatan membersihkan dan selenggara bangunan. Perkhidmatan penyediaan dan sajian makanan, perkhidmatan pembekalan peralatan pejabat, peralatan makmal dan juga pembekalan peralatan kimia dan gas bagi operasi makmal. Pada masa ini, kekuatan anggota makmal adalah seramai 20 orang pegawai dan kakitangan daripada 29 jawatan. Terima kasih.

Tuan Wong Ho Leng [Sibu]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan. Saya diberitahu bahawa sampel-sampel makanan dan sampel-sampel air masih lagi dihantar ke Jabatan Kimia di Kuching. Adakah ini disebabkan ketidakcukupan ahli kimia di Jabatan Kimia di Sibu? Jikalau begitu, apakah langkah yang akan diambil ataupun yang telah diambil untuk mengatasi masalah ini. Terima kasih.

Datuk Haji Fadillah bin Yusof: Bagi menjawab soalan daripada Yang Berhormat Sibu, sebenarnya yang saya katakan tadi, sejumlah perkhidmatan yang kita telah berikan memang dari segi sumber makanan, kemampuan kita belum ada sebab yang saya katakan tadi kita setakat ini mempunyai 20 orang jawatan yang telah diluluskan oleh JPA daripada 29 yang diluluskan.

Akan tetapi dari segi perkhidmatan air, kalau kita melihat perincian, ingin saya maklumkan setakat ini kita menguruskan dari segi forensik yang berhubung kait dengan kes-kes forensik, jenayah narkotik 35 kes dalam tahun 2010, *toxicology* 40 dan *criminalistic* 15. Manakala yang banyaknya ialah berkaitan dengan bahan-bahan berkaitan dengan air iaitu sama ada air minuman yang melibatkan kandungan bakteria, kimia ataupun *pesticide*. Jumlah keseluruhan untuk air minuman yang melibatkan *bacteria* yang kita *testkan* ialah 4,210 dalam tahun 2010, air minum untuk *test* berkaitan dengan kandungan kimia 1,071 dan air minum *pesticide* 162. Jumlah ini juga bertambah dalam tahun 2011 sebenarnya yang melibatkan air.

■1100

Berkaitan dengan bahan-bahan kandungan pestisid dan bahan-bahan kimia 1,382 dan mikrobiologi 4,127. Maka air sebenarnya sudah dapat kita uruskan. Cuma berkaitan dengan makanan sebabkan kekurangan ahli kimia seperti yang dikatakan kita masih menghantarkan ke Kuching. Usaha ini akan terus kita lakukan untuk kita merayu JPA supaya mempercepatkan proses meluluskan permohonan kita untuk mendapatkan pegawai-pegawai kimia yang berkepakaran untuk diletakkan di situ. Terima kasih.

Puan Hajah Nancy Shukri [Batang Sadong]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Sebelum saya bertanyakan soalan tambahan saya ingin *welcome*, dengan izin, rakan-rakan kita rombongan dari Parlimen Santubong di bawah Tuan Yang di-Pertua kita... [Tepuk] Diucapkan selamat datang kepada mereka.

Soalan tambahan saya Tuan Yang di-Pertua, tadi kita mendengar kementerian ini banyak menjalankan analisis-analisis. Saya berminat hendak mengetahui apakah kementerian ini boleh membantu dalam menjalankan analisis untuk program-program usahanya. Ini kerana ramai rakan-rakan wanita kita terlibat dalam produk-produk pemakanan dan juga produk-produk mekap misalnya. Jadi saya hendak tahu sama ada kementerian mempunyai program seperti itu untuk khususnya kepada rakan wanita kita di Sibu. Terima kasih.

Datuk Haji Fadillah bin Yusof: Terima kasih Yang Berhormat Batang Sadong. Saya terlebih dahulu Tuan Yang di-Pertua mengalu-alukan jugalah kehadiran jiran saya daripada Parlimen Santubong yang bersebelahan dengan Parlimen Petra Jaya... [Tepuk] Selamat datang.

Terima kasih kepada Yang Berhormat Batang Sadong yang saya tahu begitu prihatin berkaitan dengan perjuangan wanitanya. Untuk makluman Yang Berhormat Batang Sadong memang kementerian ada program yang dikatakan CSR iaitu *corporate social responsibility*. Melalui pelbagai agensi yang kita lakukan misalnya yang sangat berjaya ialah wanita iaitu perkongsian maklumat *website* untuk memasarkan produk mereka.

Melalui Jabatan Kimia ini apa yang kita boleh lakukan ialah kalau ada keperluan khususnya di Sibu atau pun di mana-mana tempat sekali pun mereka boleh memohon untuk kita membantu dari segi membuat analisis sama ada dari segi produk makanan yang mereka hasilkan usahanya atau pun produk-produk kecantikan mahupun produk-produk berkaitan dengan herba sebab wanita ramai yang terlibat dalam herba produk dan juga bahan kecantikan dan makanan. Maka kita akan boleh membantu dari segi membuat analisis memastikan pematuhan pengeluaran produk mereka supaya mematuhi kehendak dari segi kesihatan dan juga kehendak *good manufacturing practice*.

Jadi untuk itu boleh kemukakan permohonan saya akan bersedia untuk membantu Yang Berhormat Batang Sadong. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

7. **Dato' Henry Sum Agong [Lawas]** minta Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani menyatakan, sama ada kementerian bercadang untuk menggantikan bantuan baja kepada para petani dengan wang tunai.

Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani II [Datuk Chua Tee Yong]: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pada masa ini kerajaan tidak bercadang untuk menggantikan bantuan baja kepada petani dengan wang tunai. Ini bagi memastikan bantuan yang diberikan oleh kerajaan digunakan untuk tujuan penanaman padi dan memberi kesan langsung terhadap pengeluaran padi negara. Sekian, terima kasih.

Dato' Henry Sum Agong [Lawas]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat Timbalan Menteri.

Tuan Yang di-Pertua, hasrat kementerian untuk membekalkan baja dan manfaat yang seharusnya diperoleh daripada pembekalan baja kepada para petani khususnya di kawasan luar bandar seperti di rumah-rumah panjang, di hulu-hulu sungai dan di kawasan tanah tinggi Bario dan Ba'kelalan tidak tercapai kerana perbelanjaan pengangkutan yang tinggi. Maka bahan tersebut tidak pernah sampai atau pun diguna pakai di kawasan tersebut. Soalan saya jika wang tunai sebagai gantian kepada baja tidak dapat diberikan kepada golongan tersebut, apakah bantuan alternatif yang boleh pihak kementerian berikan kepada golongan ini? Sekian, terima kasih.

Datuk Chua Tee Yong: Terima kasih ke atas soalan tambahan Ahli Yang Berhormat. Dari segi masalah yang dihadapi mengenai Ahli Yang Berhormat yang mengatakan bahawa baja tidak sampai ke kawasan mungkin dari segi kementerian kita dapat melihat sama ada apa masalah sebenarnya supaya isu ini dapatlah ditangani. Ini kerana dengan adanya baja barulah peningkatan padi boleh kita lihat dari segi pengeluaran.

Dari segi sama ada terdapat bantuan yang lain memang dari segi pihak pertanian kita memang melihat untuk memberi input-input dari segi kaedah penanaman dan sebagainya. Akan tetapi untuk menolong Ahli Yang Berhormat saya fikir lebih berkesan adalah untuk mengkaji mengapa baja itu tidak sampai ke kawasan Ahli Yang Berhormat. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Ya, Yang Berhormat Timbalan Menteri. Sebenarnya kalau beri subsidi untuk pengangkutan mungkin sampai macam mana dibuat dengan gas. Fikirkan. Sila Yang Berhormat Machang.

Tuan Saifuddin Nasution Ismail [Machang]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Timbalan Menteri, bolehkah maklumkan kepada Dewan peruntukan yang telah kerajaan belanjakan untuk tujuan bantuan atau subsidi baja kepada negeri-negeri utama jelapang padi seperti negeri Kedah, Kelantan dan Selangor. Apa yang saya maksudkan ialah subsidi baja untuk kawasan jelapang padi. Kalau kedah itu kawasan MADA, kalau Kelantan itu kawasan KADA, kalau Selangor itu di bawah kawasan Barat Laut dan subsidi yang diperuntukkan untuk kawasan tanaman padi di luar kawasan padi. Terima kasih.

Datuk Chua Tee Yong: Terima kasih kepada Yang Berhormat Machang. Kalu dari segi *detail* untuk bantuan baja yang telah diberi kepada tempat jelapang dan bukan jelapang mungkin saya perlu memberi jawapan itu secara bertulis. Akan tetapi secara amnya untuk Bajet 2012 kerajaan memperuntukkan sebanyak RM400 juta untuk Skim Baja Padi, Kerajaan Persekutuan. Sekian, terima kasih.

[Soalan No. 8 – YB. Tuan R. Sivarasa (Subang) tidak hadir]

9. Tuan Ding Kuong Hiing [Sarikei] minta Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah menyatakan, apakah status pelaksanaan Program Bekalan Elektrik Luar Bandar (BELB) bagi kawasan Sarikei untuk memantapkan NKRA yang dikeluarkan oleh Menteri di Jabatan Perdana Menteri baru-baru ini.

Timbalan Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah II [Datuk Joseph Entulu anak Belaun]: Terima kasih Yang Berhormat dari Sarikei. Tuan Yang di-Pertua, dalam tempoh 2010 hingga 2012, kementerian telah meluluskan pelaksanaan lima Projek Bekalan Elektrik Luar Bandar talian grid di kawasan Parlimen Sarikei dengan kos berjumlah RM3 juta dan dijangka memberi manfaat kepada 103 buah rumah. Sehingga 30 September tahun ini tiga projek tersebut telah disiapkan dan 80 buah rumah telah menikmati kemudahan bekalan elektrik 24 jam. Baki dua projek sedang dalam pelaksanaan dan kementerian menjangkakan bahawa semua projek ini akan berjaya disiapkan sebelum berakhir tahun 2012. Dengan siapnya baki dua projek ini, sejumlah 23 buah rumah tambahan lagi akan menikmati kemudahan bekalan elektrik di kawasan Parlimen Sarikei.

Tuan Ding Kuong Hiing [Sarikei]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat Timbalan Menteri. Soalan tambahan saya, bilakah kerajaan boleh menyediakan bekalan elektrik kepada 100 lebih buah rumah panjang di kawasan luar bandar Sarikei seperti yang dijanjikan dalam Program NKRA? Jikalau boleh ianya perlu dilaksanakan seperti mana yang disenaraikan dalam tahun ini secepat mungkin.

Datuk Joseph Entulu anak Belaun: Terima kasih Yang Berhormat dari Sarikei. Tuan Yang di-Pertua, sepertimana Yang Berhormat dari Sarikei maklum NKRA ini meliputi tahun 2012 dan setakat ini pada puratanya pelaksanaan projek bekalan elektrik luar bandar ini menepati masa dan menepati jadual kita.

■1110

Saya yakin di kawasan Sarikei sekiranya rumah-rumah panjang tersebut masuk dalam kriteria yang telah kita tetapkan di kementerian pelaksanaannya juga akan dapat disiapkan selewat-lewatnya hujung tahun 2012. Kriteria yang saya maksudkan ialah purata pelaksanaan projek bagi setiap buah rumah mesti tidak melebihi RM50,000 dan sekiranya di fikir lebih daripada RM50,000 kemungkinan kita akan membekalkan elektrik kepada kawasan yang tersebut dengan sistem alternatif. Akan tetapi kita juga dapat longgarkan kriteria tersebut sekiranya difikir kawasan tersebut akan dibangunkan dan aktiviti ekonominya dapat berkembang secara pesat sekiranya dibekalkan dengan elektrik. Sekian, terima kasih.

Timbalan yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat Bintulu ini tentang Sarikei. Hendak tanya tentang Sarikei Yang Berhormat?

Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]: Tidak pasal bekalan elektrik. Ada banyak tempat sudah siap tapi elektrik tidak ada. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri.

Pelaksanaan bekalan elektrik di luar bandar ini, kementerian ada sedarkah tidak Yang Berhormat Timbalan Menteri? Kita selalu umum pelaksanaan program bekalan elektrik di kawasan luar bandar. Contoh tadi kata di NKRA tetapi bila kontraktor pelaksanaan bukan daripada kawasan tempatan. Bila dia masuk kawasan dia pergi link semua dia pasang. Mana senang punya kerja dia pasang. Susah punya kerja dia kasi tinggal. Contoh macam di Suai rumah Sinju sepatutnya kontraktor janji rumah panjang bulan enam 2011, elektrik akan disambung sebelum Hari Gawai. Akan tetapi sampai hari ini saya difahamkan daripada SESCO buat alasan tidak boleh sambung, macam-macam cerita tetapi kontraktor tolak sini, tolak sana.

Tuan Yang di-Pertua, bila kita cari kontraktor sampai rakyat marah, kita sebagai MP pun marah, tauke-tauke daripada kontraktor tidak mahu bertanggungjawab. Bolehkah kementerian bagi satu rancangan yang baik minta kontraktor kawasan ke kawasan siap dahulu baru masuk kawasan lain ataupun tempat lain. Jangan seluruh kawasan pasang, fasal rakyat daripada luar bandar tidak faham. Mereka fikir ini wayar elektrik sudah ada, rumah punya *internal wiring* sudah ada tunggu pasang meter sahaja. Luar punya *overhead line* sudah ada, sampai SESCO hari-hari tanya SESCO kata belum, belum, belum. Dia mahu tanya bila? Inilah macam rumah contoh di rumah Sinju ini.

Bila kementerian baru boleh minta kontraktor siapkan mana-mana *remediation* punya kerja disiapkan dan boleh disambung elektrik kepada rumah panjang. Sekian.

Datuk Joseph Entulu anak Belaun: Terima kasih Yang Berhormat dari Bintulu. Tuan Yang di-Pertua, kementerian sangat sedar tentang masalah yang dibangkitkan. Sebenarnya rumah panjang, saya sendiri pun menghadapi masalah tersebut. Kita telah beberapa kali berbincang dalam mesyuarat tentang menyelaraskan pelaksanaan projek ini supaya misalnya kontraktor itu sahaja yang menyiapkan dari 'A' sampai 'Z'. Akan tetapi setakat ini belum dapat diselesaikan kerana sebahagian daripada kerja melaksanakan projek elektrik ini dibuat oleh kontraktor yang dipilih kementerian, tetapi sebahagian daripadanya melibatkan SESCO ataupun Sarawak Electricity Berhad sekarang. Bukan SESCO lagi.

Merujuk juga kepada cadangan Yang Berhormat dari Bintulu supaya kontraktor-kontraktor ini jangan menyiapkan kerja yang tertentu di banyak tempat sebelum elektrik ini dapat betul-betul disalurkan dan diguna pakai di rumah panjang tersebut misalnya ataupun di rumah yang dimaksudkan. Kalau kita berbuat demikian ini akan melambatkan pelaksanaan kerana kadangkala kelambatan untuk menyalurkan *electricity* ini adalah disebabkan satu faktor dan kalau kita tunggu faktor ini diselesaikan maknanya kawasan lain tidak boleh dibuat.

Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]: Tuan Yang di-Pertua, itu boleh minta lain-lain kontraktor masuk. Jangan satu kontraktor, *overload*. Akhir sekali apa pun tidak siap. Kita pun susah.

Datuk Joseph Entulu anak Belaun: Tuan Yang di-Pertua, minta maaf ini sudah menjadi dialog tapi biar saya jelaskan.

Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]: Bukan dialog! Masalah belum selesai.

Datuk Joseph Entulu anak Belaun: Biar saya jelaskan ini. Di Sarawak sebenarnya banyak sudah kontraktor yang kita pilih. Masalah di Sarawak dan juga di Sabah kita perlu memilih tidak begitu ramai kontraktor kerana memerlukan *cross* subsidi. Kalau sesiapa sahaja yang hendak jadi kontraktor kita pilih jadi sebahagian daripada kontraktor ini akan mendapat keuntungan kerana kawasan yang dia laksanakan dekat jalan raya dan sebagainya. Akan tetapi bekalan elektrik yang jauh di kawasan pedalaman kontraktor tersebut akan mengalami kerugian dan disebabkan ini maka perlulah kontraktor yang sama yang mendapat keuntungan di kawasan yang dekat jalan raya yang dapat keuntungan yang tinggi...

Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]: Tuan Yang di-Pertua, sekarang masalah...

Datuk Joseph Entulu anak Belaun: ...Memberi subsidi kepada..

Timbalan yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Dengar Timbalan Menteri beri penjelasan dahulu Yang Berhormat.

Datuk Joseph Entulu anak Belaun: ...Pelaksanaan di kawasan pedalaman. Itulah sebabnya ada sekatan...

Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]: Sekarang masalah bukan rugi. Sekarang...

Timbalan yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat, dengar dahulu penjelasan.

Datuk Joseph Entulu anak Belaun: ...Dari segi jumlah kontraktor yang dipilih menjadi kontraktor pelaksana di Sabah dan Sarawak.

Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]: Timbalan Menteri tidak cakap benarkah?

Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]: SESCO tidak boleh sambung elektrik fasal *under size*.

Datuk Joseph Entulu anak Belaun: Sekian, terima kasih.

Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]: Kabel *under size* macam mana mahu pasang?

Tuan Abdullah Sani Abdul Hamid [Kuala Langat]: *[Ketawa]* Kesian...

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Saya juga mengetahui masalah politik dalaman di antara Kementerian dengan SESCO dan kontraktor ini Yang Berhormat. Jadi saya ingat Kementerian kena duduk bersama dengan Sarawak Energy Berhad dan kontraktor-kontraktor mengatasi masalah politik dalamannya.

Datuk Raime Unggi [Tenom]: Betul Tuan Yang di-Pertua.

10. Tuan Mohsin Fadzli Samsuri [Bagan Serai] minta Menteri Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan menyatakan, apakah langkah-langkah untuk membudayakan penulisan dan penerbitan buku-buku ilmiah, separa ilmiah mahu pun penulisan komersial yang masih kurang di kalangan para guru dan ilmuan.

Timbalan Menteri Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan I [Dato' Joseph Salang anak Gandum]: Terima kasih Yang Berhormat Bagan Serai atas pertanyaan yang dikemukakan.

Tuan Yang di-Pertua, kerajaan sentiasa mengambil inisiatif berterusan dalam membudayakan penulisan dan penerbitan buku untuk rujukan masyarakat Malaysia. Melalui penyediaan dana pembelian terus buku-buku karya penulis tempatan berjumlah RM2 juta setahun yang telah diluluskan oleh jemaah Menteri pada tahun 2010. Penulis yang layak dan berminat termasuklah para guru dan sarjana boleh memohon. Ia bertujuan khusus untuk membantu para penulis menerbitkan buku yang masih di peringkat manuskrip dan membeli buku tersebut secara terus daripada penulis. Penerbitan buku ilmiah oleh para sarjana tempatan lazimnya diterbitkan oleh koperasi penerbitan institusi pengajian tinggi masing-masing.

Selain itu, Perpustakaan Negara Malaysia (PNM) sentiasa mengadakan program untuk meningkatkan kesedaran dan kefahaman mengenai tanggungjawab penulis, penerbit untuk mendapatkan ISBN iaitu *International Standard Book Number* ISSN iaitu *International Standard Serial Number* dan pengkatalogan dalam penerbitan (PDP). Penjelasan turut ditekankan tentang tanggungjawab mereka untuk mematuhi Akta penyerahan bahan perpustakaan 1986 [*Akta 331*]. Tuan Yang di-Pertua sendiri adalah seorang penulis dan Tuan Yang di-Pertua tahu berkenaan tanggungjawab ini.

Timbalan yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Tidak boleh jadi kaya Yang Berhormat.

Dato' Joseph Salang anak Gandum: Tidak boleh jadi kaya ya. Di samping itu pelbagai program aktiviti galakan membaca diadakan oleh PNM dengan kerjasama agensi kerajaan, swasta, badan bukan kerajaan dan individu yang akan mewujudkan permintaan untuk buku dan sekali gus dapat membudayakan penulisan dan penerbitan bahan bacaan untuk rujukan masyarakat. Sekian, terima kasih.

■1120

Tuan Mohsin Fadzli Samsuri [Bagan Serai]: Terima kasih dengan jawapan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi. Sebenarnya apa yang kita perhatikan bahawa penulisan buku terutama sekali dalam bahasa Malaysia ataupun bahasa Melayu amatlah diperlukan. Ia adalah selari dengan hasrat kerajaan bagi memperkasakan bahasa Melayu. Apa yang saya rasakan bahawa sebagaimana Tuan Yang di-Pertua tadi mengatakan bahawa sebagai penulis tidak boleh kaya.

Jadi apakah langkah-langkah supaya kita memastikan bahawa penulis-penulis ini dia mempunyai maksudnya dia itu mempunyai satu *guarantee* bahawa buku dia itu dipakai dan juga tidak akan dicetak rompak sebagaimana yang kita perhatikan setengah-setengah daripada karyawan-karyawan terutama sekali dengan lagu dan filem dicetak rompak. Jadi apakah langkah kerajaan untuk memastikan bahawa hasil-hasil karyawan yang ada tidak dicetak rompak. Sekian, terima kasih.

Dato' Joseph Salang anak Gandum: Terima kasih Yang Berhormat Bagan Serai. Tuan Yang di-Pertua, pertanyaan tambahan Yang Berhormat Bagan Serai ada sedikit melibatkan kementerian-kementerian yang lain seperti Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan dan lain-lain juga.

Berkenaan dengan adakah karyawan kita akan mendapat keuntungan dalam kerjaya menulis. Ini adalah satu inisiatif sendiri dan begitu juga mengikut *interest* atau kehendak seseorang. Walaupun untungnya mungkin tidak begitu tinggi namun demikian kepada yang suka menulis ianya tidak mengira untung yang tinggi tetapi oleh kerana *interest* atau minat seseorang itu maka beliau menulis.

Namun demikian, sebagaimana yang telah saya katakan tadi kementerian kami dan kementerian yang lain sentiasa berusaha untuk menambahkan supaya lebih ramai peminat-peminat membaca. Dari ramainya pembaca-pembaca maka lebih tinggi permintaan kepada buku-buku terbitan tempatan. Begitu juga berkenaan dengan buku-buku tulisan dalam Bahasa Malaysia, minat kepada buku tersebut akan bertambah kerana kefasihan orang Malaysia bertutur dan berfikir dalam bahasa tersebut. Ini secara sendirinya akan menambahkan *market* ataupun pasaran buku tersebut. Sekian, terima kasih.

Datuk Dr. Marcus Mojigoh [Putatan]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan yang cantik juga ini daripada Yang Berhormat Bagan Serai. Saya mahu sedikit penjelasan soal pembudayaan membaca dan pembudayaan menulis ini. Tidak kira ia memperkasakan bahasa Melayu, bahasa Inggeris ataupun lain-lain bahasa. Apa yang saya hendak soal ini, usaha kementerian untuk memperkasakan bahasa-bahasa ibunda kepada rakyat jelata kita. Terutama sekali Program Penulisan Bahasa Iban misalnya yang telah pun menjadi satu mata pelajaran di peringkat sekolah. Sekolah rendah, sekolah menengah. Ini memerlukan buku-buku rujukan termasuk juga *Kadazan Language Foundation*, bahasa Kadazan, bahasa saya sendiri.

Ini yang mana terdapat agak kekurangan bahan-bahan bacaan dalam bahasa ini. Jadi apakah usaha kementerian untuk menggalakkan atau misalnya mengadakan pertandingan misalnya ataupun memberi peruntukan khusus bagi buku-buku rujukan bagi bahasa-bahasa etnik yang kita mahu kekalkan oleh kementerian ini bertanggungjawab. Bertanggungjawab untuk mengekalkan bahasa-bahasa ibunda orang-orang *natives* ataupun anak-anak negeri Sabah dan Sarawak. Ini satu petanda yang baik oleh pihak kementerian. Jadi saya tidak lihat sebarang peruntukan yang diberi kepada kumpulan-kumpulan yang ingin memperkasakan bahasa-bahasa ibunda ini. Mungkin termasuk juga bahasa Mandarin, bahasa Tamil.

Jadi saya minta penjelasan daripada kementerian berapa peruntukan yang telah disalurkan untuk memperkasakan atau menggalakkan penulisan-penulisan ini yang amat penting bagi negara kita mengekalkan bahasa-bahasa ibunda di negara ini. Minta penjelasan sedikit Yang Berhormat Timbalan Menteri.

Dato' Joseph Salang anak Gandum: Terima kasih Yang Berhormat Putatan. Tuan Yang di-Pertua, saya boleh mengatakan di sini iaitu tidak ada peruntukan khusus untuk apa yang diminta oleh Yang Berhormat berkenaan dengan penerbitan buku-buku dalam bahasa-bahasa tempatan ataupun bahasa-bahasa minoriti seperti yang ada di Sarawak dan di Sabah. Walaupun, saya tidak ada butiran ataupun maklumat berkenaan dengan adakah Kementerian Pelajaran memberi atau tidak peruntukan khusus kepada penerbitan buku-buku tersebut. Saya memang bersetuju dengan Yang Berhormat bahawa bahasa-bahasa seperti bahasa KadazanDusun, Iban, bahasa yang lain mesti kita pelihara.

Kita tidak ingin melihat bahasa-bahasa ini tidak ada lagi dan pupus dari muka bumi. Oleh yang demikian, apa yang disarankan oleh Yang Berhormat saya percaya boleh disarankan juga kepada Kementerian Pelajaran. Saya percaya dengan lebih ramai guru-guru yang terlatih dalam pengajaran bahasa Iban dan bahasa Dusun ataupun bahasa yang lain. Maka lebih untuk rujukan bahasa-bahasa mereka yang untuk rujukan pelajar-pelajar kita di sekolah.

Pada masa ini, oleh kerana pembelajaran bahasa-bahasa tersebut adalah masih di peringkat yang belum tinggi dan bahasa Iban misalnya baru beberapa tahun sahaja yang telah ditingkatkan kepada Tingkatan 5.

Maka memang belum mencukupi bahan-bahan rujukan untuk bahasa-bahasa tersebut. Sebagaimana yang telah saya katakan tadi saya percaya ini akan bertambah dengan pertambahan guru-guru yang terlatih dalam bahasa-bahasa tempatan tersebut untuk mengajar bahasa Iban ataupun bahasa-bahasa yang lain...

Datuk Dr. Marcus Mojigoh [Putatan]: Bagi insentif bagi penulis-penulis ini.

Dato' Joseph Salang anak Gandum: ...Insentif sebagaimana yang telah saya katakan insentif ini tidak ada khusus kepada bahasa-bahasa tersebut. Akan tetapi sebagai penulis, sebagai karyawan guru-guru yang menulis atau sesiapa yang menulis buku dalam bahasa tersebut juga diberi ganjaran seperti penulis-penulis buku dalam bahasa yang lain. Terima kasih.

■1130

11. **Datuk Raime Unggi [Tenom]** minta Menteri Pelajaran menyatakan, rasional bagi menubuhkan Jawatankuasa Teknikal berkaitan Sijil Peperiksaan Bersama Sekolah-sekolah Menengah Persendirian Cina (UEC) yang dilihat tidak mengikut Dasar Pendidikan Kebangsaan sejak dahulu.

Timbalan Menteri Pelajaran I [Datuk Dr. Wee Ka Siong]: Tuan Yang di-Pertua, soalan yang telah dikemukakan oleh Yang Berhormat Tenom ini telah saya jawab dua hari yang lalu. Walau bagaimanapun, untuk makluman Dewan yang mulia ini, Sijil Peperiksaan Bersama Sekolah-sekolah Menengah Persendirian Cina atau *Unified Examination Certificate* (UEC) adalah merupakan anugerah persijilan peperiksaan bagi pelajar-pelajar sekolah menengah persendirian Cina SMPC yang dikelolakan oleh Lembaga Peperiksaan Malaysia, *Malaysian Independent Chinese Secondary School* (MICSS).

Untuk maklumat Ahli Yang Berhormat, SMPC merupakan institusi pendidikan swasta yang menggunakan bahasa Cina sebagai bahasa pengantar utama serta standard kurikulum yang disediakan dan bukanlah mengikut kurikulum kebangsaan seperti yang terdapat dalam Akta Pendidikan 1996. Piawaian dan kawalan ke atas peperiksaan UEC adalah berlainan dengan piawaian sistem peperiksaan kebangsaan dan KPM tidak mengawal taraf piawaian ujian peperiksaan UEC.

Sehubungan itu KPM tidak mempunyai kuasa terhadap sijil UEC ini dan tidak timbul isu mengenai sebarang penubuhan jawatankuasa teknikal bagi sijil UEC kerana perkara tersebut adalah tidak berkaitan dengan Kementerian Pelajaran Malaysia. Terima kasih.

Datuk Raime Unggi [Tenom]: Soalan tambahan. Dibenarkan?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Ringkaskan Yang Berhormat.

Datuk Raime Unggi [Tenom]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya mendapat maklumat pelajar UEC ini ada menerima geran akademik daripada Yayasan 1MDB iaitu Yayasan 1Malaysia Development Berhad sebanyak RM2.25 juta untuk pengajian mereka di Singapura, Hong Kong dan juga di Taiwan. Malah pelajar UEC ini juga boleh buat pinjaman PTPTN.

Tuan Yang di-Pertua, Timbalan Menteri saya ingin mendapat penjelasan bolehkah mekanisme UEC ini digubal supaya selari dengan Akta Peperiksaan Kebangsaan kita dan juga saya ingin mendapat penjelasan, bolehkah pihak kementerian tadi mewajibkan kepada pelajar UEC supaya mengikut kokurikulum kerajaan kerana ia mungkin tidak adil dan juga kepada pihak yang lain dan ianya sentiasa boleh mengikut Dasar Pendidikan Kebangsaan kita sedangkan ini sebaliknya. Jadi saya pohon penjelasan daripada timbalan menteri.

Datuk Dr. Wee Ka Siong: Terima kasih Yang Berhormat. Banyak soalan Yang Berhormat bangkitkan tetapi secara sahaja saya jawab. Pertama, sebenarnya kita tidak boleh memaksa sekolah menengah persendirian Cina untuk menukar *syllabus*nya kerana adalah latar belakang itu sendiri di mana kewujudan mereka sudah sekian lama dan mereka ini wujud sebagai institusi pendidikan swasta.

Kedua, apa Yang Berhormat bangkitkan itu benar di mana 1MDB telah memberikan geran kepada 50 pelajar terbaik UEC di mana kita lihat mereka ini mendapat keputusan yang baik, mereka ditawarkan ke universiti terkemuka. Jadi atas dasar kita hendak mencungkil bakat-bakat ini supaya suatu hari balik ke Malaysia, maka sejak tahun lalu Yang Amat Berhormat Perdana Menteri melalui 1MDB telah memberikan geran RM45,000 untuk tiga tahun kepada mereka yang terbaik dalam peperiksaan UEC ini iaitu 50 orang setiap tahun.

Jadi saya rasa ini sebagai satu penghargaan kepada mereka supaya satu hari mereka balik dan wakil daripada TalentCorp juga hadir bersama untuk memberi rangsangan pada mereka supaya mereka balik berkhidmat di negara kita. Apa Yang Berhormat tanya tadi tentang sama ada mereka boleh menukar *syllabus*, ingin saya memaklumkan kepada Yang Berhormat, ramai yang tidak tahu. Sebenarnya banyak sekolah di mana SMPC, mereka menduduki dua peperiksaan. Satu adalah peperiksaan awam oleh Kementerian Pelajaran Malaysia. Majoritinya kalau di Sabah dan Sarawak, boleh dikatakan sampai sesi pagi dan sesi petang, mereka menggunakan kurikulum standard yang pertama daripada kementerian dan satu lagi SMPC.

Jadi saya rasa kita nampak trend mereka menduduki peperiksaan. Ada yang lebih handal dan kalau mereka dapat berbahas, membuat syarahan di Dewan Bahasa dan Pustaka, kita tidak percaya dia daripada SMPC. Jadi saya rasa adalah elok juga kita menggalakkan dengan cara begitu dan mereka juga tahu apabila hendak keluar dalam masyarakat majmuk Malaysia, mereka perlu memiliki sesuatu dan saya rasa inilah satu pendekatan yang lebih pragmatik supaya mereka mengambil dua peperiksaan. Terima kasih.

[Masa untuk Pertanyaan-pertanyaan bagi Jawab Lisan tamat]

RANG UNDANG-UNDANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT

RANG UNDANG-UNDANG PEMBAYARAN DAN ADJUDIKASI INDUSTRI PEMBINAAN 2011

Bacaan Kali Yang Pertama

Rang Undang-undang bernama Suatu Akta untuk memudahkan pembayaran yang tetap dan tepat pada masanya untuk mengadakan peruntukan bagi suatu mekanisme bagi penyelesaian pertikaian yang cepat melalui adjudikasi untuk mengadakan peruntukan bagi *remedy* untuk mendapatkan bayaran dalam industri pembinaan dan untuk mengadakan peruntukan bagi perkara-perkara yang berkaitan dan bersampingan dengannya; dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Timbalan Menteri Kerja Raya [Dato' Yong Khoo Seng]; dibaca kali yang pertama; akan dibaca kali yang kedua pada Mesyuarat akan datang.

USUL

WAKTU MESYUARAT DAN URUSAN DIBEBASKAN DARIPADA PERATURAN MESYUARAT

Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi [Datuk Seri Dr. Maximus Johnity Ongkili]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

“Bahawa mengikut Peraturan Mesyuarat 12(1) Majlis Mesyuarat pada hari ini tidak akan ditangguhkan sehingga selesai dibahas dan diputuskan usul di bawah Peraturan Mesyuarat 86(5) berkenaan Penyata Jawatankuasa Pilihan Khas Berhubung Dengan Pembaikan Proses Pilihan Raya, Rang Undang-undang Kanun Tatacara Jenayah (Pindaan) 2011, Rang Undang-undang Keterangan (Pindaan) 2011, Rang Undang-undang Kewangan (No.2) 2011, Rang Undang-undang Standard Malaysia (Pindaan) 2011 yang dijadualkan di nombor 1, 2, 3, 4 dan 5 dan usul-usul Menteri Kewangan di nombor 7, 8 dan 9 seperti yang tertera dalam Aturan Urusan Mesyuarat pada hari ini dan selepas itu majlis mesyuarat akan ditangguhkan sehingga satu tarikh yang belum ditetapkan”.

Timbalan Menteri Kerja Raya [Dato' Yong Khoon Seng]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis untuk diputuskan. Masalahnya ialah usul seperti yang dikemukakan tadi hendaklah disetujui.

Usul dikemuka bagi diputuskan; dan disetujui.

Dato' Seri Anwar Ibrahim [Permatang Pauh]: Tuan Yang di-Pertua, sebelum itu saya minta maaf Menteri, cuma saya hendak minta penjelasan sebab pengumuman tadi tentang jadual mesyuarat hari ini, ini termasuk Rang Undang-undang Cukai Barang Perkhidmatan (GST)?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Sudah ditarik.

Datuk Seri Anwar Ibrahim [Permatang Pauh]: Sudah ditarik, minta maaf saya tidak dengar tadi. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Sila Yang Berhormat.

USUL MENTERI

PENYATA JAWATANKUASA PILIHAN KHAS BERHUBUNG DENGAN PENAMBAHBAIKAN PROSES PILIHAN RAYA

11.29 pg.

Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi [Datuk Seri Dr. Maximus Johnity Ongkili]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan;

“Bahawa mengikut Peraturan Mesyuarat 86(5) dan keputusan Usul yang diluluskan oleh Dewan ini pada 3 Oktober 2011, maka Penyata Jawatankuasa Pilihan Khas Berhubung Dengan Penambahbaikan Proses Pilihan Raya dibentangkan dia atas Meja Mesyuarat di dalam Dewan ini sebagai Kertas Dewan No. DR. 3 Tahun 2011 hendaklah diterima dan dipersetujukan.”

Tuan Yang di-Pertua, sukacita dimaklumkan bahawa Dewan rakyat pada hari Isnin 3 Oktober 2011 telah meluluskan Usul Menteri di Jabatan Perdana Menteri yang mencadangkan bahawa mengikut Peraturan 81(1) Peraturan-peraturan Majlis Mesyuarat Dewan rakyat, Majlis ini mengambil ketetapan berikut;

Jawatankuasa Pilihan Khas berhubung dengan Penambahbaikan Proses Pilihan Raya dilantik bagi mengkaji perkara-perkara berkaitan dengan proses pilihan raya Malaysia.

Satu Jawatankuasa Pilihan Khas tersebut hendaklah terdiri daripada sembilan Ahli Dewan Rakyat seperti berikut, lima anggota daripada Barisan Nasional termasuk seorang Menteri sebagai Pengerusi, tiga anggota daripada pembangkang dan satu anggota selain anggota Barisan Nasional atau pembangkang, iaitu BEBAS. Tempoh masa pelantikan Jawatankuasa Pilihan Khas tersebut adalah selama enam bulan.

■1140

Tuan Yang di-Pertua, sukacita dilaporkan bahawa Jawatankuasa Pilihan Khas tersebut telah pun bermesyuarat sebanyak lima kali semenjak penubuhannya iaitu pada mesyuarat pertama pada 12 Oktober 2011. Mesyuarat kedua pada 1 November 2011, mesyuarat ketiga pada 2 November 2011, mesyuarat keempat pada 10 November 2011 dan mesyuarat kelima pada 16 November 2011.

Dari segi cara pendekatan tugas kerja, cara pendekatan oleh jawatankuasa untuk menemui dan untuk memenuhi dan menunaikan terma rujukan yang ditetapkan adalah seperti berikut:

- (i) menerima cadangan dan input-input dari ahli-ahli jawatankuasa;
- (ii) menerima cadangan dan syor-syor dari pihak awam melalui e-mel atau portal Myideas.my dan surat-menyurat yang dialamatkan kepada Parlimen; dan
- (iii) melalui Sesi Pendengaran awam dan sebanyak enam Sesi Pendengaran Awam telah ditetapkan oleh jawatankuasa seperti berikut:
 - (a) 11 dan 12 November 2011, di Bangunan Parlimen Malaysia;
 - (b) 25 dan 26 November 2011, di Kota Kinabalu, dan kedua-dua ini telah pun sempurna dijalankan;
 - (c) pada 8 dan 9 Disember 2011, di Kuching nanti;
 - (d) pada 15 dan 16 Disember 2011, di Pulau Pinang;
 - (e) pada 7 dan 8 Januari 2012, di Kota Bharu; dan
 - (f) pada 12 dan 13 Januari 2012, di Johor Bahru.

Untuk melaksanakan tugas-tugas tersebut di atas, sebanyak lima jawatankuasa kecil telah ditubuhkan dan dipengerusikan bersama oleh dua ahli jawatankuasa seperti berikut:

- (i) meneliti undang-undang dan peraturan yang berkaitan dengan pilihan raya Malaysia. Ini dipengerusikan bersama oleh Yang Berhormat Kangar dan Yang Berhormat Wangsa Maju;

- (ii) mengkaji proses pilihan raya. Ini dipengerusikan bersama oleh Yang Berhormat Gombak dan Yang Berhormat Hulu Selangor;
- (iii) usaha untuk menambahbaikkan daftar pemilih. Ini dipengerusikan oleh Yang Berhormat Kota Marudu, saya sendiri bersama dengan Yang Berhormat Rasah;
- (iv) memperkukuhkan Suruhanjaya Pilihan raya. Ini dipengerusikan oleh Yang Berhormat Alor Gajah dan bersama dengan Yang Berhormat Kuala Krai; dan
- (v) mengkaji sistem alternatif lain dalam mengadakan pilihan raya dan ini dipengerusikan oleh Yang Berhormat Wangsa Maju bersama dengan Yang Berhormat Kapit.

Tuan Yang di-Pertua, melalui Sesi Pendengaran Awam, jawatankuasa telah menemui sebanyak 26 pertubuhan dan persatuan yang berdaftar dan individu pada 11 dan 12 November 2011 di bangunan Parlimen. Sebanyak 27 pertubuhan dan persatuan yang berdaftar dan individu pada 25 dan 26 November 2011 di Kompleks Pentadbiran Persekutuan Sabah di Kota Kinabalu.

Salinan memorandum mereka serta Penyata Rasmi penyampaian dan perbincangan dalam sesi pendengaran awam tersebut disertakan dengan laporan ini sebagai lampiran. Untuk pengetahuan Ahli-ahli Yang Berhormat, sejumlah empat CD di sini yang termasuklah semua *Hansard* mesyuarat serta juga dengan Sesi Pendengaran Awam dan salinan-salinan memorandum yang dikemukakan oleh pihak mereka yang telah pun memohon untuk didengar oleh pihak jawatankuasa.

Tuan Yang di-Pertua, setelah jawatankuasa menjalankan tugas selama dua bulan, kurang sedikit daripada 60 hari dan mengadakan sebanyak lima mesyuarat dan dua Sesi Pendengaran Awam, jawatankuasa telah memutuskan untuk memajukan syor-syor mengenai laporan interim yang dibentangkan ini. Untuk maklumat Dewan yang mulia, setakat ini jumlah lebih daripada 40 cadangan dan idea-idea baik telah dikemukakan oleh pihak awam untuk dipertimbangkan oleh jawatankuasa sebagai penambahbaikan kepada sistem dan proses pilihan raya negara.

Perkara-perkara yang diangkat dan dimasukkan dalam Laporan Interim ini adalah cadangan dan syor-syor yang dipersetujui sebulat suara oleh semua ahli jawatankuasa tanpa apa-apa keperluan untuk membuat belah bahagian. Perkara-perkara yang belum boleh dipersetujui bersama akan dipertimbangkan kelak setelah menerima pandangan-pandangan dan input-input daripada pihak awam melalui empat lagi Sesi Pendengaran Awam. Ketetapan jawatankuasa mengenai hal-hal tersebut akan dimasukkan dalam laporan akhir kelak. Perkara-perkara yang dipersetujui untuk diangkat untuk pertimbangan Dewan yang mulia ini adalah perkara-perkara yang dikenal pasti sebagai khusus, penting dan perlu disegerakan untuk tindakan dan pelaksanaan oleh pihak SPR, badan-badan dan agensi-agensy yang berkaitan.

Tuan Yang di-Pertua, sebanyak 10 perkara utama adalah diangkat melalui Laporan Interim Jawatankuasa ini demi menambahbaikkan sistem dan proses pilihan raya negara untuk pertimbangan Dewan yang mulia ini. Negeri Sabah dan Sarawak ini selalu suka gunakan perkataan 20 perkara. So, kita angkat dahulu 10 perkara dan jika ada persetujuan, barang kali ada 10 lagi mana tahu tertakluk kepada ahli jawatankuasa, ahli-ahli yang dilantik. Saya dengan ini merumuskan syor-syor utama seperti berikut:

Pertama, penggunaan dakwat kekal, *indelible ink*... [*Tepuk*] Jawatankuasa mengambil maklum akan pandangan dan cadangan daripada pihak-pihak berkenaan berhubung dengan penggunaan dakwat kekal bagi mengelakkan tuduhan mana-mana orang dalam pilihan raya yang sama mengundi lebih daripada sekali.

Jawatankuasa mengesyorkan penggunaan dakwat kekal, *indelible ink* dengan izin, dalam proses pengundian bagi Pilihanraya Umum Ke-13. Bagi syor ini jawatankuasa mendapati bahawa pindaan hanya perlu dibuat kepada peraturan berhubung dengan pilihan raya sahaja tanpa perlu meminda Perlembagaan Persekutuan.

SPR perlu menyegerakan proses pindaan peraturan-peraturan yang berkaitan untuk dikuatkuasakan. Tatacara pelaksanaan penggunaan dakwat kekal akan ditentukan SPR. Namun pihak jawatankuasa yang akan terus berfungsi tiga bulan lagi akan meneliti dari segi tatacara-tatacara tersebut.

Perkara 2 - pengundi awal. Jawatankuasa mengambil maklum bahawa pengundian awal bermaksud pengundian yang dijalankan pada tarikh yang lebih awal dari tarikh pengundian biasa. Jawatankuasa mengesyorkan bahawa kategori pemilih yang dibenarkan mengundi awal adalah terdiri daripada golongan anggota tentera dan pasangan serta anggota polis.

Jawatankuasa mengesyorkan mana-mana anggota tentera dan polis yang tidak termasuk pasangan yang tidak dapat mengundi awal kerana bertugas di perbatasan atau lapangan hendaklah memohon untuk mengundi secara pos.

Jawatankuasa seterusnya mengesyorkan supaya seorang yang diperakui oleh SPR sebagai seorang pengundi pilihan raya dan kena menjalankan tugas pada hari mengundi sebagai kategori pemilih yang boleh dibenarkan mengundi awal serta meluaskan kategori pengundi awal kepada doktor, jururawat dan wartawan.

Tatacara pelaksanaan pengundian awal hendaklah menjamin ketulusan seperti proses pengundian awal oleh pihak SPR. Pihak jawatankuasa Tuan Yang di-Pertua mengambil maklum bahawa cadangan-cadangan dan syor ini di mana yang berkaitan dan memerlukan pindaan kepada peraturan. Sekadar peraturan dan ini bisa boleh dilaksanakan dalam tempoh yang terdekat.

Perkara 3 - pengundi tidak hadir luar negara. Jawatankuasa mengambil maklum pengundi tidak hadir luar negara yang ditetapkan dalam undang-undang sedia ada adalah kakitangan awam yang berkhidmat di luar negara dan pasangan serta pelajar sepenuh masa di luar negara dan pasangan. Jawatankuasa mengesyorkan SPR melaksanakan langkah-langkah yang perlu untuk meluaskan kategori pengundi tidak hadir di luar negara kepada semua warganegara Malaysia yang layak. Tatacara seterusnya tatacara disediakan oleh pihak SPR.

Perkara 4 - pengundi luar kawasan. Jawatankuasa mengambil maklum bahawa pengundi luar kawasan bermaksud pengundi yang berada di luar kawasan bahagian pilihan raya yang baginya ditentukan dalam daftar pemilih. Jawatankuasa mengambil maklum kesukaran pengundi luar kawasan dari Sabah dan Sarawak yang berada di Semenanjung atau dari Semenanjung yang berada di Sabah dan Sarawak atas urusan kerja untuk kembali pada hari mengundi ke kawasan bahagian pilihan raya baginya dalam daftar pemilih.

Jawatankuasa mengesyorkan supaya SPR membolehkan pengundi luar kawasan yang disebut dalam sub perenggan 4.2 untuk mengundi tanpa perlu kembali ke kawasan pendaftaran asal - 4.2 tadi masing-masing pada hari mengundi... [Tepuk] Jawatankuasa mengesyorkan supaya SPR mengambil kira keperluan bagi menetapkan satu tempat mengundi mengikut zon di mana pengundi di luar kawasan itu tertumpu.

■1150

Perkara 5 - penukaran kawasan pendaftaran ataupun alamat pusat mengundi. Jawatankuasa mengambil maklum terdapat aduan daripada pemilih. Antaranya, aduan berhubung dengan pertukaran kawasan pendaftaran dibuat tanpa pengetahuan pemilih berkenaan. Jawatankuasa mengesyorkan supaya SPR memastikan mana-mana permohonan penukaran kawasan pendaftaran pusat pengundi disertakan dengan suatu akuan berkanun iaitu *statutory declaration* oleh pemohon tersebut.

Perkara 6 - pembersihan daftar pemilih. Jawatankuasa mengambil maklum usaha berterusan SPR dalam membersihkan daftar pemilih termasuklah mempamerkan nama-nama pemilih yang rekodnya tidak dapat dipastikan kesahihannya. Walau bagaimanapun, Jawatankuasa mengambil maklum masih terdapat keraguan tentang daftar pemilih yang bersih, khususnya di Sabah mengenai nama yang didakwa tidak layak berada dalam daftar pemilih atas apa jua sebab.

Jawatankuasa mengesyorkan supaya SPR melantik MIMOS Berhad untuk membuat verifikasi terhadap isu-isu berikut dan melaporkan balik penemuan kepada Jawatankuasa dengan kerjasama agensi seperti Kementerian Dalam Negeri ataupun Jabatan Pendaftaran Negara dan SPR dan di mana yang berkaitan, pihak Jabatan Polis:

- (i) mereka iaitu dua orang pemilih yang satu kad pengenalan yang sama;
- (ii) pengundi yang telah meninggal dunia tetapi masih berada di dalam daftar pemilih;
- (iii) kerusi pengundi yang berumur 90 tahun ke atas;
- (iv) pemilih bukan warga negara;
- (v) golongan ataupun ramai pemilih dalam satu alamat; dan
- (vi) pengundi hilang kelayakan.

Jawatankuasa ini juga mengesyorkan supaya SPR mengadakan perakuan ataupun *reconfirmation* semula senarai daftar pemilih di Sabah. Jawatankuasa mengambil maklum permintaan dan desakan berbagai pihak dari pendengaran awam di Kota Kinabalu. Sebenarnya dalam pendengaran awam di bangunan Parlimen juga ada lagi perkara yang disentuh, supaya satu Suruhanjaya Diraja ditubuhkan untuk menyasat dakwaan bahawa terdapat rakyat negara asing memperoleh status kewarganegaraan dan terlibat dalam proses pendaftaran pemilih khasnya di Sabah. Walaupun perkara ini adalah luar dan luas dari terma rujukan utama Jawatankuasa ini, namun Jawatankuasa mengesyorkan supaya Suruhanjaya Diraja ditubuhkan sebagai langkah penyelesaian jangka panjang... [Tepuk]

Perkara 7 - pameran rang daftar pemilih tambahan. Jawatankuasa mengambil maklum akan kepentingan tujuan tuntutan dan bantahan semasa pameran daftar pemilih tambahan diadakan bagi memastikan hak pemilih yang layak didaftarkan. Jawatankuasa mengambil maklum akan aduan mengenai tempoh pameran selama tujuh hari yang sedia ada tidak mencukupi untuk membolehkan semakan dan siasatan dibuat ke atas senarai rang daftar pemilih tambahan yang dipamerkan. Di samping itu, fi yang dikenakan dianggap membebankan kepada pembantah dan ada had dikenakan bagi maksud jumlah yang hendak di bantah. Jawatankuasa mengesyorkan kepada Dewan yang mulia ini supaya SPR meneliti perkara-perkara berhubung pameran daftar pemilih tambahan seperti berikut:

- (i) memanjangkan tempoh pameran kepada 14 hari; ... [Tepuk]
- (ii) membatalkan kadar fi RM10 yang dikenakan kepada pembantah; ... [Tepuk]
- (iii) membatalkan had maksimum bilangan yang hendak dibantah; ... [Tepuk] dan
- (iv) Jawatankuasa juga mengesyorkan supaya SPR meminda peraturan yang sedia ada untuk membolehkan bantahan dibuat terhadap daftar pemilih induk.

Jadi, setakat ini yang boleh dibantah, sekadar yang tambahan sahaja, okey.

Perkara 8 - ketelusan proses mengundi. Jawatankuasa seterusnya mengesyorkan supaya SPR meneliti usaha-usaha bagi meningkatkan ketelusan iaitu:

- (i) mengenai dengan nombor siri kertas undi. Jawatankuasa mengesyorkan supaya nombor siri pada kertas undi ditiadakan dan hanya dikenakan nombor siri pada keratan kertas undi sahaja;

- (ii) mengenal pasti pengundi yang hadir. Jawatankuasa mengambil maklum, terdapatnya keraguan daripada ejen-ejen tempat mengundi bahawa susun atur yang sedia ada tidak membolehkan mereka mengenal pasti dengan lebih jelas pengundi yang hadir. Jawatankuasa mengesyorkan susun atur dalam tempat mengundi di peringkat saluran disusun semula bagi membolehkan ejen tempat mengundi mengenal pasti dengan lebih jelas pengundi yang hadir untuk mengundi;
- (iii) membenarkan mereka yang dipercayai oleh OKU membantu menandakan kertas undi. Jawatankuasa mengambil maklum bahawa undang-undang yang sedia ada, khususnya peraturan 19(7), Peraturan Pilihan Raya (Perjalanan Pilihan Raya) 1981 hanya membenarkan saudara terdekat sahaja iaitu bapa, ibu, abang atau adik lelaki, kakak atau adik perempuan, isteri, suami, anak lelaki atau anak perempuan yang dapat membantu pengundi OKU menandakan kertas undi. Jawatankuasa mengesyorkan supaya orang-orang yang dibawa oleh pengundi yang tidak berdaya oleh sebab buta, kehilangan penglihatan atau kecacatan fizikal lain untuk membantu menandakan kertas undi bagi pihaknya dengan syarat yang dibawa itu adalah warga negara Malaysia yang berumur 21 tahun ke atas;
- (iv) proses ulang kira kertas undi. Jawatankuasa mengesyorkan jika terdapat perbezaan antara bilangan undian oleh pemilih yang terbanyak dengan bilangan undian kedua terbanyak adalah 200 atau kurang di pusat penjumlahan rasmi undi, ulang kira hendaklah dibuat jika ada permohonan;

Barangkali Ahli-ahli Yang Berhormat tidak sedar bahawa ataupun semua pun sedar, hanya kiraan semula itu diadakan di peringkat saluran ataupun pusat PPU dan bukan di tempat penjumlahan. So, kita cadangkan kalau perbezaan antara yang tertinggi dan nombor dua itu 2 peratus ke bawah, maka boleh buka balik tong-tong semua walaupun akan mengambil masa bagi kawasan tersebut.

- (v) pendedahan kertas undi yang seragam. Jawatankuasa mengambil maklum tiada penandaan secara khusus bagi seseorang pengundi untuk menandakan dalam kertas undi dan Jawatankuasa dengan ini mengesyorkan supaya SPR hanya menerima penandaan tanda 'X' di sebelah kanan kertas undi bersempamaan dengan nama calon yang diundinya sebagai undi yang sah. Ini cadangan Jawatankuasa. Saat ini memang ada kertas panduan yang diberi dan tip-tip dan apa juga itu boleh diguna pakai. Selepas merdeka 56 tahun kita berpendapat bahawa semuanya boleh pakai 'X' dan satu sahaja yang digunakan. Ini pandangan Jawatankuasa;

Perkara 9 - penambahbaikan proses pencalonan. Jawatankuasa mengesyorkan supaya proses bantahan pada hari penamaan calon dimansuhkan... [Tepuk]

Jawatankuasa juga mengesyorkan supaya tempoh penarikan balik pencalonan dibatalkan... [Tepuk] Ini ertinya, setelah *Registering Officer* sudah umum, maka sudah tidak boleh tarik balik. Dia tarik tetapi dia akan terus kekal di dalam kertas pengundian nanti.

Perkara 10 - pengukuhan SPR. Jawatankuasa mengambil maklum akan keperluan dan kepentingan bagi memperkukuhkan SPR yang berkait rapat dengan Perkara 114(2), Perlembagaan Persekutuan yang jelas tentang bagi mustahaknya sesuatu Suruhanjaya Pilihan Raya yang mendapat kepercayaan umum. Bagi tujuan tersebut, Jawatankuasa mengesyorkan seperti berikut:

- (i) bagi menjelaskan keadaan SPR kepada pihak awam, bahawa SPR adalah bebas dan tidak dipengaruhi oleh mana-mana pihak, maka peruntukan mengenai kebebasan SPR hendaklah diperjelaskan di dalam undang-undang;
- (ii) bagi menjamin SPR menjalankan fungsi dan tanggungjawabnya dengan lebih berkesan, maka kuasa yang sewajarnya hendaklah diberi kepada SPR bagi memastikan penguatkuasaan peruntukan berkaitan undang-undang pilihan raya dan kebergantungan kepada pihak yang lain-lain dapat dikurangkan. Maka, keperluan sumber manusia SPR hendaklah ditambah dan dinaiktarafkan perjawatan sedia ada serta peruntukan kewangan yang mencukupi sesuai dengan peranan, tanggungjawab, bebanan dan cabaran semasa dan khususnya untuk tujuan melaksanakan cadangan dan syor-syor Jawatankuasa ini.

■1200

Tuan Yang di-Pertua, Jawatankuasa mengesyorkan agar semua syor yang terkandung dalam usul ini dilaksanakan dalam Pilihan Raya Umum Ke-13. Namun begitu, rumusan ini hendaklah dibaca bersama dengan bahagian 10(2) yang saya sentuh tadi iaitu keperluan tenaga, keperluan-keperluan lain seperti kewangan dan seterusnya untuk melaksanakannya dan juga agensi-agensi yang berkaitan supaya dia mempunyai kemampuan untuk melaksanakan.

Tuan Yang di-Pertua, saya mengambil peluang ini untuk mengucapkan ribuan terima kasih kepada Ahli-ahli Jawatankuasa yang bekerjasama, bekerja keras serta memberi input yang bermanfaat dan bersikap *moderation*, dengan izin, yang telah diamalkan sepanjang jawatankuasa ini menjalankan tugasnya setakat ini khususnya dalam usaha menemui dan merumuskan syor-syor yang dikemukakan. Sokongan dan kepercayaan serta sumbangan yang diberikan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat di Dewan mulia ini juga adalah amat dihargai.

Saya juga merakamkan penghargaan kepada semua pihak sama ada individu ataupun persatuan-persatuan yang berdaftar serta agensi-agensi kerajaan, parti-parti politik dan pertubuhan-pertubuhan yang lain yang telah memberi kerjasama dan tampil di hadapan jawatankuasa untuk menyampaikan keterangan serta mengemukakan permohonan, memorandum dan cadangan yang bermutu mengenai dengan penambahbaikan proses pilihan raya negara.

Saya juga turut merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada pihak urus setia khasnya Setiausaha Dewan Rakyat dan pegawai-pegawai sokongan di atas sifat dedikasi mereka dalam menghasilkan laporan ini dalam masa yang singkat. Seperti mana yang saya sentuh tadi, kita berfungsi selama dua bulan dan lima mesyuarat, dua pendengaran awam, maka tekanan kerja di pihak sekretariat itu adalah memang begitu tinggi sekali.

Saya rasa tidak salah juga dan kena pada tempatnya untuk memperakui kepercayaan dan keterbukaan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri di atas usaha menambahbaikkan sistem dan proses pilihan raya negara dan komitmen ini membuktikan bahawa transformasi proses pilihan raya adalah sebahagian daripada transformasi nasional yang sedang diperjuangkan oleh kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Timbalan Menteri Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan I [Dato' Joseph Salang anak Gandum]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Beberapa Ahli: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah sekarang dibuka untuk dibahas.

Sebelum itu, Yang Berhormat, minta tolong duduk dahulu. Ada persetujuan sikitlah. Saya ingin memaklumkan bahawa hari ini hari penghabisan.

Kita banyak perkara yang perlu kita habiskan pada hari ini sebagaimana yang telah diusulkan tadi. Saya mencadangkan supaya Yang Berhormat daripada Ketua Pembangkang akan berucap selama 30 minit. Selepas itu dua orang daripada Pakatan Rakyat, dua orang daripada Pas, dua orang daripada DAP selama 10 minit seorang. Selepas itu enam orang daripada Barisan Nasional. Yang Berhormat, sekian sahaja. Sekarang saya jemput Yang Berhormat daripada Permatang Pauh. Terima kasih.

Dato' Ibrahim Ali [Pasir Mas]: BEBAS. Daripada BEBAS, Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Ya, baik, baik. Saya ambil kira itu, Yang Berhormat.

12.03 tgh.

Dato' Seri Anwar Ibrahim [Permatang Pauh]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat Menteri. Dalam memulakan perbahasan ini saya ingin merakamkan penghargaan kepada Yang Berhormat Menteri selaku pengerusi dan seluruh Jawatankuasa Pilihan Khas Penambahbaikan Proses Pilihan Raya yang ditubuh oleh Parlimen untuk penambahbaikan proses pilihan raya dan juga kepada Setiausaha Parlimen dan Sekretariat yang telah dapat menyiapkan *report* interim ini dalam masa yang singkat... [Tepuk]

Tuan Yang di-Pertua, tidak semua usaha dan tuntutan kita dipenuhi tetapi saya kira beberapa isu pokok yang diketengahkan telah mendapat perhatian yang wajar dan oleh yang demikian, saya ingin menggesa supaya pihak kerajaan khususnya SPR segera bertindak, tidak lagi melengah-lengahkan tindakan kerana ini penting.

Saya ingin merujuk pertamanya tentang Jawatankuasa Pilihan Khas Penambahbaikan Proses Pilihan Raya ini. Dengan pembentukan jawatankuasa dan pelaksanaan tugas, ia membuktikan bahawa Parlimen itu lebih berfungsi. Inilah julung-julung kalinya Parlimen mengambil tindakan mengadakan jawatankuasa yang mewakili semua pihak dan berfungsi dengan baik. Parlimen kita rasanya kecacatannya ialah kurangnya pembentukan jawatankuasa-jawatankuasa berbentuk ini untuk membahaskan isu-isu yang dibangkitkan.

Kita harap dengan kemajuan yang telah ditunjukkan ini, jawatankuasa Parlimen yang lain dapat dibentuk daripada semasa ke semasa supaya ada tindakan di mana-mana Parlimen di negara demokrasi yang berfungsi, pengenalan jawatankuasa itu penting kerana tidak semua dapat dibahaskan. Kita bahaskan undang-undang, enam undang-undang hendak diluluskan satu hari. Lima undang-undang. Sebab itu peranan jawatankuasa itu penting supaya dapat dibahaskan dengan teliti dan juga dirujuk kepada badan-badan bukan kerajaan dan juga masyarakat awam untuk memberikan pandangan.

Yang kedua yang saya tekankan, merujuk kepada Perhimpunan BERSIH dahulu ialah bahawa jawatankuasa ini ditubuhkan setelah ada tuntutan rakyat yang menuntut supaya pilihan raya dapat dilaksanakan secara bebas serta adil. Ini agak aneh setelah setengah abad kita merdeka, masih di bantah proses pilihan raya dan kelemahan-kelemahan ketara Suruhanjaya Pilihan Raya sehinggakan Jawatankuasa Parlimen terpaksa membuat penegasan dalam Perkara 10 tentang SPR. Diperingatkan tentang kedudukan mereka yang bebas dan dijelaskan kepada rakyat dan saya fikir dijelaskan kepada ahli-ahli suruhanjaya itu sendiri dahulu walaupun tanpa peruntukan tambahan bahawa mereka mempunyai amanah yang besar dan dapat menjalankan tugas dengan baik. Saya tidak nafikan ada usaha-usaha yang baik sebelum ini tetapi beberapa kecacatan amat ketara.

Saya ingin rujuk juga kepada apa yang diulas di peringkat antarabangsa tentang proses pilihan raya di negara kita. *Freedom House Report 2011* berhubung dengan *Freedom in the World* iaitu *survey on political rights and civil liberties*. Kita lihat Malaysia dianggap *partly free* dan dirujuk juga tentang kedudukan pilihan raya. Kita tentu baik dibandingkan dengan banyak negara lain tetapi *electoral democracy* dan ini khusus bukan sahaja untuk jawatankuasa tetapi juga untuk Suruhanjaya Pilihan Raya yang harus bebas meneliti laporan-laporan seperti ini. Dari segi *electoral democracy*, 115 negara didapati mengamalkan sistem demokrasi dan proses pilihan raya yang lebih baik dari Malaysia.

Selain daripada negara-negara yang kita kaitkan sebagai negara-negara maju dan demokratik termasuk Jepun, Turki, Indonesia tetapi rating *electoral democracy* kita corot berbanding dengan Bangladesh, Timor-Leste, Maldives dan Tonga. Ini SPR harus mengambil perhatian.

Kalau lihat umpamanya *Country Report* dari Laporan *Freedom House 2011*, mereka mengungkit dengan izin tentang peranan *Electoral Commission (EC) is frequently accused of manipulating electoral rolls and gerrymandering district to it the ruling coalition. The countries first past-the-post voting systems also increases the power of the largest grouping. In 2008, the BN won just 51 peratus of the vote but secured 140 of 222 Lower House Seats.*

Jadi dalam merujuk kepada laporan Jawatankuasa Pilihan Khas Penambahbaikan Pilihan Raya ini, kita sambut baik satu keputusan yang mengusulkan penggunaan dakwat kekal. Cuma Suruhanjaya Pilihan Raya tahu apa yang berlaku dalam pilihan raya yang lalu. Ada usul dari mereka. Saya tidak salahkan SPR. Peguam Negara mengatakan bercanggah dari segi Perlembagaan. Hari ini Peguam Negara kata tidak perlu pinda Perlembagaan. Hanya peraturan.

Jadi hal-hal ini menunjukkan bahawa institusi utama negara boleh dipermainkan semata-mata untuk melihat kepada sikap dan pendirian pimpinan politik. Oleh sebab itu dalam membahaskan isu ini peringkat awal, saya menegaskan isu pilihan raya bebas ini bukan sahaja SPR atau jawatankuasa pilihan khas...

■1210

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: Yang Berhormat Permatang Pauh.

Datuk Seri Anwar Ibrahim [Permatang Pauh]: ...ia adalah komitmen politik pimpinan negara. Saya syorkan Yang Berhormat Padang Serai baca laporan dulu kalau dia faham kemudian kita bahas.

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: Ya, kalau beri peluang boleh saya...

Datuk Seri Anwar Ibrahim [Permatang Pauh]: Saya nak terus dulu Yang Berhormat Padang Serai.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat, peraturan berucap ini kalau tak bagi tak dapat Yang Berhormat. Yang Berhormat duduklah Yang Berhormat Padang Serai.

Datuk Seri Anwar Ibrahim [Permatang Pauh]: Kita tahu dia tak faham peraturan mesyuarat lagi.

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: Yang Berhormat Permatang Pauh minta saya baca dulu, jadi saya nak beritahu dia apa yang saya baca.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat Padang Serai kena dengarlah cakap Speaker juga.

Datuk Seri Anwar Ibrahim [Permatang Pauh]: Kedua ialah tentang isu pendaftaran puluhan ribu malahan ada yang menganggap mencecah ratusan ribu warga asing sebagai pengundi atau pengundi hantu. Ini bukti-bukti dikemukakan, dan sebab itu saya sambut baik sikap pengerusi dan jawatankuasa yang mendengar pandangan-pandangan dibawa dan setelah dikaji teliti, bukti-bukti yang nyata tentang orang yang umurnya menjangkau lebih daripada 100 tahun, yang masih mengundi dengan sihat dan sebagainya.

Akan tapi soalnya sekarang ialah ketetapan yang dibawa oleh jawatankuasa ini dan untuk Parlimen meluluskan beberapa cadangan dan bagaimana kita dapat pastikan ia dapat dilaksanakan dengan baik sebelum pilihan raya umum diadakan. Jawatankuasa ini tegas memberi cadangan itu dan kita mahu satu ketetapan dari Parlimen dan melalui pengerusi daripada Kabinet apakah ia akan dilaksanakan dalam tempoh terdekat. Melihat kepada cadangan-cadangan ini dan merujuk juga kepada cadangan-cadangan yang dikemukakan oleh BERSIH, tentunya tidak semua yang dibawa oleh BERSIH itu dikemukakan.

Akan tetapi yang diterima setakat ini sebahagian daripada yang diusulkan oleh BERSIH dan juga oleh masyarakat awam seperti penggunaan dakwat kekal, pengundian awal, pengundi tidak hadir di luar negara, pengundi luar kawasan, penukaran kawasan pendaftaran dan lain-lain ini.

Apakah ada jaminan daripada pengerusi dan daripada jawatankuasa, pengerusi kena sebut kerana dia Ahli Jemaah Menteri. Untuk mendapatkan keputusan kedua-duanya SPR dan kerajaan bahawa ia akan dilaksanakan dalam tempoh segera. Untuk menjalankan sebelum PRU, saya fikir tidak begitu meyakinkan.

Kita harus berikan ketetapan tarikh yang jelas, apakah 1 Januari 2012? Hal-hal yang mudah, peraturan yang boleh dibuat mengikut SPR dan Peguam Negara. Tidak payah menunggu dua bulan untuk membuat peraturan mudah untuk membolehkan penggunaan dakwat kekal. Apakah ini boleh diumumkan supaya esok bila diumumkan tarikh pilihan raya, jangan ada alasan bahawa dakwat belum siap, baru nak import umpamanya.

Hal-hal ini kita boleh jangka kerana telah berlaku ataupun apa yang disebut oleh Ketua Polis Negara dulu, dakwat ini mungkin menjadi satu senjata penganas. Karut punya ulasan yang dibuat, semata-mata untuk menafikan penggunaan dakwat kekal. Ada juga hal yang dirujuk kepada tugas MIMOS Berhad untuk membuat verifikasi terhadap isu berikut. Saya faham tentang peranan MIMOS, tapi saya ingin menggesa supaya pengawasan, penelitian, peringatan kepada MIMOS bahawa ini tugas dan amanah yang tidak boleh diputar belitkan. Kita mahu jaminan MIMOS ia dapat melaksanakan dengan cukup telus tanpa gangguan dan campur tangan supaya isu ini tidak berbangkit lagi.

Saya tidak berhajat untuk membuat tuduhan kepada MIMOS kerana saya juga tahu dan pernah melawat sejak peringkat awal peranan mereka. Akan tetapi memandangkan keadaan ini begitu sensitif, maka saya perlu memberi peringatan supaya hal ini tidak menimbulkan apa-apa kecurigaan daripada mana-mana pihak tatkala membuat verifikasi ini kerana kalau dulu kita hantar SPR, SPR kata Jabatan Pendaftaran Negara, Jabatan Pendaftaran Negara rujuk balik ke SPR, dua-dua sekarang menjadi masalah. *Now*, balik pula verifikasinya kepada MIMOS Berhad.

Kalau Menteri dapat memberikan jaminan bahawa ini saya anggap ini cukup memadai kerana saya anggap MIMOS Berhad itu dijalankan cara yang agak profesional oleh pegawai-pegawai yang cukup kompeten. Saya ingin menegaskan hanya satu perkara kerana beberapa isu pokok lain itu belum diluluskan. Saya boleh terima kerana ini *interim report* dan oleh kerana ia ini *interim report*, maknanya belum selesai menilai beberapa isu lain yang dibangkitkan yang penting oleh BERSIH dan juga badan-badan lain dalam perbincangan dengan jawatankuasa.

Akan tetapi, dalam keadaan yang kita hadapi sekarang, dengan usul dan syor jawatankuasa yang ada, saya fikir cukup untuk kita memulakan suatu tradisi yang cukup sihat, memperkukuh. Saya percaya walaupun SPR itu menjadi suruhanjaya cukup kuat menerima serangan, saya percaya kalau dapat jaminan daripada kerajaan dan daripada pimpinan SPR termasuk yang ada, ia boleh mengendalikannya dengan cukup baik dan telus. Malah dalam syor ini yang kita sokong dan ini harus diberikan perhatian awal dan segera oleh Kementerian Kewangan iaitu kalau SPR mahu diberikan amanah begini.

Dan juga Ahli-ahli suruhanjaya dipertanggungjawabkan untuk mengendalikannya secara bebas dan hentikanlah kerja-kerja curang selama ini, maka Kementerian Kewangan harus menambah peruntukan kepada SPR...

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: *[Menyampuk]*

Datuk Seri Anwar Ibrahim [Permatang Pauh]: Saya harap Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua boleh tegur beberapa kenyataan biadab Yang Berhormat Padang Serai kerana saya tahu pendidikan dia rendah, akan tetapi dia Ahli Parlimen.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat, Yang Berhormat, Yang Berhormat.

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]:Apa yang dilakukan oleh Yang Berhormat Permatang Pauh dalam pemilihan PKR, kebenaran itu.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat, jangan macam inilah Yang Berhormat.

Tuan Saifuddin Nasution bin Ismail [Machang]: *[Menyampuk]* Yang mabuk tak payah masuk Dewanlah. Yang mabuk, duduk.

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: Yang Berhormat Machang punya banglo RM73 juta di ini. Yang Berhormat Machang ada banglo RM73 juta. Kenapa mahu bangun Yang Berhormat Machang?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat jangan macam inilah Yang Berhormat. Yang Berhormat, Yang Berhormat!

Datuk Seri Anwar Ibrahim [Permatang Pauh]: Patut ada peraturan Ahli-ahli Parlimen sebelum masuk Parlimen jangan minum.

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: Ya, memang. Yang minum bersama anak Lim Goh Tong itu Yang Berhormat Permatang Pauhlah.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat, Yang Berhormat Padang Serai.

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: Yang Berhormat Permatang Pauh minum dan mabuk sama anak Lim Goh Tong.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat Padang Serai, Yang Berhormat Padang Serai jangan buat macam ini Yang Berhormat!

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: Anak Lim Goh Tong.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat Padang Serai, duduk Yang Berhormat.

Datuk Seri Anwar Ibrahim [Permatang Pauh]: Baik, terima kasih. Jadi saya minta pertama...

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: Yang Berhormat Permatang Pauh perlu betulkan pemilihan PKR. Di sini dia

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat, ini bukan soalan PKR Yang Berhormat. Ini soalan Parlimen membahaskan... *[Dewan riuh]*

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: Ini pemilihan SPR... *[Dewan riuh]* Speaker, ini SPR.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat, sila duduk Yang Berhormat.

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: Ini SPR! Dia ada suka sangat menipu dalam pemilihan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Saya bukan, saya tak rajin nak hantar orang keluar Yang Berhormat.

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: Dia kena betul diri dia sendiri dulu.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat, duduk Yang Berhormat. Kalau Yang Berhormat tak boleh duduk, saya minta Yang Berhormat keluar.

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: Saya minta Speaker nasihat Yang Berhormat Permatang Pauh perbetulkan diri dia sendiri. Terima kasih Speaker.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat Padang Serai, duduk!

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: Orang India cakap macam ketam ajar, ketam berjalan lurus.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat, jangan mengganggu macam inilah Yang Berhormat.

Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]: Apa punya ini.

Datuk Seri Anwar Ibrahim [Permatang Pauh]: Tengok, 1.4 juta boleh rosakkan orang. Baru RM1 juta... [Ketawa]

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: Ini cerita RM1.4 juta. Marilah *debate* sama saya.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat, Yang Berhormat Padang Serai, duduk Yang Berhormat. Kalau sekali lagi Yang Berhormat berdiri, saya minta Yang Berhormat keluarlah... [Dewan riuh]

Jangan buat macam ini Yang Berhormat, saya tak suka. Yang Berhormat...

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: Terima kasih, terima kasih Speaker. Saya menghormati Speaker. Yang duduk sebelah Yang Berhormat Permatang Pauh RM73 juta punya banglo... [Ketawa]

Datuk Seri Anwar Ibrahim [Permatang Pauh]: Oleh sebab itu Yang Berhormat Pengerusi jawatankuasa, kita tahu bidang tugasnya ialah meneliti laporan dan saya bangga kerana Ahli-ahli jawatankuasa itu terdiri daripada orang-orang yang faham membaca tidak seperti Yang Berhormat Padang Serai... [Dewan riuh]

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: Ini sangkaan jahat.

Dato' Seri Anwar Ibrahim [Permatang Pauh]: Jadi yang kedua, Kementerian Kewangan harus memberikan peruntukan yang cukup dan keduanya keperluan menambah pegawai supaya dapat menyegerakan tindakan kerana kalau tidak, usaha-usaha kita itu akan tergendala.

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: Tuan Yang di-Pertua, ini peraturan. Tuan Yang di-Pertua, Peraturan 36(6).

Dato' Seri Anwar Ibrahim [Permatang Pauh]: Usaha kita tergendala...

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: Eh, duduklah. Apa *you cakap*?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: *Continue* Yang Berhormat, *continue* Yang Berhormat.

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: Speaker...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Saya malas nak dengar Yang Berhormat inilah... [Dewan riuh]

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: Ini saya mahu guna peraturan.

■1220

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Dengar Yang Berhormat, saya bersikap *gentleman* dekat sini Yang Berhormat. Jadi bantulah saya buat kerja saya. Jadi kalau Yang Berhormat bersikap macam ini, saya..., angkat buku mana pun saya tidak dengar.

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: Saya mahu guna Peraturan Mesyuarat 36(6) Tuan Yang di-Pertua. *I want to refer to Standing Order 36(6).*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat duduk Yang Berhormat.

Seorang Ahli: Panggil MIClah

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Duduk Yang Berhormat. Yang Berhormat duduk Yang Berhormat. Sila, Yang Berhormat Permatang Pauh.

Beberapa Ahli: *[Menyampuk]*

Dato' Seri Anwar Ibrahim [Permatang Pauh]: Saya sentuh tadi Tuan Yang di-Pertua...

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: Tuan Yang di-Pertua, Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Seri Anwar Ibrahim [Permatang Pauh]: Saya agak melampau...

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: Saya mahu rujuk Peraturan Mesyuarat 36(6)...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Saya mahu Yang Berhormat Padang Serai keluarlah.

Beberapa Ahli: *[Menyampuk]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Mengganggu Dewan.

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: Saya rujuk ini Tuan Yang di-Pertua...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Kalau Yang Berhormat hendak bising, tunggu masa orang lainlah... *[Dewan riuh]*

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: Saya rujuk Peraturan Mesyuarat, ini tidak boleh pakaikah?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Saya tidak kisah Yang Berhormat, itu keputusan saya. Saya minta Yang Berhormat Padang Serai keluar.

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: Ini mana boleh macam ini.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat Padang Serai keluar!

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: Ini apa Yang Berhormat Permatang Pauh, janji macam-macamkah?

Seorang Ahli: Keluar! Keluar!... *[Dewan riuh]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Keluar!

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: Saya mahu guna Peraturan Mesyuarat 36(6). Kalau Tuan Yang di-Pertua tidak hormat Peraturan Mesyuarat, *what for we want to sit here?...* *[Dewan riuh]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Minta dia keluar. Yang Berhormat Padang Serai, suruh dia keluar.

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: Saya mahu guna Peraturan Mesyuarat... *[Dewan riuh]* *I want to use the standing order* Tuan Yang di-Pertua. Saya mahu guna Peraturan Mesyuarat 36(6), Yang Berhormat Permatang Pauh sebut Yang Berhormat Padang Serai, dia menghina saya, dia kata saya mabuk, *I want to use the Standing Order 36(6)* Tuan Yang di-Pertua!

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat Padang Serai keluarlah Yang Berhormat Padang Serai, mintalah. Bentara minta Yang Berhormat Padang Serai keluar. Kalau keputusan saya salah, gunakan Peraturan 43 Yang Berhormat.

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: Yang Berhormat Permatang Pauh panggil saya "mabuk". Saya mahu guna *standing order...* *[Dewan riuh]*

Yang Berhormat Permatang Pauh kata, saya tidak pandai baca. Saya tak panggil orang *black metallic*, saya tidak panggil orang dengan perkataan menghina, *I want to use 36(6)* Tuan Yang di-Pertua. Saya tidak ada banglo RM73 juta di Australia, saya tidak panggil 16 September, saya hanya mahu guna *Standing Order 36(6)*.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Keluar Yang Berhormat Padang Serai.

Dato' Seri Anwar Ibrahim [Permatang Pauh]: Tuan Yang di-Pertua, saya tadi sentuh soal SPR...

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: *[Menyampuk]*

Dato' Seri Anwar Ibrahim [Permatang Pauh]: Soal keperluan untuk menambah peruntukan dengan pegawai untuk SPR. Ini kerana walaupun kita memberikan banyak teguran kepada SPR, tetapi cadangan-cadangan ini, ini Parlimen Yang Berhormat. Baik..., belum keluar lagi?... *[Merujuk kepada Yang Berhormat Padang Serai]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Apa tidak boleh keluar lagi?

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: Mahu panggil saya mabuk ya!

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat...

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: Yang Berhormat Permatang Pauh menghina saya!

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat tidak tunjuk hormat langsung kepada Dewan Yang Berhormat... *[Dewan riuh]* Itu saya punya keputusan Yang Berhormat, kalau hendak tunjuk hormat dengan saya, baru saya boleh tunjuk hormat dengan Yang Berhormat.

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: Tuan Yang di-Pertua suruh saya duduk, saya duduk.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Sekarang saya suruh Yang Berhormat keluar.... *[Dewan riuh]* Minta tolonglah, tolong angkatkan Yang Berhormat Padang Serai itu keluar...

[Bentara mengiring YB. Padang Serai keluar Dewan]

[Dewan riuh]

Dato' Seri Anwar Ibrahim [Permatang Pauh]: Tuan Yang di-Pertua, saya ulang, SPR harus – walaupun diberikan teguran begitu banyak, harus memberikan...

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: *[Menyampuk]*

Dato' Seri Anwar Ibrahim [Permatang Pauh]: *[Ketawa]* Saya harap pihak SPR diberikan peruntukan dan penjawat jawatan yang bertambah...

Beberapa Ahli Pembangkang: Mabuk, mabuk, mabuk, mabuk!... *[Berkata kepada YB Padang Serai]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat, biar dia Yang Berhormat. Jangan kita mabuk macam itu juga.

Dato' Seri Anwar Ibrahim [Permatang Pauh]: Tuan Yang di-Pertua...

Seorang Ahli: Yang mabuk, keluarlah.

Beberapa Ahli: *[Menyampuk]*

Dato' Seri Anwar Ibrahim [Permatang Pauh]: SPR – saya bertemakan perbahasan mengenai peranan SPR yang begitu penting dipermainkan. Ini menunjukkan ada sebahagian Ahli Parlimen, dia tidak peduli tentang proses pilihan raya yang bebas dan adil.

Bagi kita, ini isu yang besar, isu yang menekankan rakyat dan isu yang menjejaskan imej bukan sahaja SPR tetapi juga negara. Sebab itu walaupun teguran dibuat kepada SPR, apabila amanah hendak diminta, diserahkan dan tanggung jawab tambahan diberikan, maka harus ada keputusan segera untuk menambah peruntukan dan menambah pegawai. Ini saya ingin tekankan kalau tidak kita akan dengar masalah yang sama kerana cadangan-cadangan ini melibatkan tugas yang lebih. Jadi saya harap Yang Berhormat Pengerusi Jawatankuasa akan memberikan perhatian yang khas.

Ada beberapa isu lain yang dibangkitkan juga oleh BERSIH iaitu tentang ketelusan proses pengundian dan juga pengundian luar negara yang belum diberikan perhatian penuh dan ini menimbulkan keraguan dan kerunsingan kita kerana pilihan raya yang terdekat ini mungkin akan menafikan ratusan ribu pengundi warganegara yang bermastautin atau bekerja di luar.

*[Tuan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat**]*

Ada pandangan yang dikemukakan seolah-olah mereka ini kononnya tidak layak kerana mereka bertugas di luar. Saya tidak dapat menerima keputusan ini kerana keputusan ini tidak pernah disebut oleh mana-mana negara dalam proses menghormati proses pilihan raya yang bebas dan adil. Tuan Yang di-Pertua, saya sekali lagi ingin menyatakan sokongan kepada jawatankuasa ini...

Tuan R. Sivarasa [Subang]: *[Bangun]*

Dato' Seri Anwar Ibrahim [Permatang Pauh]: Dan mengulangi keperluan Pengerusi sendiri memberi perhatian bahawa apabila Jawatankuasa Pilihan begini dijalankan di Parlimen, ia sebenarnya mengukuh dan mematangkan kewibawaan Parlimen.

Tuan R. Sivarasa [Subang]: Yang Berhormat Permatang Pauh. Minta penjelasan sedikit. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih kepada Yang Berhormat Permatang Pauh. Saya ingin rujuk kepada peranan SPR yang baru disentuh oleh Yang Berhormat Permatang Pauh tadi dan juga disentuh oleh Jawatankuasa dalam perenggan 10, laporan mereka dalam usul mereka. Di bawah tajuk Pengukuhan SPR, dan di perenggan 10.2, kita lihat ada syor bahawa mereka mengesyorkan bagi menjelaskan keadaan SPR, dengan izin saya baca, "*Keadaan SPR pada pihak awam bahawa SPR adalah bebas dan tidak dipengaruhi oleh mana-mana pihak, maka peruntukan mengenai kebebasan SPR hendaklah diperjelas dalam undang-undang*". Ini yang saya ingin sentuh dan minta penjelasan daripada Yang Berhormat Permatang Pauh bahawa apakah langkah yang terbaik untuk menjelaskan peranan SPR ini, sebab saya ingin cadangkan bahawa - sebab ini adalah isu yang cukup penting, isu yang kukuh, kebebasan SPR.

Ini sepatutnya bukan sahaja disebut dalam undang-undang biasa. Ini patut diperjelaskan dalam undang-undang tubuh negara iaitu Perlembagaan Persekutuan iaitu kita harus masukkan satu pindaan kepada Perlembagaan Persekutuan untuk memperjelaskan peranan SPR dan khususnya peranan mereka sebagai satu *caretaker government*, dengan izin, selepas pembubaran Parlimen sehingga penubuhan Parlimen baru selepas pilihan raya. Itulah peranan dan kuasa mereka, ini yang sekarang ini kurang difahami oleh pihak SPR bahawa mereka memegang kuasa itu sebagai *caretaker government*, mereka mengurangkan kuasa terhadap semua institusi polis, SPR, media dan sebagainya untuk memastikan satu pilihan raya yang bebas dan adil. Jadi syor saya kepada Yang Berhormat Permatang Pauh adalah iaitu satu pindaan Perlembagaan harus dibuat. Bagi pendapat saya, pihak Pakatan Rakyat harus menyokong satu pindaan kalau sekiranya dipersetujui oleh pihak pemerintah ataupun Barisan Nasional. Apakah pandangan Yang Berhormat Permatang Pauh, saya minta penjelasan.

■1230

Dato' Seri Anwar Ibrahim [Permatang Pauh]: Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, soal pindaan Perlembagaan itu mengambil masa, saya setuju pada prinsipnya dan ini hanya memperkukuhkan peranan SPR.

Akan tetapi melihat kepada peruntukan Perlembagaan yang ada, jaminan Perdana Menteri Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj dalam pengisytiharan kemerdekaan tahun 1957, pilihan raya bebas dan adil dan bidang kuasa Suruhanjaya Pilihan Raya itu sendiri cukup memberi penegasan tentang peranannya sebagai satu badan bebas yang adil.

Akan tetapi sebagaimana yang kita tahu, pimpinan negara dan beberapa pengalaman kita menunjukkan ada seolah-olah *state of denial* yang seolah-olah tidak ada kelemahan-kelemahan pilihan raya. Semuanya sudah *perfect* sehinggalah perkara ini menjadi isu besar. Beberapa rakan saya menjerit pun begitu juga. Mereka anggap apa teguran kita ini semunya tidak munasabah tetapi akhirnya Yang Amat Berhormat Perdana Menteri tunduk dan setuju untuk melantik jawatankuasa dan dengan penubuhan jawatankuasa ini memperakui kelemahan-kelemahan yang ketara. Kalau tidak dengan tuntutan yang bising dan bersih tidak mungkin ditubuhkan jawatankuasa sekarang ini.

Oleh yang demikian saya hanya ingin meminta SPR dalam peringkat sekarang dan Kabinet khususnya Yang Amat Berhormat Perdana Menteri untuk mengambil kira bantahan dan cadangan yang dikemukakan supaya pilihan raya yang kita akan saksikan ini tidak tercemar. Tercemar itu di antara lain kerana penglibatan dan kelemahan SPR itu sendiri. Oleh sebab itu cadangan perkara 10 ini banyak menegaskan tentang kewibawaan SPR dan kami juga menyokong ini diperkukuh, diperjelas untuk meminda Perlembagaan akan mengambil waktu. Akan tetapi tanpa pindaan Perlembagaan sekali pun, diperjelas, mereka diperingatkan dan ditambah apa yang mereka perlukan, kemudahan peruntukan kewangan dan pegawai-pegawai.

Saya tidak mahu menggunakan ruang ini walaupun nota tentang kelemahan-kelemahan SPR cukup banyak dimuatkan termasuk pengalaman saya di Permatang Pauh. Akan tetapi saya fikir dengan adanya jawatankuasa ini dan dengan cadangan ini cukup membuktikan bahawa tanpa memberikan serangan terhadap SPR, semua teguran ini menunjukkan kelemahan yang sepatutnya bukan sahaja dikenal pasti tetapi perbetulkan oleh SPR selama ini. Mereka gagal berbuat demikian. Jawatankuasa Parlimen terpaksa ditubuhkan, usul dikemukakan dan kita masih meletakkan harapan mudah-mudahan SPR dapat membuat pembaik pulih ini dan membetulkan kelemahan-kelemahan. Ini supaya dalam pilihan raya akan datang, kita dapat saksikan satu pilihan raya yang bebas dan adil.

Saya ingin menegaskan di sini bahawa sewajarnya jawatankuasa dalam kata penutup Tuan Yang di-Pertua walaupun dia sebut tentang jaminan-jaminan transformasi politik, itu tidak mengapalah. Walaupun tidak ada dalam laporan, menambah bahawa kalau SPR itu betul-betul telus, bebas dan adil, tidak ada kebimbangan sama sekali untuk mengundang mana-mana pihak untuk memantau pilihan raya. Malaysia satu negara yang paling takut untuk mengundang pemerhati bebas dari luar negara. Lihat sahaja pilihan raya yang berlaku di Mesir baru-baru ini, Tunisia - satu kejayaan yang besar. Pilihan raya itu dipantau oleh ratusan pemerhati asing, Turki, Indonesia pun begitu.

Jadi kalau hendak pastikan kewibawaan kita, saya juga ingin tekankan untuk perhatian Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan SPR supaya kita membenarkan pemantauan terbuka oleh semua pihak dalam dan luar negara. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: *I have to go by convention.* Sila Yang Berhormat Ipoh Timur.

12.34 pg.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Saya berdiri untuk mengambil bahagian di dalam perbahasan usul di hadapan Dewan yang mulia ini. Kita mengalu-alukan laporan interim yang dikemukakan oleh Jawatankuasa Khas Pilihan Raya berhubung dengan penambahbaikan proses pilihan raya. Sungguhpun ia adalah satu bahagian daripada apa yang perlu dibetulkan dan dibaiki tetapi kita pun ada beberapa cadangan yang butir-butiran. Akan tetapi pada keseluruhannya kita rela untuk menyokong cadangan-cadangan yang dikemukakan oleh Jawatankuasa Khas Pilihan Raya ini.

Soalannya ialah bagaimana cadangan-cadangan ini boleh dilaksanakan, dan apakah jaminan bahawa ia akan dilaksanakan? Ini kerana sungguhpun laporan ini ada menyebut bahawa jawatankuasa mengesyorkan agar semua syor yang terkandung dalam usul ini dilaksanakan dalam Pilihanraya Umum Ketiga Belas, tidak ada apa-apa jaminan sebenarnya yang boleh memastikan bahawa cadangan-cadangan ini akan dilaksanakan. Selain daripada itu kita perlulah mengikat pihak yang berkuasa supaya melaksanakan cadangan-cadangan ini.

Sebenarnya dalam *Malysiakini* semalam, kita ada pendirian yang dibuat oleh SPR yang berkata bahawa dengan izin, *“Ball now in government’s court, says EC”*. Bukan di *court of the Parliament, ball in government’s court. The Federal Government must approve recommendations to amend election’s regulations before it can be implemented, said Election Commission Deputy Chairman, Wan Ahmad Wan Omar. Contacted today, Wan Ahmad agreed that some of the Parliamentary Select Committee’s Interim Report recommendations can be implemented without amending laws or formulating new ones. However even a minor amendment to regulations need to be drafted by the Attorney-General’s Chambers and approved by the government”*,

Apa ertinya jika kita menerima sahaja laporan ini. Ini tidak bererti. *How does it take one step further* untuk melaksanakan cadangan atau syor yang dikemukakan. Mengikut laporan ini, *“The next step involves laying the regulations before Parliament in order for it to be gazetted. Only then can the EC implement these”*.

Saya hairan mengenai *quotation* ini yang nampaknya perlulah peraturan-peraturan kemukakan kepada Parlimen sebelum apa-apa cadangan boleh dilaksanakan. Adakah ini keadaan yang sebenar? Kalau begitu dan kalau Parlimen tidak ada bersidang, bukankah bererti bahawa cadangan-cadangan yang dibuat oleh jawatankuasa ini semua sia-sia sahaja. *It’s just only empty and hollow.*

Wan Ahmad Wan Omar said he was unable to comment on the individual recommendations because he has not studied the document, but has been briefed on its contents by his officers. He said that EC welcomes the PSC’s Report and views its recommendation very positively. Itu baik. Sekurang-kurangnya satu sikap yang positif. *On the immediate action to be taken by the EC, Wan Ahmad Wan Omar said the commission has to wait for the Dewan Rakyat to debate the report first.*

Kalau begitu *as it stands*, usul-usul ini tidak membawa syor-syor yang dikemukakan di mana banyak yang kita boleh terima, satu langkah ke hadapan. Selain daripada itu adalah pindaan kepada usul yang lebih spesifik. Oleh sebab itu saya bercadang untuk kemukakan nanti satu pindaan kepada usul ini supaya perbahasan kita ini bererti dan akan disusuli dengan tindakan-tindakan untuk melaksanakannya. Saya akan baca pindaan yang hendak saya kemukakan ini. Di bawah Peraturan Mesyuarat 30 tidak perlulah notis diberi dan di bawah Peraturan Mesyuarat 26 tidak ada notis perlu diberi sebelum ini. Saya pun ada memberitahu Tuan Yang di-Pertua dalam perkara ini. Pindaan yang hendak saya kemukakan adalah seperti berikut:

■1240

Bahawa menambah ayat daripada usul-usul yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Menteri tadi menambahkan ayat.

“Bahawa Dewan ini mengambil ketetapan untuk mensyaratkan segala syor-syor yang telah dicadangkan oleh Jawatankuasa Pilihan Khas iaitu:

- (i) penggunaan dakwat kekal;*
- (ii) pengundian-pengundian awal;*
- (iii) pengundi hadir luar negara;*
- (iv) pengundi luar kawasan;*
- (v) penukaran kawasan pendaftaran;*
- (vi) pembersihan daftar pemilih;*

- (vii) *pemilihan daftar pemilihan tambahan;*
- (viii) *ketulusan proses mengundi;*
- (ix) *penambahbaikan proses pencalonan; dan*
- (x) *pengukuhan SPR.*

Perlulah dilaksanakan oleh Kabinet Suruhanjaya Pilihan Raya dan agensi-agensi kerajaan yang berkaitan serta-merta dan mula berkuat kuasa pada 1 Januari 2012 serta satu penyata laporan perkembangan pelaksanaan semua syor tersebut dan syor-syor penambahbaikan proses pilihan raya yang lain perlu dibentangkan di dalam Dewan ini pada minggu pertama tahun 2012."

Ini perlu oleh sebab kalau tidak sungguhpun laporan jawatankuasa ada berkata bahawa syor ini patutlah dilaksanakan sebelum dalam Pilihanraya Umum Ke-13 tetapi inilah dalam tangan birokratik Perdana Menteri. Bila-bila Parlimen boleh dibubarkan. Hari ini, esok pun boleh dibubarkan. Kalau ini berlaku *what happen to this report* dan sekurang-kurangnya kita perlu satu *time frame* di mana cadangan-cadangan boleh dilaksanakan oleh berbagai-bagai agensi. Ada yang boleh dilaksanakan oleh SPR, ada yang perlulah kerjasama daripada Peguam Mahkamah dan Peguam Negara. Barulah boleh dibuat oleh Kabinet, suruhanjaya semacam cadangan mengadakan satu *Royal Commission of Enquiry*.

Mengenai *illegal immigrant* atau khasnya apa yang berlaku di Sabah ini perlulah keputusan Kabinet dan pun mengenai cadangan yang kesepuluh mengenai mengukuhkan SPR pun perlulah keputusan Kabinet. Oleh sebab itu kalau kita serius dalam mahu memperbaiki proses pilihan raya kita perlulah ada satu *time frame* dan supaya usaha-usaha ini tidak disia-siakan.

Kajian yang dibuat oleh Jawatankuasa Pilihan Khas ini berasaskan kepada cadangan-cadangan yang dibuat oleh BERSIH. Kita melihat mungkin ada tiga perkara sahaja disebut khasnya mengenai *clean electoral roll*. Kedua, *reform postal ballot* dan ketiga *use of indelible ink*. Ada perkara-perkara yang lain yang belum disentuh yang perlu saya rasa tidak perlulah menunggu sahaja kerja daripada Jawatankuasa Pilihan Khas tetapi agensi-agensi yang relevan pun perlu ambil tindakan untuk buat apa-apa pindaan yang perlu supaya proses pilihan raya kita lebih licin, lebih memuaskan dan lebih demokratik.

Isu-isu yang lain yang ada disebut oleh BERSIH yang belum diambil kira sepenuhnya oleh Jawatankuasa Pilihan Khas termasuklah minimum *21 days campaign period*, mengenai *free and access to media*, mengenai *strengthen public institution*, bukan sahaja SPR sahaja tetapi *public institutions* yang lain. Mengenai *stop corruption* dan kelapan, *stop dirty politics*. Ini semua pun sangat mustahak dan ada bersangkutan paut dengan sama ada proses pilihan raya kita demokratik, yang sebenarnya boleh membayangkan suara rakyat.

Oleh kerana sebenarnya semasa *stop corruption, corruption of money politics*. Hari ini *transparency international* barulah mengumumkan mengenai ranking Malaysia dalam *Corruption Perception Index Transparency International 2011*. Ranking kita jatuh lagi daripada 56 kepada 60. Bukan sahaja ranking kita jatuh kepada 56 ke 60.

Dahulu apabila *transparency international* memulakan ranking itu dalam tahun 1995, *ranking* kita 23, *and we have virtually* tidak berhenti kejatuhan ranking kita daripada 23 sampai 56 tahun lalu dan sekarang tahun ini sudah nombor 60. Bukan sahaja ranking kita jatuh tetapi *corruption perception score* pun kita jatuh. Tahun ini *corruption perception score* kita terendah sekali dalam sejarah Malaysia 4.3. *The lower* lebih rendah lebih teruklah.

Masalah *corruption* atau *perception* mengenai rasuah kita dan ini selepas kita ada *Government Transformation Programme, Political Transformation Programme, Economic Transformation Programme* di mana NKRA adalah antara lain kempen untuk membasmi rasuah adalah diutamakan tetapi *we are going backwards*. Inilah sebabnya. Kenapa kita perlulah membersihkan proses *election* supaya tidak *ada money politics* dalam masa *election* dan ini...

Tuan Tony Pua Kiam Wee [Petaling Jaya Utara]: Yang Berhormat, Yang Berhormat. Sekejap sahaja adakah isu *transparency international* ini yang baru ini dikemukakan di mana nama baik Malaysia itu terus jatuh dan akan terus jatuh lagi atas kes-kes yang dikemukakan baru-baru ini seperti kes *National Feedlot Corporation* di mana MACC kata tidak ada unsur-unsur rasuah dan sekarang pagi ini pihak polis kata *preliminary finding, no criminal breach of trust in NFC*. Adakah ini dapat dipercayai oleh orang ramai dan ini akan menyebabkan ranking kita terus turun pada masa yang akan datang. Minta pandangan.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Ya tentulah kita kluatir masa depan ranking kita akan jatuh lebih rendah sekali khasnya mengenai 'cow condo' atau *scandal 'cow condo'* dan tidak ditangani dengan serius. Kita lihat bahawa tidak ada *political will* untuk membasmi rasuah khasnya rasuah di peringkat yang tertinggi dan bukan sahaja *stop corruption* tetapi *stop dirty politics. Stop dirty politics.*

Dalam tahun-tahun dalam masa dahulu adalah usaha-usaha SPR supaya adakan satu kempen *a module code of conduct* untuk urusan pilihan raya tetapi nampaknya semua ini sia-sia sahaja. Contoh-contoh yang ada dibuat di semua negara ada *code of conduct* supaya kempen bersih, kempen ada prinsip tetapi tidak dihiraukan di negara kita dan semacam dalam memorandum yang ada dikemukakan kepada Jawatankuasa Khas ini yang sebut mengenai *dirty politics* yang perlulah dihapuskan dengan izin, *it maybe observed that in Malaysia, dirty politics occurs in various form such as:*

- (i) *racist track and statement from various politician of political of affiliated group;*
- (ii) *valiant track to the safety and security of innocent individuals and organization;*
- (iii) *head mongering toward minorities for example women, religious minorities, sex minorities and other margin groups or migrant workers;*
- (iv) *the defamation of reputation of figures;*
- (v) *the intentional of issues mischievous or malicious of Malaysia purposes;*
- (vi) *the deliberate spreading of rumors and lies and reputation unproven allegation; and*
- (vii) *bribery and corruption.*

Kita lihat ini berlaku dalam dua-tiga hari ini dalam *UMNO General Assembly*. Semua ini berlaku bahawa ada *head speech*, ucapan-ucapan yang bertanggungjawab yang untuk mahu satu kaum dengan lain, agama dengan lain dan semua ini berlaku dan kalau ini tidak boleh di *control*, bagaimana kita boleh adakan *election* yang bersih. Di mana semacam Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri boleh buat tuduhan yang begitu semua berunsur fitnah dan dusta bahawa DAP anti-Melayu, anti-Islam. Bahawa DAP mahu... [Dewan riuh]

■1250

Dato' Shamsul Anuar Nasarah [Lenggong]: Memang betul, 13 Mei siapa yang buka? Pada 13 Mei, Yang Berhormat Ipoh Timurlah... [Dewan riuh]

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Mana betul?

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat...

Dato' Shamsul Anuar Nasarah [Lenggong]: Mei 13, Yang Berhormat Ipoh Timurlah.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, bertenanglah Yang Berhormat.

Dato' Shamsul Anuar Nasarah [Lenggong]: Memang betul, 13 Mei, Yang Berhormat Ipoh Timur.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Ipoh Timur...

Dato' Shamsul Anuar Nasarah [Lenggong]: Siapa yang buka 13 Mei?

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat...

Tuan Tony Pua Kiam Wee [Petaling Jaya Utara]: Fitnah, bohong.

Datuk Haji Yusof Haji Mahal [Labuan]: Sudahlah, sudahlah mampus itu Cina!...
[Dewan riuh]

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat...

Dato' Shamsul Anuar Nasarah [Lenggong]: Samalah Yang Berhormat Petaling Jaya Utara, anak didik sana. Pada 13 Mei...

Datuk Haji Yusof Haji Mahal [Labuan]: Itu DAP *racist!*

Tuan Tony Pua Kiam Wee [Petaling Jaya Utara]: Bohong... [Dewan riuh]

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Ipoh Timur duduk dahulu. Ahli-ahli Yang Berhormat, bertenang Ahli Yang Berhormat.

Dato' Shamsul Anuar Nasarah [Lenggong]: Yang Berhormat Ipoh Timurlah, Mei 13.

Tuan Khalid Abd. Samad [Shah Alam]: UMNO penipu Melayu.

Seorang Ahli: Sudahlah keling! Sudahlah keling!

Tuan Charles Anthony Santiago [Klang]: UMNO tipu Melayu, yang tipu Melayu UMNO.

Datuk Haji Yusof Haji Mahal [Labuan]: Sudahlah Yang Berhormat Klang, sudahlah Yang Berhormat Klang.

Dato' Shamsul Anuar Nasarah [Lenggong]: Yang Berhormat Ipoh Timur *racist*, bawa isu perkauman. Disokong oleh Yang Berhormat Gombak dan Yang Berhormat Machang sekali.

Seorang Ahli: Itu PAS sudah masuk India kah?

Tuan M. Manogaran [Telok Intan]: UMNO pergi PWTClah, dia punya rejim sudah habis... [Dewan riuh]

Dato' Shamsul Anuar Nasarah [Lenggong]: Samalah Yang Berhormat Kepong, Yang Berhormat Telok Intan pun samalah. Ikut keluar sahaja.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Ipoh Timur, Ahli-ahli Yang Berhormat...

Dato' Shamsul Anuar Nasarah [Lenggong]: Serupa sahaja!

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Sebagai contoh...

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Ipoh Timur, tumpukan perbahasan kepada penyata...

Dr. Dzulkefly Ahmad [Kuala Selangor]: Perdana Menteri kata sederhana...
[Dewan riuh]

Tuan Yang di-Pertua: Sila, sila teruskan. Masa Yang Berhormat Ipoh Timur, ingat masa.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Ya. Kalau...

Dato' Shamsul Anuar Nasarah [Lenggong]: *Racist!* Perkauman!... [Dewan riuh]

Tuan Tony Pua Kiam Wee [Petaling Jaya Utara]: UMNO yang *racist*...

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: ...Kalau dalam Parlimen pun boleh ada *racist* digunakan, apa kita boleh harap dalam *election*?

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat...

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: UMNO tidak *racist*lah, DAP sahaja *racist*.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Tengok ini.... [*Dewan riuh*]

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, sudahlah Ahli-ahli Yang Berhormat. Sudah... [*Dewan riuh*] Yang Berhormat Ipoh Timur, seminit dua lagi Yang Berhormat Ipoh Timur dan elakkan jangan hujah...

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Baru mula. *Mike* telah ditutup.

Tuan Yang di-Pertua: Sila, sila... [*Dewan riuh*] Sudahlah Ahli-ahli Yang Berhormat, sudahlah.

Dato' Zulkifli bin Noordin [Kulim Bandar Baharu]: ...Liberal! Rosakkan agama Islam! Inilah Yang Berhormat Shah Alam.

Seorang Ahli: Itulah Melayu yang bodoh.

Dato' Shamsul Anuar Nasarah [Lenggong]: Itulah Yang Berhormat Shah Alam, sudahlah Yang Berhormat Shah Alam. Sama sahaja.

Seorang Ahli: Mana keris sudah tinggalkah?

Tuan Haji Ab. Aziz Ab. Kadir [Ketereh]: Tidak ada keris.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Bagaimana SPR akan mengawal *election* dengan sikap dan kelakuan semacam ini.

Dato' Shamsul Anuar Nasarah [Lenggong]: Yang Berhormat Kota Raja pun sama.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: *How can you defend...*

Tuan Tony Pua Kiam Wee [Petaling Jaya Utara]: Inilah dia UMNO....

Seorang Ahli: Sudahlah DAP, bodoh!

Tuan Amran bin Ab. Ghani [Tanah Merah]: Keris, keris, lupa keris dia.

Tuan Abdullah Sani Abdul Hamid [Kuala Langat]: Keris sudah tinggalkah? Ha ha ha ha ha!

Dato' Shamsul Anuar Nasarah [Lenggong]: Yang Berhormat Petaling Jaya Utara sama sahaja, Yang Berhormat Kuala Langat, serupa!

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Adakah SPR berani ambil tindakan ke atas pemimpin-pemimpin....

Dato' Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Pahlawan Melayu merah... [*Dewan riuh*]

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, Ahli-ahli Yang Berhormat, duduk Yang Berhormat. Sudahlah Ahli-ahli Yang Berhormat, sudahlah. Yang Berhormat Ipoh Timur...

Dato' Haji Ismail bin Mohamed Said [Kuala Krau]: Jangan hendak cabar Melayu, jangan hendak cabar Melayu.

Tuan Yang di-Pertua: ...Boleh saya benarkan menyambung dua tiga minit lagi tetapi...

Dato' Haji Ismail bin Mohamed Said [Kuala Krau]: Melayu UMNO jangan cabar, Melayu India boleh cabar... [*Ketawa*] [*Dewan riuh*]

Tuan Yang di-Pertua: Sudahlah Ahli Yang Berhormat, sudahlah.

Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]: Tuan Yang di-Pertua...

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Batu, Yang Berhormat Batu... Ahli Yang Berhormat, jangan lagi campur Yang Berhormat.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Boleh saya teruskan?

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Ipoh Timur, saya benarkan lagi dua tiga minit, teruskan. Elakkan, jangan hujah ada *political sidekick*. Hari ini sudah penghabisan kita bersidang. Jadi, jangan cemarkan suasana. Ahli Yang Berhormat sudahlah...

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: *[Berjalan masuk ke dalam Dewan]*

Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]: Yang Berhormat Padang Serai, macam mana?

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Padang Serai, saya difahamkan Yang Berhormat Padang Serai telah tadi direhatkan. Jadi, belum lagi dipanggil.

Dato' Haji Ismail bin Mohamed Said [Kuala Krau]: Tadi direhatkan semasa Speaker tadi, sekarang tidak direhatkan.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Padang Serai, saya minta kerjasama Yang Berhormat Padang Serai...

Dato' Haji Ismail bin Mohamed Said [Kuala Krau]: Sementara sahaja Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: ...Saya difahamkan Yang Berhormat Padang Serai tadi telah direhatkan, rehat dahulu.

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: Tuan Yang di-Pertua, boleh dengar Tuan Yang di-Pertua, boleh saya cakap? Tuan Yang di-Pertua, memang betul saya diminta keluar. Saya telah keluar dan memang dalam arahan tadi tidak cakap sampai pukul berapa. Dia kata keluar dan saya sudah keluar, saya telah rehat setengah jam... *[Dewan riuh]*

Dato' Haji Ismail bin Mohamed Said [Kuala Krau]: Sudahlah Yang Berhormat Ipoh Timur, duduklah.

Dato' Abdul Manan Ismail [Paya Besar]: Cukup Tuan Yang di-Pertua, tidak ada masa.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Ipoh Timur, Yang Berhormat Ipoh Timur.

Dato' Shamsul Anuar Nasarah [Lenggong]: Yang Berhormat Kuala Kedah sudahlah! Inilah Melayu dicucuk hidung! Yang Berhormat Kuala Kedah... *[Dewan riuh]*

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, Ahli-ahli Yang Berhormat.

Dato' Shamsul Anuar Nasarah [Lenggong]: Sudahlah Yang Berhormat Kuala Kedah. Melayu dicucuk hidung, Yang Berhormat Kuala Kedahlah. Ini, ini, ini!

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Padang Serai, duduk Yang Berhormat Padang Serai. Ahli-ahli Yang Berhormat...

Dato' Haji Ismail bin Mohamed Said [Kuala Krau]: ...Yang Berhormat Gombak pun sama...

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat...

Tuan Mohamed Azmin Ali [Gombak]: UMNO perompak...

Dato' Haji Ismail bin Mohamed Said [Kuala Krau]: Kekayaan daripada mana Yang Berhormat Gombak?

Tuan Yang di-Pertua: Sudahlah Ahli-ahli Yang Berhormat. Ahli Yang Berhormat, hari ini adalah hari penghabisan kita bersidang untuk tahun ini.

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: *[Bangun]*

Tuan Yang di-Pertua: Duduk dulu Yang Berhormat Padang Serai. Jangan cemarkan suasana yang telah berlalu begitu baik selama 32 hari.

Dato' Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Selama 32 hari, baikkah?

Tuan Yang di-Pertua: Demokrasi sistem kita tetapi semuanya ada had. Boleh berhujah, kadang-kadang ada *political sidekick*. Jadi, kalau ada *political sidekick*, *kick* balik juga tetapi ada *limit*lah. Yang Berhormat Ipoh Timur, saya benarkan seminit dua lagi. Elakkan daripada *political sidekick*, *please*. Tumpukan kepada penyata kerana... Ahli-ahli Yang Berhormat yang lain, diamlah, sila. *You don't have much time*. Ada seminit dua lagi. *You require me to give a ruling on your usul*.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Ya, tindakan diambil supaya...

Beberapa Ahli: Yang Berhormat Padang Serai?

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Padang Serai, nanti dahulu Yang Berhormat Ipoh Timur, saya lupa. Yang Berhormat Padang Serai, rehat dahulu, ada dua, tiga minit lagi, rehat dahulu. Rehat dahulu di luar, sila. Nanti akan dipanggil juga, sila.

[YB Padang Serai keluar Dewan] [Tepuk]

Tuan Yang di-Pertua: Ya, Yang Berhormat Ipoh Timur sila.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Tindakan perlu diambil supaya tidak membenarkan ucapan-ucapan dusta, fitnah, hasutan atau ugut digunakan masa pilihan raya besar.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Padang Serai dipanggil pahlawan Melayu. Akan tetapi yang dukacita, PAS pun menjadi pahlawan DAP Tuan Yang di-Pertua... *[Dewan riuh]*

Datuk Haji Yusof Haji Mahal [Labuan]: Betul, betul.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Alat kepada DAP. PAS adalah baru kepada DAP.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Inilah bahasa orang yang bankrap, takut mengenai masa hadapan.

Tuan Mohamed Azmin Ali [Gombak]: UMNO ini macam lembu.

Dato' Shamsul Anuar Nasarah [Lenggong]: Orang Melayu dalam PAS, PKR yang tidak tahu sejarah, Yang Berhormat Ipoh Timur.

Tuan Yang di-Pertua: Sila, sila.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Akan tetapi apa yang kita harap ialah ada satu jentera, satu proses yang lebih sempurna. Sebab itu saya ada kemukakan cadangan pindaan tadi dan dengan rasmi saya kemukakan dan kes ini perlu satu *second*er untuk hal ini... *[Dewan riuh]*

Beberapa Ahli: Lembu, lembu.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: PAS lebih takut kepada DAP dan lebih hormat kepada DAP. Hari ini itu rupa dia Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, Ahli-ahli Yang Berhormat, ada dua minit lagi, kita kena rehat mengikut peraturan mesyuarat. Ahli Yang Berhormat, Yang Berhormat Kepong duduk.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: *[Keluar Dewan]*

Dato' Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Pahlawan sudah keluar, pahlawan sudah keluar... *[Dewan riuh]*

Beberapa Ahli: Lembu, lembu...

Tuan Yang di-Pertua: Sudah, sudah, sudah.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Anak jantan tidak keluarlah...

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Indera Mahkota, duduk. Yang Berhormat Lembah Pantai, duduk dahulu. Ahli Yang Berhormat, saya ada seminit, dua minit lagi untuk respons kepada usul yang dibentangkan tadi oleh Yang Berhormat Ipoh Timur. Ahli Yang Berhormat tidak sedar. Saya terpaksa buat *ruling* kepada itu Ahli Yang Berhormat. Sewaktu berhujah tadi, Yang Berhormat Ipoh Timur ada membangkitkan satu usul untuk pinda. Ini mustahak. Saya kena respons.

Saya ucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Ipoh Timur kerana sebentar tadi Yang Berhormat Ipoh Timur ada jumpa saya di *ante chamber* untuk memberitahu saya niat beliau. Saya cukup terima kasih. Kerana dia kata, "*I don't want to catch you by surprise.*" Saya ucap terima kasih. Apa yang disebut oleh Yang Berhormat Ipoh Timur ialah, dia kata penyata ini perlu diubah, dipinda. Jadi, cadangan beliau ialah bahawa Dewan ini mengambil ketetapan untuk mensyaratkan segala syor-syor yang telah dicadangkan oleh Jawatankuasa Pilihan Khas ini iaitu ini yang syor dibuat:

- (i) penggunaan dakwat kekal;
- (ii) pengundian awal;
- (iii) pengundi hadir luar negara;
- (iv) pengundi luar kawasan;
- (v) penukaran kawasan pendaftaran;
- (vi) pembersihan daftar pemilik;
- (vii) pameran daftar pemilik tambahan;
- (viii) ketelusan proses mengundi;
- (ix) penambahbaikan proses pencalonan dan
- (x) pengukuhan SPR.

Itu yang telah dilaporkan dalam penyata. Akan tetapi Yang Berhormat Ipoh Timur mengatakan bahawa usul ini perlu dipersetujui apabila ditambah perkataan-perkataan seperti berikut dan iaitu "*perlu dilaksanakan oleh Kabinet, Suruhanjaya Pilihan Raya dan agensi-agensi kerajaan yang berkaitan serta-merta dan mula berkuasa pada 1 Januari 2012 serta satu laporan perkembangan pelaksanaan semua syor tersebut dan syor-syor penambahbaikan pilihan raya yang lain perlu dibentangkan pada minggu pertama tahun 2012.*" Ini usul.

Jadi Yang Berhormat Ipoh Timur, saya bersetuju bahawa Peraturan Mesyuarat 30, kalau ia benar-benar ada kaitan dengan usul asal, tidak payah notis. Itu saya setuju. Akan tetapi apabila saya mengkaji usul yang dibentangkan oleh Yang Berhormat ini, ianya berkaitan tetapi *remote*. Ia bertentangan dengan Peraturan Mesyuarat 30(3) di mana mengatakan, "*Sesuatu pindaan itu tidak boleh mengeluarkan apa-apa perkara yang disyaratkan oleh Peraturan-peraturan Majlis hanya boleh dikeluarkan dengan usul bersendirinya setelah dikeluarkan pemberitahu.*"

Jadi, Yang Berhormat menggunakan usul 30(1) dan 30(4)(c) iaitu, '*dengan dimasukkan atau ditambah perkataan-perkataan lain*'. Jadi, "*perkataan-perkataan lain*" itu seperti yang saya baca tadi, setuju? Akan tetapi Yang Berhormat, dalam penyata, ia ada syor-syor. Apa Yang Berhormat kehendaki ini, penyata itu harus diubah dengan menambah apa yang disebut ini. Jadi, untuk berbuat begitu Yang Berhormat, Yang Berhormat meminta saya menggunakan budi bicara saya di bawah Peraturan Mesyuarat 31. Saya tidak boleh buat Yang Berhormat, kerana untuk mengubah penyata, mesti Majlis memersetujui, mesti ada perbincangan.

Apabila Majlis memersetujui, mesti ada notis dua minggu di bawah Peraturan Mesyuarat 27. Jadi, atas sebab oleh kerana *the fundamental spirit of the* penyata itu, akan terganggu oleh cadangan Yang Berhormat ini iaitu minggu pertama tahun 2012 mesti ada semua.

Bermakna semua ketetapan Yang Berhormat mengatakan ianya tergantung, atas sebab itu saya tidak membenarkan usul Yang Berhormat yang tadi kata tidak *require* notis kerana *this goes fundamentally to the spirit of the penyata*. *In order to do that, mesti ikut Peraturan Mesyuarat 27, that usul bersendirian perlu dibuat dan have to have notice*.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Adakah ini bererti bahawa Dewan yang mulia ini meluluskan usul di hadapan ini, ini tidak bererti. Oleh kerana *nothing needs to happen*. Bukankah ini sebenarnya *already inclusive* mengenai pindaan, *inclusive* tujuan bahawa ia perlu dilaksanakan.

Tuan Yang di-Pertua: Walaupun pada dasarnya saya bersetuju dengan pendapat Yang Berhormat tetapi saya tidak boleh bertindak di luar bidang kuasa saya menurut peraturan mesyuarat kerana tugas saya adalah cuma itu. Saya pun tidak juga mempunyai kuasa untuk memberi komen-komen kepada penyata yang dibuat.

Sama ada penyata itu tergantungkah, apakah, seperti apa yang disebut oleh Yang Berhormat tadi. Jadi, Ahli-ahli Yang Berhormat, pukul 1.04 petang, seperti biasa Majlis Mesyuarat ditangguhkan sehingga jam 2.30 petang nanti. Terima kasih.

Mesyuarat dtempohkan pada pukul 1.04 petang.

Mesyuarat disambung semula pada pukul 2.30 petang.

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Ronald Kiandee) mempengerusikan Mesyuarat]

Timbalan yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Ya, kita menyambung perbahasan. Dijemput Yang Berhormat Kubang Kerian.

2.33 ptg.

Tuan Salahuddin Haji Ayub [Kubang Kerian]: Tuan Yang di-Pertua. *Bismillaahir Rahmaanir Rahiim*. Saya juga mengucapkan terima kasih kerana diberikan peluang untuk membahaskan usul dan Laporan Jawatankuasa Pilihan Khas berhubung...

Timbalan yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Kubang Kerian, seperti yang telah diputuskan pagi tadi, perbahasan dihadkan kepada sepuluh minit.

Tuan Salahuddin Haji Ayub [Kubang Kerian]: Laporan Jawatankuasa Pilihan Khas berhubung dengan Penambahbaikan Proses Pilihan Raya dalam negara kita. Pertamanya saya mengucapkan syabas dan tahniah kepada Menteri Kota Marudu yang dipilih dan saya pun pernah bersama dengan beliau dalam Jawatankuasa Khas tentang PLKN dan Perpaduan. Dalam tempoh masa dua bulan mampu untuk menyiapkan interim *report* ini. Apa pun kelemahan dan kelebihan dalam laporan ini, ia telah membuktikan bermulanya suatu era yang mana kita mahu Parlimen mengambil tanggungjawab bagi menyelesaikan isu-isu tertangguh mengenai berlakunya kritikan yang serius terhadap perjalanan pilihan raya dalam negara kita ke arah kita memperoleh satu pilihan raya yang adil dan bersih dalam tempoh waktu terdekat.

Apa pun kerja kuat Jawatankuasa ini, kita ucapkan tahniah tetapi saya juga bimbang apakah interim *report* ini, cadangan-cadangan dan syor-syor yang terkandung ini akan menjadi suatu kenyataan? Ini semua memerlukan kembalinya iltizam Yang Amat Berhormat Perdana Menteri untuk mengotakan janjinya sebelum berlangsungnya pilihan raya umum yang akan datang ini pastinya perkara-perkara yang disyorkan ini menjadi suatu kenyataan. Walaupun beliau ada *prerogative*, dengan izin, untuk membubarkan Parlimen. Akan tetapi apakah maknanya Parlimen dibubarkan tanpa semua cadangan dan syor dan kerja kuat Jawatankuasa ini hanya tinggal dengan izin, *gone with the wind*. Ia perlu satu iltizam yang bersungguh-sungguh dan kita menuntut supaya Perdana Menteri mengotakan janjinya dan tidak akan membubarkan Parlimen yang ke-13 sebelum semuanya menjadi suatu kenyataan.

Tuan Yang di-Pertua, saya mungkin bermula dengan suatu cadangan yang telah pun saya buat seawal tahun 2004 apabila saya berpeluang berada dalam Dewan yang mulia ini, setiap tahun sama ada dalam membahaskan Titah Diraja dan ucapan belanjawan. Saya tidak pernah lupa dalam membahaskan tentang *reform*, tentang Parlimen, saya mahu semuanya berfikir ke arah menjadikan Parlimen lima tahun ini suatu kenyataan. Dalam syor-syor ini mungkin tidak sempat untuk jawatankuasa ini melakarkannya dalam interim *report* ini tetapi, sekiranya peluang yang lebih luas diberikan dan lebih banyak *Public Hearing*, dengan izin diadakan di seluruh negara dengan kita akan mendapati ramai pemerhati politik, politikus, mereka yang terlibat dalam perundangan dan seumpamanya, para cendekiawan sudah pasti akan gembira sekiranya kita dalam masa akan datang tetap ada untuk menyaksikan bahawa berlakunya apa yang dikatakan Parlimen lima tahun.

Semua yang menduduki jawatan Menteri tahu dan sedar, tugas mereka dengan rakyat adalah selama lima tahun. Selepas itu, barulah dalam masa 60 hari, Perdana Menteri boleh membubarkan Parlimen. Tidak perlulah dua setengah tahun sudah mula sibuk bilakah tarikh pilihan raya. Ini akan menyebabkan rakyat rugi. Keluar dari pejabat untuk berkempen, tidak tentu lagi bilakah Parlimen dibubarkan dan biarkan kita maju setapak lagi dengan kita ada Malaysia *insya-Allah*, Parlimen lima tahun.

Keduanya, apabila kita melihat sepintas lalu tentang satu artikel yang ditulis dalam memperingati legasi Tun Suffian, seorang bekas Ketua Hakim Negara yang dianggap dengan izin *legal giant* telah menyatakan dalam ungapannya yang masyhur; "*Apa-apa pun undang-undang, peraturan yang termaktub dalam mana-mana dunia pun, dalam mana-mana negara pun pastinya mengalami perubahan*". Latar belakangnya ialah budaya, latar belakangnya ialah dinamik masyarakat dan latar belakangnya adalah sistem politik yang semakin mencabar.

Oleh itu, kita yang selama ini berbangga dengan apa yang kita tiru daripada *Westminster, first-past-the-post* dengan satu lagi yang dikatakan *single member, territorial representation* dan satu lagi *multi-party electoral system*. Perkara ini semua boleh berubah dengan dinamik masyarakat, *civil society*, masyarakat madani yang bertamadun yang mahu menuntut ke arah suatu penambahbaikan yang lebih baik bagi negara ini.

Saya perlu merakamkan di dalam Dewan yang mulia ini Tuan Yang di-Pertua, bila kita berdiri di sini ataupun di luar sana, minta supaya dilaksanakan dengan izin, *indelible ink*, dakwat kekal. Apakah kata Pengerusi SPR pada waktu itu? Apa kata Menteri-menteri yang menjawab pada waktu itu? Kita jauh. Kita *backward* kononnya. Kita meniru contoh yang kuno kononnya. Akan tetapi pada hari ini, penerimaan dakwat kekal ini diterima oleh jawatankuasa ini kerana salah satu mekanisme terbaik untuk mengelakkan sebarang penipuan. Paling tidak pun mungkin tidak 100 peratus tetapi meminimumkan apa yang dikatakan penguasaan SPR terhadap mereka yang mengundi lebih daripada satu kali dalam mana-mana pilihan raya. Jadi apa yang penting bagi saya adalah akhirnya kita memperakui, Parlimen memperakui bahawa *indelible ink* ini adalah merupakan satu mekanisme terbaik untuk kita ke arah pilihan raya yang adil dan bersih.

■1440

Dr. Dzulkefly Ahmad [Kuala Selangor]: Boleh sedikit, boleh Tuan Yang di-Pertua?

Tuan Salahuddin Haji Ayub [Kubang Kerian]: Sila-sila.

Dr. Dzulkefly Ahmad [Kuala Selangor]: Terima kasih Yang Berhormat Kubang Kerian. Semua kita di dalam Dewan ini merakamkan jutaan tahniah kepada PSC dan pengerusinya serta anggotanya kerana pada saya sebagai Ahli Parlimen penggal pertama, juga merasakan waktu-waktu dan detik-detik di mana saya dapat merasakan bagaimana matang dan dapat kita perkukuhkan *best practice* di dalam Parlimen ini dengan penubuhan *extensive consultation*, dengan sifat partisan.

Yang Berhormat Kubang Kerian, dalam apa juga yang telah kita sebutkan dan semua yang telah berucap sebentar tadi, apakah jaminan bahawa segala cita-cita dan resolusi yang baik ini Tuan Yang di-Pertua, dapat kita saksikan pelaksanaan dan implementasinya.

Ini khususnya diambang Pilihanraya Umum Ke-13 ini, apakah boleh kita tetapkan satu *bottom line*, dengan izin, *target* supaya paling tidaknya beberapa perkara dalam apa yang dikatakan sebagai resolusi itu dilaksanakan terdahulu daripada pembubaran Parlimen yang boleh dibuat oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, dan terima kasih Yang Berhormat Kubang Kerian.

Tuan Salahuddin Haji Ayub [Kubang Kerian]: Terima kasih Yang Berhormat Kuala Selangor di atas input yang sangat baik itu. Saya kembali untuk menyatakan bahawa ini terpulang kepada iltizam Perdana Menteri *walk the talk*, kotakan janji, kita rela untuk kalah dalam pilihan raya adil dan bersih. Kalau pilihan raya adil dan bersih mungkin kita menang. Kalau Barisan Nasional menang menanglah, kalau dia tidak menang kita pula duduk di sebelah sana, itu tidak ada masalah. Jadi yang penting ialah suatu pilihan raya yang adil dan bersih yang kita perjuangkan selama ini.

Kedua, saya juga ingin menyatakan kepada Yang Berhormat Menteri sebagai mungkin unjuran apa yang tidak terdapat dalam *internal report* ini adalah tentang kebebasan media, yang mesti menjadi suatu hakikat yang diterima pada hari ini, dengarlah suara anak muda, dengarlah suara mereka. Amerika boleh jatuh kerana jari jemari yang lembut di kalangan anak muda, dunia dan kerajaan jatuh padahal dia tidak perlu lagi menggunakan *squad*, tidak perlu lagi militan, kerajaan dunia boleh jatuh dengan dunia baru, media baru, kita mahu rakyat dididik secukupnya. Pukul 11 tadi, satu jam Perhimpunan Agung UMNO *on air*. Tidak apalah! Apa pun berilah peluang kepada kami pula apa salahnya.

Kita mahu lihat esok dalam Pilihanraya Umum Ke-13 capaian media, parti-parti pembangkang dibenarkan kita ke udara. Biar rakyat tengok, biar 28 juta rakyat tengok Perdana Menteri dan bakal Perdana Menteri bertembung, berdiskusi, melontarkan idea-idea dan gagasan untuk rakyat memilih sesiapa yang terbaik di kalangan kita. Itu bukan sukar untuk kita laksanakan.

Tidak perlu pindaan perlembagaan, jangan pula nanti Menteri Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan kata macam AG dahulu, berdolak-dalik, *flip-flop*, tidak boleh *indelible ink*, tidak boleh hendak calit jari, dakwat ini hendak pinda perlembagaan, apabila di panggil di hadapan *committee* ini, oh! ya tidak perlu meminda perlembagaan, apa ini?

Jadi kita harus - jangan tipu orang muda di luar sana, baik kita di sini di sana, *we don't want to look stupid*, dengan izin. Kita mahu menjadi pemimpin, Ahli Parlimen yang punya integriti, yang punya amanah dan tanggungjawab dan kita buktikan dalam setiap kali *Select Committee* ada wakil rakyat daripada BN dan pembangkang yang boleh duduk semeja berfikir untuk negara, ini yang kita mahu.

Oleh itu saya berharap media dalam pilihan raya akan datang akan menjadi lebih bebas, PAP di Singapura pun tahu Encik Lee Kuan Yew di hujung usianya pun tahu, bahawa PAP tidak akan lagi relevan dalam lima tahun akan datang kalau PAP tidak berubah. Apabila dibuat pilihan raya pada 7 Mei 2011, dibuka sedikit media Singapura, *Alhamdulillah* lapan kawasan Parlimen jatuh di tangan pembangkang. Tidak ada lagi yang kena saman jadi bankrap, maknanya mereka pun sedar bahawa demokrasi itu perlu disuburkan. Jadi kita mahu negara kita ini menjadi lebih baik dalam pilihan raya umum yang akan datang.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat.

Tuan Salahuddin Haji Ayub [Kubang Kerian]: Dalam dua minit Tuan Yang di-Pertua. Satu lagi tentang yang paling penting ialah PSC, *recommend establishment of Royal Commission of Inquiry to investigate to inflect of foreigner's in electoral list*, ini sangat penting. Perlu ada satu suruhanjaya untuk menyiasat sepenuhnya dakwaan dan segala bukti yang saya rasa kalau suruhanjaya juga diberikan kuasa untuk membuat *public hearing* lebih banyak bukti yang boleh kita bawa memang terdapatnya satu sindiket mendaftarkan, memberikan warganegara kepada rakyat asing untuk mereka mengundi dalam pilihan raya umum yang akan datang. Ini sangat besar kesannya kepada negara kita.

Jangan fikir jangka pendek, fikir jangka panjang ini negara kita. Ini rumah kita dan menjadi tanggungjawab untuk kita menghalang berlakunya sebarang pengkhianatan terhadap Negara Malaysia ini, kita mahu ia menjadi suatu kenyataan.

Tubuhkan satu *Royal Commission* untuk menyiasat dakwaan bahawa orang asing didaftarkan dan mereka diberikan hak mengundi. Ini sangat berbahaya kepada keselamatan negara. Sekian, terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Pasir Mas.

2.46 ptg.

Dato' Ibrahim Ali [Pasir Mas]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya turut bangun untuk membahaskan Laporan Jawatankuasa Pilihan Khas berhubung dengan Penambahbaikan Proses Pilihan Raya. Pertamanya, saya ingin mengucapkan tahniah kepada Yang Berhormat Menteri yang mempengerusikan jawatankuasa ini bersama-sama dengan anggotanya kerana telah dapat melakukan kerja dengan begini cepat.

Saya juga ingin mengucapkan tahniah sekali lagi kepada kerajaan, kerana bersikap terbuka sehingga bersetuju untuk menubuhkan Jawatankuasa Pilihan Khas ini. Kalaulah kerajaan ini bersikap kuku besi, bersikap tidak adil maka sudah tentu jawatankuasa ini tidak ditubuhkan. Manakala kita tahu pilihan raya selama ini memang tidak dapat dinafikan ada kelemahan-kelemahan yang terdapat dalam SPR. Akan tetapi saya tidak menjangka bahawa kelemahan-kelemahan yang ada itu merupakan suatu rancangan yang besar untuk mengalahkan parti pembangkang bagi pihak kerajaan.

Walau bagaimanapun, apabila jawatankuasa ini ditubuhkan, kita lihat keikhlasan dan sikap keterbukaan kerajaan yang harus diterima baik. Janganlah pula apabila kerajaan sudah mula menunjuk tolak ansur, sudah menunjukkan sikap bekerjasama kita mengambil kesempatan menyampaikan ucapan-ucapan retorik semata-mata untuk meraih sokongan politik ataupun mendapatkan *political mileage* semata-mata.

Oleh sebab kita semua sedia maklum Tuan Yang di-Pertua, sudah 11 kali Malaysia mengadakan pilihan raya dan yang terbaru tahun 2008, kita lihat bagaimana Kerajaan Barisan Nasional selama ini boleh kehilangan Kerajaan Negeri Selangor, Kerajaan Negeri Perak, Kerajaan Negeri Kedah dan Kerajaan Negeri Pulau Pinang yang dikira kerajaan-kerajaan atau negeri-negeri yang kuat dari segi ekonomi, nadi kepada negeri-negeri di Malaysia jatuh ke tangan pembangkang dan hilang 2/3 majoriti di Dewan Rakyat. Kalaulah ianya merupakan satu pilihan raya yang tidak adil sudah tentu mereka ini tidak mendapat kemenangan. Jadi yang baik itu terimalah juga sedikit sebanyak kalau kita hendak orang ikhlas dengan kita, kita pun mesti ikhlas dengan pihak lawan kita.

Tuan Yang di-Pertua, saya hendak merujuk kepada penggunaan dakwat kekal ini. Saya turut menyokong, cuma satu sahaja saya hendak minta Yang Berhormat Menteri yang menjadi pengerusi kepada jawatankuasa ini, saya hendak minta dirujuk kepada Majlis Fatwa Kebangsaan. Perkara ini tidak dijelaskan di dalam al-Quran atau di dalam Hadis. Mengikut amalan Islam selain daripada al-Quran, Hadis ia mesti dirujuk kepada ijtimak ulama ataupun paling tidak dirujuk kepada Majlis-majlis Fatwa Kebangsaan.

Oleh sebab apabila digunakan dakwat dan dakwat itu kekal hendak memastikan orang yang mengundi tidak mengundi kali yang kedua, tentulah dakwat yang dicelup ini akan mengambil masa beberapa jam ataupun akan kekal satu hari. Ada pandangan mengatakan bila dibasuh dakwat kekal yang digunakan ini boleh mengambil wuduk dan boleh melakukan solat dan dikira sah?

■1450

Ini pandangan-pandangan yang berbeza-beza di kalangan para ulama. Jadi kita mesti rujuk kepada Majlis Fatwa Kebangsaan kalau tidak ia timbul masalah krisis pandangan dari segi akidah pula ini yang membabitkan soal ibadah umat Islam. Jadi ini amat penting. Wajib perlu rujuk kepada Majlis Fatwa Kebangsaan. Sebagai orang Islam, saya sudah menyatakan secara rasmi dalam Dewan yang mulia ini saya sudah melangsaikan tanggungjawab saya.

Sebab kalau saya tidak menyatakan demikian, esok kalau timbul pertikaian, krisis, dan keraguan bagi kalangan umat Islam mungkin ada yang tidak mahu mengundi nanti sebab perlu celup dakwat.

Saya tidak mahu mengundi sebab solat saya yang lima kali sehari itu nanti tidak sah sebab ada tanda di tangan ini. Ini penting bagi umat Islam dan ini wajib mesti dirujuk kepada Majlis Fatwa Kebangsaan selagi Majlis Fatwa Kebangsaan tidak merestui atau pun mengatakan tidak boleh kita mesti patuh. Jangan kita politikkan perkara-perkara yang berkaitan dengan ibadat terutamanya perkara-perkara yang berkaitan dengan kepentingan agama. Jangan kita ikut solat kepentingan politik semata-mata...

Tuan Mohd. Nasir bin Zakaria [Padang Terap]: Yang Berhormat Pasir Mas.

Dato' Ibrahim Ali [Pasir Mas]: Tuan Yang di-Pertua, saya tidak ada masa. *You* cakup nanti. Saya masa tidak ada.

Tuan Mohd. Nasir bin Zakaria [Padang Terap]: Majlis Fatwa Kebangsaan sudah buat keputusan sudah.

Dato' Ibrahim Ali [Pasir Mas]: *You* bercakap nanti. Tidak, Yang Berhormat bercakap nanti. Saya tidak ada masa ini. Ada 10 minit sahaja.

Tuan Mohd. Nasir bin Zakaria [Padang Terap]: Majlis Fatwa Kebangsaan sudah buat keputusan sudah, boleh.

Dato' Ibrahim Ali [Pasir Mas]: Masa 10 minit sahaja, tidak mengapalah.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat. Ya, dia tidak beri jalan Yang Berhormat.

Dato' Ibrahim Ali [Pasir Mas]: Kalau Majlis Fatwa Kebangsaan sudah buat keputusan, biar Yang Berhormat Menteri menjawab. Tidak perlu hendak melenting, tidak payah hendak itu - tunggu dan sabar. *Insyaa-Allah*, Allah Taala sudah janji sudah. Orang yang zalim, kalau kerajaan zalim, kerajaan akan dihukum oleh Allah Taala. Begitu juga sebelah sini pun. Tidak usah hendak bimbang. Tidak perlu hendak ambil kerja Allah Taala ini. Serah kepada kerja Allah Taala untuk menentukan orang ini betul atau orang ini tidak betul. Ada hukuman dunia dan ada hukuman akhirat. Itu dia Tuan Yang di-Pertua.

Kedua, saya hendak bangkit di sini soal masalah pengurusan daftar pemilih. Satu perkara yang saya hendak tarik perhatian. Ini soal pindah pengundi ini. Pindah pengundi ini dilakukan oleh setahu sayalah semua parti politik di mana dia lihat kalau kawasan ini undinya kurang. Dia hendak menang, dia cari kawasan yang ada lebih undi. Contohnya, kalau di Kuala Lumpur di bandar raya kawasan besar. Penduduk pengundinya majoritinya kaum Tionghoa ratus ribu pengundi. Jadi dia lebih undi. Jadi dia lihat kawasan-kawasan dia hendak mengalahkan pihak lain dia bawa pengundi ini dia daftar, mengundi di kawasan baru dan ini dilakukan oleh semua parti politik. Jangan hendak bohong! Jangan hendak bohong! Semua parti politik lakukan kerja ini.

Oleh sebab itu ada alamat Tuan Yang di-Pertua, satu rumah ada tujuh alamat, tujuh pengundi dan lapan pengundi. Kalau boleh disemak balik hanya tuan punya rumah, suami, isteri, dan anak-anaknya yang tinggal di situ sahaja yang sah boleh mengundi. Nama yang tidak ada kena mengena dengan alamat dan keluarga itu patut ditotal dan dipadamkan dari daftar pemilih. Ini tidak ada sesiapa bercakap pun! Sebab masing-masing buat! Masing-masing hendak menang! Selepas itu tuduh orang tidak adil, tuduh orang tidak jujur. Boleh bersumpah kalau mereka tidak buat. Saya tahu mereka buat sebab dengan pembangkang ini pun saya lama juga berkawan, bukan sekali dua. Memang kerja-kerja ini dibuat. Apabila sampai waktu hendak pilihan raya dan sebelum waktu pilihan raya saya tahu mereka buat. Jadi sebab itu saya hendak minta supaya perkara ini diberi perhatian.

Ketiga Tuan Yang di-Pertua, ini masalah proses pencalonan ini. Ini saya hendak kaitkanlah. Saya sudah cadangkan dalam perbahasan di peringkat dasar ini dahulu, kita di Malaysia ini memang ada kebebasan boleh bertanding dua kerusi. Peringkat Parlimen dan peringkat negeri. Bagi yang bertanding dua ini nampaknya tamak sangat, dua gaji. Boleh jadi Ahli Parlimen, Menteri Besar dan Exco.

Dato' Shamsul Anuar Nasarah [Lenggong]: Yang Berhormat Bukit Gantang, jadi satu cukup?

Dato' Ibrahim Ali [Pasir Mas]: Jadi, masa mana dia hendak berkhidmat kepada rakyat? Ahli-ahli parti pun ramai.

Seorang Ahli: [*Menyampuk*] Tidak ada kawasan pun.

Dato' Ibrahim Ali [Pasir Mas]: Ahli-ahli parti ramai dalam pembangkang dan dalam kerajaan. Bagilah peluang orang lain bertanding. Ini ada parti politik sampai satu keluarga bertanding. Anak, isteri, suami, cucu, cicit pun mungkin...

Dato' Shamsul Anuar Nasarah [Lenggong]: ...Menantu-menantu.

Dato' Ibrahim Ali [Pasir Mas]: Dan menantu pun bertanding. Selepas itu tuduh orang kronisme dan nepotisme. Akan tetapi, mereka inilah yang turut bertanding. Jadi saya cadangkan dihadkan satu orang satu sahaja boleh bertanding sama ada Parlimen atau pun negeri. Supaya rakyat menerima khidmat wakil rakyat yang betul-betul berkesan. Ini ada yang bertanding Parlimen di Selangor atau pun bertanding *state* di Perak, bertanding Parlimen di Selangor. Ada bertanding di Melaka *state* bertanding Parlimen di Pulau Pinang dan bertanding Parlimen di Perak. Punya tamak! Mana yang dikatakan tulus dan ikhlas ini? Tidak tahulah sama ada cicit pun esok-esok akan bertanding juga, *wallahualam*.

Jadi Tuan Yang di-Pertua, ini dari segi penambahbaikan untuk kepentingan rakyat kalau betul-betul kita ikhlas. Akan tetapi, saya lihat semua ini hendak skor *political mileage* sahaja. Hendak bermain dengan sentimen rakyat dan anak-anak muda yang sekarang ini kita tahu cerdik pandang tetapi tidak tahu sejarah politik, tidak tahu masalah yang berlaku dalam negara dia dari segi masyarakat majmuk, hal-hal atau perkara-perkara yang sentimen dan perkara-perkara yang agama. Mereka tidak tahu. Cuma kita mengapi-apikan anak muda. Anak muda perubahan, anak muda dengan kebangkitan rakyat di seluruh dunia.

Sentimen-sentimen ini saya tahu sebab waktu saya menjadi pemimpin pelajar di ITM tahun 1974 dahulu memang sebagai anak muda kalau kita bersyarah, kita api-apikan memang emosi mudah naik walaupun kebenarannya tidak tahu ke mana. Sekarang ini pun digunakan kaedah yang sama. Saya hendak mintalah supaya Ahli-ahli politik bertanggungjawab. Dalam kita hendak meraih undi, jangan kita bermain dengan sentimen anak-anak muda walaupun ada anak-anak muda yang sudah cerdik pandai tetapi apabila disentuh emosi, orang yang cerdik pandai pun tidak boleh kawal emosinya.

Jadi Tuan Yang di-Pertua, oleh sebab itu saya haraplah masing-masing dan semua bertanggungjawab. Kalau kita tuduh orang zalim, kita jangan zalim. Kalau kita tuduh orang tidak bersih, kita perlu bersih. Baik akhlak, baik moral, dan baik segala-galanya mesti bersih. Jadi inilah prinsip yang harus kita pegang bersama. Tuan Yang di-Pertua, masa sudah cukup. Terima kasih dan saya harap Yang Berhormat Menteri, kalau Majlis Fatwa Kebangsaan telah buat keputusan tolong bawa keluar fatwa ini tunjuk saya hendak lihat secara rasmi. Ini kerana saya cukup bimbang perkara ini sudah pun ditanya oleh pengundi-pengundi yang umat Islam di kawasan saya. Sekian, terima kasih. Saya menyokong Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Lembah Pantai.

2.57 ptg.

Puan Nurul Izzah Anwar [Lembah Pantai]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua di atas peluang yang diberikan kepada Yang Berhormat Lembah Pantai untuk turut serta dalam membahaskan Laporan Jawatankuasa Pilihan Khas berhubung dengan penambahbaikan proses pilihan raya. Seperti yang disebut oleh Ahli Parlimen yang sebelum ini, kita sekarang ini meneruskan dalam laporan awal ini tiga tuntutan BERSIH 2.0 gabungan yang pada mulanya ditolak dengan begitu keras oleh kerajaan sekurang-kurangnya dalam peringkat awal. Kalau hendak pergi bercakap pergilah masa persidangan UMNO. Ini dalam perbahasan. Tiga perkara utama iaitu pertama membersihkan senarai undi. Isu mereformasikan undi pos dan penggunaan dakwat kekal.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyatakan di sini, ini merupakan sesuatu sejarah yang amat penting memandangkan buat kali pertamanya dalam sejarah Malaysia, Kerajaan Barisan Nasional mengakui betapa tempang dan lemahnya sistem pilihan raya umum yang telah dilaksanakan setakat ini sehingga mengangkat pada permulaan ketiga-tiga daripada tuntutan gabungan 62 NGO dalam gabungan BERSIH.

Saya fikir apabila kita bercakap tentang pilihan raya umum, kita mahu mandat yang didapati daripada oleh pimpinan kerajaan oleh rakyat menerusi satu sistem pilihan raya yang telus, bersih, dan adil. Bukannya melalui penipuan mahupun manipulasi... [*Dewan riu*] Semua Ahli Parlimen tidak kira parti memang mahukan sistem ini supaya kemahuan rakyat, undi rakyat...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat, Yang Berhormat.

Puan Nurul Izzah Anwar [Lembah Pantai]: Tuntutan rakyat itu dapat diterjemahkan menerusi sistem yang terbaik.

Di kala ini saya fikir Tuan Yang di-Pertua, usul yang dibawa oleh Yang Berhormat Ipoh Timur sebentar tadi bersekali dengan Yang Berhormat Permatang Pauh penting kerana kita mahu bukan sahaja Jawatankuasa berikan usul untuk dilaksanakan sebelum atau menjelang pilihan raya umum yang ketiga belas. Akan tetapi, juga memastikan ianya diambil, diangkat oleh kerajaan, Kabinet, dan termasuk juga oleh Suruhanjaya Pilihan Raya Malaysia. Saya sebut kerana apa? Ini kerana dalam keputusan penggunaan dakwat kekal, *indelible ink*, perkara pertama pada tahun 2008, tiga hari sahaja sebelum pilihan raya umum diputuskan, tetapi masih lagi ditarik balik oleh SPR.

■1500

Pada ketika itu, ada alasan diberikan. Saya tidak akan ulang, hanya hendak menyatakan walaupun *on record* Tuan Yang di-Pertua, dikatakan oleh Yang Berhormat Menteri, *on record* Yang Berhormat Menteri kata cadangan keputusan untuk tarik balik itu dilaksanakan oleh SPR bukan mengikut arahan daripada Kabinet. Malangnya, dalam jawapan Timbalan Pengerusi SPR kepada saya dan kepada umum dalam sebuah forum, disebut oleh beliau bahawa menarik balik dakwat kekal itu kerana mereka terikat dengan keputusan Kabinet.

Jadi kita tidak mahu bila sudah diputuskan oleh Jawatankuasa, Pengerusi pun ada dengan segala bentuk harapan oleh rakyat, pada akhirnya tidak langsung dilaksanakan kerana ada unsur-unsur tangan-tangan hitam politik yang mengganggu-gugat pelaksanaannya. Jadi, saya fikir perlu ada *time line*. Pada 1 Januari 2012 itu adalah tarikh terbaik untuk memastikan semua rekomendasi ini peringkat awal, bukan semuanya pun, peringkat awal dilaksanakan serta-merta.

Saya fikir isu dakwat kekal juga seharusnya digunakan setelah selesainya pengundi menunaikan tanggungjawab. Isu dakwat kekal ini pun sudah jelas daripada segi kalau selagi dakwat itu bukan daripada bahan-bahan najis yang diharamkan, tidak mendatangkan mudarat dan air itu boleh sampai kekulit, memang diterima pakai di 130 buah negara di seluruh dunia. Saya fikir, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri pun beliau memang suka untuk menggunakan contoh-contoh negara luar. Contoh semasa Rang Undang-undang Perhimpunan Aman dibentangkan, guna contoh Moldova, Northern Ireland, Ayr Queensland Australia dan juga UK. Jadi kita, sudah kerajaan guna APCO, FBC dan juga banyak perunding daripada United Kingdom, tidak ada salah untuk melaksanakan satu tuntutan yang telah dilaksanakan di banyak negara.

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya saya pergi kepada isu yang berkait dengan proses pengundian awal ini. Saya hanya mahu memastikan bila dibangkitkan daripada cadangan ini walaupun kita bersetuju 100 peratus, untuk peringkat awal perlulah dipastikan bila dilaksanakan pengundian itu, di mana. Mekanismenya bagaimana? Adakah di dalam ataupun di luar kem dan senarai pemilih itu sendiri mesti dipastikan adalah senarai yang tidak ada dua atau pun tiga kali *repetition*, dengan izin, di kem-kem yang berlainan seperti yang didakwa berlaku sebelumnya.

Bila pengiraan undi dilakukan, dilakukan pada hari yang sama dengan pengundian termasuk dilampirkan, diberikan kepada semua PACA iaitu *polling agent*, *counting agent*, borang 13 sama seperti dalam pilihan raya umum. Ini wajib dilaksanakan.

Saya fikir yang cadangan ketiga Tuan Yang di-Pertua, isu *absentee voters* atau pengundi tidak hadir luar negara. Sekarang ini ada enam rakyat Malaysia yang bekerja di luar negara. *Alhamdulillah* tuntutan mereka agar diterima pakai sebagai pengundi tidak hadir akan terlaksana bila dibuat serta-merta cadangan yang dibawa oleh Suruhanjaya atau Jawatankuasa Pilihan Khas ini. Enam pemohon ini sekarang ini membawa isu ini ke mahkamah. Saya fikir perlu dilaksanakan sekali lagi mekanisme dalam bab ini kerana ia bukan mudah. Ia mengambil masa untuk daftar mereka dan sebagainya. Contoh yang dilakukan di Singapura itu amat berkesan sekali. Saya fikir tidak ada salahnya untuk kita pastikan SPR dengan serta-merta melihat, meneliti pelaksanaannya supaya tidak sukar kelak. Ini kerana kalau sudah diumumkan berkali-kali, katanya oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri bahawa di laksana sekarang di konsulat kita, tetapi pada hakikatnya, pada realitinya banyak daripada mereka tidak tahu pun borang mana yang mahu diguna pakai. Jadi, ada satu jurang di antara perancangan dan juga pelaksanaan. Saya harap dapat diambil dengan serius.

Isu-isu lain telah dibangkitkan, hanya tambahan kepada cadangan pembersihan daftar pemilih. Walaupun sudah diputuskan MIMOS Berhad yang membuat verifikasi, saya pohon kerana dalam perbincangan awal antara Timbalan Pengerusi SPR dan juga Dato' Ambiga, forum umum kepada rakyat pada ketika itu dibangkitkan dengan para audit pihak ketiga. Ini kerana sekarang sistem dakwaan yang utama adalah tidak adanya keterbukaan, tidak adanya transparansi, adanya manipulasi dan sebagainya. Jadi tanpa kehadiran pihak ketiga untuk membuat verifikasi, maka kita akan berhadapan dengan masalah, dengan isu kredibiliti kebolehpercayaan pengundi dengan sistem tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, saya fikir isu yang dibangkitkan juga oleh Pengerusi Jawatankuasa Pilihan Khas tadi berkait dengan suruhanjaya yang akan diadakan khusus dengan kemelut yang banyak pihak mentermakan sebagai projek IC di Sabah. Latar belakang sejarah projek IC di Sabah ini berbangkit dengan dakwaan yang dibawa oleh Aktivistik Hak Asasi dan Masyarakat, Dr. Chong Eng Leong, Tuan Yang di-Pertua. Menurut kajiannya sehingga tahun 2005, seramai 600,000 orang pendatang tanpa izin yang mendapat status kewarganegaraan melalui projek IC di Sabah. Kita di Semenanjung baru bermula untuk mendapatkan butiran-butiran. Akan tetapi, projek IC yang bermula sejak tahun 1980-an dan tahun 1990-an merupakan projek rahsia tersusun yang membabitkan beberapa parti politik termasuklah SPR, Jabatan Pendaftaran Negara dan Jabatan Imigresen. Oleh sebab itu saya bangkitkan. Apabila kita selidik, hendak beri kepada MIMOS, perlu ada sebuah lagi Jawatankuasa yang dapat mengaudit bagaimana ia dilaksanakan.

Dakwaan Dr. Chong termasuklah Tuan Yang di-Pertua, penduduk tempatan yang dilahirkan di Sabah, ia meningkat hanya 120,000 orang antara 51 hingga 60. Akan tetapi dalam daftar pemilih tahun 1999, sebanyak 150,000 orang. Jika 80 peratus daripada 120,000 orang itu merupakan pengundi berdaftar, jadi pengundi kelahiran Sabah bawah 100,000 orang. Mengapa ada 150,000 orang? Jadi, banyak perbezaan ini perlu diperhalusi dalam suruhanjaya yang saya fikirkan tidak perlu dikatakan akan bermula sebagai penyelesaian jangka masa panjang boleh dimulakan serta-merta walaupun tidak selesai sebelum pilihan raya umum yang akan datang.

Saya juga ingin menyatakan di sini Tuan Yang di-Pertua, bila bercakap tentang semua ini saya rasa begitulah pentingnya orang bercakap tentang keperluan sistem dua parti. Satu budaya politik yang terbuka, sistem yang berlainan. Ini kerana 54 tahun kerajaan Barisan Nasional memerintah, tidak pernah pun diambil secara serius isu reformasi sistem pilihan raya. Berkali-kali disebut dan saya fikir kerana itu ramai yang mengatakan UMNO dan BN ini anti rakyat. Ini kerana pada permulaannya bila perhimpunan Bersih pun di umum dengan tuntutan yang sebegini, tidak ada berlainan, sama sahaja seperti yang disuarakan oleh Yang Berhormat Menteri. Tidak diberikan ruangan, malah diasak dan dikasari.

Sehingga ke hari ini, walaupun dilaksanakan Rang Undang-undang Perhimpunan Aman dan sebagainya, itu jauh menyasar daripada keperluan asas termasuklah dakwaan di mahkamah di bawah Akta Polis yang masih lagi berdiri, yang masih lagi relevan dan *binding*.

Saya fikir kalau bukan adanya dua minit lagi. Bukan adanya Ahli-ahli Parlimen Pakatan Rakyat, tentunya Kerajaan Barisan Nasional akan melaksanakan undang-undang GST. Baru hari ini hendak tarik balik, semalam masih ada lagi dalam Aturan Mesyuarat.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat.

Puan Nurul Izzah Anwar [Lembah Pantai]: Terakhir Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mencadangkan kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri untuk *walk the talk* dengan menambah lagi satu cadangan. Yang Amat Berhormat Perdana Menteri mencadangkan Gagasan 1Malaysia, maka wajiblah Yang Amat Berhormat Perdana Menteri yang mahu mempertahankan gagasan ini, sebagai Presiden UMNO termasuk dengan Timbalan Presidennya, Ketua Wanita UMNO dan Ketua Pemuda UMNO untuk bertanding di Kerusi Parlimen 1Malaysia. Kerusi-kerusi yang saya termakan sekurang-kurangnya lebih 60 peratus pengundi Melayu, tidak boleh sudah terima. Perlu kurang daripada 60 peratus pengundi Melayu, 20 peratus daripada pengundi Cina dan 20 peratus pengundi India.

■1510

Hendak ada dilihat kemajmukannya. Kalau hendak kata tidak cukup kerusi Parlimen saya kata 115 kerusi Parlimen yang menggambarkan imej 1Malaysia ini. Jadi Perdana Menteri tidak boleh lagi bertanding di kawasan Pekan. Oleh kerana di pekan ada 92.9 peratus pengundi Melayu. Dia tidak menggambarkan sebuah presiden parti yang mengucapkan kalimah 1Malaysia... [*Dewan riuh*]

Dato' Shamsul Anuar Nasarah [Lenggong]: Apalah, tanding di Lenggong, Lenggong!

Puan Nurul Izzah Anwar [Lembah Pantai]: Bertanding di kawasan Melayu.

Tuan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Habiskan Yang Berhormat.

Dato' Shamsul Anuar Nasarah [Lenggong]: Yang Berhormat Lembah Pantai, tanding Lenggong. Datang Lenggong, datang Lenggong!

Puan Nurul Izzah Anwar [Lembah Pantai]: Terakhir saya juga minta Presiden UMNO Perdana Menteri untuk mengumumkan, dia kata ketua wanita tidak bersalah. Dia kata SPRM kata memang bebas daripada segala dakwaan. Semuanya *above board*. Beli *Mercedes* kah, beli kondominium kah, semuanya *above board*. Saya hendak diumumkan..

Dato' Shamsul Anuar Nasarah [Lenggong]: Jawatan parti pun tidak bertanding.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat habiskan.

Puan Nurul Izzah Anwar [Lembah Pantai]: ...Bahawa Ketua Wanita UMNO boleh bertanding di kawasan Lembah Pantai kerana dulunya dilihat sebagai kuota kerusi wanita UMNO. Jadi dipertandingkan untuk pastikan.

Dato' Shamsul Anuar Nasarah [Lenggong]: Demokrasi dalam parti lah dulu. Dalam parti pun kuku besi.

Puan Nurul Izzah Anwar [Lembah Pantai]: ...Boleh hidup balik seiring dengan semangat. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya menyokong usul ini. Harap dapat bertanding juga di kawasan 1Malaysia.

Dato' Shamsul Anuar Nasarah [Lenggong]: Parti sendiri pun kuku besi.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Kota Belud.

Dato' Shamsul Anuar Nasarah [Lenggong]: Ketua Umum pun tidak ada bertanding.

Dato' Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]: Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin hendak mengambil peluang ini untuk berbahas dalam penyata Jawatankuasa Pilihan Khas Berhubung Dengan Penambahbaikan Pilihan Raya yang dibentangkan oleh Yang Berhormat Kota Marudu tadi.

Sebelum saya pergi ke hujah-hujah saya Tuan Yang di-Pertua, saya ingin juga komen beberapa perkara yang telah dibawa oleh Yang Berhormat puteri reformasi ini, Yang Berhormat Lembah Pantai ini. Terutama sekali saya rasa Yang Berhormat Lembah Pantai harus bertanya kepada Yang Berhormat Permatang Pauh, enam belas tahun di dalam kerajaan, banyak yang telah dikatakan oleh Yang Berhormat Lembah Pantai tadi itu mengatakan Barisan Nasional setelah 50 tahun tidak mahu berubah, banyak masalah. Baru hari ini kononnya sedar bahawa ada masalah di dalam SPR - pengendalian pilihan raya.

Saya hendak tanya, enam belas tahun Yang Berhormat Permatang Pauh berada di dalam pilihan raya termasuk juga waktu itu Yang Berhormat Permatang Pauh *single handedly* jaga negeri Sabah untuk kepentingan beliau. Jangan *deny*, jangan *deny*. Sabah itu adalah *fixed deposit* Yang Berhormat Permatang Pauh pada waktu itu untuk menjadi pemimpin besar di dalam UMNO.

Jadi selagi saya tidak mendengar Yang Berhormat Permatang Pauh minta maaf kepada rakyat kerana kerakusan beliau enam belas tahun bersekongkol kononnya dengan kerajaan saya rasa puteri reformasi tidak berhak untuk...

Dato' Seri Anwar Ibrahim [Permatang Pauh]: Boleh bagi laluan sekejap?

Dato' Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]: Minta jalan dahulu Yang Berhormat.

Dato' Seri Anwar Ibrahim [Permatang Pauh]: Boleh?

Dato' Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]: Saya habiskan dulu. Saya habiskan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Mahu bagi jalan Yang Berhormat?

Dato' Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]: Saya bagi kepada Yang Berhormat Permatang Pauh.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Ya.

Puan Nurul Izzah Anwar [Lembah Pantai]: Yang mana? Mahu beri kepada Yang Berhormat Permatang Pauhkah? Fasal ditujukan kepada saya.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Permatang Pauh, Yang Berhormat... [*Dewan riuh*]

Dato' Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]: Tahu pun... [*Dewan riuh*]

Dato' Shamsul Anuar Nasarah [Lenggong]: Oh, pertahankan bapa. Takut bapa.

Dato' Haji Ismail bin Mohamed Said [Kuala Krau]: Demokrasi terpimpin.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat.

Dato' Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]: Sekejap saya beri Yang Berhormat Permatang Pauh. Beri saya habiskan dulu ayat saya.

Dato' Seri Anwar Ibrahim [Permatang Pauh]: Tidak usah jeritlah. Kalau mahu ini Parlimen. Kalau mahu, bangun, bercakap.

Dato' Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]: Saya bagi.

Dato' Seri Anwar Ibrahim [Permatang Pauh]: Malu dekat pelajar-pelajar UIA itu.

Dato' Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]: Yang Berhormat saya bagi.

Dato' Seri Anwar Ibrahim [Permatang Pauh]: Kalau mahu bercakap, bangun.

Dato' Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]: Saya bagi. Saya habiskan ayat saya dulu.

Dato' Seri Anwar Ibrahim [Permatang Pauh]: Yang Berhormat, saya capak sekejap sahaja. Satu minit.

Dato' Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]: Sebab.

Dato' Seri Anwar Ibrahim [Permatang Pauh]: Pertama..

Dato' Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]: Saya mahu bagi Yang Berhormat...
[*Dewan riuh*]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat. Ahli-ahli Yang Berhormat.

Dato' Shamsul Anuar Nasarah [Lenggong]: Malulah dekat pelajar-pelajar UIA tidak pandai ikut peraturan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Ahli-ahli Yang Berhormat, Ahli-ahli Yang Berhormat boleh diam.

Dato' Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]: Saya bagi, saya bagi. Saya bagi, tidak ada masalah Yang Berhormat Permatang Pauh, ini permainan Yang Berhormat Permatang Pauh di Sabah ini kita semua tahu ya. Akan tetapi pada saya kalau seorang pemimpin ingin menukar pendirian tidak apa. Dulu mungkin dia terpegun dengan segala kesenangan, contoh. Kali ini dia tidak mahu. Dia mahu ubah pendiriannya. Minta maaf.

Dato' Shamsul Anuar Nasarah [Lenggong]: Dulu warak.

Dato' Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]: Saya minta maaf kepada seluruh rakyat Sabah. Jadi saya beri kepada Yang Berhormat Permatang Pauh. Dia Yang Berhormat Ketua Pembangkang.

Dato' Seri Anwar Ibrahim [Permatang Pauh]: Terima kasih. Pertama Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Kota Belud. Perbahasan ini ialah Suruhanjaya Pilihan Raya... [*Dewan riuh*] Okey. Ada yang mahu jerit boleh bangun capak. Kalau tidak malu dekat budak-budak UIA ini... [*Dewan riuh*]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat, Yang Berhormat.

Dato' Seri Anwar Ibrahim [Permatang Pauh]: Kedua, ya sebab itu yang dia mampu jerit sahaja. Kekuatan Ahli Parlimen UMNO ini mampu jerit begitu sahaja. Tidak bahas. Ya, betul. Kalau yang Menteri sebut saya setuju. Jangan hentikan cara begitu termasuk Menteri. Menteri Pertanian pula itu. Juga lembu jangan beri kepada kondo.

Keduanya, soal yang disebut. Apa yang disebut, saya *served* dalam kerajaan betul, ya. Saya tidak nafi dan saya tidak pernah mengungkapkan kenyataan, semalam dalam debat saya sebut, ada kekuatannya dalam undang-undang yang lama. Ada kekuatan sumbangannya dalam Dasar Ekonomi Baru. Ada ketika diperlukan, perubahan berlaku. Ini yang kita minta. Jangan diputar. Saya tidak pernah nafi. Yang nafi saudara, mengadakan. Saya tidak pernah nafi apa juga sumbangan, kekuatan apa pun termasuk dalam ucapan-ucapan saya, kalau menghargai Dato' Onn, Tunku Abdul Rahman, Tun Razak. Kita tidak pernah nafi sumbangan mereka...

Seorang Ahli: Mahathir?

Dato' Seri Anwar Ibrahim [Permatang Pauh]: Mahathir ada kekuatan dia sendiri. Saya tidak pernah nafi. Keluarga dia beli *San Miguel*, saya tidak setuju. Akan tetapi dia buat kekuatan program *reform*, saya sokong. Keluarga dia beli syarikat arak *San Miguel* saya tidak setuju. Saudara setuju semua... [*Dewan riuh*] Itu beza dia.

Jadi dalam hal ini saya mahu sebut bahawa untuk membuat tohmahan Sabah saya tidak pernah nafi. Saya tidak pernah ditugaskan seorang menjaga Sabah. Saudara harus rujuk bekas Presiden UMNO. Akan tetapi untuk menggunakan *debate-debate* ialah untuk mendapat perhatian pemimpin-pemimpin boleh serang saya. Saya tidak ada masalah. Bagi ruang saya jelas, saya jelaskan. Akan tetapi tumpu mengapa kita harus sokong perubahan dan *reform* Suruhanjaya Pilihan Raya. Itu topiknya, Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]: Terima kasih Yang Berhormat Permatang Pauh. Salah satu daripada cara ataupun salah satu daripada *attribute* seorang pemimpin yang besar ini ialah membuat perubahan sewaktu dia memegang kuasa. Apabila dia tidak ada kuasa Yang Berhormat semua benda tidak betul. *You have to be inside. You want to show that you want the best democrat?* Ubah waktu berkuasa. Saya pasti dan rakan-rakan saya daripada Barisan Nasional juga bersetuju. Saya pasti. Kalau Yang Berhormat Permatang Pauh masih dalam kerajaan jangan sangka jawatankuasa ini boleh ditubuhkan. Dia tidak akan setuju. Dia tidak akan setuju. Ini hakikat.

Akan tetapi tidak apalah. Yang Berhormat dari Permatang Pauh kata "*Jangan politik. Tumpukan kepada rang undang-undang ataupun penyata Jawatankuasa*". Tadi saya dengar Yang Berhormat Lembah Pantai mengatakan tentang *Mercedes*, tentang lembu, boleh? Okey, tidak apa. Kita berhujah dengan baik. Tadi ingin saya berhujah ini. Tadi saya dengar sahabat saya dari Kubang Kerian, baik ucapannya. Orangnya lemah lembut ya. Orang yang saya selalu hormati. Akan tetapi kadang-kadang hujahnya tidak betul...

Seorang Ahli: [Ketawa].

Dato' Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]: Dia kata ada undi dua kali. Saya mahu tanya kepada Yang Berhormat dalam sejarah *petition* pilihan raya, dua belas kali kita sudah pilihan raya Tuan Yang di-Pertua. Tidak pernah satu pun *petition* yang dibawa ke mahkamah untuk membatalkan keputusan pilihan raya kerana ada pengundian dua kali, ada? Tidak ada. Oleh kerana tidak ada bukti. Oleh kerana tidak ada bukti.

Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]: Kita ada...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat mahu minta jalan Yang Berhormat.

Dato' Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]: Saya. Okey.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Kota Belud tidak bagi jalan?

Dato' Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]: Yang Berhormat Batu tidak usahlah. Saya sentuh tadi Yang Berhormat Kubang Kerian.

Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]: Saya galas..

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Batu.

Dato' Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]: Saya bagi kepada Yang Berhormat Kubang Kerian 30 saat Kubang Kerian.

Tuan Salahuddin Haji Ayub [Kubang Kerian]: Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Kuala Krai bekas calon Gombak tahun 2004. Bawa ke mahkamah. Hakim menyatakan betul ada kes tetapi majoriti itu tidak mungkin boleh mengalahkan Barisan Nasional. Itu sahaja. Akan tetapi dalam penghakiman, hakim menyatakan boleh rujuk kenyataan. Di Sabah sendiri dalam Likas.

Tuan Sim Tong Him [Kota Melaka]: [Bangun]

Tuan Salahuddin Haji Ayub [Kubang Kerian]: Jangan. Jangan.

Dato' Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]: Tidak betul, tidak betul. Tidak betul.

Tuan Salahuddin Haji Ayub [Kubang Kerian]: Tidak apa. Kita debat luar Dewan.

Dato' Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]: Tidak betul.

Tuan Salahuddin Haji Ayub [Kubang Kerian]: Debat luar Dewan.

Dato' Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]: Tidak betul.

Tuan Salahuddin Haji Ayub [Kubang Kerian]: Tunggu. Kita sambil bawa dokumen, kita debat luar Dewan.

Dato' Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]: Tidak ada pun kita dengar...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat.

Dato' Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]: Yang Berhormat sudah berapa kali Menteri di Jabatan Perdana Menteri mengatakan demikian dalam jawapan kepada semua soalan yang dibawa oleh pembangkang.

Tuan Sim Tong Him [Kota Melaka]: Yang Berhormat Kota Belud.

Puan Hajah Nancy Shukri [Batang Sadong]: Yang Berhormat Kota Belud. Boleh bagi peluang sikit Yang Berhormat Kota Belud? Yang Berhormat Kota Belud.

Dato' Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]: Saya bagi sedikit Yang Berhormat Batang Sadong tapi kalau boleh Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Sim Tong Him [Kota Melaka]: Yang Berhormat Kota Belud, Yang Berhormat Kota Melaka boleh? Yang Berhormat Kota Melaka boleh?

Dato' Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]: Tidak apa bagi Yang Berhormat Batang Sadong dulu.

■1520

Puan Hajah Nancy Shukri [Batang Sadong]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Kota Belud. Sebenarnya saya pernah terbaca artikel yang di mana *interview* dibuat terhadap Chandra Muzaffar Shah, di mana beliau menceritakan mengenai pengalaman beliau berada di sebelah pembangkang. Di antara isunya ialah inilah perkara di mana dikatakan ada mengundi sampai beberapa kali pengundinya.

Akan tetapi apabila diminta rakan pembangkangnya untuk memberi bukti, untuk beliau mengambil tindakan, dikatakan tidak ada mereka dapat membawa bukti tersebut. Jadi, pernahkah Yang Berhormat Kota Belud mengetahui perkara ini? Terima kasih.

Dato' Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]: Yang Berhormat, masalahnya pembangkang ini, mereka mengatakan tohmahan itu bukti. Tohmahan banyak. Tohmahan, fitnah. Bukti? Ini yang saya katakan tadi. Kalau cakap, "Oh, saya ada dua kali", saya pun boleh cakap. Jadi Tuan Yang di-Pertua, saya tidak mahu panjangkan itu...

Tuan Sim Tong Him [Kota Melaka]: Yang Berhormat Kota Belud.

Dato' Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]: Saya tidak ada masa, minta maaf Yang Berhormat Kota Melaka.

Tuan Sim Tong Him [Kota Melaka]: Saya hendak beri bukti.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Tidak bagi jalan Yang Berhormat, tidak bagi jalan.

Dato' Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]: Bukti atau tohmahan? Itu masalahnya, perbezaannya. Kemudian dia katakan tadi, bahawa media tidak adil. Saya setuju kalau katakan media kerajaan. Saya tidak ada masalah kalau pihak pembangkang berdebat dengan saya banyak kali. Dengan Yang Berhormat Balik Pulau, saya pernah berdebat, tidak ada masalah dengan saya. Cumanya, cakap tidak serupa bikin Yang Berhormat. Di Selangor, betul dia tidak ada TV tetapi dia ada TV Selangor.

Ahli Pembangkang: [Menyampuk]

Dato' Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]: Hai. *It is a government funded TV Selangor. So, walk the talk.* Ini baru TV Selangor yang menggunakan *internet*. Akan tetapi ada tidak suara Barisan Nasional di dalam itu? *Zero*, tidak ada. Hari-hari maki hamun. Ada? *You show me. Before you* hendak ajar kita bagaimana hendak mendemokrasikan media, buat dahulu. Ini contohnya. Minta maaf Tuan Yang di-Pertua, saya ambil masa sedikit.

Kata *freedom of information, declaration of asset*. 'Oh, dia kata Barisan Nasional tidak betullah deklarasi, semua rasuah. Kita di Selangor akan buat. Deklarasi aset kepada semua *Exco-Exco* kerajaan negeri'. Yang dia sebut Tuan Yang di-Pertua, hanyalah alamat dia, isteri dia berapa ramai, pinjaman dia berapa, harta langsung tidak sentuh... [Disampuk]

Apabila kita tanya kenapa tidak dideklarasikan harta di dalam Deklarasi Harta di Dewan Undangan Negeri Selangor? Oh, tidak boleh. Kita tidak boleh beritahu, takut *privacy*. Apa ini Yang Berhormat?

Hari ini Yang Berhormat Kota Marudu bawa, ini ialah satu tindakan yang begitu berani daripada kerajaan. Jangan kata bahawa Jawatankuasa ini adalah iltizam daripada pembangkang. Jangan. Saya masih ingat lagi apabila kita tubuhkan Jawatankuasa ini Tuan Yang di-Pertua, semua ini kata tidak betul. Jawatankuasa tidak boleh, ini tidak betul. Kita hendak RCI. Kita akan boikot Jawatankuasa ini. Bukan begitu?... [Disampuk]

Pada awalnya, mereka mengatakan Jawatankuasa ini *is a fast...* [Disampuk] Sekarang ini apabila sudah dibuat, kita tunjukkan peruntukan, *we walk the talk*. Kita ajak rakan-rakan daripada pembangkang untuk merealisasikan agenda Perdana Menteri untuk mendemokrasi lagi Malaysia ini. Datanglah Yang Berhormat-Yang Berhormat ini, lepas itu *claim mileage, shame on you*. Jadi, Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Ya, boleh gulung Yang Berhormat .

Dato' Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]: Belum lagi Tuan Yang di-Pertua. Minta maaf. Saya minta dengan Tuan Yang di-Pertua, sebab saya tengok tadi begitu ramai yang bercakap. Saya hendak beritahu Tuan Yang di-Pertua, ada beberapa perkara. Salah satu perkara yang ingin saya katakan di sini ialah tohmahan yang mengatakan bahawa negeri Sabah ini mempunyai penduduk yang ledakan atau pertambahan penduduk negeri Sabah yang begitu mendadak sehinggakan ada yang mengatakan bahawa kebanyakan pendatang tanpa izin.

Saya hendak beritahu Tuan Yang di-Pertua, kadang-kadang mereka keliru mungkin. Saya hendak beri beberapa fakta. Dalam negara kita ada dua statistik yang kita boleh guna pakai. Satu statistik daripada Jabatan Pendaftaran Negara. Satu lagi daripada Jabatan Perangkaan Malaysia dan Jabatan Pendaftaran Malaysia. Tuan Yang di-Pertua, saya hendak beritahu untuk negeri Sabah, pertambahan penduduk mengikut statistik Jabatan Perangkaan Malaysia iaitu *Statistics Department* pada tahun 1980, ada 929,299 orang penduduk di negeri Sabah tahun 1980. Pada tahun 2010 jumlah itu telah meningkat kepada 3,120,040 orang.

Kita kena faham apa kerja Jabatan Perangkaan ini. Ia buat *survey* ataupun bancian Tuan Yang di-Pertua, masuk ke rumah. Dia tanya berapa ramai orang di dalam rumah ini? Dia tidak hendak tahu sama ada yang ada di dalam itu adalah warganegarakah atau tidak warganegarakah, itu tidak mahu. Selagi dia berada di kawasan itu selama enam bulan, maka dia dimasukkan di dalam bancian. Akan tetapi untuk kita mengira sebetulnya rakyat Malaysia, kita kena rujuk kepada statistik yang dikeluarkan oleh Jabatan Pendaftaran Negara. Ini kerana di situ dokumen-dokumen tentang kenegaraan, warganegara. Saya hendak bagi contoh untuk Sabah, tahun 1979 Jabatan Pendaftaran Negara mengeluarkan statistik kewarganegaraan negeri Sabah sebanyak 1,005,308 orang. Inilah yang ada IC, yang ada PR dan sebagainya ini, kewarganegaraan, IC dan sebagainya.

Tahun 2011, jumlahnya 2,373,074 orang. Bermakna, berdasarkan statistik bancian penduduk dan perumahan negeri Sabah, 235 peratus adalah statistik yang diberikan oleh Jabatan Pendaftaran Negara. Akan tetapi Jabatan Pendaftaran hanyalah 72 peratus. Statistik 235 peratus naik tetapi untuk Jabatan Pendaftaran hanya 72 peratus. Saya hendak bagi perbandingan untuk Selangor. Yang Berhormat Menteri Besar ada tidak? Untuk Selangor Tuan Yang di-Pertua, Jabatan Perangkaan Malaysia, *Statistics Department* untuk tempoh yang sama, kenaikan jumlah penduduk Selangor ialah 279.41 peratus. Jauh lebih besar daripada negeri Sabah. Sabah hanya 235 peratus. Statistik yang datang daripada Jabatan Perangkaan ialah 279 peratus untuk negeri Selangor. Untuk negeri Johor 104.6 peratus, maknanya tinggi.

Akan tetapi dari segi kewarganegaraan, jumlah peningkatannya itu dalam masa 30-40 tahun itu adalah normal. Malah kalau dari segi peningkatan penduduk sebenar, untuk Selangor 116 peratus dalam tempoh yang sama, negeri Sabah hanya 72 peratus. Jadi, saya minta kalau boleh jangan..., ini saya tidak mahu mengatakan ini betul atau tidak betul.

Akan tetapi statistik ini wujud, saya minta supaya Yang Berhormat Kota Marudu supaya melihat kepada statistik ini. Statistik ini benar. Minta maaf Tuan Yang di-Pertua, keduanya ialah...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Habiskan Yang Berhormat .

Dato' Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]: Ya, saya tahu. Saya hendak tanya sedikit tentang pengundi tidak hadir daripada luar negara ini. Jawatankuasa mengesyorkan SPR memberi hak kepada pengundi yang tidak hadir iaitu di luar negara, untuk mengundi. Saya punya masalah satu sahaja Yang Berhormat. Apabila mereka sudah berada di luar negara 10 tahun-15 tahun, apa *connectionnya* dengan negara kita di Malaysia ini. Ya betul, mereka masih warganegara mungkin. Akan tetapi hendak sebut nasi lemak pun mungkin jadi '*nase lemak*. Sudah tidak tahu tentang rojak.. [Disampuk] '*Sambeel*'. Bagaimana mereka ini boleh menentukan masa depan negara ini sedangkan cinta mereka itu sudah tidak ada di dalam negara ini? Itu adalah *fundamental problem* tetapi - sebentar ya. Akan tetapi kalau kita tengok di Singapura, mereka mahu supaya siapa sahaja warganegara Singapura yang berada di luar negara diberi hak untuk mengundi, mereka sekurang-kurangnya mesti balik ke Singapura setahun sekali.

■1530

Barulah adil. Bagaimana masa depan negara ini ditentukan oleh mereka yang sudah keluar daripada negara kita? Saya minta, saya syorkan kepada jawatankuasa ini wajibkan siapa yang mahu mengundi di luar negara, kita tidak ada masalah. Akan tetapi mereka mesti tunjukkan *connectivity* dengan negara ini. Balik sekurang-kurangnya mungkin setahun sekali atau dua tahun sekali, baru kita beri mereka peluang untuk mengundi di negara ini.

Begitu juga dengan pengundi di luar kawasan. Saya kadang-kadang Tuan Yang di-Pertua, kalau orang Kota Belud contoh, duduk di Ampang sepuluh tahun, dia tidak balik. Anaknya orang sana, dan tinggal di sana. Dia mesti tahu bagaimana prestasi Yang Berhormat Ampang yang tidak bersihkan longkangnya, yang jalan raya berlubang. Itulah sepatutnya ditentukan masa depan Ahli Parlimen Ampang yang tidak bekerja. Hanya berkempen, ini contoh. Contoh... [Dewan riuh] Bagaimana dia mahu balik ke Kota Belud setelah duduk di sini sepuluh tahun. Okey. Saya katakan, okey, orang kata ini hak. Tidak apalah. Saya beritahu sama juga kita tentukan bahawa mereka mesti balik ke kawasan sekurang-kurangnya satu tahun satu kali.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Habiskan Yang Berhormat.

Dato' Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]: Datang ke Kota Belud walaupun pada Hari Raya. Tidak apa. Akan tetapi kalau sudah berhijrah, duduk di Ampang, masalah di Ampang, wakil rakyat tidak kerja. Hari-hari berceramah. Jangan tentukan masa depan saya di Kota Belud. Tidak adil. Contoh kalau saya jadi calon. Tuan Yang di-Pertua, jadi *connectivity* itu penting Yang Berhormat Kota Marudu.

Tuan Yang di-Pertua, *very quickly*, nombor siri kertas undi. Syor daripada jawatankuasa ialah untuk memadam nombor siri...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Ya.

Dato' Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]: Ya. Nombor siri. Saya hanya mencadangkan, kalau boleh jangan padamkan di kertas undi. Padamkan di *counterfoil*. *Counterfoil* sebab kalau kertas undi itu masuk di dalam peti undi dan kemudian ada lebih, bagaimana kita tahu bahawa undi itu datang daripada peti undi tersebut ataupun daerah mengundi tersebut, *polling centre* itu. Boleh juga, saya faham apa kehendak pembangkang dan kawan-kawan yang lain tetapi tidak perlu dipadamkan di kertas undi. Padamkan di *counterfoil* supaya apabila nanti, ini kita tahu bahawa kertas undi itu datangnya dari *polling centre* tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, tentang RCI. Ini satu isu yang agak elok. Saya hendak beritahu Tuan Yang di-Pertua, RCI ini. Masalah kita, kita tidak ada masalah...

Tuan Hee Loy Sian [Petaling Jaya Selatan]: Sepuluh minit Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]: ...Ya, ya.

Tuan Hee Loy Sian [Petaling Jaya Selatan]: Sekarang 25 minit sudah.

Dato' Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]: Masa kawan-kawan yang lain...
[*Dewan riuh*]

Seorang Ahli: Cepatlah.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Sebentar, sebentar. Sebentar Yang Berhormat Kota Belud. Ramai yang mengeluh di sini seolah-olah saya tidak berlaku adil.

Seorang Ahli: Betul.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Sebentar Yang Berhormat. Akan tetapi pagi ini telah diberitahu oleh Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua bahawa Barisan Nasional diberi enam slot. Saya akan gunakan enam slot itu melalui masa yang diambil oleh Yang Berhormat Kota Belud.

Beberapa Ahli: Ya.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Masih adil Yang Berhormat.

Beberapa Ahli: [*Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara*]

Dato' Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]: Okey, tidak apa, tidak apa. Tidak apa. Saya satu dua poin sahaja lagi ya. Tidak apa. Terima kasih ya.

Satu tentang RCI ini. Pada dasarnya RCI ini saya tidak ada masalah. Masalah saya Tuan Yang di-Pertua ialah pihak pembangkang tidak pernah percaya kepada RCI. Lihat apa yang berlaku kepada Teoh Beng Hock. RCI digunakan sebagai alasan untuk berpolitik sepanjang masa.

Bagaimana mereka ada kredibiliti meminta RCI dalam isu ini jika pihak pembangkang mahukan RCI tetapi tidak mempercayainya. *Expert* di bawah. Bukan sahaja daripada di dalam kes Teoh Beng Hock, bukan sahaja *expert* daripada Malaysia, tetapi *expert* yang diminta oleh mereka juga dibawa dalam RCI tetapi akhirnya mereka juga tidak percaya kepada keputusan itu. Bagaimana? Bagaimana tuan-tuan mahu mengaburi mata rakyat? Oleh kerana itu, saya katakan mungkin RCI adalah salah satu cara untuk kita menyelesaikan masalah yang dibangkitkan oleh jawatankuasa ini antara yang lain, ada juga mengatakan *re-registration* walaupun saya tidak begitu setuju dengan *re-registration* ini kerana ada masalahnya tersendiri.

Satu poin yang terakhir Tuan Yang di-Pertua, satu poin yang terakhir. Sebentar ya. Saya hanya ingin bawa tentang isu cadangan daripada *public*. Apabila saya membaca buku ini Tuan Yang di-Pertua, saya dapati rakyat Malaysia, *ordinary Malaysian* mempunyai pandangan yang cukup bernas, lebih bernas daripada BERSIH. Apabila kita mendengar pandangan daripada orang-orang awam dalam pendengaran ini oleh jawatankuasa yang diketuai oleh Yang Berhormat Kota Marudu. Kita dapat melihat bagaimana cadangan-cadangan daripada *ordinary people of Malaysia* jauh lebih baik daripada BERSIH. Apa yang seronoknya, cadangan ini kita boleh terima tanpa mereka pergi ke jalan raya untuk berdemonstrasi. Itu bezanya. Kalau kita lihat cadangan daripadanya begitu baik sekali... [*Dewan riuh*] Oh, saya baca. Saya baca banyak cadangan daripada rakan-rakan *ordinary people* Yang Berhormat. Mereka tidak perlu berdemonstrasi di jalanan. Secara berhemah duduk dengan kerajaan, berjumpa, luahkan perasaan. Apa masalah.

Oleh sebab itu, saya katakan Tuan Yang di-Pertua, sebagai gulung, saya ucapkan tahniah kepada kerajaan kerana *walk the talk* dan saya ucapkan tahniah kepada Yang Berhormat Kota Marudu kerana membawa jawatankuasa ini ke satu tahap yang lebih tinggi untuk memberi pengisian kepada janji Perdana Menteri untuk memberikan demokrasi yang lebih baik kepada rakyat Malaysia. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Kepong. Selepas itu Yang Berhormat Pokok Sena. Selepas itu minta Menteri menjawab.

3.36 ptg.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Tuan Yang di-Pertua...

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Eh, mana boleh Tuan Yang di-Pertua. Saya mahu berucap... [*Dewan riuh*] Tidak boleh. Saya tidak...

Dato' Shamsul Anuar Nasarah [Lenggong]: Tidak *balance*, tidak *balance*.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: ...Saya tidak berucap. Saya tidak mahu. Saya akan kacau.

Dato' Shamsul Anuar Nasarah [Lenggong]: Tidak *balance*, tidak *balance* Tuan Yang di-Pertua.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Tuan Yang di-Pertua...

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Saya, saya minta putus untuk berucap sebab ini penting.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Saya boleh tangguhkan Yang Berhormat. Boleh. Kalau semua hendak berucap, saya boleh panjangkan tetapi saya dapat arahan bahawa setakat itu yang berucap daripada BN.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Habis, saya dari jauh bersidang, datang semata-mata untuk akta ini.

Datuk Seri Panglima Wilfred Mojilip Bumburing [Tuaran]: Tuan Yang di-Pertua, perkara ini sangat penting. Sekurang-kurangnya saya dengar tadi wakil-wakil...

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Soal siapa ambil masa saya tidak perlu tahu, sebab Tuan Yang di-Pertua ada hak untuk menentukan masa.

Datuk Seri Panglima Wilfred Mojilip Bumburing [Tuaran]: ...Pembangkang beri peluang untuk mendengar pemimpin-pemimpin ataupun wakil dari BN juga memberi peluang.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Saya pun mahu berucap juga.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Cukuplah. Sudah dua orang.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Tuan Yang di-Pertua, saya bangun ...

Seorang Ahli: Bagi Yang Berhormat berucap!

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Kepong.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Saya bangun untuk mengambil bahagian di dalam perbahasan ini dengan usul penambahbaikan proses pilihan raya dengan harapan bahawa proses pilihan raya hendaklah betul-betul ditambahbaik.

*Cuaca negara memang bermusim,
Suhu dan air turun dan naik,
Jawatankuasa ada syor interim,
Proses pilihan raya ditambah baik.*

*Putera puteri kumpul di padang,
Melambai tangan siap bersembah,
Menteri hendaklah mencadang,
Bilangan kakitangan SPR ditambah.*

Tuan Yang di-Pertua, saya hendak bangkitkan satu perkara kerana kita dengar Yang Berhormat Kota Belud lantang dan berani. Akan tetapi saya nampak baru-baru ini, dia cabar Yang Berhormat Ipoh Timur di Sabah untuk berdebat mengenai empangan di kawasannya yang kosnya terlalu tinggi.

Sudah dia yang cabar, dia yang janji dan tetapkan satu masa tetapi keberanian dan kelantangan hilang sama sekali... [*Ketawa*]

Seorang Ahli: Dia ini cabar sahaja.

Seorang Ahli: Terkejut.

Dato' Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]: Yang Berhormat boleh saya jawab? Saya hendak beritahu Yang Berhormat bahawa Yang Berhormat penipu.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Hilang sama sekali.

Dato' Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]: Yang Berhormat menipu dari segi tarikh, fakta salah. Saya hendak beritahu Yang Berhormat Kota Kinabalu. Yang Berhormat Kota Kinabalu adalah pegawai yang menentukan tarikh. Saya beritahu kepada dia, bagi saya tarikh bila-bila masa Kota Belud berjumpa dengan Yang Berhormat Ipoh Timur. Tidak ada masalah. Hari ini juga... [*Dewan riuh*] Kalau hari Yang Berhormat Ipoh Timur mahu, saya boleh berdebat dengan beliau. Jadi, Yang Berhormat Kepong jangan jadi tukang karut kepada Yang Berhormat Ipoh Timur.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Tuan Yang di-Pertua, melanggar peraturan sebagai belut.

Dato' Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]: *Anytime*.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Licin sama sekali.

Dato' Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]: *Anytime* Yang Berhormat Ipoh Timur. Dia *anytime*, dengan Yang Berhormat Kepong sekali pun boleh. Tarikh saya hendak tahu bila. Masa.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Ini Dewan yang mulia.

Dato' Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]: Dipengerusikan oleh siapa, tidak ada masalah.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Kita patut memuliakan Dewan ini.

Dato' Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]: Di pejabat, di ibu pejabat DAP pun saya setuju. Apa takut.

Seorang Ahli: [*Bersorak*]

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Tuan Yang di-Pertua, jangan kita memper'belut'kan Dewan ini... [*Dewan riuh*] Tuan Yang di-Pertua....

Dato' Shamsul Anuar Nasarah [Lenggong]: Kepong sudah merapu sudah. Kepong sudah merapu.

Ir. Haji Hamim bin Samuri [Ledang]: Sama-sama PAC pun gaduh.

■1540

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Tuan Yang di-Pertua, ini memang satu perkara yang sangat serius untuk negara ini. Ini kali yang pertama di Dewan yang mulia ini memperdebatkan satu perkara yang begitu penting untuk negara. Oleh kerana kita hendak berikan kepada berjuta-juta pemilih yang layak untuk memilih peluang untuk bersuara dengan adil dan saksama.

Itulah hasrat kita hari ini dan saya setuju dengan Yang Berhormat Ipoh Timur, kita mestilah memastikan semua syor-syor yang terkandung di dalam laporan ini dilaksanakan dengan tepat.

Saya juga hendak mengesyorkan bahawa ini bukan sahaja sepuluh syor. Kita mesti tambahkan satu lagi yang kesebelas iaitu pihak pengerusi, pihak Menteri mestilah memastikan ada peruntukan yang ditambah yang banyak dan SPR mesti mempunyai kakitangan yang lebih. Ini mesti dikemukakan kepada JPA untuk kita menambahkan bilangan kakitangan seperti mana yang disebutkan oleh Yang Berhormat Permatang Pauh pagi ini.

Dato' Haji Ismail bin Mohamed Said [Kuala Krau]: Kata hendak buang pegawai awam.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Itu memang kita hendak buat. Kalau kita tidak ada kakitangan yang cukup dan daripada Yang Berhormat Tambun pun kita hendak peruntukan yang lebih supaya SPR boleh benar-benar...

Dato' Shamsul Anuar Nasarah [Lenggong]: Yang Berhormat PJU kata hendak buang kakitangan awam.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: ...Melaksanakan syor-syor yang berbangkit di dalam laporan itu.

Dato' Shamsul Anuar Nasarah [Lenggong]: Mana satu ini? Kata hendak buang kakitangan awam. Ini tambah pula?

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Tuan Yang di-Pertua, ini bukan Dewan yang kita boleh bercakap dengan begitu sahaja.

Timbalan yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Ya, saya setuju Yang Berhormat tapi semua pihak pun berlaku sedemikian.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Penjelasan, penjelasan. *Malaysia Insider* hari ini ada laporan mengenai perbahasan ini kata bahawa *UMNO MP accuses DAP of starting May 13 riot* ada sebut Ahli Parlimen Jempol. Adakah Yang Berhormat setuju inilah dusta, fitnah benar sekali. Sebenarnya pada Februari 1971 dalam Dewan saya ada cabar ada satu siasatan terbuka siapa yang sebenarnya mencetuskan peristiwa 13 Mei. Akan tetapi itu bukan isu sekarang. Sekarang ialah sama ada kita akan mengadakan *election* yang adil dan bersih.

Beberapa Ahli: *[Menyampuk]*

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Saya bersetuju dengan Yang Berhormat Ipoh Timur. Saya setuju dengan apa yang disebutkan oleh Yang Berhormat Ipoh Timur. Kita tidak boleh mendustakan orang. Yang hendak cakap kita mesti ada bukti. Kalau setakat seperti Yang Berhormat Kota Belud...

Dato' Zulkifli bin Noordin [Kulim Bandar Baharu]: Yang Berhormat Kepong, Yang Berhormat Kepong.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: ...Itu tidak payah.

Dato' Zulkifli bin Noordin [Kulim Bandar Baharu]: Yang Berhormat Kepong.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Tuan Yang di-Pertua...

Dato' Zulkifli bin Noordin [Kulim Bandar Baharu]: Yang Berhormat Kepong.

Timbalan yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat, Yang Berhormat Kulim Bandar Baharu bangun. Hendak bagi Yang Berhormat?

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Saya...

Dato' Zulkifli bin Noordin [Kulim Bandar Baharu]: Kata hendak bukti, bagilah.

Dato' Haji Ismail bin Mohamed Said [Kuala Krau]: Kata hendak bukti, bagilah!

Timbalan yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Kulim Bandar Baharu, Yang Berhormat Kepong dia tidak bagi Yang Berhormat.

Dato' Haji Ismail bin Mohamed Said [Kuala Krau]: Kata hendak bukti.

Dato' Zulkifli bin Noordin [Kulim Bandar Baharu]: Tidak, dia kata dia hendak bukti 13 Mei.

Timbalan yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Kepong tidak bagi Yang Berhormat.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Kerana kalau ikut apa yang diperuntukkan kepada saya, ada tiga minit lagi.

Dato' Zulkifli bin Noordin [Kulim Bandar Baharu]: Takut pula, apa! Takut.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Tiga minit kerana masa dirompak, dirampas oleh pihak di situ.

Dato' Zulkifli bin Noordin [Kulim Bandar Baharu]: Eh, sekarang saya hendak bagi buktilah.

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasar Salak]: Bukti lagi penting. Nanti kata kita bohong.

Dato' Haji Lilah Yasin [Jempol]: *[Bangun]*

Dato' Zulkifli bin Noordin [Kulim Bandar Baharu]: Sekarang saya hendak bagi buktilah.

Dato' Shamsul Anuar Nasarah [Lenggong]: Yang Berhormat Kepong, kalau tidak berani jangan cabar orang Yang Berhormat Kepong.

Timbalan yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat.

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasar Salak]: Ha!... *[Bercakap dalam bahasa Mandarin]*

Dato' Shamsul Anuar Nasarah [Lenggong]: Kalau tidak berani jangan cabar orang Yang Berhormat Kepong.

Dato' Lilah bin Yasin [Jempol]: Yang Berhormat Kepong, ada bukti.

Dato' Shamsul Anuar Nasarah [Lenggong]: Yang Berhormat Kepong, takutlah Yang Berhormat Kepong. Kalau berani bagi Yang Berhormat Kepong.

Dato' Zulkifli bin Noordin [Kulim Bandar Baharu]: Yang Berhormat Kepong, saya...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat...

Dato' Shamsul Anuar Nasarah [Lenggong]: Yang Berhormat Kepong, saya mahu tengok anak jantankah tidak Yang Berhormat Kepong.

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasar Salak]: Mahu kasi bukti pun tidak mahu bagikah?

Timbalan yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat, Yang Berhormat Kepong tidak bagi laluan.

Dato' Lilah bin Yasin [Jempol]: Yang Berhormat Kepong, bagi laluan.

Dato' Shamsul Anuar Nasarah [Lenggong]: Kalau berani bagi Yang Berhormat Kepong. Kalau tidak bukan anak jantan Yang Berhormat Kepong.

Dato' Zulkifli bin Noordin [Kulim Bandar Baharu]: Saya mahu Yang Berhormat Ipoh Timur dengar apa balik dia cakap time tahun 1979.

Dato' Lilah bin Yasin [Jempol]: Ada bukti peranan DAP.

Dato' Shamsul Anuar Nasarah [Lenggong]: Mana Yang Berhormat Kepong berani. Dia bukan anak jantan, penakut.

Dato' Zulkifli bin Noordin [Kulim Bandar Baharu]: Takut boskah?

Dato' Shamsul Anuar Nasarah [Lenggong]: Kalau berani bagilah.

Dato' Zulkifli bin Noordin [Kulim Bandar Baharu]: Takut boskah?

Timbalan yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Tuan Yang di-Pertua...

Dato' Shamsul Anuar Nasarah [Lenggong]: Bagilah Yang Berhormat Kepong.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: ...Kita sedang membahaskan masalah...

Dato' Zulkifli bin Noordin [Kulim Bandar Baharu]: Saya mahu baca ini bukti. Kata mahu dengar bukti.

Dato' Seri Zahrain bin Mohamed Hashim [Bayan Baru]: Yang Berhormat Ipoh Timur, minta bukti.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Kita sedang membahas masalah usul di sini dan...

Ir. Haji Hamim bin Samuri [Ledang]: Tahu pun yang merapu itu siapa.

Dato' Seri Zahrain bin Mohamed Hashim [Bayan Baru]: Malulah Yang Berhormat Kepong.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Tuan Yang di-Pertua, kita hendak...

Dato' Shamsul Anuar Nasarah [Lenggong]: Ikan kembung, ikan kerapu, Kepong sudah merapu... *[Ketawa]*

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Saya berharaplah apa yang dibentangkan di sini dengan 10 syor dan ditambahkan satu lagi dengan peruntukan dan kakitangan SPR yang ditambahkan, kita dapat benar-benar melaksanakan syor-syor yang dikemukakan di sini termasuklah untuk jangka panjang juga kerana ini laporan awal sahaja. Untuk jangka panjang kita mesti memastikan semua warganegara Malaysia berumur 18 tahun ke atas mesti diberi peluang untuk memilih pemimpin-pemimpin di negara ini. Bukan sahaja berumur 21 tahun. Ini bermakna berjuta-juta orang tidak mempunyai hak untuk memilih. Berjuta-juta. Tambahan pula apa yang kita dapat sekarang itu yang mencapai umur 21 tahun pun ada hampir empat juta orang lagi yang belum mendaftar untuk menjadi pemilih.

Ini memang satu tanggungjawab semua pihak terutamanya SPR, tanggungjawab yang berat untuk memastikan semua yang layak didaftarkan sebagai pemilih dan kerana masa sudah cukup, sekian terima kasih.

Timbalan yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Pokok Sena.

3.46 ptg.

Dato' Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Baik terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberikan kesempatan kepada saya untuk terlibat dalam perbincangan usul yang dibawa oleh Yang Berhormat Menteri yang juga selaku Pengerusi Jawatankuasa Pilihan Khas. Saya tengok ramai kawan saya hari ini pakai segak-segak baju Melayu belaka. Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani pun dia hendak *purple* tidak *purple*, Yang Berhormat Sepang dia merah. Cuma saya takut nanti kalau lembu di fidlot terlepas itu bahaya... *[Ketawa]* Yang Berhormat Pontian pun nampak merah itu. Baik, baik. Tidak, fasal pakai baju merah takut lembu fidlot terlepas.

Dato' Shamsul Anuar Nasarah [Lenggong]: Apa standard naib presiden ini?

Dato' Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Saya mengambil kesempatan ini untuk...

Dato' Shamsul Anuar Nasarah [Lenggong]: Ini naib presiden ini?

Dato' Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Saya hendak mengucapkan tahniah kepada Yang Berhormat Menteri yang juga selaku Pengerusi kepada Jawatankuasa Pilihan Khas dan juga rakan-rakan beliau yang juga merupakan Ahli Jawatankuasa ini yang telah berjaya membentangkan laporan awal kepada kita tentang apa yang telah pun mereka dapati daripada perbincangan dan juga pendengaran awam yang telah pun dibuat oleh Jawatankuasa ini.

Cuma bagi saya ialah yang perlu dilihat di sini ialah bagaimana untuk memastikan bahawa laporan awal ini dan juga laporan akhir itu nanti ialah laporan yang mengikat kerajaan, SPR dan juga pihak-pihak yang terlibat dalam pelaksanaan pilihan raya ini untuk mematuhi kepada syor-syor dan cadangan-cadangan yang dibuat oleh jawatankuasa ini.

Oleh sebab saya melihat bahawa dari segi terma dan juga syor-syor yang dikemukakan ini langsung tidak menunjukkan bahawa ia mengikat kerajaan untuk melaksanakan ini. Hanya bersifat satu syor daripada jawatankuasa ini dan pihak Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sendiri sebelum ini sudah pun membuat kenyataan bahawa mereka tidak terikat dengan tempoh perjalanan jawatankuasa ini dan juga tidak terikat dengan apa-apa cadangan dan syor yang dikemukakan oleh Jawatankuasa ini.

Tuan Yang di-Pertua, kita tidak mahu nanti bahawa kita pertama sekali kerugian wang ringgit, kerugian masa, kita ambil masa, kita membahaskan perkara-perkara yang sangat penting kepada masa depan negara kita, akan tetapi dari segi pelaksanaannya kita *fail*. Sebab banyak sudah perkara yang dapat kita lihat umpamanya dalam penubuhan SUHAKAM, dalam penubuhan Suruhanjaya Pembaikan Polis dan sebagainya.

Kita menghabiskan wang ringgit, masa yang begitu banyak, akan tetapi cadangan-cadangan dan syor-syor yang dikemukakan oleh SUHAKAM, oleh Suruhanjaya Diraja Pembaikan Polis ini langsung tidak memperlihatkan kesungguhan kerajaan untuk hendak menerima pakai dan melaksanakan apa-apa cadangan yang dikemukakan oleh mereka.

Begitu juga bagi saya bahawa jika ini gagal untuk dipastikan kerajaan dan pihak-pihak yang bertanggungjawab dalam kaitan dengan pilihan raya ini akur kepada syor ini, bermakna bahawa ini satu penghinaan kepada Dewan yang mulia ini. Jadi ini yang saya fikir bahawa perlu ada di penghujung perbahasan ini, sebagai menghormati institusi Parlimen ini sebagai institusi yang paling tinggi perlu ada di penghujung perbahasan ini ialah satu yang mengikat kerajaan dan mereka yang terlibat untuk akur kepada cadangan dan syor ini seperti mana yang dibawa oleh Yang Berhormat Ipoh Timur tadi.

Malah bagi saya bahawa itu pun masih belum cukup tetapi perlu kepada sesuatu yang bersifat sedemikian untuk mengikat kerajaan menghormati keputusan Parlimen. Bermakna bahawa di penghujung nanti Parlimen mesti bersetuju, kita mesti bersetuju dan akhirnya bahawa ia mesti dilaksanakan oleh kerajaan dan juga pihak yang terlibat dalam pelaksanaan proses pilihan raya di negara kita ini.

■1550

Kemudian yang keduanya ialah saya hendak sentuh berkaitan dengan cadangan Suruhanjaya Diraja berkaitan dengan soal kalau tidak silap saya suruhanjaya berkaitan dengan status kewarganegaraan dan juga sebagainya berkaitan. Saya bersetuju cadangan ini tetapi saya fikir bahawa tidak boleh hanya berlegar kepada persoalan di Sabah semata-mata. Kalau syor ini dia hanya berlegar atas isu di Sabah kerana saya difahamkan cadangan-cadangan daripada parti-parti komponen Barisan Nasional yang ada di Sabah yang turut mencadangkan suruhanjaya ini walaupun UMNO tidak mencadangkan. Akan tetapi, yang pentingnya bagi saya Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Menteri dan juga Pengerusi Jawatankuasa ini. Perlu dilihat juga kepada seluruh Malaysia ini termasuk di Semenanjung kerana isu-isu status kewarganegaraan ini bagi saya bahawa yang perlu dilihat secara menyeluruh.

Sebab bagi saya bahawa mungkin jawapan-jawapan yang diberikan oleh pihak Kementerian Dalam Negeri oleh Jabatan Pendaftaran Negara dan sebagainya. Jumlah bilangan yang diberikan taraf kewarganegaraan menunjukkan bahawa sedikit ataupun kecil tidak merupakan jumlah yang besar. Akan tetapi, saya bimbang bahawa ada sindiket-sindiket secara haram yang dibuat oleh pihak-pihak tertentu yang memberikan status kewarganegaraan ini. Ini membolehkan mereka untuk didaftarkan sebagai pengundi. Mungkin memang betul kalau dikatakan oleh Jabatan Pendaftaran Negara bahawa dalam rekod kami ini sahaja jumlahnya. Ini kerana apa? Ini kerana dia tidak dibuat oleh Jabatan Pendaftaran Negara tetapi dibuat oleh satu sindiket asing. Jadi sebab itu bagi saya bahawa Suruhanjaya Diraja ini perlu meliputi persoalan Semenanjung Malaysia bukan sahaja terikat pada di negeri Sabah.

Dato' Dr. Mohd. Hayati bin Othman [Pendang]: Yang Berhormat Pokok Sena sekejap sahaja berhubung dengan kewarganegaraan. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Dalam soalan saya pada hari ini, 1 Disember berhubung dengan pemberian taraf kewarganegaraan kepada rakyat asing ini.

Daripada statistik yang diberikan, kita lihat saya hendak baca daripada tahun 2000 – 593; 2001 – 172; 2002 – 427; 2003 – 302; 2004 – 543; 2005 – 314; 2006 – 339; 2007 – 426; 2008 – 1,186; 2009 – 4,777; dan 2010 – 15,182. Ini minta ulasan daripada Yang Berhormat Pokok Sena.

Dato' Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Ya, saya bersetuju dengan angka yang diberikan tadi iaitu angka yang dikeluarkan. Sebab itu saya katakan bahawa kalau angka itu masih dilihat kecil bagi saya bahawa kemungkinan ada angka yang lebih besar dilakukan oleh sindiket itu angka yang dibuat yang dikeluarkan oleh pihak-pihak kerajaan atas agensi ataupun nama jabatan yang rasmi. Sebab itu saya katakan tadi bahawa tidak boleh hanya bertitik tolak kepada persoalan-persoalan yang berlegar di Sabah ataupun di Sarawak. Akan tetapi, harus dilihat suruhanjaya itu untuk meliputi kepentingan seluruh negara. Terima kasih Yang Berhormat Pendang.

Kemudian Tuan Yang di-Pertua, berkaitan dengan soal undi awal iaitu untuk tentera dan polis. Saya mempersoalkan apa kewajaran untuk kita membenarkan seperti dalam syor ini juga seolah-olah macam membenarkan bahawa isteri-isteri kepada tentera dan juga polis untuk dimasukkan ke dalam undi awal. Saya bersetuju undi awal itu tetapi apa ada keperluan? Sedangkan mereka berkhidmat di tempat yang lain maknanya di jabatan lain dan sebagainya yang mereka ada kebebasan yang tidak seperti mana tentera dan polis. Jadi sebab itu saya fikir bahawa adalah tidak wajar untuk isteri-isteri tentera dan polis ini juga diberikan status untuk mereka juga terlibat dalam undi awal.

Keduanya, tempat pengundian awal ini. Saya masih belum dapat melihat dalam *report* ini tentang tempat undi awal itu kerana undi awal ini untuk menggantikan undi pos. Sebab itu saya hendak mencadangkan kepada pihak suruhanjaya ini untuk memastikan supaya selepas ini undi awal ini mestilah di tempat, di luar daripada disiplin tentera ataupun disiplin polis. Makna mesti di tempat awam di sekolah ataupun di balai raya ataupun di Dewan orang ramai dan sebagainya. Bukan di dalam kawasan kem tentera ataupun balai polis kerana kita hendak keluarkan mereka itu daripada disiplin tentera. Kita tidak mahu nanti bahawa mereka buang undi dalam keadaan mereka macam dibayangi ketakutan kerana ada pegawai yang lebih atas yang sedang memerhati mereka.

Jadi sebab itu saya minta sebab saya pernah bertemu kem di tempat saya pilihan raya sebelum ini dalam kem tentera darat. Ada orang hendak buang undi kena *bumping*, kena denda. Sebab-sebab macam isu potong *queue* dan sebagainya lalu ada pegawai yang arah dia *bumping* di tempat mengundi. Jadi saya kata mana boleh orang pergi mengundi dia hendak kena hukum, kena *bumping* di situ. Ini saya kira bahawa satu perkara yang tidak wajar. Sebab itu bagi saya bahawa dia mesti di luar daripada kawasan disiplin tentera...[*Disampuk*] Eh! Saya tengok dengan mata kepala saya sendiri.... [*Disampuk*]

Dato' Shamsul Anuar Nasarah [Lenggong]: Buatlah laporan. Buat laporanlah ini tuduh sahaja ini. Apa ini Naib Presiden PIBG ini standard ini.

Dato' Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Bagi saya, saya minta saya cadangkan kepada pihak kerajaan supaya tempatnya mestilah tempat yang asing daripada tempat mereka bekerja. Maknanya bukan lagi dalam disiplin tentera dan juga disiplin-disiplin polis. Kemudian, begitu juga dengan isu pembersihan daftar pemilih ini. Sebab isu yang timbul berkaitan dengan soal tentera ini daripada semakan yang pernah dibuat oleh pihak kami didapati ada lebih kurang 7,000 orang pemegang-pemegang kad IC tentera ini mereka juga ada dalam senarai awam iaitu dalam kad pengenalan awam.

Jadi sebab itu bahawa perkara ini merupakan perkara yang sangat serius dan pihak Jawatankuasa ini kena memastikan supaya SPR mesti *delete* yang mana satu. Mesti *delete* yang mana satu dalam senarai daftar pemilih supaya tidak menimbulkan lagi persoalan-persoalan yang memungkinkan bahawa ada pihak lain untuk *exploit* mereka punya undi. Kalau mereka sudah undi dalam undi tentera undi awal ini di peringkat undi awam itu akan ada pihak lain yang akan pergi membuang undi untuk pihak mereka. Jadi ini yang harus dilihat oleh pihak Jawatankuasa ini dan juga pihak-pihak yang terbabit dengan isu ini.

Kemudiannya juga ialah dari segi jumlahnya nanti, jumlah undi awal ini. Sebab saya difahamkan bahawa ada juga pertimbangan untuk anggota tentera atau anggota polis yang berkhidmat di sempadan umpamanya. Umpamanya, di sempadan, di perbatasan dan sebagainya saya bersetuju. Akan tetapi, saya bimbang takut nanti bahawa jangan sampai kepada peringkat akhirnya jumlah yang berkhidmat di sempadan itu melebihi daripada jumlah yang undi awal. Sedangkan saya difahamkan bahawa kalau mengikut maklumat yang diberikan oleh pihak tentera ada lima batalion dalam sekitar 3,500 orang sahaja yang berkhidmat di perbatasan ataupun di sempadan dan sebagainya. Jadi kita kena pastikan bahawa ketelusan dalam hal-hal yang seperti ini.

Kemudian soal media masih tidak disentuh oleh Jawatankuasa ini di peringkat laporan awal ini. Saya katakan bahawa ini sangat penting sebab itu penting untuk saya cadangkan supaya Jawatankuasa ini harus mengemukakan satu syor untuk diwujudkan satu stesen khas hanya untuk pilihan raya. Satu stesen khas untuk pilihan raya yang dikendalikan oleh SPR sendiri dengan syaratnya SPR itu mesti telus dan SPR dari segi pelantikan anggota SPR juga mestilah menyerupai seperti mana pelantikan Suruhanjaya Hakim, pelantikan hakim mesti di kalangan mereka-mereka yang ber*authority* untuk memilih pengerusi dan juga anggota-anggota SPR itu sendiri. Saya balik soal media ini sangat penting sebagai penggulangan.

Tuan Charles Anthony Santiago [Klang]: Yang Berhormat Pokok Sena boleh celah. Yang Berhormat Pokok Sena?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Masa sudah habis Yang Berhormat.

Dato' Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Habis, habis *sorry*. Jadi sebagai penggulangan ini saya harap bahawa soal media ini merupakan perkara yang sangat penting kalau ada satu stesen khas. Maknanya SPR boleh mengendalikan secara yang adil, secara yang baik dan bijaksana. Maka sudah tentu bahawa maklumat itu akan berlegar kepada masyarakat dan masyarakat boleh *access* maklumat. Akhir sekali, saya ingin mengemukakan syor kepada Jawatankuasa ini untuk memastikan supaya dalam pelaksanaan pilihan raya nanti bahawa ada satu peruntukan undang-undang di mana tidak ada sesiapa yang boleh merampas hak rakyat yang mengundi. Umpama contoh saya katakan bahawa kalau seseorang itu mengundi 'A' mengundi calon parti 'A' yang mewakili parti tiba-tiba dia lompat, dia lari. Ini telah merampas hak rakyat, hak rakyat yang mengundi, hak pengundi yang mengundi dia.

Sebab itu, mesti ada satu peraturan bahawa seseorang yang melompat parti kalau dia bertanding atas parti tersebut dia lompat dia perlu digugurkan daripada seorang wakil rakyat, Ahli Parlimen ataupun Ahli Dewan Undangan Negeri... [*Tepuk*] Terima kasih.

■1600

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Terima kasih. Sila Yang Berhormat Menteri.

Dato' Zulkifli bin Noordin [Kulim Bandar Baharu]: [*Bangun*]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Minta maaf Yang Berhormat tetapi bolehlah mencelah dalam jawapan Menteri nanti.

4.00 ptg.

Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi [Datuk Seri Dr. Maximus Johnity Ongkili]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Yang Berhormat di Dewan yang mulia ini atas lapan Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah pun membahaskan usul dan isi kandungan dan laporan interim Jawatankuasa Pilihan Khas Parlimen Mengenai Dengan Penambahbaikan Sistem Pilihan Raya negara kita iaitu Yang Berhormat Permatang Pauh, Yang Berhormat Ipoh Timur, Yang Berhormat Kubang Kerian, Yang Berhormat Pasir Mas, Yang Berhormat Lembah Pantai, Yang Berhormat Kota Belud, Yang Berhormat Kepong dan Yang Berhormat Pokok Sena.

Nampaknya satu sahaja daripada kawasan Barisan Nasional tetapi difahamkan bahawa masa itu telah diambil untuk tujuan menyampaikan pandangan tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, banyak perkara yang dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat, ada berlapis-lapis. Jadi saya bercadang untuk terus *address* ataupun menumpukan ulasan ataupun penjelasan kepada perkara-perkara pokok yang perlu diberi perhatian bagi pihak Jawatankuasa Pilihan Khas. Saya juga ingin tegaskan di sini bahawa di sini saya sebagai Pengerusi Jawatankuasa ini sekali gus Menteri MOSTI.

Jadi banyak perkara yang dibangkitkan itu dan berkaitan dengan kementerian-kementerian lain dari segi pelaksanaan dan seterusnya maka itu di luar bidang tanggungjawab kecuali yang terus berkenaan dengan rujukan utama kita. Saya ingin juga perelaskan bahawa jawatankuasa ini ditubuhkan untuk melaporkan kepada Parlimen dan tanggungjawab kami adalah menyampaikan kepada Parlimen dan terpulanglah kepada pihak Parlimen untuk membuat peraturan ataupun mengambil tindakan-tindakan yang perlu untuk mewajibkan misalnya cadangan-cadangan yang dikemukakan oleh jawatankuasa ini.

Namun saya mahu memberi jaminan bagi pihak jawatankuasa bahawa bagi perkara-perkara 10 yang telah kami bangkitkan di sini dan selagi ada tempoh kami empat bulan untuk menunaikan kewajipan dan tanggungjawab yang diberikan, pihak jawatankuasa akan memantau pelaksanaan di mana pihak yang diwajibkan untuk melaksanakan itu ataupun mengambil tindakan akan melaksanakannya.

Tuan Yang di-Pertua, dari segi perkara keputusan dan seperti yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Ipoh Timur juga keraguan bahawa cadangan-cadangan yang baik dan dikemukakan jawatankuasa ini sekadar nanti menjadi cadangan kepada pihak Parlimen dan tidak akan diambil tindakan. Saya yakin bahawa pihak SPR dan juga pihak kerajaan sendiri mengambil perhatian kepada perkara-perkara yang dicadangkan dan saya katakan tadi bahawa selagi sebelum selesai tempoh yang diberi, pihak kami akan menyusul termasuklah detil-detil dari segi tindakan agensi yang telah pun diwajibkan ataupun untuk melaksanakannya.

Dari segi pandangan yang disebutkan oleh Yang Berhormat Permatang Pauh mengenai dengan peranan MIMOS dan mengatakan bahawa pastikan supaya institusi ini bertindak dengan bebas dan seterusnya tujuan kita di sini ialah membantu pihak SPR, Jabatan Pendaftaran Negara dan juga agensi-agensi lain yang terlibat sekali gus dalam soal memberi input untuk pembersihan daftar pemilih dan tujuan kita ialah dengan ada yang disentuh tadi oleh Ahli-ahli Yang Berhormat yang dikenal pasti sudah mati, berumur 100 tahun, 10 tahun masih di situ, anggota polis sudah pencen ataupun anggota tentera sudah pencen tetapi dua IC. Satu IC tentera dan kad pengenalan biasa pun di situ. Kami berpendapat jawatankuasa bahawa dengan teknologi ICT yang sedia ada ini harus boleh membantu untuk mengurangkan keadaan ataupun kehadiran seperti ini dan

Tuan Charles Anthony Santiago [Klang]: Yang Berhormat Menteri, boleh mencelah?

Datuk Seri Dr. Maximus Johnity Ongkili: Tujuan kita ialah bagi MIMOS untuk sebagai konsultan seperti begitu kepada jawatankuasa untuk membantu supaya ada *merging* kepada data, untuk membantu membersihkan daftar pemilih, okey.

Tuan Charles Anthony Santiago [Klang]: Masa sudah berlalu. Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Menteri, baru-baru ini saya telah membuat satu penyemakan senarai undi di Klang khususnya di DUN *Port Klang* dan saya nampak satu trend yang aneh iaitu di kebanyakan rumah di beberapa tempat, di beberapa taman di mana ada lima orang penghuni dan kemungkinan besar lima orang itu adalah pengundi tetapi pada *quarter* ketiga 2010, *the last quarter* 2010 dan *the first quarter of* 2011, kita dapati kebanyakan daripada rumah-rumah ini ada *addition of voters*, 16 orang dalam satu rumah, 20 orang satu rumah dan dalam satu keadaan ada 30 orang yang telah diregisterkan dalam satu rumah. Jadi ini jelas menunjukkan bahawa ada banyak undi hantu yang telah dibawa untuk menang.

Oleh kerana itu saya hendak minta Yang Berhormat Menteri supaya mempertimbangkan lagi pandangan dan juga saranan yang telah diberikan oleh Yang Berhormat Ipoh Timur termasuk dengan Yang Berhormat Pokok Sena yang mengatakan bahawa kita mesti mengaitkan atau ikatkan Suruhanjaya Pilihan Raya supaya *we fix the date. So that all this will be done implemented before the election.* Minta pandangan.

Datuk Seri Dr. Maximus Johnity Ongkili: Yang Berhormat Klang, seperti mana kita lihat dalam laporan jawatankuasa ini bahawa sebenarnya ini sudah termasuk dalam tindakan jawatankuasa. Cadangan kami untuk melantik MIMOS Berhad satu institusi R&D yang termahir di negara kita dengan kerjasama pihak-pihak institusi lain. Cadangan yang antara kita beri ialah untuk meneliti di mana-mana alamat itu begitu banyak orang yang duduk dalam alamat yang sama. Jadi dengan sistem ICT yang sedia ada ini *we can trap this thing and settle it.* Okey, terima kasih.

Tuan Charles Anthony Santiago [Klang]: Yang Berhormat Menteri, *this is.... the dated.*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat.

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Yang Berhormat Menteri, ini cerita Yang Berhormat *Port Klang* itu, yang banyak saya dengar pembangkanglah yang buat kerja itu... [*Ketawa*] yang banyak mendaftar, guna alamat rumah. Itu kerja pembangkang. Saya dengar banyak cerita ini pembangkang buat.

Tuan Charles Anthony Santiago [Klang]: Yang Berhormat Pasir Salak mabuk. Yang Berhormat Menteri saya minta tarikh ia diimplementasikan.

Dr. Lee boon Chye [Gopeng]: [*Bangun*]

Datuk Seri Dr. Maximus Johnity Ongkili: Okey Yang Berhormat, saya rasa boleh semak *Hansard*. Begini Yang Berhormat, saya ingin memberi tumpuan dahulu kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah terlibat dalam perbahasan dan *I think to be fair*, dengan izin, kepada mereka dan jika ada masa lagi, saya akan memberi.

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: Mohon pencelahan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Menteri tidak bagi jalan lagi Yang Berhormat.

Datuk Seri Dr. Maximus Johnity Ongkili: Terima kasih, saya ulas dahulu kerana tadi pihak pembangkang ada enam berucap dan satu sahaja Barisan Nasional. *So I think* begitu banyak peluang yang diberi dan kalau ada masa nanti saya beri. Jadi itu penjelasan dari pihak kita bahawa ini adalah di bawah kawalan pihak jawatankuasa kita. Saya rasa hal-hal yang lain daripada dibangkitkan oleh Yang Berhormat Permatang Pauh itu soal ketelusan dan pengundian awal. Pengundian awal khususnya apabila ia berkaitan dengan yang kita cadangkan ini di kawasan tentera untuk menjawab semua persoalan Ahli-ahli Yang Berhormat yang membangkitkan tadi ialah kita bercadang sepertimana di taklimat dan dicadangkan oleh SPR ialah *open voting* seperti mana yang terdapat di PPU yang lain.

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: [*Bangun*]

Datuk Seri Dr. Maximus Johnity Ongkili: Jadi tidak ada lagi yang kita beri kertas undi dua, tiga hari baru dikembalikan. Ia *open voting* seperti mana peraturan-peraturan di tempat PPU semua yang lain dan yang disentuh oleh Yang Berhormat Pokok Sena tadi bersempadan semua ini adalah mereka yang tidak boleh balik kerana bertugas di perbatasan dan dengan itu tidak boleh balik kepada berek ataupun keluarga yang mereka tinggal.

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: Peraturan mesyuarat.

Datuk Seri Dr. Maximus Johnity Ongkili: Permohonan isteri dan itu memang diperuntukkan pada saat ini bagi tentera.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat, bagi saya sesaat. Peraturan Mesyuarat. Ya.

Datuk Seri Dr. Maximus Johnity Ongkili: Peraturan mesyuarat? Saya habiskan *sentence* dahulu.

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: Boleh.

Datuk Seri Dr. Maximus Johnity Ongkili: Selalunya Yang Berhormat daripada Padang Serai.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat, tidak payah peraturan mesyuarat.

Datuk Seri Dr. Maximus Johnity Ongkili: Ini sudah diperuntukkan bahawa tentera dan isteri kerana amalannya ialah mereka ini tinggal dalam berek, tinggal dalam kawasan kem. Jadi ini sudah pun diperuntukkan sedia maklum. Jadi itu tiada perubahan sama sekali kepada itu dan hanya kita minta pada kali ini mudah-mudahan boleh diproses dalam pilihan raya akan datang bahawa pengundian di tempat-tempat yang sebelum ini undi pos adalah mengundi awal ditetapkan dengan peraturan ataupun sistem yang seperti ada di pusat-pusat pengundian yang biasa untuk awam.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat sebentar, peraturan mesyuarat. Ya Yang Berhormat Padang Serai.

Datuk Seri Dr. Maximus Johnity Ongkili: Tadi tidak berucap.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Peraturan mesyuarat.

■1610

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya hendak bangkitkan Peraturan Mesyuarat 36(6) di mana semasa hujah tadi oleh Yang Berhormat Permatang Pauh. Yang Berhormat Permatang Pauh memanggil saya kaki mabuk.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat, saya dalam keadaan yang tidak pasti sama ada Yang Berhormat dibenarkan masuk oleh Tuan Yang di-Pertua atau pun belum.

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: Tuan Yang di-Pertua...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Sebentar Yang Berhormat. Yang Berhormat, sebentar. Kalau setakat ini saya belum dimaklumkan oleh Tuan Yang di-Pertua yang mengendalikan kes tadi, persidangan tadi untuk membenarkan Yang Berhormat masuk semula. Kalau tidak Yang Berhormat, apabila di arah keluar dan tidak dinyatakan berapa lama, ianya dalam peraturan mesyuarat bererti dua hari.

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: Ya, betul.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat, sebentar Yang Berhormat. Akan tetapi kalau setakat ini Yang Berhormat telah diberitahu oleh Tuan Yang di-Pertua tadi yang mengarahkan Yang Berhormat keluar untuk membatalkan arahan itu, saya boleh menerima Yang Berhormat untuk berdiri di dalam Dewan. Akan tetapi pada ketika ini saya tidak mendapat sebarang makluman mengenai kedudukan Yang Berhormat. Maknanya Yang Berhormat tidak boleh berada di Dewan.

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: Boleh saya habis...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Saya maklumkan kepada Yang Berhormat. Yang Berhormat, Yang Berhormat...

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: Apa yang Tuan Yang di-Pertua beritahu tadi...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat, saya ingin maklumkan kepada Yang Berhormat, Yang Berhormat melakukan satu lagi kesalahan jika Yang Berhormat berada dalam Dewan.

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: Tadi Tuan Yang di-Pertua kata keluar untuk dua minit... [*Dewan riuh*] Sebelum rehat, makan tengah hari tadi...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat, saya minta maaf tetapi Yang Berhormat tidak boleh berada dalam Dewan kerana Yang Berhormat akan melakukan *contempt of Parliament*. Itu *very serious*. Minta maaf Yang Berhormat. Tidak boleh Yang Berhormat, *please*.

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: Terima kasih...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Minta maaf Yang Berhormat. Saya tidak benarkan pada saat ini Yang Berhormat untuk berada dalam Dewan kecuali ada arahan yang terakhir daripada Tuan Yang di-Pertua tadi.

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: Okey.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Terima kasih Yang Berhormat.

Datuk Dr. Maximus Johnity Ongkili: Tuan Yang di-Pertua, di dalam hujah Yang Berhormat Ipoh Timur itu banyak tetapi Tuan Yang di-Pertua telah pun menyentuhnya. Hanya menyatakan bahawa pertamanya jaminan bahawa rekomendasi dan syor-syor ini dilaksanakan oleh SPR. Saya hanya boleh melaporkan bahawa dalam interaksi jawatankuasa dengan SPR dalam lima mesyuarat serta juga dua pendengaran awam bahawa mereka cukup peka kepada permintaan. Namun, desakan-desakan pihak awam dan misalnya berkenaan dengan dakwat ini pihak *Attorney General* misalnya telah mengatakan bahawa dia sudah sediakan draf untuk apa-apa perubahan kepada peraturan.

Dari segi peraturan itu, peraturan itu boleh...

Dato' Seri Anwar Ibrahim [Permatang Pauh]: Sedikit sahaja Yang Berhormat.

Datuk Dr. Maximus Johnity Ongkili: Dengar dahulu Yang Berhormat Permatang Pauh. Asal sahaja kalau dari segi peraturan itu diperakui melalui proses yang sedia ada oleh Duli Yang Maha Mulia, maka dia boleh diletakkan sahaja di atas meja mesyuarat. Akan tetapi, kalau dia berkaitan dengan akta, maka ini sememangnya perlu dibawa kepada Parlimen untuk perbincangan dan untuk kelulusan.

Dato' Seri Anwar Ibrahim [Permatang Pauh]: Terima kasih, sedikit sahaja Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Menteri. Saya ucapkan terima kasih kerana jaminan Yang Berhormat Menteri berulang kali agak tegas. Cuma, kaedah pelaksanaan dan mesyuarat itu kalau ikut jadualnya hanya *Public Hearing* di Kuching dan Pulau Pinang. Jadi, saya ingin menggesa Yang Berhormat Menteri supaya mesyuarat-mesyuarat juga berkala supaya kita dapat pantau apa-apa yang diusulkan oleh Parlimen bukan perkara ringan. Kalau Parlimen putuskan, maka sepatutnya diberikan pertimbangan yang serius oleh mana-mana badan yang berkaitan.

Setakat ini, saya ucapkan terima kasih kerana semua yang dipanggil baik Pengerusi SPR atau Ketua Peguam Negara semuanya hadir tanpa berkecuali. Ini melambangkan *seriousness* mereka akur tindakan dan keputusan Parlimen. Apa yang saya hendak gesa ialah ketegasan Pengerusi iaitu kuasa Jawatankuasa Khas ini untuk memastikan program pemantauan tindakan termasuklah tadi yang saya sebutkan tadi tentang baik MIMOS atau pun SPR. Terima kasih.

Datuk Dr. Maximus Johnity Ongkili: Terima kasih Yang Berhormat Permatang Pauh.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Sebentar Yang Berhormat. Yang Berhormat Menteri sebentar. Saya dimaklumkan bahawa Tuan Yang di-Pertua telah pun membenarkan Yang Berhormat Padang Serai untuk masuk dan saya minta Bentara untuk memanggil Yang Berhormat Padang Serai.

Datuk Dr. Maximus Johnity Ongkili: Okey, harap dia duduk diam-diam. Terima kasih.

Tuan Khalid Abd. Samad [Shah Alam]: Yang Berhormat Menteri.

Datuk Dr. Maximus Johnity Ongkili: Yang Berhormat tunggu dahulu.

Tuan Khalid Abd. Samad [Shah Alam]: Yang Berhormat Menteri, sedikit. Ini berhubung dengan...

Datuk Dr. Maximus Johnity Ongkili: Ada kaitan dengan ini?

Tuan Khalid Abd. Samad [Shah Alam]: Ya, berhubung dengan dakwat kekal itu.

Datuk Dr. Maximus Johnity Ongkili: Okey, *last one*. Saya mahu menjawab mereka yang sudah berucap sahaja.

Tuan Khalid Abd. Samad [Shah Alam]: Saya hanya ingin penjelasan kerana pada tahun 2004, pihak SPR telah bertindak untuk melanjutkan waktu mengundi daripada tempoh yang telah ditetapkan dan dibenarkan perubahan dari segi peraturan itu dengan begitu mudah. Akan tetapi, dalam soal ini bila kita bawa tentang soal dakwat kekal dan sebagainya yang tetap merupakan peraturan biasa, saya tidak faham mengapa ianya memerlukan satu prosedur yang begitu panjang lebar sedangkan pada pilihan raya 2004, lanjutan masa untuk tempoh mengundi boleh dilakukan dengan begitu segera tanpa merujuk kepada mana-mana pihak...

[Tepuk] [YB Padang Serai masuk ke dalam Dewan]

Lalu di sini, saya ingin mendapatkan penjelasan apakah perbezaan dalam persoalan ini sedangkan kedua-duanya adalah berhubung dengan soal peraturan dan bukan berhubung dengan soal pindaan, perlembagaan, atau pun yang sebagainya. Harap dapat dijelaskan.

Datuk Dr. Maximus Johnity Ongkili: Yang Berhormat, perkara kasi panjang masa mengundi itu belum lagi di bawa kepada meja mesyuarat ke jawatankuasa. Akan tetapi saya sedar apa yang ingin ditekankan di situ. Saya sudah katakan tadi bahawa untuk menjawab soalan Yang Berhormat Permatang Pauh, jikalau laporan itu diterima pada petang ini dan mesyuarat jawatankuasa akan datang, kita akan minta pihak SPR dan agensi pelaksana untuk memberi maklum balas dari segi jadual pelaksanaan dan mana yang boleh dan seterusnya kita akan pantau nanti dari segi situ.

Memang seperti mana Yang Berhormat daripada Kepong sentuh tentang tenaga, kakitangan, peruntukan ini. Yang Berhormat Kepong ini, mentor lama ini tidak baca perkara nombor 10. Perkara 10 ialah perihal khususnya untuk SPR. Kami katakan untuk melaksanakan cadangan-cadangan ini, SPR perlu diperkukuhkan bukan sahaja dari segi kebebasan dan seterusnya definisi kebebasan tersebut tetapi juga dari segi hal keperluan, tenaga, menaiktarafkan jawatan-jawatan pegawai, memperluaskan seksyen-seksyen tertentu dan sekali gus peruntukan kewangan untuk menjalankan sebab banyak cadangan ini sembilan langkah-langkah atau pun perkara memerlukan tenaga tambahan dan kewangan. Jadi, jika kita setuju dengan itu maka kita katakan okey, perlu dilaksanakan. Apa-apa jadinya dan apa sebenarnya tenaga yang diperlukan. Kami akan pantau selagi jawatankuasa ini berfungsi...

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: Ini...

Datuk Dr. Maximus Johnity Ongkili: Okey, seterusnya kepada...

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: Ini Yang Berhormat Menteri...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Ya.

Datuk Dr. Maximus Johnity Ongkili: Yang Berhormat baru masuk. Jadi, bagus diam dan dengar dahululah.

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: Yang Berhormat Menteri boleh duduk sekejap lah, bagi saya - Ini ada peraturan. Hormat pada peraturan mesyuarat.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Ya. Sila Yang Berhormat.

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Permatang Pauh telah menggunakan kata-kata...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Peraturan mana Yang Berhormat?

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: Peraturan Mesyuarat 36(6) di mana Yang Berhormat Permatang Pauh telah memanggil saya mabuk dan juga dia kata saya tidak tahu baca. Ini adalah sangkut paut dengan orang kuat beliau iaitu Yang Berhormat Gombak yang pernah memanggil saya dengan kata-kata yang lebih kesat macam ini. Jadi, ini adalah satu penghinaan bukan sahaja kepada saya tetapi juga kepada Dewan yang mulia ini. Ini seharusnya tidak dilakukan oleh seorang yang menjadi Ketua Pembangkang, bekas Menteri Kewangan dan yang berangan-angan menjadi Perdana Menteri juga.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Ya, saya faham Yang Berhormat.

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: Jadi, saya mahu Yang Berhormat Permatang Pauh tarik balik dan minta maaf kepada saya... *[Bercakap dalam bahasa Tamil]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat ya. Yang Berhormat sila duduk Yang Berhormat. Saya setuju bahawa dalam Peraturan Mesyuarat 36(6), dalam apa-apa perbahasan tidak boleh sebut kelakuan dan sifat seseorang ahli yang lain kecuali sifat yang berkenaan dengan turusan dan tugas sebagai Ahli Parlimen atau pun sebagai pegawai kerajaan. Akan tetapi apa yang berlaku pada pagi ini Yang Berhormat, walaupun tidak ada dalam Dewan, saya menonton melalui CCTV di bilik saya. Di dalam kekecohan sedemikian, saya merasakan bahawa perkara 36(6), Yang Berhormat Permatang Pauh tidaklah ada niat jahat kepada Yang Berhormat... *[Tepuk]* Saya minta maaf ya.

■1620

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: Tuan Yang di-Pertua, adakah ini bermakna bahawa dalam perbahasan...

Tuan Ahmad Kasim [Kuala Kedah]: Dia suruh pergi minum, dia suruh pergi minum.

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: ...Seseorang boleh... Adakah ini bermakna bahawa dalam perbahasan dan debat dalam Parlimen ini, seseorang itu boleh memanggil Ahli Dewan yang lain 'mabuk' dan juga menggunakan perkataan-perkataan ini kerana perkataan-perkataan yang disebutkan oleh Yang Berhormat Permatang Pauh adalah saya katakan...

Tuan Saifuddin Nasution Ismail [Machang]: *Check Hansardah, check Hansard.* Takkan boleh biar dia *misleading the Dewan.*

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: Saya belum habis hal ini.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat.

Tuan Saifuddin Nasution Ismail [Machang]: Ini macam mabuk betullah. *Check Hansard.*

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: Sudah ada banglo mewah di Australia, RM53 juta, cukuplah.

Datuk Wira Ir. Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Peraturan apa ini? peraturan apa ini, *you* dengarlah.

Tuan Saifuddin Nasution Ismail [Machang]: *Check Hansard.*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat, cukuplah Yang Berhormat.

Datuk Wira Ir. Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Duduklah Yang Berhormat Machang. Bagi peluang dia bercakap.

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: Tuan Yang di-Pertua, saya masih lagi belum habis. Ini perompak!... *[Dewan riuh]*

Datuk Wira Ir. Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Duduk, tanya betul-betul. Bagilah Yang Berhormat Padang Serai bercakap. Apa!

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: Perompak ini mahu cakap buat apa? Saya belum habis Tuan Yang di-Pertua!

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Padang Serai, Yang Berhormat Padang Serai. Saya sudah katakan Yang Berhormat, perkara 36(6) tidak boleh. Oleh sebab itu kita..

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: Saya katakan 36(6).

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Oleh sebab itu kita seharusnya mengelakkan perkataan-perkataan yang boleh menyinggung perasaan antara Ahli-ahli yang lain. Akan tetapi Yang Berhormat mengatakan perkara 36(6) bahawa ungkapan begitu disertakan dengan niat. Oleh sebab itu saya katakan, saya berpendapat bahawa ia tidak diungkapkan dengan niat. Perkara 36(6) tidak terpakai dalam perkara ini. Terima kasih Yang Berhormat.

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: Kalau begitu, saya gunakan 36(9) Tuan Yang di-Pertua.

Datuk Seri Dr. Maximus Johnity Ongkili: Okey, terima kasih Yang Berhormat. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: Ini kerana saya tidak mahu penggunaan bahasa yang boleh menyinggung dan menghina orang lain digunakan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Ya, sudah, sudah Yang Berhormat.

Tuan Saifuddin Nasution Ismail [Machang]: Masuknya dia mengganggu Dewan. Itu terang. Ini ciri-ciri orang mabuk!

Datuk Seri Dr. Maximus Johnity Ongkili: Okey Tuan Yang di-Pertua, saya ingin teruskan. Masa telah dipersingkatkan.

Tuan Abdullah Sani Abdul Hamid [Kuala Langat]: Tuan Yang di-Pertua, di *cafeteria* tadi, saya diserang oleh Yang Berhormat Padang Serai dengan menolak saya dan menggunakan kata-kata yang begitu tidak bersesuaian sebagai seorang Ahli Parlimen. Jika itu pun diambil perkiraan, ini sudah melampaui sebagai Ahli Parlimen.

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: Ini apakah kata-kata itu, apakah kata-kata itu?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Cukuplah Yang Berhormat Padang Serai. Cukuplah Yang Berhormat.

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: Tuan Yang di-Pertua, saya tidak puas hati kalau Tuan Yang di-Pertua mahu ambil tindakan atau apa, tidak apa. Akan tetapi saya rujuk 36(9)..

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat, okey.

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: ...Dan 36(6).

Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]: Keluarkan dia sekali lagi. Kita tidak boleh *continue*...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Cukuplah Yang Berhormat, ya. Yang Berhormat Menteri.

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: Ini tidak bermakna seorang...

Datuk Seri Dr. Maximus Johnity Ongkili: Tuan Yang di-Pertua, beberapa Ahli...

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: Adakah ini bermakna bahawa perkataan-perkataan ini boleh terus digunakan di dalam Dewan?

Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Tuan Yang di-Pertua, peraturan mesyuarat, peraturan mesyuarat Tuan Yang di-Pertua.

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: Boleh digunakan?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Padang Serai, saya minta Yang Berhormat duduklah Yang Berhormat.

Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Tuan Yang di-Pertua, guna peraturan mesyuarat halau dia keluar.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Betul, betul

Datuk Seri Dr. Maximus Johnity Ongkili: Tuan Yang di-Pertua, masa begitu singkat. *So*, saya mahu terus maju.

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: Apa Yang Berhormat Batu gajah?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Duduklah Yang Berhormat Padang Serai.

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: Saya bukan *black metallic* tau?...
[*Dewan riuh*]

Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Tuan Yang di-Pertua, peraturan mesyuarat. Peraturan Mesyuarat 43, Tuan Yang di-Pertua telah buat keputusan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Tidak payahlah Yang Berhormat. Dia tahulah itu.

Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Dia masih berdegil-degil, halau dia keluar. Kita bincang isu yang begitu penting.

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: Tuan Yang di-Pertua, Tuan Yang di-Pertua punya suara untuk membuat keputusan..

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Ya, Yang Berhormat Menteri teruskan.

Datuk Seri Dr. Maximus Johnity Ongkili: Okey,...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Padang Serai duduklah dahulu.

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: Tuan Yang di-Pertua tahu undang-undang ini. Tidak guna Yang Berhormat Batu Gajah cakap.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat...

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: Seharusnya Yang Berhormat Batu Gajah nasihat sama Yang Berhormat Taiping yang gunakan perkataan '*black metallic*'.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Padang Serai.

Datuk Seri Dr. Maximus Johnity Ongkili: Terima kasih Yang Berhormat.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Ya.

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: Di Sabah sahaja satu kandang itu macam, semua...

Datuk Seri Dr. Maximus Johnity Ongkili: Okey, Ahli-ahli Yang Berhormat daripada Lembah Pantai serta juga Yang Berhormat Pasir Mas telah menyentuh perkara penggunaan dakwat dan walaupun menyokong, mengatakan bahawa perlu kepastian supaya isu-isu adakah itu halal dan seterusnya tidak melanggar syarat-syarat umat Islam. Seterusnya, saya ingin katakan di sini bahawa setiap persiapan untuk penggunaan tersebut kita akan pastikan supaya fatwa kebangsaan dan seterusnya memberi maklumat dan keterangan sebelum nanti Jawatankuasa ini meng'*endorse*'kannya. Kami sendiri sebagai Ahli Jawatankuasa pun hendak *test* sendiri dan hendak menggunakan semua itu.

Saya telah meminta Jabatan Kimia misalnya, untuk memberi perkhidmatan untuk *test* semua dari segi saintifik, asasnya. Akan tetapi untuk maklumat Yang Berhormat, antara negara-negara Islam yang menggunakan dakwat kekal ini dalam pilihan raya ialah Indonesia, Afghanistan dan Bangladesh.

So, isu-isu perkara lain harus sudah pun terangkum dalam perkara ini tetapi kami akan pastikan supaya *scientific evidence* yang dapat dipercayai akan digunakan untuk pengesahan dalam perkara ini. Tuan Yang di-Pertua, dari segi pandangan-pandangan yang lain..

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Penjelasan, penjelasan. Sedikit sahaja.

Datuk Seri Dr. Maximus Johnity Ongkili: Ya..

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Saya hendak tanya dua perkara. Mengenai pindaan kepada usul yang ada ditolak oleh Tuan Yang di-Pertua, yang mengatakan bahawa di luar kuasa beliau. Akan tetapi bolehkah Yang Berhormat Menteri memberi jaminan bahawa Jawatankuasa Pilihan akan ambil *cognizance*, perhatian dalam perkara ini dan akan memastikan bahawa sedaya-upaya semua syor-syor yang dicadangkan bolehlah dilaksanakan sekurang-kurangnya apabila datang 1 Januari 2012, bolehkah?

Datuk Seri Dr. Maximus Johnity Ongkili: Yang Berhormat Ipoh Timur. Kita ambil maklum mengenai perkara itu. Saya sudah katakan sebab apabila laporan atau usul ini diterima pada petang ini, nanti kami akan minta pihak mereka yang telah pun dinamakan sebagai pelaksana untuk memberi maklum balas dari segi jadual dan kebolehan, kemampuan untuk melaksanakan dan apa halangan-halangan, apa keperluan lain untuk melaksanakannya? Sebelum itu dapat diperolehi, pihak Jawatankuasa saya rasa tidak boleh mengatakan *by January* dan begitu semuanyalah. Akan tetapi keyakinan ialah di mana untuk apabila ini diterima dan kita akan minta laporan balik daripada peringkat pelaksana dan bila itu dapat dilaksanakan.

Saya rasa satu cadangan ialah di mana pihak Jawatankuasa Pemilih yang mengambil dari tindakan dari sini sebab tanggungjawab kami di sini membuat kerja dan melaporkan kepada Parlimen. Akan tetapi memandangkan kami masih ada empat bulan untuk menunaikan semua terma rujukan itu, saya rasa Jawatankuasa tidak lari tanggungjawabnya untuk memantau mana yang boleh dilaksanakan dalam tempoh tersebut.

Akhirnya, perkara ini adalah berkaitan dengan *Royal Commission of Inquiry* dan Jawatankuasa ini sebulat suara telah pun mencadangkan itu. Akan tetapi seperti mana yang dicadangkan di situ bahawa banyak langkah yang lain itu yang hendaklah dijalankan oleh SPR dari segi membersihkan daftar pemilih. Antaranya adalah tertulis di dalam Laporan Jawatankuasa di situ. Satunya, melalui proses dengan membatalkan yang *double entry* dan seterusnya yang saya sentuhkan tadi. Selepas itu, membuat satu pemilihan semula, *re-certification, it is not registration*. Memang beberapa di Sabah dan juga di sini di Kuala Lumpur, pendengaran awam, mencadangkan bahawa *re-register* dan kami telah membincangkan itu tetapi belum sampai ke tahap itu untuk membuat keputusan. Akan tetapi kami telah bersetuju untuk misalnya, kasi pamer dan biarlah pihak mereka yang diragui itu ataupun tiada respons sama sekali dalam apa-apa pun perhubungan, untuk keluar ataupun sudah bertahun-tahun tidak mengundi.

Jadi 42,000 misalnya, sekarang ini telah dipersetujui oleh SPR untuk di pamer secara awam. Jadi, proses semacam ini boleh membantu. Satu lagi, *re-certification*, begitulah yang disebutkan *re-certification*. RCI, memang seperti Yang Berhormat Kota Belud mengatakan ini satu untuk meneliti kalau ada persoalan untuk melihat bagaimana itu terjadi, siapa yang melakukannya dan apa harus tindakannya.

Betul juga banyak RCI yang ditubuhkan itu *they can come home and say, you now open voting* begitu. Pihak kami lebih kepada memfokuskan kepada mencari penyelesaian kepada masalah yang sedia ada dan ada juga Jawatankuasa, ada juga pihak awam yang datang di hadapan Jawatankuasa ini mencadangkan barangkali Jawatankuasa Khas Parlimen lebih lagi efektif dari segi mencari langkah-langkah atau penyelesaian. Jadi, terpulang kepada Dewan yang mulia ini untuk membuat ketetapan-ketetapan sesuai dengan laporan kami.

Tuan Yang di-Pertua, saya rasa saya telah menyentuh hampir semua apa yang dibangkitkan.

Dato' Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]: Yang Berhormat Menteri, ada satu..

Datuk Seri Dr. Maximus Johnity Ongkili: Banyak lagi perkara yang memang kami belum rumuskan. Lebih 40 lebih lagi yang dicadangkan tetapi kita belum sampai ke tahap persetujuan.

Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Minta penjelasan.

Dato' Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]: Minta penjelasan, Kota Belud.

Datuk Seri Dr. Maximus Johnity Ongkili: Segala yang dibangkitkan adalah perkara yang pihak kami bersetuju.

Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Minta penjelasan.

Dato' Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]: Saya tadi, berucap tadi. Saya berucap, saya minta pandangan sekali lagi. Minta maaf ya, Yang Berhormat Batu Gajah. Tuan Yang di-Pertua, saya ada bangkitkan isu tentang *qualification* ataupun penambahan tuntutan yang kita buat untuk pengundi luar negara yang mana warga negara Malaysia yang telah tinggal di luar negara sejak sekian lama, yang sudah mungkin tidak mempunyai hubungan dari segi budayanya, dari segi kehidupan cara Malaysianya dan sebagainya itu diberi peluang untuk mengundi.

■1630

Itu saya tidak ada masalah sebab itu dalam Perlembagaan itu mereka warganegara dan mereka mempunyai hak. Cumanya boleh atau tidak jawatankuasa tadi mempertimbangkan cadangan saya iaitu untuk mewajibkan mereka sekurang-kurangnya – kalau pun tidak setahun sekali balik ke Malaysia - dua tahun supaya mereka dapat tahu kedudukan sebenar keadaan di negara kita ini seperti mana juga dilakukan di negara lain. Di negara lain walaupun warganegara mereka berada di luar negara dibenarkan tetapi mereka kena balik setahun sekali untuk memastikan mereka mengetahui isu-isu yang ada di dalam negara kita ini. Saya minta pandangan Yang Berhormat Menteri.

Datuk Seri Dr. Maximus Johnity Ongkili: Yang Berhormat Kota Belud, cadangan itu adalah baik. Setakat ini kami sekadar memperakui desakan ataupun permintaan bahawa rakyat Malaysia di luar negara ini dibenarkan untuk menunaikan kewajipannya sebagai pengundi dan tatacara serta kualifikasi itu belum lagi kita rumus bersama. Nanti kita akan minta pihak SPR untuk mengemukakan cadangan dalam perkara ini dan kami akan teliti nanti syarat-syarat tertentu. Memang berbeza-beza di negara-negara lain. Misalnya Australia. Dia mahu supaya hanya rakyat Australia yang telah pun *leave in the last six years* sahaja misalnya. Di Kanada untuk *less than five consecutive years*. So ada syarat-syarat yang mereka tentukan. Nanti pihak kita akan kaji dalam perkara ini dan rujuk kepada pihak awam. Ada empat lagi pendengaran awam di mana kami akan minta input-input dan termasuklah Ahli-ahli Yang Berhormat yang bila berucap, berbahas ini banyak hujah tetapi tidak juga datang di hadapan *Committee* kita ataupun menyediakan memorandum untuk diserahkan.

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar) mampengerusikan Mesyuarat]

Terakhir Tuan Yang di-Pertua, ialah untuk mengatakan bahawa perkara-perkara yang dibangkitkan setakat ini...

Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Minat penjelasan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Saya kira...

Datuk Seri Dr. Maximus Johnity Ongkili: Tidak berucap tadi.

Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Saya tidak ada peluang. Maaf, Yang Berhormat Menteri.

Datuk Seri Dr. Maximus Johonity Ongkili: Sana enam, sini satu sahaja tadi.

Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Saya, saya.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat, Yang Berhormat. Saya ingat kalau Yang Berhormat duduk sahaja habis sudah.

Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Berkenaan yang dicadangkan tanda pangkah di sebelah kanan kertas undi sahaja yang boleh diterima. Saya rasa ini terlalu ketat. Harus dilonggarkan. Yang penting ialah niat pengundi. Kalau dia buat tanda di dalam kotak calon tersebut, dia harus diterima. Kalau tidak saya risau akan timbul banyak undi rosak. Perkara yang lain juga saya ada banyak isu yang lain. Jangan saat-saat akhir SPR menambah peraturan yang lain sebab sebelum ini ada borang calon perlu dimatikan setem. Selepas itu pas ejen itu kena ada gambar.

Datuk Seri Dr. Maximus Johonity Ongkili: Okey, Yang Berhormat, okey.

Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Kotak undi tidak dibuka bersama, ada yang bersama. Jadi banyak isu yang lain. Jadi jangan *last* minit mengatakan peraturan-peraturan SPR.

Datuk Seri Dr. Maximus Johonity Ongkili: Nanti sila datang dalam pendengaran awam. Ada empat lagi. Nanti kita bincang perkara ini. Akan tetapi ketetapan jawatankuasa tadi mengenai dengan itu ialah sudah dipersetujui oleh semua wakil-wakil parti dalam jawatankuasa. Jadi kalau hendak buat semakan lagi, nanti kita maju ke hadapan dan dua langkah belakang pula. Namun saya akan dengar wakil DAP dalam mesyuarat yang akan datang.

Yang terakhir 'Tuanku'..., Tuan Yang di-Pertua... [*Ketawa*] Memang dia peranan juga sikit-sikit ini. Saya baru balik dengan Tuanku pergi Antartika jadi ada tersilap sikit. Hanya mengatakan bahawa di dalam pendengaran awam pihak jawatankuasa, kami telah mendengar hampir 50 pasukan dan lain-lain lagi daripada Ahli-ahli Yang Berhormat mewakili parti masing-masing. Lain daripada e-mel dan semua. Saya mengatakan bahawa kepentingan kepada perkara pentingnya satu sistem demokrasi yang maju bersama dengan eranya. Penambahbaikan-penambahbaikan ini. Mereka katakan sudah sampai pada zamannya. Saya mahu mengatakan bahawa ini pandangan umum keseluruhan. Parti-parti masing-masing pun sudah mengemukakan sebelum ini. So, ini bukan sekadar input daripada Datuk S. Ambiga dan kumpulannya. Ini adalah daripada parti-parti yang lain-lain. Ini adalah daripada semua pihak awam. Saya rasa itu kerana mencerminkan bahawa kita ingin sistem yang lebih baik daripada kelmarin untuk masa depan.

Dengan itu saya ucapkan terima kasih kepada yang telah membahaskan perkara-perkara ini yang telah dibangkitkan dan memberi sokongan kepada pihak kami untuk empat bulan lagi untuk perkara-perkara yang belum lagi selesai. Dengan itu saya mohon mencadangkan laporan interim itu diterima, laporan interim Jawatankuasa ini. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa usul Yang Berhormat Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi sebagai Pengerusi Jawatankuasa Pilihan Khas Berhubung Dengan Penambahbaikan Proses Pilihan Raya di bawah Peraturan Mesyuarat 86(5) seperti yang tertera dalam Aturan Urusan Mesyuarat hari ini di bawah perkara 1 hendaklah disetujui.

Masalah dikemuka bagi diputuskan; dan disetujui.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat, saya ingat saya terpaksa buat penjelasan sedikit, Yang Berhormat berhubung dengan Yang Berhormat Padang Serai supaya didengar semua tetapi jangan protes Yang Berhormat ya. Ini kerana keputusan itu berlandaskan apa yang saya pandang betul.

Apabila Yang Berhormat Padang Serai membuat sedikit kekecohan, saya suruh Yang Berhormat keluar. Selepas itu Yang Berhormat bangkitkan peraturan mesyuarat. Pada ketika itu, pada pandangan saya, Yang Berhormat bukan lagi dalam Dewan dan tidak hak lagi menggunakan peraturan mesyuarat. Jadi dengan itu saya tidak dengar lagi cerita itu. Inilah sebabnya Yang Berhormat, lain kali jangan buat kecoh dulu tetapi buat peraturan dahulu. Baru kita punya peraturan itu didengar. Kalau tidak, kekecohan, disuruh keluar. *You have no more locus standi* dalam Dewan.

Ini sebabnya Yang Berhormat, keputusan saya. Jadi selepas itu oleh kerana dalam keadaan sedemikian, saya tidak sebut berapa lama Yang Berhormat boleh keluar. Tuan Yang di-Pertua berbincang dengan saya dan saya kata memang saya hendak suruh dia keluar semasa Yang Berhormat Permatang Pauh berucap sahaja. Jadi ini telah dilaksanakan. Jadi Yang Berhormat, selepas ini Yang Berhormat boleh *continue* dalam Dewan Yang Berhormat ya, sila, Yang Berhormat Menteri.

4.36 ptg.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Datuk Liew Vui Keong]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Karpal Singh [Bukit Gelugor]: Tuan Yang di-Pertua, *point of order*.

Datuk Liew Vui Keong: Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Karpal Singh [Bukit Gelugor]: *Point of order*, Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Ya, Yang Berhormat.

Datuk Liew Vui Keong: Ada lagi.

Tuan Karpal Singh [Bukit Gelugor]: Tuan Yang di-Pertua, ini adalah mengenai usul saya disenaraikan sebagai 81. Ini adalah mengenai *plagiarization* oleh Hakim Dato' Haji Abdul Malik bin Haji Ishak dan saya rujuk kepada Peraturan Mesyuarat 90(1) untuk memberi keutamaan kepada usul ini. Ini adalah usul subjektif di bawah Artikel 127 Perlembagaan Persekutuan. Ia bukan satu usul biasa.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Ya, Yang Berhormat. Yang Berhormat, kita punya kerja harian ialah berlandaskan peraturan yang dalam peraturan kita juga mempunyai satu garis panduan yang tetap iaitu usul kerajaan didahulukan daripada mana-mana usul peribadi. Jadi dalam keadaan sedemikian, Yang Berhormat memang mengetahui dan sedia maklum bahawa sehinggalah usul kerajaan yang terdahulu dari itu siap, mana-mana usul lain pun yang individu ataupun peribadi itu tetap tidak dapat naik dahulu, Yang Berhormat. Saya minta maaf. Sila, Yang Berhormat Menteri.

Dato' Seri Anwar Ibrahim [Permatang Pauh]: Yang Berhormat Menteri, sebentar. Saya minta maaf. Merujuk kepada kes yang sama, kita minta bukan sahaja Tuan Yang di-Pertua tetapi juga kerajaan kerana ini melibatkan suatu hal yang patut disegerakan. Ada bukti yang jelas hakim, '*plagiarize*' dan disahkan oleh hakim Singapura yang berkenaan iaitu G.P. Selvam. Jadi kita tanpa apa-apa suara dari Parlimen, hakim itu terus menjalankan tanggungjawab. Satu, telah melanggar peraturan. Jadi untuk Parlimen, kalau kita ikut *convention* yang Tuan Yang di-Pertua sebut, memang betul saya tidak pertikai. Akan tetapi apakah tidak boleh diminta Yang Berhormat Menteri merujuk kes ini untuk didahulukan memandangkan kepada tercemarnya badan kehakiman dan ini ternyata ada... *[Disampuk]* Jangan eh, eh...

■1640

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat. yang lain diamlah Yang Berhormat.

Datuk Seri Anwar Ibrahim [Permatang Pauh]: Oleh sebab saya tidak faham mengapa isu seperti ini, setuju tak setuju soal lain akan tetapi faktanya G.P Selvam mengesahkan, seorang Hakim Kanan di Mahkamah Rayuan kita, terlibat dalam 'plagiarize' dan kita di Malaysia boleh diam begitu. Ini mengaibkan. Jadi kalau sampai Parlimen tidak boleh suarakan dan tidak ada ruang nak suarakan, kita akan hadapi masalah.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Ya, terima kasih Yang Berhormat. Perkara ini bukan sayalah. Saya ingat Yang Berhormat Permatang Pauh menyuarakan kepada kerajaan. Jadi keputusan itu terpaksa kerajaan sendiri yang bertanggungjawab dan memberi jawapan kepadanya. Saya tidak boleh menjawab. Saya hanya boleh menjawab soalan peraturan dan amalan yang kita laksanakan. Sila Yang Berhormat Menteri.

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG KANUN TATACARA JENAYAH (PINDAAN) 2011

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

4.41 ptg.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Datuk Liew Vui Keong]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan iaitu satu rang undang-undang bernama suatu akta untuk meminda Akta Kanun Tatacara Jenayah dibacakan kali yang kedua sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, Rang Undang-undang Kanun Tatacara Jenayah Pindaan (2011) ini diperlukan untuk memastikan sistem keadilan jenayah di Malaysia dilaksanakan dengan adil dan saksama. Selain menitikberatkan hak tertuduh, hak masa jenayah dan orang awam pada amnya juga perlu dititikberatkan. Rang undang-undang ini diperlukan untuk menjelaskan kedudukan undang-undang mengenai dokumen yang boleh dikemukakan oleh pihak pendakwaan di bawah seksyen 51(A) Kanun Tatacara Jenayah [Akta 593] dan untuk mengelakkan tafsiran yang berbeza diberikan oleh mahkamah. Selain itu, pindaan yang dibuat kepada seksyen 283 [Akta 593] adalah tepat pada masanya bagi mengemaskinikan dan mengeraskan sistem perhukuman di negara ini.

Pindaan kepada seksyen 396 pula adalah suatu penambahbaikan yang dijangka dapat menangani masalah saksi yang tidak dapat hadir atau tidak boleh dikesan semasa hari perbicaraan.

Tuan Yang di-Pertua, pada tahun 2006, Kanun Tatacara Jenayah [Akta 593] telah dipinda untuk memasukkan seksyen 51A. Cadangan pindaan ini telah dibuat oleh Jawatankuasa Pilihan Khas Dewan Rakyat untuk mengkaji Rang Undang-undang Kanun Keseksaan Pindaan (2004) dan Kanun Tatacara Jenayah Pindaan (2004).

Seksyen 51A tersebut memperuntukkan bagi pemberian dokumen oleh pihak pendakwaan kepada tertuduh sebelum perbicaraan bermula. Di bawah subseksyen (1), seksyen 51A ini, pihak pendakwaan akan membekalkan tertuduh dengan maklumat yang diberikan di bawah seksyen 107, laporan maklumat pertama dokumen yang akan digunakan dalam perbicaraan dan fakta yang berpihak kepada tertuduh; sekiranya ada.

Pengecualian pemberian dokumen ini diperuntukkan secara nyata dalam subseksyen (2), seksyen 51A yang memperuntukkan bahawa pihak pendakwaan boleh untuk tidak membekalkan dokumen dan fakta yang dinyatakan dalam subseksyen (1), sekiranya pembekalan dokumen dan fakta tersebut adalah bertentangan dengan kepentingan awam.

Tujuan seksyen 51A tersebut dimasukkan ke dalam Kanun Tatacara Jenayah telah diterangkan dengan jelas oleh Yang Berhormat Dato' Seri Mohd. Radzi bin Sheikh Ahmad, Menteri di Jabatan Perdana Menteri pada masa itu, semasa membentangkan rang undang-undang berkenaan di Parlimen seperti yang berikut, "*Tujuan kita buat demikian ialah untuk memendekkan perbicaraan dengan cara itu. Kedua, dengan cara itu pihak pembela tidak akan membuat permohonan kepada mahkamah untuk menangguhkan kes-kes kerana kononnya dokumen ini belum dapat diterima lagi dan dia hendakkan dokumen ini dan sketch plan dan seterusnya daripada pihak pendakwa. Dengan cara itu, kita memendekkan perbicaraan*".

Bagaimanapun, semenjak seksyen 51A tersebut dikuatkuasakan terdapat beberapa keputusan mahkamah yang telah memberikan tafsiran yang berbeza mengenai pemakaian seksyen tersebut. Mahkamah dalam kes-kes seperti Pendakwa Raya lawan Zulkefli Ibrahim dan dua lagi dalam kes Mahkamah Tinggi Kota Baharu, kes Nombor 45-12-00 dan kes Pendakwa Raya lawan Samugam Nathansupiah 2010, *citation* 1LNS749, telah memutuskan bahawa dokumen yang tidak diberikan kepada pihak pembelaan sebelum perbicaraan adalah dokumen yang tidak boleh diterima. Bagaimanapun, dalam kes Mohd Fadzil Awalludin 2009, *citation* 2CLJ867 dan Pendakwa Raya lawan Kandia Subramaniam 2009, *citation* 5CLJ770 pula, mahkamah telah memutuskan bahawa ketidakpatuhan seksyen 51A tidak menjejaskan kebolehterimaan dokumen yang berkenaan.

Oleh demikian, seksyen 51A dicadangkan dipinda untuk memberikan kepastian tentang tujuan seksyen 51A dan menyelesaikan percanggahan tafsiran yang wujud berkaitan dengan isu kebolehterimaan dokumen yang berkenaan. Selain itu, juga didapati bahawa skala hukuman ganti yang boleh dikenakan oleh mahkamah jika tertuduh tidak membayar denda adalah tidak praktikal mengikut tempoh masa sekarang.

Justeru, pindaan juga dicadangkan dibuat kepada seksyen 283 Kanun Tatacara Jenayah untuk memperuntukkan skala hukuman yang lebih realistik. Selanjutnya juga didapati bahawa seksyen 396 Kanun Tatacara Jenayah patut dipinda kerana seksyen tersebut tidak lagi digunakan pada masa ini. Seksyen 396 membolehkan pendakwa raya memohon kepada mahkamah untuk *commit* seorang saksi ke penjara sivil untuk memastikan saksi itu memberi keterangan pada hari perbicaraan atau sehingga saksi itu memberikan jaminan yang memuaskan bahawa dia akan hadir pada hari perbicaraan untuk memberi keterangan.

Penggunaan seksyen ini tidak mendapat sokongan pada masa kini kerana mungkin menyebabkan saksi tersebut tidak mahu memberi keterangan pada hari perbicaraan. Justeru, seksyen 396 ini dicadangkan dipinda dengan menggantikan dengan suatu cara yang lebih baik dan tidak memudaratkan mana-mana saksi. Tuan Yang di-Pertua, secara ringkas, fasal utama Rang Undang-undang Kanun Tatacara Jenayah Pindaan (2011) adalah seperti yang berikut:

- (i) fasal 2 rang undang-undang bertujuan untuk meminda seksyen 51A Akta 593 untuk memasukkan subseksyen (3), (4) dan (5) ke dalam seksyen 51A. Kemasukan subseksyen (3) ini bertujuan untuk menjelaskan bahawa dokumen yang diperuntukkan dalam seksyen ini adalah dokumen yang boleh diterima sebagai keterangan.

Dengan itu, walaupun berlaku kegagalan di pihak pendakwaan untuk mengemukakan apa-apa dokumen kepada tertuduh, kegagalan tersebut tidak menyentuh atau menjejaskan kedudukan dokumen tersebut sebagai dokumen yang boleh diterima sebagai keterangan.

Pindaan ini diperlukan memandangkan terdapat beberapa keputusan kes yang bercanggah dalam tafsiran pemakaian peruntukan 51A ini berbangkit daripada kemasukan subseksyen (3) tersebut subseksyen (4) dan juga (5) diadakan untuk melindungi kepentingan tertuduh.

Kuasa diberikan kepada mahkamah untuk tidak menerima apa-apa dokumen yang dikemukakan selepas permulaan perbicaraan ini di bawah subseksyen (1) jika terdapat keterangan yang menunjukkan bahawa pengemukakan lewat itu dibuat dengan sengaja dan dengan niat jahat. Selain itu, mahkamah hendaklah memberi peluang kepada tertuduh untuk memeriksa dokumen tersebut dan memanggil semula mana-mana saksi berhubung dengan dokumen yang dikemukakan sedemikian.

- (ii) fasal 3 rang undang-undang bertujuan untuk meminda seksyen 283 Akta 593 bagi mengemaskinikan skala hukuman gantian yang sedia ada. Pindaan ini akan menetapkan suatu skala tempoh hukuman dan kadar amaun yang lebih munasabah dan realistik yang berdasarkan suatu tempoh pemenjaraan kerana ingkar membayar denda boleh dikenakan.

■1650

Skala yang sedia ada didapati tidak selaras dengan kehendak hal keadaan semasa dan juga tidak setimpal dengan hukuman yang diperuntukkan pada masa ini di bawah undang-undang bertulis yang lain. Ketiga, fasal 4 rang undang-undang bertujuan untuk meminda seksyen 396 [Akta 593] untuk membolehkan mahkamah atas permohonan pendakwa raya, merakamkan keterangan seseorang saksi yang kehadirannya di mahkamah tidak boleh didapatkan tanpa kelengahan atau perbelanjaan yang tidak munasabah, atau merakamkan keterangan seseorang saksi yang mungkin menjadi tidak berupaya untuk memberikan keterangan semasa hari perbicaraan. Mahkamah hendaklah merakamkan keterangan saksi tersebut atau sumpah saksi itu boleh diperiksa mengikut peruntukan Akta Keterangan 1950 semasa keterangannya dirakamkan.

Pindaan ini merupakan satu penambahbaikan kepada cara menangani masalah saksi yang tidak dapat hadir pada hari perbicaraan. Dengan pindaan ini, seseorang saksi tidak perlu lagi *dicommitkan* ke penjara sivil untuk memastikan dia memberikan keterangan pada hari perbicaraan. Cara ini adalah lebih baik bagi seseorang saksi kerana dirinya tidak dimudaratkan semata-mata kerana dia dikehendaki memberikan keterangan dalam sesuatu perbicaraan yang mungkin mengambil masa yang lama. Dengan pindaan ini juga, masalah saksi yang melarikan diri sebelum hari perbicaraan itu, antara yang tidak dapat dikesan pada hari perbicaraan, dapat diatasi. Perbicaraan sesuatu kes jenayah tidak terjejas kerana keterangan saksi yang melarikan diri atau tidak dapat dikesan itu telah dirakamkan oleh mahkamah dan boleh digunakan sebagai keterangan semasa perbicaraan itu. Dengan itu Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Timbalan Menteri Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan I [Dato' Joseph Salang anak Gandum]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah rang undang-undang bernama suatu akta bagi meminda Kanun Tatacara Jenayah dibacakan kali kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas. Sila, Yang Berhormat Bukit Gelugor.

4.52 ptg.

Tuan Karpal Singh [Bukit Gelugor]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: Ini *standing order*.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Ya, apa Yang Berhormat?

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Ini tadi saya telah merujuk Yang Berhormat Permatang Pauh menurut Peraturan Mesyuarat 36(6) dan saya telah memohon supaya beliau menarik apa yang beliau telah katakan terhadap saya iaitu kata saya mabuk dan juga saya tidak membaca.

Saya telah meminta supaya beliau menarik balik ataupun minta maaf, tetapi Tuan Yang di-Pertua tadi telah *overrule* dan maka sekarang saya merujuk kembali supaya perkataan-perkataan itu diexpunge daripada *Hansard*lah, menurut peraturan yang sama. Perkataan-perkataan mabuk dan juga Yang Berhormat Padang Serai tidak membaca.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Duduk Yang Berhormat. Okey, terima kasih Yang Berhormat.

Tuan Karpal Singh [Bukit Gelugor]: Tuan Yang di-Pertua...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Kita kena semak dia punya *Hansard* dahulu Yang Berhormat. Kalau sudah tertulis, baru kita boleh buat keputusan selepas itu. Yang Berhormat Bukit Gelugor ya.

Tuan Karpal Singh [Bukit Gelugor]: Tuan Yang di-Pertua, rakan saya dari Padang Serai ada mengatakan tadi, perkataan yang digunakan ke atas dia adalah mabuk. Akan tetapi dalam ingatan saya, itu tidak mencukupi. Yang Berhormat Padang Serai adalah seorang binatang.

Beberapa Ahli Pembangkang: [Ketawa]

Tuan Karpal Singh [Bukit Gelugor]: Tidak ada hak, tidak ada hak untuk duduk dalam Dewan yang mulia ini.

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: Tuan Yang di-Pertua...

Tuan Karpal Singh [Bukit Gelugor]: Dewan ini adalah untuk orang yang mulia, bukan 'binatang'.

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: Tuan Yang di-Pertua, saya dengan ini merujuk Yang Berhormat Bukit Gelugor kepada peraturan mesyuarat yang samalah iaitu 36(6) dan saya mohon agar beliau tarik balik dan minta maaf. Saya juga percaya bahawa apabila saya merujuk sesuatu itu kepada Tuan Yang di-Pertua, adalah satu penghormatan yang saya beri kepada Tuan Yang di-Pertua. Akan tetapi pada masa yang sama, Yang Berhormat Bukit Gelugor sanggup mengeluarkan kata-kata itu dan ini memang tidak boleh diterima dalam Dewan yang mulialah. Saya harap Tuan Yang di-Pertua...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Baik Yang Berhormat, baiklah. Duduk Yang Berhormat. Yang Berhormat Bukit Gelugor, saya ingat perkataan itu dituju kepada seorang ahli memang tidak patutlah. Saya ingat Yang Berhormat tarik balik perkataan "binatang" itu. Soalan itu soalan Parlimen Yang Berhormat, tetapi perkataan "binatang" itu adalah tidak elok...

Tuan Karpal Singh [Bukit Gelugor]: Memang dia seorang 'binatang'.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat, jangan macam itu Yang Berhormat. Sila tarik balik panggilan binatang itu Yang Berhormat.

Tuan Karpal Singh [Bukit Gelugor]: Tidak boleh tarik balik, saya berpegang keras kepada apa yang saya katakan tadi.

Beberapa Ahli: Halau dia.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat, kalau hendak buat sejarah itu boleh buat juga Yang Berhormat. Saya hendak Yang Berhormat tarik balik perkataan itu.

Tuan Karpal Singh [Bukit Gelugor]: Saya tidak akan Tuan Yang di-Pertua, saya berpegang keras kerana dia seorang binatang.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat, tarik balik perkataan binatang itu Yang Berhormat. Perkataan binatang jangan diguna kepada seorang Ahli Yang Berhormat, sama ada ahli itu layak ataupun tidak duduk di Dewan ini, biarlah Dewan ini membuat keputusan. Sila Yang Berhormat, tarik balik, tolong saya Yang Berhormat.

Tuan Karpal Singh [Bukit Gelugor]: Seperti yang saya katakan tadi Tuan Yang di-Pertua, bukan saya tidak mahu tolong Tuan Yang di-Pertua. Akan tetapi, ini satu perkara yang menunjukkan orang ini perangai dia dalam Dewan ini sehingga hari ini sebagai seorang binatang.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat, itu bukan keputusan Yang Berhormatlah. Kalau Yang Berhormat berkeras tidak mahu tarik balik, saya tidak ada keputusan lain Yang Berhormat. Yang Berhormat, sila Yang Berhormat. Tolong tarik balik perkataan itu.

Tuan Karpal Singh [Bukit Gelugor]: Tuan Yang di-Pertua, apa yang saya katakan tadi, saya tidak akan tarik balik.

Beberapa Ahli: [Menyampuk]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Saya minta Yang Berhormat keluarlah.

Tuan Karpal Singh [Bukit Gelugor]: Boleh keluar, itu tidak ada masalah.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat, ini betul-betul mencabar kedudukan saya sebagai Tuan Yang di-Pertua Yang Berhormat. Yang Berhormat Padang Serai duduk Yang Berhormat. Kita kena tunjuk kalau betul-betul kita layak, atau *gentleman*, kita kena tunjuk kita sendiri *gentleman* Yang Berhormat. Yang Berhormat, dia tidak tarik balik.

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: [Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Ya, Yang Berhormat yang lain, lagi ada ruang kita boleh keluar juga Yang Berhormat.

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat Padang Serai, kita tidak ada komen lagi Yang Berhormat.

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: Ya, ada.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Tidak ada komen lagi Yang Berhormat. Saya tidak hendak lagi komen.

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: Saya hendak tanya satu. Oleh kerana saya tidak melawan apa Yang Berhormat Bukit Gelugor kata tetapi saya hanya menggunakan peraturan *point of order* dan saya mahu satu *ruling* bahawa selagi beliau tidak minta maaf, beliau tidak boleh masuk balik ke dalam Dewan ini. Ini kerana Tuan Yang di-Pertua, saya sendiri sedar bahawa apabila pagi ini Yang Berhormat Permatang Pauh memanggil saya mabuk, saya boleh keluarkan kata-kata yang lebih kesat daripada itu terhadap Yang Berhormat Permatang Pauh. Akan tetapi, saya tidak mahu. Saya tahu 12 tahun saya duduk dengan Yang Berhormat Permatang Pauh, puluh-puluh perkataan yang lebih dahsyat dan lebih kesat daripada apa Yang Berhormat Permatang Pauh katakan kepada saya dikatakan terhadap beliau dan sama juga terhadap Yang Berhormat Bukit Gelugor. Akan tetapi, saya tidak mahu sebut itu semua.

Cuma saya minta satu *ruling* daripada Tuan Yang di-Pertua supaya selagi dia tidak minta maaf terhadap perkataan yang dikatakan oleh beliau ataupun tarik balik, saya minta Dewan ini buat *ruling*, jangan biarkan beliau masuk balik ke dalam Dewan ini.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Duduk Yang Berhormat. Yang Berhormat yang pertama, boleh beritahu saya minta penjelasan daripada saya tetapi Yang Berhormat tidak berhak meminta saya supaya membuat satu keputusan berlainan daripada apa yang saya putuskan. Itu sahaja.

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: ...Saya cuma cadangkan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Ya, ya. Yang Berhormat tidak perlu mencelah lagi Yang Berhormat. Saya sudah buat keputusan, Yang Berhormat Bukit Gelugor sudah sedia keluar, itu sahaja hukuman yang layak dia terima Yang Berhormat, selain daripada itu tidak boleh. Jadi sila siapa yang hendak bercakap. Kalau tidak ada yang hendak bercakap saya akan..., baik.

■1700

[Tiada perbahasan]

Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa rang undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Masalah dikemukakan bagi diputuskan; dan disetujui.

Rang undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Majlis bersidang dalam Jawatankuasa.

*[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar) **mempengerusikan Jawatankuasa]***

Fasal-fasal dikemukakan kepada Jawatankuasa.

Fasal-fasal 1 hingga 4 diperintahkan jadi sebahagian daripada rang undang-undang.

Rang undang-undang dimaklumkan kepada Majlis sekarang.

Majlis Mesyuarat bersidang semula.

Rang undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan; dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

RANG UNDANG-UNDANG KETERANGAN (PINDAAN) 2011

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

5.03 ptg.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Datuk Liew Vui Keong]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan iaitu rang undang-undang bernama suatu akta untuk meminda Akta Keterangan 1950 dibacakan kali yang kedua sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, Rang Undang-undang Keterangan (Pindaan) 2011 ini diperlukan untuk melengkapkan tatacara prosiding di Mahkamah Jenayah supaya lebih licin dan teratur dan dengan itu dapat menjadikan sistem keadilan jenayah di Malaysia lebih efektif. Pada tahun 2010, Kanun Tatacara Jenayah [Akta 193] telah dipinda oleh Akta Kanun Tatacara Jenayah (Pindaan) 2010 [Akta A1378] untuk mengatasi masalah peningkatan kes tertunggak di Mahkamah Jenayah agar sejajar dengan hasrat kerajaan dalam melaksanakan bidang keberhasilan utama nasional (NKRA) khususnya NKRA yang pertama iaitu pengurangan jenayah.

Dalam Akta A1378 tersebut, pindaan telah dibuat kepada beberapa tatacara prosiding jenayah di mahkamah bagi membolehkan sesuatu kes dipendekkan tempoh perbicaraannya dan dengan itu proses pelupusan perbicaraan jenayah dapat dipercepatkan. Seksyen 8 [Akta A1378] telah memasukkan dua seksyen baru iaitu seksyen 402B dan seksyen 402C ke dalam Kanun Tatacara Jenayah.

Seksyen-seksyen baru tersebut bertujuan untuk memudahkan penggantian keterangan berbentuk lisan dengan keterangan berbentuk pernyataan bertulis. Proses ini membolehkan pihak pendakwaan dan juga pihak pembelaan mengemukakan pernyataan dalam bentuk keterangan semasa pemeriksaan utama. Kemudahan ini akan mempercepatkan masa mahkamah dalam perekodan keterangan kerana pernyataan itu akan mempunyai kesan seolah-olah keterangan itu adalah keterangan lisan yang diberikan semasa mahkamah terbuka dan apa-apa ekshibit yang dikemukakan menurut kuasa seksyen ini dikemukakan seolah-olah dikemukakan di dalam perjalanan biasa perbicaraan.

Bagi melengkapkan pemakaian seksyen-seksyen baru 402B dan 402C tersebut supaya tatacara prosiding di Mahkamah Jenayah dapat dilaksanakan dengan licin dan teratur. Akta Keterangan 1950 perlu dipinda.

Di samping itu kerjasama antarabangsa dalam perkara jenayah dalam bentuk formal melalui bantuan bersama dalam perkara jenayah kian diberi pendekatan sebagai kaedah yang paling berkesan untuk menangani jenayah rentas sempadan termasuk keganasan, penyeludupan orang dan barang, pemerdagangan orang, pengedaran dadah, rasuah, pengubahan wang haram, *fraud*, jenayah siber dan sebagainya. Dalam hal ini Akta Bantuan Bersama Dalam Perkara Jenayah 2002 [Akta 621] merupakan mekanisme utama bagi Malaysia memperoleh bantuan negara asing untuk menjayakan pendakwaan ini di Malaysia bagi kesalahan yang dilakukan terhadap undang-undang Malaysia.

Keterangan yang dikumpulkan di sesuatu negara asing lazimnya dalam bentuk keterangan lisan dan dokumentar perlu dikemukakan di mahkamah di Malaysia mengikut kehendak undang-undang Malaysia untuk menentukan kebolehterimannya dengan mengambil kira bahawa keterangan itu di sesuatu negara asing itu telah dikumpulkan menurut Akta Bantuan Bersama Dalam Perkara Jenayah 2002, maka tatacara penerimaan keterangan asing tersebut sewajarnya dipermudahkan. Ini termasuklah pemakaian peruntukan di bawah Akta Keterangan 1950 yang telah direka bentuk untuk dipakai hanya dalam konteks domestik sahaja dan tidak relevan bagi keterangan yang telah dikumpulkan di bawah rejim bantuan bersama dalam perkara jenayah antarabangsa.

Oleh yang demikian, suatu tatacara yang dipermudahkan perlu dimasukkan ke dalam Akta Keterangan 1950 untuk membolehkan penerimaan masuk keterangan asing yang diperoleh di bawah Akta Bantuan Bersama Dalam Perkara Jenayah 2002 dengan lebih berkesan dan teratur. Pengenalanan tatacara yang dipermudahkan dalam Akta Keterangan 1950 untuk penerimaan masuk keterangan asing yang diperoleh di bawah Akta Bantuan Bersama Dalam Perkara Jenayah 2002 tidak akan menjejaskan hak tertuduh kerana menurut rejim bantuan bersama dalam perkara jenayah antarabangsa, undang-undang bantuan bersama dalam perkara jenayah negara asing lazimnya membenarkan subjek yang berkaitan dengannya, permintaan itu dibuat atau wakilnya di sisi undang-undang hadir semasa keterangan lisan direkodkan di mahkamah atau keterangan dokumentar dikemukakan di mahkamah dan tertakluk kepada undang-undang negara yang diminta itu. Pihak tertuduh boleh diberi peluang untuk menyoal balas saksi dan soal balas tersebut juga akan dijadikan sebagai sebahagian daripada rekod pemeriksaan saksi.

Sebagai tambahan, sub-seksyen 8(4) Akta Bantuan Bersama Dalam Perkara Jenayah 2002 dengan jelas memperuntukkan bahawa dalam menilai kepentingan jika ada yang akan diletakkan pada apa-apa keterangan yang diterima oleh Peguam Negara. Menurut suatu permintaan yang dibuat di bawah akta itu dan telah diterima sebagai keterangan dalam mana-mana prosiding jenayah yang berkaitan dengan permintaan itu. Mahkamah hendaklah mengambil kira sama ada undang-undang negara asing yang berkenaan membenarkan pihak-pihak kepada prosiding jenayah itu diwakili di sisi undang-undang apabila keterangan itu diambil.

Tuan Yang di-Pertua, rang undang-undang ini mempunyai tiga fasal seperti yang berikut fasal 1 mengandungi tajuk ringkas dan peruntukan mengenai permulaan kuat kuasa serta pemakaian akta yang dicadangkan. Bab baru VA yang dimasukkan oleh fasal 3 hanya akan terpakai bagi prosiding jenayah yang dimulakan selepas bab baru ini mula berkuat kuasa.

■1710

Fasal 2 bertujuan untuk memasukkan seksyen baru 73AA ke dalam Akta 56. Pindaan ini ialah pindaan berbangkit kepada kemasukan seksyen 402B dan seksyen 402C ke dalam Kanun Tatacara Jenayah. Seksyen baru 73AA ini memperuntukkan bahawa apa-apa fakta sama ada lisan atau bertulis yang telah dipersetujui oleh kedua-dua pihak pendakwaan dan tertuduh dalam mana-mana prosiding jenayah sama ada sebelum perbicaraan bermula ataupun semasa perbicaraan telah bermula, hendaklah diterima oleh mahkamah tanpa perlu bagi mana-mana pihak untuk mengemukakan bukti bagi kebolehterimaan fakta tersebut.

Pindaan ini membolehkan proses penerimaan keterangan oleh mahkamah dalam prosiding jenayah dipendekkan kerana kedua-dua pihak pendakwaan dan juga tertuduh tidak lagi perlu meluangkan masa untuk memanggil saksi bagi membuktikan apa-apa fakta yang kedua-dua pihak telah bersetuju supaya boleh diterima oleh mahkamah.

Selain itu fakta dalam apa-apa dokumen yang dikemukakan melalui seksyen 402B dan seksyen 402C, Kanun Tatacara Jenayah tidak boleh dipertikaikan kebolehterimaannya kerana kedua-dua pihak pendakwaan dan tertuduh telah bersetuju tentang kebolehterimaan dokumen itu.

Fasal 3 bertujuan untuk memasukkan bab baru yang mengandungi seksyen 90D hingga 90F ke dalam Akta 56 untuk membuat peruntukan mengenai kebolehterimaan keterangan yang ditetapkan yang didapatkan menurut permintaan untuk bantuan bersama dalam perkara jenayah di bawah Akta Bantuan Bersama dalam Perkara Jenayah 2002 [Akta 621].

Fasal 90D secara jelas memperuntukkan bahawa peruntukan dalam bab baru BA hanya terpakai bagi menentukan penerimaan masuk keterangan yang diperoleh menurut suatu permintaan yang dibuat di bawah Akta Bantuan Bersama dalam Perkara Jenayah 2002.

Fasal 90E menetapkan tatacara khusus yang terpakai bagi penerimaan masuk ke keterangan yang diperoleh menurut satu permintaan yang telah dibuat di bawah Akta Bantuan Bersama dalam Perkara Jenayah 2002.

Fasal 90F menetapkan bahawa perakuan Peguam Negara atau orang yang diberi kuasa oleh Peguam Negara bahawa apa-apa testimoni, pernyataan, preposisi, dokumen atau benda yang disertakan perakuan itu telah diterima oleh Peguam Negara menurut suatu permintaan yang telah dibuat di bawah Akta Bantuan Bersama dalam Perkara Jenayah 2002 hendaklah diterima dalam prosiding jenayah itu sebagai keterangan eksklusif tentang fakta dalam perakuan itu tanpa bukti lanjut. Sekian, Tuan Yang di-Pertua saya mohon mencadangkan.

Timbalan Menteri Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan I [Dato' Joseph Salang anak Gandum]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Ahli-ahli Yang Berhormat masalah di hadapan majlis ialah rang undang-undang bernama suatu akta untuk meminda Akta Keterangan 1950 dibacakan kali kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas.

[Tiada perbincangan]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa rang undang-undang ini dibacakan kali kedua sekarang.

Masalah dikemuka bagi diputuskan; dan disetujui.

Rang undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Majlis bersidang dalam Jawatankuasa.

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar) mempengerusikan Jawatankuasa]

Fasal-fasal dikemukakan kepada Jawatankuasa.

Fasal-fasal 1 hingga 3 diperintahkan jadi sebahagian daripada rang undang-undang.

Rang undang-undang dimaklumkan kepada Majlis sekarang.

Majlis Mesyuarat bersidang semula.

Rang undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan; dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

RANG UNDANG-UNDANG KEWANGAN (NO. 2) 2011

Bacaan Kali Yang Kedua Dan Ketiga

5.16 ptg.

Timbalan Menteri Kewangan II [Dato' Donald Lim Siang Chai]: Tuan Yang di-Pertua saya mohon mencadangkan suatu akta yang bernama Rang Undang-undang Kewangan (No. 2) 2011 untuk meminda Akta Cukai Pendapatan 1967, Akta Setem 1959, Akta Cukai Keuntungan Harta Tanah 1976, Akta Cukai Aktiviti Perniagaan Labuan 1990 dan Akta Kewangan 2009 dibacakan kali kedua sekarang.

Tuan Yang di-Pertua saya mohon mencadangkan suatu akta yang bernama Rang Undang-undang Kewangan (No.2) 2011 bagi membolehkan pelaksanaan langkah percukaaian yang telah diumumkan dalam Bajet 2012. Di samping untuk melaksanakan keputusan kerajaan berkenaan menambahbaikkan pentadbiran cukai yang memerlukan pindaan cukai kepada akta-akta tersebut.

Tuan Yang di-Pertua saya mohon untuk menghurai setiap fasal di dalam rang undang-undang ini. Rang undang-undang ini mempunyai 38 fasal yang dibahagikan kepada enam bab seperti berikut:

Bab 1 – Permulaan. Dalam bab permulaan terdapat dua fasal seperti berikut:

Fasal 1 menyatakan tajuk ringkas akta ini iaitu dikenali sebagai Akta Kewangan (No. 2) 2011; dan

Fasal 2 menerangkan tujuan rang undang-undang ini iaitu untuk meminda Akta Cukai Pendapatan 1967, Akta Setem 1949, Akta Cukai Keuntungan Harta Tanah 1976, Akta Cukai Aktiviti Perniagaan Labuan 1990 dan Akta Kewangan 2009.

Bab 2 - Pindaan kepada Akta Cukai Pendapatan 1967. Bab 2 terdiri dari 24 fasal iaitu fasal 3 hingga fasal 26 bertujuan untuk meminda Akta Cukai Pendapatan 1967 seperti berikut:

Fasal 3 bertujuan menyatakan tarikh kuat kuasa bagi pindaan yang dibuat ke atas akta tersebut. Kesemua pindaan kepada akta mempunyai tarikh kuat kuasa mulai tahun taksiran 2012 dan tahun-tahun taksiran berikutnya kecuali:

- (i) seksyen 5 mula berkuat kuasa dari 1 Januari 2012 hingga 31 Disember 2016;
- (ii) seksyen 8, 13, 14, 16, 17, 20 dan 22 mula berkuat kuasa pada 1 Januari 2012;
- (iii) seksyen 10 mula berkuat kuasa dari tahun taksiran 2012 hingga tahun taksiran 2021;
- (iv) seksyen 21 berkuat kuasa mulai tahun taksiran 2013;

- (v) seksyen 15, 18, 19 mula berkuat kuasa apabila berkuat kuasa akta ini;
- (vi) seksyen 23 mula berkuat kuasa apabila berkuat kuasa akta Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia 1995 [*Akta 533*]; dan
- (vii) perenggan 26(b) disifatkan berkuat kuasa mulai tahun taksiran 2011.

Fasal 4 bertujuan meminda seksyen 2 seperti berikut:

- (a) meminda subseksyen 2(1) untuk memasukan skim persaraan swasta sebagai skim diluluskan dan memasukkan definisi skim tersebut;
- (b) meminda subseksyen 2(8) untuk menggantikan perkataan, “...or the Labuan Offshore Financial Services Authority” kepada perkataan “the Labuan Financial Services Authority or The Malaysia Co-operative Societies Commission.

■1720

Pindaan ini bertujuan untuk memberi layanan cukai saksama dengan memperluaskan layanan cukai ke atas skim pembayaran berasaskan prinsip Syariah yang diluluskan oleh Bank Negara Malaysia. Suruhanjaya Sekuriti dan Lembaga Perkhidmatan Kewangan Labuan kepada Skim Pembiayaan berasaskan prinsip Syariah yang diluluskan oleh Suruhanjaya Koperasi Malaysia.

Fasal 5 bertujuan untuk meminda seksyen 6 bagi melanjutkan tempoh penguat kuasa kadar cukai 10 peratus ke atas pendapatan yang diagihkan oleh Amanah Pelaburan Hartanah atau *Real Estate Investment Trust* (REIT) kepada pemegang unit amanah selain daripada syarikat pemastautin dan institusi pelabur asing untuk lima tahun lagi mulai tahun taksiran 2012 hingga 2016.

Fasal 6 bertujuan meminda perenggan 6A(2)(c) bagi membenarkan rebat sebanyak RM4 ke atas individual yang diluluskan di bawah Program Kekurangan Pakar atau *Returning Expert Program* yang mempunyai pendapatan bercukai tidak melebihi RM35.

Fasal 7 bertujuan meminda perenggan 34B(4) untuk menetapkan kelayakan potongan cukai dua kali ke atas bayaran bagi kerakyatan atau perkhidmatan penyelidikan dan pembangunan (R&D) di bawah seksyen 34B yang hanya diberikan kepada kerakyatan dan dijalankan oleh mana-mana syarikat penyelidikan dan pembangunan yang diluluskan oleh agensi yang bertanggungjawab.

Fasal 8 bertujuan untuk meminda seksyen 39 bagi menetapkan bahawa pembayar cukai yang telah mendapat pengecualian pendapatan sepenuhnya di bawah perenggan 127(3)(b) atau subseksyen 127(3A) di bawah Akta Penggalakan Pelaburan 1986 dan gagal membuat potongan cukai pegangan adalah disifatkan telah membuat tuntutan perbelanjaan dan dikehendaki menjelaskan cukai pegangan berkaitan jika belum.

Fasal 9 bertujuan untuk meminda seksyen 45 bagi menjelaskan bahawa pembayar cukai individual yang memilih untuk membuat taksiran bersama dibenarkan mengemukakan borang nyata cukai pendapatan sebelum 30 April atau 30 Jun seperti mana diperuntukkan di bawah seksyen 77(1).

Fasal 10 bertujuan meminda seksyen 49(1)(a)(b) dan 49(1A)(a)(b) dan memasukkan subseksyen baru 49(1D) dan 49(1E). Pindaan tersebut mengenakan pelepasan cukai baru ke atas bayaran premium anuiti tertunda sehingga RM3,000. Had pelupusan cukai ini adalah berkongsi bersama dengan caruman ke dalam skim persaraan swasta.

Fasal 11 bertujuan meminda seksyen 54A bagi mengurangkan tahap pengecualian cukai ke atas pendapatan statutori peniagaan perkapalan antarabangsa oleh kapal Malaysia daripada 100 peratus kepada 70 peratus dengan itu hanya baki 30 peratus pendapatan statutori yang dikenakan cukai.

Fasal 12 bertujuan menggantikan subseksyen 60(10A) dengan peruntukan baru yang menetapkan kerugian semasa atau kerugian yang tidak dapat diserap oleh dana hayat boleh ditolak daripada pendapatan berkanun dana hayat sahaja. Peruntukan baru subseksyen 60(10D) pula dimasukkan bagi menetapkan bahawa kerugian dana hayat tidak boleh digunakan bagi mengurangkan pendapatan dana insurans, dana hayat dan sebaliknya.

Fasal 13 bertujuan meminda seksyen 67 dengan memasukkan subseksyen baru (4)(4A). Subseksyen ini membenarkan Ketua Pengarah Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia mengeluarkan arahan kepada pihak ketiga yang mempunyai sejumlah wang yang perlu dibayar kepada pembayar cukai untuk meremitkan wang tersebut kepada Lembaga Hasil Dalam Negeri. Peruntukan ini dapat memudahkan dan mempercepatkan penyelesaian cukai tertunggak.

Fasal 14 bertujuan memasukkan subseksyen 80(1B) baru bagi menjelaskan kuasa Ketua Pengarah LHDN dalam mengakses maklumat atau data komputer terutamanya semasa menjalankan tugas penguatkuasaan.

Fasal 15 bertujuan meminda subseksyen 81(1) bagi meluaskan maksud pemberian maklumat dan dokumen berkaitan cukai pendapatan supaya meliputi maklumat yang ada dalam pegangan (*possession*) dan kawalan (*control*) membayar cukai. Subseksyen baru 81(1)(2)(3) menjelaskan bawah maklumat tambahan yang dikemukakan selepas tamat tempoh masa yang dibeli dalam notis boleh diabaikan oleh Ketua Pengarah LHDN dengan itu maklumat tersebut tidak dapat digunakan kes pembayar cukai semasa rayuan suruhanjaya khas cukai pendapatan atau mahkamah.

Fasal 16 bertujuan memasukkan subseksyen baru 83A bagi mewajibkan syarikat yang membuat bayaran dalam bentuk tunai atau bukan tunai kepada agen pengedar atau pembekal melaporkan jumlah bayaran tersebut di dalam borang yang ditetapkan oleh Ketua Pengarah LHDN.

Fasal 17 bertujuan untuk meminda subseksyen 97A(1) untuk memberi ruang kepada mana-mana pihak pembayar cukai yang tidak mempunyai pendapatan bercukai daripada punca perniagaan tetapi mempunyai pendapatan bercukai daripada selain punca perniagaan untuk mengemukakan rayuan kepada pesuruhjaya khas cukai pendapatan terhadap isu percukaian yang berbangkit.

Fasal 18 bertujuan memasukkan subseksyen baru 106(4) bagi membenarkan Ketua Pengarah LHDN untuk meremitkan faedah atas penghakiman hutang yang diberikan oleh mahkamah.

Fasal 19 bertujuan memasukan subseksyen baru 107D untuk memberikan kemudahan kepada pembayar cukai membuat pilihan untuk menjelaskan ansuran ke atas cukai yang tidak di lapor atau terkurang lapuk sebelum taksiran dibangkitkan laporan. Langkah ini dapat meringankan pembayar cukai daripada membayar cukai sepenuhnya apabila taksiran dibangkitkan.

Fasal 20 bertujuan meminda subseksyen 109E(4) bagi memberi layanan cukai yang saksama kepada pemegang takaful di mana kenaikan bersamaan 10 peratus akan dikenakan hanya ke atas jumlah cukai pegangan yang belum dijelaskan sahaja.

Fasal 21 bertujuan untuk memasukan seksyen baru 111D bagi membolehkan pampasan membayar kepada pembayar cukai ke atas kelewatan LHDN membuat bayaran balik cukai terlebih dibayar dalam tempoh yang ditetapkan pada kadar 200 peratus setahun.

Fasal 22 bertujuan untuk meminda subseksyen 120 bagi mengenakan hukuman ke atas kegagalan pembayar cukai menyediakan dan mengemukakan salinan borang yang ditetapkan kepada agen atau pengedar atau pengagihnya seperti mana yang diperuntukkan dalam subseksyen 83A(1).

Fasal 23 bertujuan meminda subseksyen 134(1A), 134(2) dan memasukkan subseksyen baru (1B).

■1730

Pindaan ini bertujuan memperuntukkan bahawa Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif Lembaga Hasil Dalam Negeri dilantik di bawah Akta Lembaga Hasil Dalam Negeri 1995, adalah juga Timbalan Ketua Pengarah Lembaga Hasil Dalam Negeri bagi maksud Akta Cukai Pendapatan 1967.

Fasal 24 bertujuan memasukkan Bahagian XV ke dalam Jadual 1 kepada Akta Cukai Pendapatan 1967. Bahagian XV tersebut menetapkan pendapatan penggajian *individual* bermastautin yang diluluskan di bawah program kekurangan pakar atau *returning expert programme* boleh dikenakan cukai pada kadar 15 peratus.

Fasal 25 bertujuan meminda perenggan 5 Jadual 4B bagi memotong perkataan 4A yang telah dimansuhkan melalui Akta Kewangan 2005 mulai tahun tafsiran 2006.

Fasal 26 adalah untuk meminda Jadual 7A seperti berikut:

- (a) meminda proviso kepada perenggan 3 iaitu untuk mengurangkan kadar potongan elaun pelaburan semula daripada 100 peratus kepada 70 peratus bagi kawasan yang digalakkan, (Sabah, Sarawak, Labuan, Perlis dan Koridor Timur Semenanjung Malaysia);
- (b) meminda perenggan 7(b)(d) dan (e). Bagi menjelaskan bahawa syarikat yang telah diberikan kelulusan bagi elaun cukai pelaburan atau kredit laluan cukai pelaburan di bawah Akta Penggalakan Pelaburan 1986 atau Akta Penggalakan Pelaburan 1968 adalah tidak layak untuk menuntut elaun pelaburan semula di bawah Jadual 7A Akta Cukai Pendapatan 1967 dalam tempoh akses yang sama; dan
- (c) meminda perenggan 9 dengan memasukkan tarif *factory*. Takrifan tersebut melayakkan tuntutan elaun pelaburan semula bagi perbelanjaan modal yang dilakukan ke atas bangunan atau peluasan kepada bangunan tersebut jika ia digunakan untuk menempatkan atau memasang loji atau tentera atau menyimpan apa-apa bahan mentah atau apa-apa bahan sebelum dijual. Walau bagaimanapun, galakan tersebut tertakluk pada syarat kawasan penyimpanan tidak melebihi 1/10 daripada jumlah ruang lantai bangunan atau peluasan tersebut.

Fasal 27 dan fasal 28 adalah memperuntukkan pengecualian dan pengalihan bagi memperjelaskan layanan cukai bagi kapal Malaysia berhubung mana-mana elaun dan kerugian landasan yang tidak dapat diserapkan dalam tahun taksiran 2011. Jumlah terlibat akan diagihkan dalam tahun taksiran 2012 berdasarkan formula yang telah ditetapkan. Mana-mana elaun dan kerugian landasan yang masih tidak dapat diserapkan dalam tahun taksiran 2012 hendaklah dibawa ke hadapan dan ditolak daripada pendapatan landasan bagi tahun taksiran 2013 dan tahun-tahun taksiran berikutnya daripada kapal yang sama.

Bab III pindaan kepada Akta Setem 1949 - Bab III yang terdiri daripada empat fasal iaitu fasal 29 sehingga fasal 32 bertujuan untuk meminda Akta Setem 1949. Pindaan-pindaan adalah seperti berikut.

Fasal 29 bertujuan menyatakan pindaan ke atas akta tersebut berkuat kuasa mulai rang undang-undang ini dikuatkuasakan.

Fasal 30 bertujuan meminda seksyen 9 bagi memberikan kuasa kepada Bursa Malaysia untuk mengkompaun bayaran duti setem ke atas surat cara atau borang hak langganan saham.

Fasal 31 bertujuan meminda jadual pertama untuk mengeluarkan semua perkataan *Malayan Railway* kerana telah diswastakan dan menjadikan Kereta api Tanah Melayu Berhad.

Fasal 32 bertujuan meminda Jadual Kedua untuk menyelaraskan jenis-jenis dokumen di dalam Akta Setem 1949 dengan Akta Imigresen 1959 dan 1963. Di samping itu, ia memberikan kuasa kepada pegawai imigresen untuk membatalkan setem pelekat ke atas surat cara berhubung mana-mana bon yang dikeluarkan di bawah Akta Imigresen 1959 dan 1963 dan juga surat cara kontrak pekerjaan yang dikeluarkan kepada Jabatan Imigresen.

Bab IV pindaan pada Akta Cukai Keuntungan Harta Tanah 1976. Bab IV yang terdiri daripada dua fasal iaitu fasal 33 dan fasal 34 bertujuan meminda Akta Cukai Keuntungan Harta Tanah 1976. Satu, fasal 33 bertujuan menyatakan pindaan ke atas akta tersebut berkuat kuasa mulai tahun tafsiran 2012. Dua, fasal 34 bertujuan meminda jadual kedua untuk memperluaskan kesaksamaan layanan cukai bagi pelupusan harta tanah bagi skim pembiayaan menurut prinsip syariah yang diluluskan oleh Lembaga Perkhidmatan Kewangan Labuan dan Suruhanjaya Koperasi Malaysia.

Bab V pindaan kepada Akta Cukai Aktiviti Perniagaan Labuan 1990. Bab V mempunyai dua fasal iaitu fasal 35 sehingga fasal 36 bertujuan untuk meminda Akta Cukai Aktiviti Perniagaan Labuan 1990. Pindaan-pindaan berkenaan adalah seperti berikut.

Fasal 35 bertujuan menyatakan pindaan ke atas akta tersebut berkuat kuasa mulai 28 Januari 2011.

Fasal 36 bertujuan meminda perenggan 22A(1)(a) untuk membenarkan pertukaran maklumat berhubung dengan perjanjian pertukaran maklumat percukaian yang dibuat oleh Kerajaan Malaysia dengan kerajaan lain.

Bab VI pindaan pada Akta Kewangan 2009. Bab keenam mempunyai dua fasal yang bertujuan meminda Akta Kewangan 2009 untuk melanjutkan tempoh galakan cukai sehingga lima tahun lagi ke atas pendapatan daripada *risk* seperti berikut:

Fasal 37 bertujuan menetapkan pindaan ke atas akta ini berkuat kuasa mulai 1 Januari 2012 sehingga 31 Disember 2016.

Fasal 38 bertujuan meminda subseksyen 3(5) untuk menggantikan tempoh tamat galakan cukai ke atas *risk* iaitu 31 Disember 2016.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Ada yang menyokong Yang Berhormat?

Timbalan Menteri Pelancongan [Dato' Dr. James Dawos Mamit]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah rang undang-undang bernama suatu akta untuk meminda Akta Cukai Pendapatan 1967, Akta Setem 1949, Akta Cukai Keuntungan Harta Tanah 1976, Akta Cukai Aktiviti Perniagaan Labuan 1990 dan Akta Kewangan 2009 dibaca kali yang kedua sekarang dan dibuka untuk dibahas. Ya, Yang Berhormat Kepong.

5.39 ptg.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Tuan Yang di-Pertua, memang pindaan yang mempunyai 36 fasal ini memang sangat *extensive*. Sangat *extensive* dan kita sebagai Ahli Parlimen mestilah mengambil bahagian. Ini kerana ia ada kena-mengena dengan cukai pendapatan yang jumlah yang akan dikutipnya atau tidak dikutipnya, jumlahnya mungkin meningkat pada RM30 bilion ataupun RM40 bilion.

Saya berharap Yang Berhormat Timbalan Menteri itu boleh menjelaskan kepada Dewan yang mulia ini selepas pindaan-pindaan ini dikuatkuasakan kelak. Berapakah jumlah cukai pendapatan akan dipungut oleh pihak kementerian? Ini memang satu perkara yang penting.

■1740

Saya tidak akan berhujah mengenai semua fasal cuma beberapa fasal yang saya anggap penting dan apa yang ketara di sini dengan pindaan ini ialah mengenai Labuan yang disebutkan banyak kali dan juga kena mengena dengan itu sekuriti yang syariah, prinsip-prinsip syariah. Memang Yang Berhormat Timbalan Menteri pun mestilah menjelaskan kepada kita kerana itu ada kecualian terhadap cukai dan sebagainya dan kita mesti tahu berapa jumlah yang kita akan hilang daripada cukai kerana ingin mengikut prinsip-prinsip syariah kita. Misalnya, dengan fasal 4 yang sudah pun dijelaskan sedikit tadi yang bertujuan untuk meminta subseksyen 2(8) [Akta 53] untuk memperuntukkan skim pembiayaan yang disebutkan di dalam subseksyen itu diperluaskan kepada skim pembiayaan yang diluluskan oleh Suruhanjaya Koperasi Malaysia.

Menurut prinsip-prinsip syariah sebagai tambahan kepada surat cara yang diluluskan oleh Bank Negara, Suruhanjaya Sekuriti dan Lembaga Perkhidmatan Kewangan Labuan. Ini pernah disebutkan oleh Yang Berhormat di dalam Dewan yang mulai ini dan saya berharap Yang Berhormat dapat menjelaskan lagi apakah sebenarnya akan berlaku dengan pindaan fasal 4 ini dan dengan ini terdapat juga mengenai fasal 6 untuk meminda *proviso* kepada perenggan 6A(2)(c) akta yang berbangkit daripada kemasukan Bahagian XV Jadual Pertama kepada Akta 53 ini mengenai pakar-pakar Malaysia yang kembali ke Malaysia. Tadi pun Yang Berhormat tidak menjelaskan apakah pengecualian cukai yang diadakan diberi kepada bilangan yang kembali ke Malaysia dan setahu saya tidak ramai juga dan mungkin pengecualian cukai pun tidak begitu banyak.

Walau bagaimanapun Yang Berhormat, saya hendak tahu bilangan yang benar-benar pakar kita yang kembali ke Malaysia, yang menikmati pengecualian cukai ini dan seterusnya mengenai fasal 7.

Fasal 7 mengenai syarikat penyelidikan dan kemajuan kontrak. Apakah sebenarnya Yang Berhormat, kita hendak meminda akta ini untuk penyelidikan kemajuan kontraktor, apakah jenis penyelidikan yang disebutkan. Saya pun kurang faham di sini mengapa dia menyebutkan penyelidikan untuk kontrak ini dan ini memang syarikat yang terlibat syarikat penyelidikan dan kemajuan seperti yang ditakrifkan sebagai Akta Penggalakan Pelaburan 1986. Apakah jenis penyelidikan kita menggalakkan pengecualian cukai seumpama ini.

Fasal 10 pindaan yang dicadangkan seorang individu pemastautin layak untuk suatu potongan amaun agregat pembayaran atau caruman yang dibuat di bawah subseksyen 49(1) itu RM6,000 yang tidak termasuk pembayaran *annuity* tertunda dan ini untuk individu pemastautin di Malaysia. Apakah itu yang dianggarkan oleh pihak Kementerian bilangan individu pemastautin yang layak untuk potongan amaun agregat pembayaran atau caruman yang di bawah subseksyen 49(1) ini. Itu memang satu amaun yang besar juga kalau RM6,000 dan adakah ini puluh ribu orang di Malaysia.

Seterusnya fasal 11. Fasal 11 ini memang penting kerana sekarang ini saya nampak MISC pun masalah perkapalan Malaysia pun ada kekangan sedikit dan prestasi MISC kita pun nampaknya tidak begitu cerah. Sebab itulah saya tertarik dengan pindaan hari ini seperti fasal 11 bertujuan untuk meminda seksyen 45A [Akta 53]. Sebelum pindaan pendapatan *statutory* seorang pemastautin yang menjalankan perniagaan mengangkut penumpang atau kargo dan sebagainya atau menyewakan kapal Malaysia yang dimiliki dikecualikan daripada cukai. Sebab apa kita hendak mengadakan ini sama ada dengan pemotongan cukai ini, pengecualian cukai ini kita hendak menggalakkan syarikat perkapalan di Malaysia ini ataupun kita hendak menyelamatkan MISC. Saya hendak satu jawapan daripada Kementerian kerana industri perkapalan di Malaysia ini menghadapi satu kebuntuan pada masa ini.

Fasal 12 dengan pindaannya yang dicadangkan kerugian larasan daripada perniagaan dana hayat suatu penanggung insurans bagi satu tahun tafsiran tidak boleh dipotong daripada agregat pendapatan statutori daripada punca lain selain dana hayat bagi tahun tafsiran yang berkaitan dan apa-apa kerugian perniagaan yang tidak dapat diserap daripada punca selain perniagaan dana hayat bagi tahun taksiran yang berkaitan tidak boleh dipotong daripada pendapatan statutori.

Dana hayat penanggung insurans itu bagi tahun taksiran berikutnya memang satu kerumitan untuk insurans dana hayat kita ini dan kita berharap dengan pindaan ini pihak kementerian dapat menjelaskan kepada kita apakah maksudnya kerana ini sangat rumit untuk kita faham...

Seorang Ahli: *[Menyampuk]* Cukuplah.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Mana cukup Tuan Yang di-Pertua, memang kita mendapati bahawa 11 itu tidak begitu mengambil berat mengenai cukai di Malaysia.

Beberapa Ahli: *[Menyampuk]*

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong] : Tidak begitu peka kepada – tidak prihatin.

Beberapa Ahli: *[Menyampuk]*

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong] : Itulah...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Ya, Yang Berhormat pandang sinilah Yang Berhormat.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Hah?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Pandang sinilah Yang Berhormat.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Pandang sini, ya. Banyak 36 itu, saya pun tidak sebut mengenai 36. Cuma beberapa perkara yang saya anggap penting dan termasuklah misalnya fasal 21, ini satu perkara yang saya sendiri nampak. Fasal 21 bertujuan untuk memasukkan seksyen 111D baru ke dalam Akta 53 dengan pindaan yang dicadangkan seseorang berhak untuk mendapat satu pampasan jika pembayaran balik cukai kena dibayar yang terlebih bayar dibuat selepas 90 hari daripada tarikh penyata dikemukakan di bawah akta melalui transmisi elektronik atau 120 hari dari tarikh penyata dikemukakan dengan cara selain transmisi elektronik dan sebagainya.

■1750

Tuan Yang di-Pertua, saya bangkitkan hal ini, saya ada nampak. Saya sendiri ada mengalami itu kelewatan bayaran pampasan. Kelewatan bayaran pampasan, yang pertama. Berapa pampasan setahun yang diuruskannya dan berapakah tempoh yang diperlukan kerana apabila pihak kerajaan hendak mengambil cukai orang cepat. Bukan begitu lewat, dia cepat ambil cukai itu. Kalau didapati mesti membayar pampasan, itu memang lewat. Lewat.

Bolehkah Yang Berhormat terangkan kepada kita ini, bila hendak bayar balik pampasan kepada pembayar cukai ini. Berapakah tempoh yang diperlukan? Satu tahun, dua tahun? Bila dia hendak kutip cukai dia cepat. Hendak bayar pampasan lewat. Ini masalah kita sebab itu saya mengambil kesempatan hari ini untuk membangkitkan perkara. Kalau orang di situ tidak bayar cukai sebab itulah tidak tahu.

Dia tidak bayar cukai sebab itu tidak tahu bila dia hendak bayar *maybe* termasuk Yang Berhormat Muarlah itu. Sama ada bayar cukai atau tidak saya tidak tahu tetapi daripada suara tadi kita nampak. Mungkin tidak bayar cukai itu, cakap seperti itu.

Seorang Ahli: *[Menyampuk]*

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Ya. Saya berharaplah Yang Berhormat daripada menerangkan berapakah tempoh yang diperlukan untuk membayar balik kepada pembayar cukai ini. Seterusnya mengenai fasal 23 ini, perenggan 24, bertujuan untuk memasukkan Bahagian XV baru ini mengenai pakar-pakar yang pulang ke Malaysia. Saya tidak begitu faham mengapa kita perlukan pindaan ini. Apakah sebenarnya ada masalah yang dihadapi dan di situ sahaja banyak perkara. Itu yang hendak dibangkitkan.

Akhir sekali mengenai pindaan ke atas fasal 30. Akhir sekali Tuan Yang di-Pertua, fasal 31(f) itu bertujuan untuk meminda perenggan enam di bawah *general exemptions*. *General exemptions* kepada jadual pertama pada Akta 378.

Dengan pindaan, suatu surat cara dilaksanakan menurut skim pembiayaan yang diluluskan oleh Suruhanjaya Koperasi Malaysia menurut prinsip-prinsip syariah dikecualikan daripada duti setem itu. *General exemptions* ini sangat *general* *exemptions*, pengecualian am. Apakah yang disebutkan sebagai *general exemptions*? Saya berharap kerana dia terlalu am, terlalu *general*. Kita berharap Yang Berhormat Timbalan Menteri dapat menjelaskan kepada Dewan yang mulia ini apakah amaun yang terlibat. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat Indera Mahkota. Selepas itu Menteri menjawab.

5.54 ptg.

Tuan Azan Ismail [Indera Mahkota]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya berhajat untuk memberi beberapa pandangan berkenaan dengan cadangan meminda Rang Undang-Undang Kewangan (No.2) 2011.

Saya ikuti penerangan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri mengatakan bahawa pindaan ini terpaksa dibuat kerana lanjutan daripada beberapa keputusan yang telah diambil oleh kerajaan dan diumumkan hasil daripada pembentangan belanjawan yang lalu oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Menteri Kewangan dan beberapa keputusan dan tawaran telah dibuat untuk tujuan memberi kebaikan kepada seluruh rakyat Malaysia terutamanya berkenaan dengan hal-hal yang bersangkutan dengan urusan percukaian negara sama ada dari segi pelepasan dan juga tawaran-tawaran yang boleh dinikmati baik dari orang perseorangan mahu juga kepada sektor korporat dan sektor syarikat secara keseluruhannya.

Saya dapati bahawa sebahagian besar daripada kemudahan ataupun manfaat yang kita tawarkan disebut dalam belanjawan dan digariskan dalam pindaan Rang Undang-undang Akta Cukai Pendapatan ada kali ini lebih daripada 95 peratus adalah bertujuan untuk memberi kemudahan kepada golongan yang berada, golongan korporat dan bukan kepada rakyat miskin bawahan secara langsung tidak ada manfaat yang ditumpukan kepada mereka. Kita ada 21 perkara yang besar yang dicadangkan dibuat pindaan untuk tujuan memberi manfaat berdasarkan kepada undang-undang cukai Akta Cukai Pendapatan 1967. Akan tetapi perkara yang lebih mustahak Tuan Yang di-Pertua ialah pindaan hendak kita buat mestilah kita bawa ke dalam Dewan dan Dewan ini meluluskan pindaan untuk tujuan melaksanakan apa-apa keputusan ataupun cadangan yang telah dibawa oleh kerajaan.

Dalam hal ini Tuan Yang di-Pertua, saya namakan cadangan itu sebagai janji. Kerajaan membuat janji mengatakan ada beberapa perkara yang mustahak, kalau dibuat memberi kebaikan kepada rakyat dan untuk melaksanakan janji itu kerajaan terpaksa meminda Undang-undang Cukai Pendapatan 1967 sebagai mana yang ada pada tangan kita. Di sini saya minta rakan-rakan kita, saya kebetulan masih ada lagi di tangan saya, Anggaran Perbelanjaan Persekutuan 2012 yang kita baru sahaja luluskan.

Ini adalah rujukan pertama dan buku Belanjawan 2012 yang dibentangkan oleh Perdana Menteri yang di dalamnya terangkum janji-janji serta cadangan-cadangan yang hendak kita luluskan pada hari ini dengan berkuat kuasanya pindaan Akta Cukai Pendapatan 1967.

Pertama Tuan Yang di-Pertua, kerajaan menjanjikan untuk tujuan menggalakkan rakyat kita memiliki rumah. Dalam lampiran pertama, muka surat 61, bawah ucapan belanjawan kita. Muka surat 61, lampiran satu. Pengecualian duti setem ke atas surat cara perjanjian pinjaman di bawah Skim Perumahan Rakyat 1Malaysia diberi jadual dan diberi cadangan untuk beri kemudahan itu. Cadangannya, "*Selaras dengan hasrat kerajaan untuk meningkatkan akses golongan berpendapatan sederhana memiliki rumah kediaman yang mempunyai nilai rumah untuk nilai wang*", ringkasannya skim PR1MA yang berharga sehingga RM300,000 diberi pengecualian penuh surat cara, duti setem untuk surat cara perjanjian. Tarikh berkuat kuasa 1 Januari 2012 sehingga 31 Disember 2016.

Saya perhatikan di bawah rang undang-undang yang dicadangkan untuk pinda, untuk tujuan kita membolehkan melaksanakan undang-undang tersebut bawah rang undang-undang ini, cuba kita lihat muka surat 22. Pindaan Bab III, pindaan kepada Akta Setem 1949. Di bawah pindaan ini ada dua fasal sebagaimana yang diberitahu oleh Yang Berhormat Menteri. Fasal 29 dengan fasal 30, pindaan seksyen 9. Daripada muka surat 22, 23, 24 dengan pindaan Jadual Pertama, Kedua sehingga 25. Tidak ada sepatah pun perkataan menghuraikan wujudnya undang-undang dipinda untuk memberi pengecualian duti setem kepada surat cara untuk pembelian rumah yang berharga disebut, dikata sehingga RM300,000 yang diberi pengecualian oleh kerajaan sebagaimana yang diumumkan oleh Perdana Menteri. Tidak ada langsung.

Ini bermakna yang diumumkan oleh Perdana Menteri, dijanjikan sebagai keputusan yang telah diterima oleh Dewan ini, sebenarnya tidak dimasukkan dalam rang undang-undang ini untuk dilaksanakan. Ini bermakna apa yang disebut dalam belanjawan negara terutama tentang perkara pertama.

■1800

Tadi saya baru sebut perkataan pertama iaitu pengecualian duti setem atas surat cara perjanjian pemilikan rumah. Ini langsung tidak ada dalam bab pindaan kepada duti setem kepada Akta Setem 1949. Tidak ada sepatah pun perkataan merujuk kepada Skim PR1MA ataupun surat cara pembelian rumah 1Malaysia.

Kedua Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan kajian semula kadar Cukai Keuntungan Harta Tanah (CKHT) yang juga diumumkan, katanya langkah kerajaan untuk mengelakkan aktiviti spekulasi. Apa cadangannya? Cadangannya untuk mana-mana harta yang dilupuskan kurang daripada dua tahun. Kerajaan kenakan cukai keuntungan harta tanah 10 peratus, dinaikkan kepada 10 peratus kerana hendak mengelakkan aktiviti spekulasi.

Maksudnya orang beli tanah atau beli rumah kurang daripada dua tahun dia jual, keuntungannya dia perlu bayar cukai CKHT. Kalau kurang daripada lima tahun, kena juga 2 peratus, kalau ada keuntungan. Akan tetapi dalam bab pindaan yang kita cadangkan dalam Dewan pada hari ini berkenaan dengan bab CKHT, muka surat 25 – Pindaan kepada Akta Cukai Keuntungan Harta Tanah 1976. Muka surat 25 dalam rang undang-undang ini. Fasal yang dipinda ialah fasal 33 dan fasal 34. Tidak ada sepatah pun perkataan yang merujuk kepada menaikkan kadar cukai tersebut ataupun menghadkan kepada kadar untuk rumah yang dilupuskan atau harta yang dilupuskan selepas daripada dua tahun atau lima tahun.

Tidak ada. Apa yang ada diletak di sini hanyalah pindaan yang memasukkan perkataan Lembaga Perkhidmatan Kewangan Labuan, Suruhanjaya Koperasi Malaysia dan Bank Negara. Tidak ada sepatah pun berkenaan dengan kedudukan yang dikatakan boleh bawa manfaat kepada rakyat Malaysia atas isu pelupusan harta di bawah Cukai Taksiran Harta Tanah. Begitu juga dengan perkara-perkara yang lain yang penting.

Saya ada dengar, perhatikan tadi atas Amanah Pelaburan Hartanah REIT ada disebut tadi, pindaan kita buat. Di bawah Prinsip Wakalah ada disebut, memang kita buat pindaan tadi. Saya dengar memang ada pindaan, tetapi apa kata perkara-perkara yang dianggap lebih mustahak dan lebih terkeliru kalau kita tidak bawa dalam pindaan dia sekarang dalam Dewan. Sebagai contoh Tuan Yang di-Pertua, di lampiran 6 muka surat 70, dalam pembentangan belanjawan yang juga dimasukkan dalam Anggaran Perbelanjaan Persekutuan 2012, dibentangkan sekali dengan anggaran belanjawannya iaitu galakan cukai bagi hotel baru bertaraf empat dan lima bintang di Semenanjung Malaysia. Kita ada tawarkan taraf perintis kepada hotel-hotel yang dibina bertaraf kedudukan ini, tetapi sekali lagi dalam pindaan ini tidak ada dinyatakan.

Perkara seterusnya Tuan Yang di-Pertua, lanjutan galakan cukai bagi kereta hibrid dan elektrik. Kita ada beritahu walaupun ia duduk di bawah kementerian ataupun jabatan lain, bukan Jabatan Hasil Dalam Negeri tetapi masih sepatutnya perlu diletakkan di bawah pindaan Rang Undang-undang Kewangan yang sepatutnya kita habiskan dalam sesi ini. Ini kerana kesemuanya mengatakan bahawa tempoh berkuat kuasa adalah 1 Januari 2012.

Bermakna kalau tidak dibentangkan dalam Majlis pada hari ini, maka kita tidak ada lagi lanjutan tempoh untuk tujuan membentangkan seterusnya meluluskan rang undang-undang cadangan tersebut untuk dikuatkuasakan atau dilaksanakan sebagaimana yang dikatakan bermula 1 Januari 2012.

Saya juga hendak katakan ada beberapa galakan yang mustahak untuk saya sebut, tetapi tidak ada dibuat pindaan. Seterusnya galakan cukai bagi program *internship* berstruktur, galakan cukai pemberian biasiswa. Cukai yang sepatutnya digalakkan kepada institusi ataupun sektor-sektor tertentu untuk mewujudkan skim biasiswa untuk tujuan membiayai pendidikan rakyat Malaysia dan dibenarkan potongan-potongan termasuk potongan dua kali, dan boleh dinikmati mulai tahun taksiran 2012 sehingga tahun 2016.

Ini bermakna Tuan Yang di-Pertua, tahun taksiran 2012 sebenarnya adalah tahun kewangan tahun 2011, tahun sekarang. Maknanya mana-mana orang yang menderma atau memberi biasiswa, menaja mana-mana pelajar kita pada tahun ini masih lagi gagal untuk mendapat potongan ataupun mendapat manfaat daripada pemberian tersebut. Ini kerana kita tidak bawa satu rang undang-undang untuk membolehkan mereka menikmati kemudahan itu kerana tidak digariskan dalam rang undang-undang ini. Saya rasa penjelasan yang perlu diberi oleh Yang Berhormat Menteri, sekiranya tidak ada diberi dalam rang undang-undang ini, bermakna tawaran yang kita buat ini tidak sah. Oleh sebab beberapa tawaran yang kita buat dalam Buku Belanjawan tidak sah, adakah bermaksud belanjawan yang kita tawarkan kepada rakyat dan kita luluskan dalam Dewan ini masih dianggap sah sekiranya berlandaskan kepada tawaran itu.

Dr. Dzulkefly Ahmad [Kuala Selangor]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, kalau boleh saya mencelah. Saya mendengar dan menekuni apa yang dibentangkan oleh Yang Berhormat Indera Mahkota ini. Tuan Yang di-Pertua, saya minta sahabat saya Yang Berhormat Indera Mahkota menjelaskan dengan lebih mungkin perlu bersuluh setelah dijelaskan. Apakah maksudnya setelah keseluruhan belanjawan dan peruntukan-peruntukan yang dibuat dan tersenarai dalam apa-apa yang telah disebutkan sebagai contohnya tadi bersabit dengan duti setemnya, surat cara dan RGPT dan CGHT semuanya itu.

Tuan Yang di-Pertua, kalau kesemuanya itu telah diperuntukkan tanpa ada *legal framework* ataupun aktanya yang diluluskan, apakah ia telah menjadi satu yang songsang ataupun *ultra virus* ataupun bagaimana ini. Apakah boleh dilangsungkan semua ini dalam belanjawan yang telah dibentangkan dan belum diluluskan ini?

Tuan Azan Ismail [Indera Mahkota]: Terima kasih Yang Berhormat Kuala Selangor. Yang Berhormat Timbalan Menteri ataupun pihak kementerian sepatutnya memberikan penjelasan terhadap perkara ini.

Walau bagaimanapun saya katakan sekali lagi, kebanyakan daripada 21 tawaran yang dibuat oleh Yang Amat Berhormat Menteri Kewangan di dalam pembentangan belanjawan yang lalu untuk memberi manfaat dengan cara mengemukakan cadangan meminda Akta Cukai Pendapatan dengan tujuan manfaat tidak dinyatakan dalam rang undang-undang yang kita bentangkan pada hari ini. Itu saya katakan dan kesannya, oleh kerana kita bercerita tentang keseluruhan belanjawan yang dibentangkan sebanyak RM232 bilion beberapa minggu yang lalu dan kedua-dua dokumen ini adalah berkaitan, anggaran belanjawan dan ucapan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri yang meringkaskan isi kandungan belanjawan. Maka kalau kita rujuk kepada Peraturan Mesyuarat 89 Tuan Yang di-Pertua, di muka surat 126. Rang undang-undang dan pindaan-pindaan yang mengenai cukai pendapatan, cukai perbelanjaan dan sebagainya.

Perkara 89(1) menggariskan, "*Menurut syarat-syarat dalam Perkara 67 dalam Perlembagaan - sesuatu rang undang-undang atau pindaan yang mengandungi syarat-syarat baik dengan tepat atau tidak tepat bagi perkara-perkara yang tersebut di bawah ini tidak boleh dibawa ke dalam Mesyuarat atau dicadangkan melainkan oleh seorang Menteri; (a) mengenai atau menaikkan apa-apa cukai atau menghapuskan, mengurangkan atau memaafkan apa-apa cukai yang ada sekarang*"

Ini terikat dengan mesti ada satu usul dibentangkan, dibawa dengan terang. Saya katakan untuk mengurangkan cukai, menghapuskan cukai atau memaafkan cukai, sama juga dengan mencadangkan pengecualian.

■1810

Oleh kerana tidak ada dicadangkan dalam kertas ini, maka ini sama sekali melanggar Peraturan Mesyuarat 89 dan juga Perkara 67 dalam Perlembagaan Persekutuan. Ini sangat jelas. Dalam peraturan mesyuarat ada menyebut perkara 89(a). Saya tidak ada masalah, sebab itu rakan-rakan dalam Barisan Nasional, saya minta sama-sama kita teliti perkara ini sebab tidak mungkin kita boleh langgar sahaja peraturan ini oleh kerana kita sibuk pada hari ini dengan mesyuarat UMNO, Perhimpunan Agung UMNO. Kita tidak boleh buat begitu... [*Dewan riuh*]

Tidak, maksud saya tidak ada siapa pun menegur perkara ini. Sedarkah tidak kawan-kawan kita di Barisan Nasional, apa yang berlaku sekarang tidak ada, tidak diusulkan? Betulkah tidak rakan-rakan Barisan Nasional yang Peraturan Mesyuarat 89 kita sudah langgar sekarang? Saya kata Peraturan Mesyuarat 89 memang jelas sudah kata macam itu. Dalam ini tidak ada disebut. Tidak ada... [*Dewan riuh*] Macam mana? Okey.

Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Oleh kerana itu. Tidak, saya cuma begini. Saya kata, saya dengan rendah diri kata oleh kerana saya ternampak perkara ini, saya bangkitkan. Sepatutnya saya boleh bangkitkan Peraturan Mesyuarat 89 lebih awal. Akan tetapi saya rasa ada eloknya untuk menyokong pandangan dan cadang saya, saya bawakan sekali antara ucapan, antara Buku Pembentangan Belanjawan dan juga usul rang undang-undang yang dibawa bersekali dengan peraturan mesyuarat yang ada. Saya rasa ini perkara yang sepatutnya mendapat sokongan bersama. Saya tidak tahulah kerana...

Seorang Ahli: [*Menyampuk*]

Tuan Azan Ismail [Indera Mahkota]: Ya? Saya hendak juga dengar komen. Kalau ada, bolehlah bangun.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Ucapan Yang Berhormat itu.

Tuan Azan Ismail [Indera Mahkota]: Seminit, dua sahaja.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat. Ya, teruskan.

Tuan Azan Ismail [Indera Mahkota]: Okey, terima kasih. Perkara seterusnya Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana satu keadaan yang sekarang sudah pun mengambil tempat lanjutan daripada pengumuman Perdana Menteri dan Menteri Kewangan berkenaan dengan Skim Rumah Pertamaku yang beberapa hari lepas dijawab bahawa skim itu sebenarnya telah pun habis. Maknanya, peruntukan kewangan yang dibenarkan untuk tujuan memberi pinjaman kepada orang muda untuk tujuan memiliki rumah sebenarnya dikatakan telah habis dikeluarkan. Maknanya, mendapat sambutan yang baik dan program itu telah pun berjalan dengan lancarnya.

Malangnya sekarang, untuk itu sahaja secara spesifik kita masih belum buat keputusan yang berhak dan layak untuk mendapat pengecualian *duty stamp* surat cara, atas perjanjian surat cara, kita tidak dapat membuat keputusan. Had pinjaman itu sampai sekarang kita tidak dapat katakan dengan pasti. Hadnya seperti yang disebut oleh Perdana Menteri, kata daripada RM220,000 dinaikkan kepada RM400,000 tetapi kita cadangkan terhad sehingga RM300,000 sahaja yang berhak untuk mendapat pengecualian penuh *duty stamp* atas surat cara perjanjian.

Malang lagi, dalam ini pun langsung tidak dibawa untuk pindaan. Ini bermakna, kebanyakan orang atau boleh dikata semua orang yang berebut-rebut untuk mendapatkan pinjaman yang kita kata ditawarkan di bawah Skim Perumahan 1Malaysia atau PR1MA ini, saya boleh katakan mereka telah pun tertipu, telah pun tertipu. Oleh kerana kita janjikan yang berkuat kuasanya peraturan untuk pengecualian itu adalah untuk tempoh tahun taksiran 2012.

Ini bermakna, untuk apa-apa yang dilaksanakan ditandatangani dalam tahun 2011. Tahun 2011 itu tahun asas. Tahun 2012 itu tahun taksiran. Maknanya, siapa yang menandatangani tahun ini, berkuat kuasalah undang-undang yang kita tawarkan.

Macam mana kita hendak tawarkan pelepasan itu. Kita sendiri pun tidak boleh nyatakan. Mana satu had yang kita benarkan. Saya katakan, sebenarnya tidak ada. Itu sebenarnya satu penyelewengan fakta semata-mata. Tidak ada. Ataupun kementerian mahu bantangkan lagi satu rang undang-undang atau mahu masukkan tambahan hari ini. Saya rasa tidak mungkin. Tidak mungkin ada.

Saya harap Yang Berhormat Timbalan Menteri timbanglah perkara ini sebab itu yang sedang berlaku hari ini dan Yang Berhormat Timbalan Menteri salah seorang juga memberitahu bahawa skim itu telah habis dipohon dan jumlahnya juga telah habis dalam pinjaman tersebut. Saya rasa tidaklah terlewat untuk kita mengambil tindakan kerana Peraturan Mesyuarat 89 mengatakan perkara ini tidak boleh dibuat melainkan oleh seorang Menteri sahaja. Kalau saya boleh sebutkan di sini, di bawah Perkara 89(1)(b), meminjam wang ataupun memberi apa-apa jaminan oleh Malaysia, atau meminda undang-undang berkenaan kewajipan kewangan Malaysia.

Di bawah Perkara 89 juga untuk tujuan kita memberi pinjam dalam Skim Perumahan 1Malaysia yang kita kata kita ada satu dana untuk tawarkan kepada rakyat Malaysia untuk meminjam. Perkara-perkara lain saya rasa saya akan bangkitkan di dalam Jawatankuasa. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Ringkas Yang Berhormat.

Dr. Dzulkefly Ahmad [Kuala Selangor]: Sikit. Ringkas sahaja untuk saya rakamkan, menyambut kepada apa yang saya tanya kepada Yang Berhormat Indera Mahkota tadi Tuan Yang di-Pertua. Saya memahami dalam suasana kita berusaha untuk melebarkan *base* pendapatan kita ataupun *revenue base* kita Tuan Yang di-Pertua. Ura-ura dan sehingga kini masih lagi cukai, *consumption tax* ataupun cukai *good and services* itu, cukai barangan dan perkhidmatan yang masih lagi tidak kita bantangkan sehingga kini. Saya kurang faham mengapa ia tidak dibentangkan kalau benar-benar kita mahu berdepan dengan cabaran bahawa kita memerlukan untuk melebarkan *revenue base* kita, maka perlu ada keberanian untuk kita berdepan dengan kenyataan bahawa kita terperangkap ataupun kita terhalang dengan beberapa *revenue* yang dikatakan kerana sebenarnya kita dalam jajaran *middle income trap*. Oleh kerana itu hanya 1.7 juta sahaja kepada 12 juta, 1.7 juta sahaja mereka yang dalam pasaran kerja yang mampu membayar cukai pendapatan individu.

Tuan Yang di-Pertua, saya cukup memahami hasil Kerajaan Persekutuan yang boleh kita kategorikan sebagai hasil cukai, hasil bukan cukai, terimaan bukan hasil dan hasil daripada Wilayah Persekutuan itu. Saya memerhatikan laporan ini, Laporan Anggaran Hasil Kerajaan Persekutuan 2012 ini, daripada Kementerian Kewangan sendiri, maka saya juga menyimpulkan kekhawatiran ataupun bukan kekhawatiran tetapi lebih tepat ialah kesangsian saya ataupun *query* saya. Bagaimana dalam hal itu saya minta penjelasan dibuat oleh kementerian dalam mengemukakan pindaan ini. Jangan sampai kita mahu mengenakan cukai baru *consumption tax* itu kepada rakyat. Akan tetapi pada cukai golongan yang punya keupayaan membayar cukai, golongan *business community*, golongan korporat dan sebagainya, kita memberikan pengecualian itu.

■1820

Saya pun kurang memahami dan mahu mendapat penjelasan, mendapat penerangan *clarification* dengan izin, daripada kementerian apabila memasukkan dalam pindaan ini *the Labuan Offshore Financial Services Authority* itu. Apakah di sana juga akan ada pengecualian-pengecualian dibuat dan ini juga termasuklah dengan apa yang dikatakan semua *offshore activities* yang sepatutnya memberikan kita *revenue* tetapi kalau pengecualian-pengecualian lain itu di buat maka seterusnya ia akan mengurangkan *revenue* kepada kerajaan. Namun pada waktu yang sama kita berangan-angan untuk memulakan GST itu. Begitu sahaja dahulu Tuan Yang di-Pertua. Saya akan mencelah kemudian.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Sila Yang Berhormat Menteri.

6.21 ptg.

Timbalan Menteri Kewangan II [Dato' Donald Lim Siang Chai]: Terima kasih Yang Berhormat. Pertama sekali saya hendak ucapkan ribuan terima kasih kepada beberapa orang Ahli Parlimen yang telah mengambil bahagian dalam perbahasan Rang Undang-undang Kewangan (No.2) 2011. Saya hendak ulang sekali lagi tujuan kita ialah bagi membolehkan pelaksanaan pengecualian percukaian yang diumumkan dalam Bajet 2012. Di samping untuk melaksanakan keputusan mengenai menambahbaikkan pentadbiran cukai yang memerlukan pindaan pada akta-akta tersebut. Memang Kementerian menghargai pandangan dan cadangan Yang Berhormat.

Untuk menjawab soalan yang bangkit, Yang Berhormat dari Kepong ada tanya jumlah cukai pendapatan yang akan dipungut selepas pindaan akta di kuat kuasa. Untuk makluman Yang Berhormat, jumlah cukai langsung yang dijangka akan dikutip selepas pindaan akta di kuatkuasakan adalah sebanyak RM101,795 juta. Ini adalah angka RM101 billion.

Yang Berhormat Kepong ada bangkit fasal 11 tujuan untuk menyelamatkan MISC. Untuk makluman Yang Berhormat, jawapannya tidak. Insentif cukai adalah untuk membangunkan industri perkapalan negara dan kurangkan imbalan bayaran negara.

Yang Berhormat juga ada bangkit bilangan pakar yang telah pulang ke Malaysia dalam program *Returning Expert Programme*. Setakat November 2011, sebanyak 657 permohonan telah diluluskan tujuan pemberian insentif di bawah *Returning Expert Programme* adalah untuk memanggil kembali pakar-pakar di mana-mana bidang supaya mereka boleh bertugas dan berkhidmat untuk negara kita. Kita hanya mengenakan cukai 15 peratus.

Yang Berhormat ada tanya mengenai isu *refund*. Untuk makluman Yang Berhormat, sebelum pindaan undang-undang yang dijalankan *refund* atau bayaran balik bagi cukai yang terlebih bayar di buat dalam tempoh tiga bulan. Bagi *interest* yang kita bayar, kalau mereka melalui *e-filing* selepas 90 hari kita akan bagi 2 peratus *interest*.

Yang Berhormat tanya, apakah maksud Syarikat Penyelidikan dan Kemajuan Kontrak. Untuk makluman Yang Berhormat, Syarikat Penyelidikan dan Kemajuan Kontrak adalah syarikat yang menyediakan perkhidmatan penyelidikan dan kemajuan kepada mana-mana orang termasuk syarikat atau individu kecuali syarikat berkaitan layak dipertimbangkan kelayakan taraf perintis atau *allowance* cukai pelaburan di bawah Akta Penggalakan Pelaburan 1986.

Yang Berhormat tanya apakah yang dimaksudkan Syarikat Penyelidikan dan Kemajuan. Ia adalah satu syarikat yang menyediakan perkhidmatan penyelidikan dan kemajuan kepada mana-mana orang termasuk syarikat berkaitan layak dipertimbangkan galakan *allowance* cukai pelaburan. Memang ada agensi-agensi berkenaan untuk mempertimbangkan permohonan mereka.

Yang Berhormat Kepong ada tanya pembayaran balik di bawah seksyen 111D. Yang ini sudah jawab.

Yang Berhormat dari Indera Mahkota ada membangkitkan banyak layanan seperti potongan dua kali bagi faktor *internship programme*, tidak terdapat dalam rang undang-undang ini jadi tawaran tidak sah. Untuk makluman Yang Berhormat, semua langkah yang telah di umum dalam belanjawan tetap dilaksanakan. Walau bagaimanapun, tidak semua melalui rang undang-undang ini, tetapi melalui perintah pengecualian, perintah potongan cukai dan lain-lain.

Yang Berhormat Indera Mahkota ada tanya pengecualian duti import dan duti eksais bagi kereta hybrid kenapa tidak ada dalam rang undang-undang. Untuk makluman Yang Berhormat, isu ini akan...

Tuan Azan Ismail [Indera Mahkota]: Yang Berhormat Menteri. Yang Berhormat Menteri kata, akan dilaksanakan walaupun tidak melalui rang undang-undang, maksudnya melalui pengisytiharan ataupun jadual. Cuma yang saya katakan secara spesifik tadi adalah berkenaan dengan Akta Setem. Sebab dalam ini, sekarang ini di bawah Bab III ada dinyatakan... *[Disampuk]*

Dato' Donald Lim Siang Chai: Biar saya jawab dahulu Akta Kastam. Yang Berhormat untuk jawapan mengenai isu pengecualian duti import dan duti eksais bagi *hybrid*. Ini di dalam Akta Kastam. Isu ini tidak bangkit di sini.

Yang Berhormat ada tanya soalan mengenai Skim Rumah Pertamaku telah dapat dilaksanakan dengan baik dan telah habis bilangan. Namun tiada pindaan mengenai layanan duti setem. Untuk makluman Yang Berhormat, pelaksanaan Duti Setem bagi surat cara pembelian Rumah Pertamaku boleh melalui Perintah Pengecualian Duti Setem bukan melalui pindaan rang undang-undang dalam ini. Butir-butir lanjut mengenai kelayakan dinyatakan dalam Perintah Pengecualian Duti Setem berkenaan. Ini adalah jawapan.

Tuan Azan Ismail [Indera Mahkota]: Terima kasih. Saya katakan begitu Tuan Yang di-Pertua, kerana bawah Bab III, di bawah Pindaan Akta Setem menggariskan akta ibu menyebut, di bawah pindaan seksyen 9 di bawah akta ibu dengan terang tambahan perkataan ataupun bidang ataupun skop atau maksud Bursa Saham Malaysia disebut. Berkenaan PR1MA langsung tidak wujud. Saya tidak katakan ada sesetengah pengisytiharan itu boleh dibuat melalui sekular yang dikeluarkan oleh ketua pengarah tetapi di bawah Akta Setem mesti menyebut tentang program itu iaitu rumah Skim Perumahan Rumah Pertamaku, untuk tujuan pengecualian surat cara. Akan tetapi di bawah pindaan yang kita bentangkan satu patah perkataan pun tidak ada. Itu maksud saya.

Saya tidak mempertikaikan ada kuasa ketua pengarah untuk mengeluarkan sekular dari masa ke semasa. Akan tetapi bidang yang dicadangkan untuk dibuat pindaan itu mesti dinyatakan. Sebab itu saya bangkitkan Peraturan Mesyuarat 89 tadi. Itu disebut. Peraturan Mesyuarat 89, dengan jelas menyebut mesti dibawa ke dalam Dewan dalam majlis. Terima kasih.

■1830

Dato' Donald Lim Siang Chai: Terima kasih Yang Berhormat Indera Mahkota, merupakan pakar dalam bidang akauntan. Memang beliau memerlukan seorang peguam untuk ajar dia bagaimana *interpret* isu-isu. Soalan-soalan pengecualian mengapa tiada pindaan undang-undang.

*[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Ronald Kiandee) **mempengerusikan Mesyuarat**]*

Seperti yang saya katakan tadi, pengecualian duti setem dibuat melalui perintah yang akan diwartakan. Oleh itu, Undang-undang Akta Setem 1949 tidak perlu dipinda.

Yang Berhormat tanya isu CKHT, fasal 33 dan fasal 34, tiada perkataan yang memperuntukkan kadar cukai. Untuk makluman Yang Berhormat, berkenaan cukai hartanah dibuat melalui perintah yang akan diwartakan. Oleh itu, undang-undang tidak perlu dipinda. Isu galakan untuk hotel tidak dipinda dalam akta.

Untuk makluman Yang Berhormat, insentif ini dibuat di bawah Akta Penggalakan Pelaburan. Ini akan dibuat oleh pihak MIDA dan juga MITI. Itulah jawapan saya untuk Yang Berhormat. Memang saya tahu Yang Berhormat bijak pandai dalam isu ini. Saya memang hormatlah Yang Berhormat ada pandangan yang kita akan timbang. Kalau cadangan baik, kita akan pertimbangkan. Dengan itu, saya ucapkan terima kasih kepada semua yang ambil bahagian. Sekian.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Terima kasih Yang Berhormat. Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya akan kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa rang undang-undang ini dibacakan kali kedua sekarang.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan dipersetujukan.

Rang undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Majlis bersidang dalam Jawatankuasa.

*[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Ronald Kiandee) **mempengerusikan Jawatankuasa**]*

Fasal-fasal dikemukakan kepada Jawatankuasa.

Fasal-fasal 1 hingga 2 -

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Fasal-fasal 1 dan 2. Yang Berhormat. Yang Berhormat Indera Mahkota. Hendak berucap Yang Berhormat?

Tuan Azan Ismail [Indera Mahkota]: Ya.

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Ya. Sila Yang Berhormat. Selepas itu Yang Berhormat Menteri boleh menjawab.

6.32 ptg.

Tuan Azan Ismail [Indera Mahkota]: Tuan Pengerusi, terima kasih. Saya hendak tanya berkenaan dengan permulaan kuat kuasa pindaan kepada Akta Cukai Pendapatan 1967.

Ada seksyen 4, 6, 7, 9, 11, 12, 24, 25, perenggan 26(a) dan (c), seksyen 27 dan seksyen 28 berkuat kuasa bagi tahun taksiran 2012 dan tahun-tahun taksiran berikutnya. Kemudian, disebut selain daripada yang disebut yang di atas iaitu seksyen 5 tidak disebut, di bawah ada seksyen 5, 8, 13, apa semua ada disebut. Akan tetapi saya hendak tanya bagaimana dengan tahun yang tidak disebut dalam aturan ini, tarikh kuat kuasanya. Adakah sama dengan seksyen 34B iaitu merujuk kepada tahun taksiran yang dianggap atau dianggap tahun taksiran yang dirujuk, yang lain ini semua dinyatakan dengan jelas permulaan tarikh kuat kuasanya. Itu sahaja. Terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Sila Yang Berhormat Timbalan Menteri.

6.34 ptg

Timbalan Menteri Kewangan II [Dato' Donald Lim Siang Chai]: Terima kasih Yang Berhormat. Pendek kata, kata Yang Berhormat tidak berapa jelas... *[Ketawa]* Memang Yang Berhormat boleh sebut sekali lagi.

Tuan Azan Ismail [Indera Mahkota]: Ya, terima kasih. Sebenarnya saya rujuk kepada muka surat 6 iaitu berkenaan dengan permulaan kuat kuasa pindaan. Fasal 3(1) dia ada seksyen 4, 6, 7, 9, 12 dan seterusnya. Kemudian, perkara (2) disebut seksyen 5, perkara (3) disebut seksyen 8, 13 dan seterusnya. Kemudian, seksyen 10, 21, 15, 18, 19 dan *last* sekali seksyen 23 dan perenggan 26(b). Saya hendak tanya yang lain-lain yang tidak sebut di sini sebab kita ada semua sekali. Kita ada 29 fasal semua sekali.

Apa yang saya tanyakan yang tidak disebut tarikh berkuat kuasanya adakah dia dianggap 1 Januari juga tarikh berkuat kuasanya sebab ada setengah itu kita kata tahun taksiran 2012 sehingga tahun taksiran 2021, ada kita disebut. Ada setengah itu kita kata tahun taksirannya hanya terhad yang efektifnya sehingga 2013. Sebagai contoh perkara 5 sehingga 21 berkuat kuasa mulai tahun taksiran 2013. Apa yang tidak disebut di sini adakah kita anggap berkuat kuasa 2012? Terima kasih.

Dato' Donald Lim Siang Chai: Jawapannya pada pendapat saya, berkuat kuasalah pada masa ini.

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Fasal-fasal 1 hingga 2 diperintahkan jadi sebahagian daripada rang undang-undang.

Fasal 3 [Pindaan] -

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Sila Yang Berhormat.

Dato' Donald Lim Siang Chai: Tuan Pengerusi, saya mohon mencadangkan bahawa fasal 3 dalam teks Bahasa Kebangsaan dan teks bahasa Inggeris rang undang-undang ini, dipinda dengan meminda fasal 3(7) untuk memasukkan perkataan pindaan kepada seksyen 6A selepas perkataan, "*Apabila berkuat kuasanya pindaan kepada seksyen 6A*". *Pindaan ini bertujuan untuk menyelaraskan tarikh kuat kuasa pindaan seksyen 23 kepada tarikh kuat kuasa seksyen 6A Akta Lembaga Hasil Dalam Negeri 1995 (Akta 533).*

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Masalahnya ialah bahawa pindaan sebagaimana yang tertera di dalam kertas pindaan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan yang telah dibentangkan sekarang ini terbuka untuk dibahas. Yang Berhormat Indera Mahkota. Selepas itu Menteri menjawab.

Tuan Azan Ismail [Indera Mahkota]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Teks pindaan yang dibekalkan kepada kita sekarang ialah untuk fasal 3, 14, 15 dan pindaan 81. Ada beberapa fasal yang, sebagai contoh fasal 14. Rang undang-undang ini dipinda dengan memotong fasal 14. Maksudnya kita hapuskan langsung fasal 14. Fasal 14 merujuk kepada pindaan seksyen 80. Apabila kita batalkan, kita potong fasal 14, maka maknanya juga kita batalkan pindaan seksyen 80 iaitu Akta Ibu. Adakah maksud perkara (2) itu, fasal 14 memotong keseluruhan fasal 14 ini juga kita memotong pindaan di bawah seksyen 80, Akta Ibu. Begitu juga ada dua lagi yang menyebut kita potong keseluruhannya. Fasal 14 kita potong.

Fasal 18 kita potong semua rang undang-undang, perkara 4, fasal 18. Rang undang-undang ini dipinda dengan memotong fasal 18, semua keseluruhan fasal 18 sedangkan dalam fasal 18, dia bersangkutan dengan seksyen lain. Fasal 18 pindaan seksyen 106. Adakah bermakna kita buang Seksyen 106 ini, Akta Ibu? Di dalam muka surat 14 rang undang-undang kita. Fasal yang di bentang oleh Timbalan Menteri, fasal 18 rang undang-undang ini dipinda dengan memotong fasal 18. Dalam rang undang-undang kita, cadangannya, fasal 18 merujuk kepada pindaan seksyen 106, Akta Ibu. Adakah kita juga memotong pindaan di bawah seksyen 106?

Sama juga dengan pindaan fasal 19. Kita buang semua sekali 19. Pada fahaman saya, apabila cadangan kita memotong fasal 19 dalam rang undang-undang ini, dia merujuk kepada seksyen 107C dan seksyen baru dimasukkan 107D dan kesannya kepada cukai pegangan yang selama ini kita amalkan. Adakah kita hendak hapuskan peraturan berkenaan cukai pegangan ini dengan pindaan untuk memotong fasal 19? Itu sahaja. Terima kasih.

■ 1840

Dato' Donald Lim Siang Chai: Tuan Pengerusi, Yang Berhormat Indera Mahkota bertanya soalan teknikal. Memang baiklah Yang Berhormat patut jadi *engineer...* [Ketawa] Boleh jadi *engineer*. Memang *technician* sahaja...

Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]: [Bangun]

Dato' Donald Lim Siang Chai: Untuk makluman Yang Berhormat, pindaan yang kita katakan kita untuk fasal 14, 15, 18, dan 19 pindaannya kepada seksyen 80, 81, 106 dan 111D adalah dibatalkan. Itu memang kita tidak - itu Akta Ibu kita tidak pinda. Sekian.

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa pindaan seperti mana yang dicadangkan sebagaimana yang dinyatakan dalam kertas pindaan hendaklah dipersetujui.

Pindaan dikemukakan bagi diputuskan, dan disetujui.

Fasal 3 sebagaimana dipinda diperintahkan jadi sebahagian daripada rang undang-undang.

Fasal-fasal 4 hingga 13 diperintahkan jadi sebahagian daripada rang undang-undang.

Fasal 14 dan 15 [Pindaan] -

Dato' Donald Lim Siang Chai: Tuan Pengerusi, saya mencadangkan bahawa fasal 14 dan fasal 15 dalam teks Bahasa Kebangsaan dan teks bahasa Inggeris rang undang-undang digugurkan. Saya juga mencadangkan fasal 15 yang telah digugurkan diganti dengan fasal 15 yang baru. Cadangan fasal 14 dan fasal 15 ini telah menimbulkan keresahan di kalangan persatuan profesional dan pembayar cukai yang mendakwa bahawa cadangan tersebut menyetepikan kepentingan pembayar cukai dan memberi implikasi negatif kepada perniagaan. Sebagai kerajaan yang sangat prihatin ke atas isu yang dibangkitkan, Kementerian Kewangan ingin menggugurkan fasal 14 dan fasal 15 tersebut di samping menggantikan dengan fasal 15 yang baru.

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Masalahnya ialah bahawa pindaan sebagaimana yang tertera di dalam kertas pindaan yang telah dibentangkan sekarang ini terbuka untuk dibahas.

Tuan Azan Ismail [Indera Mahkota]: Boleh kita tahu apa *detail* pindaan tadi yang dikatakan untuk menghilangkan keresahan tadi. Boleh kita tahu apakah isi pindaan itu?

Dato' Donald Lim Siang Chai: Yang Berhormat tidak dengar... [Ketawa] Saya ulang sekali lagi. Cadangan fasal 14 dan fasal 15 yang kita gugurkan ialah sebab fasal-fasal ini telah timbulkan keresahan di kalangan persatuan profesional dan pembayar cukai yang mengatakan bahawa cadangan tersebut menyetepikan kepentingan pembayar cukai dan memberi implikasi negatif kepada perniagaan.

Tuan Azan Ismail [Indera Mahkota]: Kalau boleh, saya tidak faham yang itu. Macam mana negatifnya, apakah maksud negatif itu naikkah, turunkah, atau hilangkah?

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat, sebentar Yang Berhormat.

Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]: Saya ingin tambah sebab keresahan itu harus dijelaskan sama ada dia membawa sesuatu yang agak konkrit. Yang Berhormat Timbalan Menteri tidak boleh beritahu perkara ini sangat mengelirukan kalau kita tidak tahu apa implikasinya dan kenapa kita lulus satu undang-undang untuk gugurkan sesuatu tanpa Dewan ini faham asas pindaan.

Dato' Donald Lim Siang Chai: Terima kasih Yang Berhormat Indera Mahkota dan juga Yang Berhormat Batu. Dua-dua memang mereka faham, sengaja tidak mahu faham.

Beberapa Ahli: [Ketawa]

Dato' Donald Lim Siang Chai: Selepas kita berbincang dengan persatuan-persatuan profesional seperti *tax consultant* dan juga kesatuan perniagaan mereka pun bimbang kalau kita pinda akta ini yang akan menyusahkan mereka dari segi pembayaran cukai dan kita memang harap dengan ada perbincangan lanjut supaya kita boleh mengadakan undang-undang yang lebih baik.

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa pindaan seperti mana yang dicadangkan sebagaimana yang dinyatakan dalam Kertas Pindaan hendaklah dipersetujui.

Pindaan dikemukakan bagi diputuskan, dan disetujui.

Fasal-fasal 14 dan 15 sebagaimana dipinda diperintahkan jadi sebahagian daripada rang undang-undang.

Fasal-fasal 16 hingga 17 diperintahkan jadi sebahagian daripada rang undang-undang.

Fasal 18 dan 19 [Pindaan] -

Dato' Donald Lim Siang Chai: Tuan Pengerusi, saya mencadangkan bahawa fasal 18 dan fasal 19 dalam teks bahasa kebangsaan dan teks bahasa Inggeris rang undang-undang ini digugurkan. Cadangan fasal 18 dan fasal 19 telah menimbulkan keresahan di kalangan persatuan profesional dan pembayar cukai yang mendakwa bahawa cadangan tersebut mengetepikan kepentingan pembayar cukai prihatin ke atas isu yang dibangkitkan Kementerian Kewangan ingin menggugurkan fasal 18 dan fasal 19 supaya pendekatan yang lebih mesra pelanggan dengan terlebih dahulu membuat konsultasi menyeluruh dapat dilaksanakan.

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Masalahnya ialah bahawa pindaan sebagaimana yang tertera di dalam kertas pindaan yang telah dibentangkan sekarang ini terbuka untuk dibahas.

Pindaan dikemukakan bagi diputuskan, dan disetujui.

Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]: Tuan Pengerusi, kita memang tidak jelas apa yang kita luluskan. Dalam perbincangan pun...

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat.

Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]: Tidak ada rekod. Apa yang kita luluskan...

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat, *you out of order* Yang Berhormat. Saya sudah katakan setuju, kalau tidak bersetuju *that's a point of order* untuk itu. Sekarang ini...

Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]: *Then we call for division.*

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: *You want to call for division?...* Ada 15 orang bangun.

Beberapa Ahli: Tidak payahlah!

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Hendak panggil? Tidak ada... [*Dewan riuh*]

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa pindaan seperti mana yang dicadangkan sebagaimana yang dinyatakan dalam kertas pindaan hendaklah dipersetujui.

Pindaan dikemukakan bagi diputuskan, dan disetujui.

Fasal-fasal 18 dan 19 sebagaimana dipinda diperintahkan jadi sebahagian daripada rang undang-undang.

Fasal-fasal 20 hingga 22 diperintahkan jadi sebahagian daripada rang undang-undang.

Fasal 23 [Pindaan] -

Dato' Donald Lim Siang Chai: Tuan Pengerusi, saya mencadangkan bahawa fasal 23 dalam teks bahasa kebangsaan dan teks bahasa Inggeris rang undang-undang dipinda. Rang undang-undang ini dipinda dengan menggantikan perkataan 6A(2) dalam subfasal 23(b) dengan perkataan 6A(1A) pindaan kepada subfasal 23(b) bertujuan bagi menyelaraskan peruntukan perundangan di bawah subseksyen 6A(1A) Akta Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia 1995 bahawa Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif yang dilantik adalah Timbalan Ketua Pengarah Hasil Dalam Negeri.

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Masalahnya ialah bahawa pindaan sebagaimana yang tertera di dalam kertas pindaan yang telah dibentangkan sekarang ini terbuka untuk dibahas.

Tuan Azan Ismail [Indera Mahkota]: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Indera Mahkota, selepas itu Yang Berhormat Menteri boleh menjawab.

■1850

Tuan Azan Ismail [Indera Mahkota]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya hendak tanya mana-mana pindaan dan juga pengumuman yang dikatakan tidak perlu melalui kertas rang undang-undang yang dibentang pada hari ini saya hendak tahu bilakah pindaan itu akan diumumkan ataupun diwartakan atau diisytiharkan. Kalau begitu adakah Ahli-ahli Parlimen semua tidak mempunyai peluang untuk mengetahui pindaan itu dibuat pada tarikh tertentu. Ini kerana kita, barangkali kita tidak ada persidangan sehingga kepada tarikh 1 Januari 2012 tarikh berkuat kuasa rang undang-undang ini. Adakah kita akan dimaklumkan bila?

Dato' Donald Lim Siang Chai: Terima kasih Yang Berhormat. Memang Yang Berhormat Ahli Parlimen baru harap boleh rujuk kepada Yang Berhormat Permatang Pauh yang ada pengalaman. Ini memang bukan di bawah peraturan di bawah kuasa Kementerian Kewangan. Harap Yang Berhormat rujuk kepada kementerian yang berkenaan.

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa pindaan seperti mana yang dicadangkan sebagaimana yang dinyatakan dalam kertas pindaan hendaklah dipersetujukan.

Pindaan dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Fasal 23 sebagaimana dipinda diperintahkan jadi sebahagian daripada rang undang-undang.

Fasal-fasal 24 hingga 34 diperintahkan jadi sebahagian daripada rang undang-undang.

Fasal 35 [Pindaan] -

Dato' Donald Lim Siang Chai: Tuan Pengerusi, saya mencadangkan untuk memasukkan fasal baru 35A dalam teks Bahasa Kebangsaan dan teks bahasa Inggeris rang undang-undang dengan memasukkan fasal 35A selepas fasal 35 seperti berikut:

- (a) subseksyen 22(1) Akta Cukai Aktiviti Perniagaan Labuan 1990 dipinda dengan memasukkan perkataan "atau perkiraan pertukaran maklumat percukaian yang disebut dan subseksyen 22A(2) selepas perkataan perkiraan percukaian dua kali. Pindaan ini bertujuan untuk meminda subseksyen 22(1) Akta Cukai Aktiviti Perniagaan Labuan 1990 [Akta 445] bagi membolehkan Lembaga Hasil Dalam Negeri meminta maklumat daripada pembayar cukai untuk membekalkan maklumat tersebut di atas seperti mana permintaan daripada pihak berkuasa cukai sesebuah negara yang menandatangani perjanjian pertukaran maklumat percukaian atau *Tax Information Exchange Agreement* (TIEA) dengan Malaysia.

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Ahli-Ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa pindaan sebagaimana yang tertera di dalam kertas pindaan yang telah dibentangkan sekarang ini terbuka untuk dibahas. Yang Berhormat Indera Mahkota selepas itu Menteri menjawab.

6.53 ptg.

Tuan Azan Ismail [Indera Mahkota]: Tuan Pengerusi, saya mohon mendapat penjelasan bawah kertas rang undang-undang ini fasal 34 dan fasal 35 nampaknya berada di bawah pindaan kepada Akta Cukai Keuntungan Harta Tanah. Sedangkan yang disebut fasal 35 baru yang dimasukkan itu berkenaan dengan Akta Cukai Aktiviti Perniagaan Labuan 1990. Fasal 34 diletakkan di bawah pindaan kepada Akta Cukai Keuntungan Harta Tanah 1976.

Kita membawakan fasal baru 35A yang menyebut tentang perkiraan cukai dua kali di bawah Akta Cukai Aktiviti Perniagaan Labuan 1990. Saya mohon rujuk kepada kertas cadangan pindaan ini, kertas ini tidak ada muka surat.

Pindaan seksyen kalau di sini seksyen 22 yang Timbalan Menteri menyebut tadi fasal 35A. Akan tetapi dalam kertas cadangan rang undang-undang ini fasal 35 tidak ada, ada fasal 34 tetapi merujuk kepada Akta Cukai Keuntungan Harta Tanah 1976. Ya, penjelasan.

■1855

Dr. Dzulkefly Ahmad [Kuala Selangor]: Saya tambah sedikit lagi, boleh? Tunggu jawapan.

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Ya sila Yang Berhormat.

Dr. Dzulkefly Ahmad [Kuala Selangor]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya minta Timbalan Menteri, sejauh yang saya tahu *double taxation* ini sudah lama ataupun sudah lama ditinggalkan dan mereka memang perkiraan cukai dua kali itu memang satu yang sudah pun *in order*. Saya hendak pastikan dan saya hendak mendapat penjelasan apakah ini satu yang telah dilaksanakan dahulu. Terdahulu daripada ini pun sudah dilaksanakan dalam aktiviti di Labuan. Apakah itu betul Timbalan Menteri? Rang undang-undangnya sahaja diletakkan dalam pindaannya itu.

6.56 ptg.

Dato' Donald Lim Siang Chai: Tuan Pengerusi, terima kasih soalan dari Yang Berhormat Indera Mahkota. Jawapan untuk Yang Berhormat Indera Mahkota ialah Yang Berhormat salah tengok. Fasal 35 memang Akta Cukai Aktiviti Labuan.

Dr. Dzulkefly Ahmad [Kuala Selangor]: Yang Berhormat Kuala Selangor jawapan dia tidak bagi, dia tidak boleh jawab, hendak tuliskah?

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Ahli-Ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa pindaan sebagaimana yang dicadangkan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan dalam kertas pindaan hendaklah dipersetujui.

Pindaan dikemukakan bagi diputuskan, dan disetujui.

Fasal 35 sebagaimana dipinda diperintahkan jadi sebahagian daripada rang undang-undang.

Fasal-fasal 36 hingga 38 diperintahkan jadi sebahagian daripada rang undang-undang.

Rang undang-undang dimaklumkan kepada Majlis sekarang.

Majlis Mesyuarat bersidang semula.

Rang undang-undang dilaporkan dengan ada pindaan; dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

RANG UNDANG-UNDANG STANDARD MALAYSIA (PINDAAN) 2011**Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga****6.59 ptg.****Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi [Datuk Dr. Maximus Johnity Ongkili]:**

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan iaitu bahawa rang undang-undang bernama suatu akta untuk meminda Akta Standard Malaysia 1996 dibaca kali yang kedua sekarang.

■1900

Tuan Yang di-Pertua, mohon untuk saya memberi sedikit latar belakang berkaitan Akta Standard Malaysia dan Jabatan Standard Malaysia. Akta Standard Malaysia telah diwartakan pada 25 Julai 1996 dan dikuatkuasakan mulai 1 September 1996. Ia bertujuan menubuhkan sebuah jabatan yang dinamakan Jabatan Standard Malaysia. Penubuhan Jabatan Standard Malaysia adalah berikutan Institut Standard dan Penyelidikan Perindustrian Malaysia atau SIRIM kepada SIRIM Berhad pada 1 September 1996.

Akta Standard Malaysia menggariskan fungsi dan peranan Jabatan Standard Malaysia sebagai badan kebangsaan yang bertanggungjawab terhadap pembangunan standard dan aktiviti akreditasi badan-badan penilaian pematuhan dengan izin, *conformity assessment bodies* di Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, pembangunan standard dan akreditasi di Malaysia telah berkembang pesat selaras dengan perkembangan ekonomi semasa dan kehendak industri. Salah satu daripada penanda aras untuk Malaysia mencapai taraf negara maju menjelang tahun 2020 ialah dengan membangunkan sebanyak 6,000 MS atau Malaysia Standard dan dalam hal ini Jabatan Standard Malaysia telah mencapai sasaran yang ditetapkan pada akhir tahun 2010.

Sehingga 31 Oktober 2011, sebanyak 6,367 MS telah dibangunkan dalam pelbagai sektor seperti halal, makanan, pengurusan kualiti, peralatan dan perkakasan elektrik, pembinaan, pertanian dan sebagainya bagi menyokong pertumbuhan sektor perindustrian negara. Penggunaan MS akan memberikan nilai tambah pada sesebuah organisasi iaitu antaranya menjamin kualiti keselamatan awam dan perlindungan alam sekitar di samping meningkatkan kecekapan industri, memberi amalan terbaik digariskan. Pemantauan kepada MS adalah secara sukarela selaras dengan amalan antarabangsa. Contoh penggunaan MS secara sukarela ialah bagi skim akreditasi makmal, badan pensijilan pengurusan sistem kualiti, produk halal dan keselamatan makanan serta oleh badan pemeriksa.

Walau bagaimanapun, pematuhan kepada MS menjadi mandatori apabila diwajibkan oleh badan-badan melalui akta atau peraturan yang khusus dan dalam sektor yang dikuatkuasakan sehingga 31 Oktober 2011 sebanyak 332 MS ataupun 5.2 peratus telah dijadikan mandatori dan diwajibkan pemantauannya serta pematuhannya dalam pelbagai bidang bagi mencapai objektif perundangan iaitu untuk tujuan perlindungan keselamatan, kesihatan dan alam sekitar.

Penggunaan MS di Malaysia melalui sektor yang dikuatkuasakan ini ialah seperti produk elektrik dan elektronik tertentu oleh Suruhanjaya Tenaga, hasil pertanian menerusi program *Malaysia Best* oleh Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) dan alat permainan kanak-kanak oleh Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan. Selain menjamin tahap keselamatan dan kualiti yang tinggi, standard merupakan pemangkin untuk memudahkan perniagaan dan perdagangan kerana ia merupakan asas penerimaan produk dan perkhidmatan Malaysia di peringkat global.

Tuan Yang di-Pertua, menyedari kepentingan bidang standard dan akreditasi di Malaysia, terdapat keperluan untuk memperkasakan fungsi dan peranan Jabatan Standard Malaysia agar kedua-dua bidang ini kekal relevan dan berdaya saing di peringkat kebangsaan serantau dan antarabangsa.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon izin membentangkan perkara-perkara yang terkandung dalam Rang Undang-undang Standard (Pindaan) 2011 - Akta Standard Malaysia 1996.

Fasal 1 mengandungi tajuk ringkas dan kuasa Menteri untuk menetapkan tarikh permulaan kuat kuasa akta yang dicadangkan.

Fasal 2 bertujuan untuk meminda tajuk panjang Akta Standard Malaysia bagi memasukkan selepas perkataan, "standard" dan perkataan "akreditasi".

Fasal 3 bertujuan untuk membuat pindaan am terhadap Akta Standard Malaysia.

Fasal 4 bertujuan untuk memindah seksyen 2 [Akta 549] bagi memastikan bahawa takrif di bawah seksyen itu adalah selaras dengan takrif yang diterima di peringkat antarabangsa seperti ISO dengan izin, *International Organization for Standardization* bagi memastikan penggunaannya adalah tepat dan sesuai dengan konteks di Malaysia. Cadangan pindaan itu juga adalah selari dengan peranan dan fungsi Jabatan Standard Malaysia pada masa kini.

Fasal 5 bertujuan untuk meminda seksyen 10 [Akta 549] bagi menyemak kewajipan dan fungsi ketua pengarah selari dengan peranan Jabatan Standard Malaysia sebagai badan standard dan akreditasi kebangsaan. Sebagai ahli kepada pelbagai pertubuhan di peringkat antarabangsa, Jabatan Standard Malaysia perlu mematuhi kriteria dan kehendak badan-badan antarabangsa tersebut. Dengan pindaan di seksyen ini, adalah diharapkan kadar pembangunan standard di Malaysia akan lebih cepat fokus dan berupaya memenuhi kehendak industri menerusi pelantikan badan penggunaan standard yang spesifik dan pakar dalam bidang yang mereka terajui.

Selain dari itu, perkhidmatan akreditasi dapat diperluaskan kerana skim yang ditawarkan mendapat permintaan tinggi daripada negara-negara luar seperti China, India dan negara-negara OIC dan menjadi jenama yang dipilih berbanding badan-badan di negara-negara lain seperti UKAS, dengan izin, *United Kingdom Accreditation Services* selaras dengan visi jabatan iaitu diterima rakyat serta diiktiraf dunia. Pindaan seksyen ini juga memberi peranan baru kepada Jabatan Standard Malaysia dalam usaha memantapkan penguatkuasaan MS di dalam peraturan di Malaysia.

Fasal 6 bertujuan untuk meminda seksyen 13 [Akta 549] bagi menambah keanggotaan Majlis Standard dan Akreditasi Malaysia sedia ada iaitu daripada 15 kepada 20 ahli yang berperanan menjadi khidmat nasihat kepada Yang Berhormat Menteri dalam bidang-bidang yang berhubungan dengan standard dan akreditasi.

Fasal 7 bertujuan untuk meminda tajuk Bahagian V [Akta 549] untuk memasukkan akreditasi sebagai salah satu aktiviti utama Jabatan Standard Malaysia.

Fasal 8 bertujuan untuk meminda subseksyen 15 [Akta 549] untuk memasukkan peruntukan tentang kelulusan dan pengisytiharan MS oleh menteri sebagai dokumen rasmi kerajaan. Pindaan yang dicadangkan ini juga bertujuan untuk memasukkan peruntukan bagi penyemakan standard selari dengan amalan di peringkat antarabangsa. Pada masa ini, frekuensi semakan adalah sekurang-kurangnya lima tahun sekali. Selain daripada itu, pihak yang mungkin terjejas oleh pengisytiharan pindaan dan penarikan balik MS boleh memberi maklum balas melalui mekanisme yang akan ditentukan oleh Majlis Standard dan Akreditasi Malaysia.

Fasal 9 bertujuan untuk meminda seksyen 16 [Akta 549] bagi memasukkan peruntukan bagi permohonan sesebuah organisasi untuk diakreditasi sebagai badan penilaian pematuhan dengan izin, *Conformity Assessment Bodies* dan peruntukan berkenaan *fee* akreditasi. Pindaan ini juga bertujuan menambah ketelusan proses akreditasi melalui peruntukan di mana badan akreditasi yang telah digantung atau dibatalkan boleh membuat rayuan kepada Majlis Standard dan Akreditasi Malaysia.

Fasal 10 bertujuan untuk meminda seksyen 17 [Akta 549] untuk melindungi nama Jabatan Standard Malaysia daripada disalahgunakan dan untuk memasukkan hukuman penjara sebagai penalti di bawah seksyen ini.

Fasal 11 bertujuan untuk menggantikan seksyen 18 [Akta 549] dengan seksyen 18 yang baru untuk memasukkan hukuman penjara sebagai penalti kepada kesalahan penyertaan atau interpretasi yang mengelirukan atau penggunaan simbol akreditasi dengan melanggar terma-terma dan syarat-syarat perakuan akreditasi. Dengan adanya penalti penjara bagi kesalahan ini, adalah diharapkan ianya dapat mencegah sebarang kesalahan yang berlaku di bawah akta ini.

Fasal 12 bertujuan untuk memperuntukkan pemilikan MS oleh Kerajaan Malaysia dan tiada bahagian MS boleh dihasilkan semula dalam apa-apa bentuk tanpa kebenaran bertulis daripada ketua pengarah.

Fasal 13 bertujuan untuk memasukkan Bahagian baru VA bagi memperuntukkan kuasa yang berhubung penguatkuasaan iaitu kuasa penyiasat, penggeledahan dan penyitaan.

Fasal 14 bertujuan untuk meminda seksyen 22 [Akta 549] bagi memohon punca kuasa untuk membuat peraturan-peraturan berhubung pendaftaran yang bercanggah dengan tugas dan fungsi Jabatan Standard Malaysia. Pindaan yang dicadangkan ini juga bertujuan untuk memasukkan subseksyen baru bagi hukuman pelanggaran peraturan-peraturan yang dibuat di bawah subseksyen 22 [Akta 549].

Dan Fasal 15 bertujuan untuk meminda subseksyen 25 [Akta 549] dengan memotong peruntukan tentang lesen untuk menggunakan tanda standard. Peruntukan ini tidak lagi terpakai di bawah peranan sedia ada Jabatan Standard Malaysia kerana ia bercanggah dengan Standard Antarabangsa ISO. Fasal 16 bertujuan untuk mengadakan peruntukan kecualian.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

■1910

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Siapa menyokong?

Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi [Datuk Haji Fadillah bin Yusof]: Saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Baik Yang Berhormat. Ahli-ahli Yang Berhormat masalah di hadapan Majlis ialah rang undang-undang bernama suatu akta untuk meminda Akta Standard Malaysia 1996 di bacakan kali kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas. Yang Berhormat Kepong, hendak berbahas Yang Berhormat? Sila Yang Berhormat Kepong, selepas itu Yang Berhormat Menteri boleh menjawab.

7.11 mlm.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Tuan Yang di-Pertua, memang Yang Berhormat Menteri mengemukakan rang undang-undang ini dengan mengharapkan standard di Malaysia dapat dipertingkatkan. Ini satu perkara yang penting walaupun tidak ada Ahli-ahli yang lain yang berminat untuk mengambil bahagian di dalam perbincangan ini, ini merupakan satu rang undang-undang yang penting, memang penting.

Ini kerana dengan standard di Malaysia ini, Yang Berhormat Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani pun tahu di bidang pertanian pun kita memerlukan standard kalau kita hendak menjadi negara yang maju pada 2020, kita perlu. Yang Berhormat Menteri Padang Rengas, standard penting, ISO pun penting. Jadi, kalau kita ikut Yang Berhormat Menteri, dia ada ISO. Di dapat ISO10001, 1,000 itu...

Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz]:
[Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Kepong.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: ...Dan anggap ISO ini untuk selama-lamanya. Itulah masalahnya. Berapa tahun? Satu, dua tahun. Itu sahaja Yang Berhormat masalahnya sekarang. Yang Berhormat, itulah kerana ramai yang menganggap bila dia dapat ISO itu, untuk selama-lamanya. Bukan, bukan.

Seorang Ahli: *[Menyampuk]*

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Ini kerana Yang Berhormat, itu adalah rang undang-undang yang penting sebab sekurang-kurangnya ada satu, dua orang yang memahami apa yang hendak dibuat oleh Yang Berhormat Menteri. Jadi, saya pun menganggap beliau hendak ramai lagi yang mengambil bahagian untuk memberi sumbangan kepada cara bagi mempertingkatkan standard di Malaysia itu. Ini kerana saya pun ada mendengar mengenai standard di Malaysia. Mereka kata tidak cukup...

Dato' Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]: Yang Berhormat Kepong, boleh mencelah Yang Berhormat Kepong? Hendak tanya fasal standard ini Yang Berhormat Kepong. Ini termasuk standard pembangkang yang amat teruk sekarang ini, ini sudah termasuk dalam standard Yang Berhormat Kepongkah tidak? *Very bad standard* pembangkang ini Yang Berhormat Kepong, termasuk DAP.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Yang Berhormat, saya tidak tahu...

Dr. Dzulkefly Ahmad [Kuala Selangor]: Kalau ukurannya...

Datuk Ismail Kasim [Arau]: Yang Berhormat Kepong, UMNO dapat ISO, ada standard. DAP belum dapat ISO lagi.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Sebenarnya, saya tidak faham apa standard yang dia mahu. Cuma, saya tahu satu sahaja. Dia daripada Kota Belud, Sabah tetapi standard Yang Berhormat Kota Belud itu kurang sedikit.

Tuan Gwo Burne Loh [Kelana Jaya]: Standard moral kurang sedikitkah?

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Itulah, dia memang macam ini. Dia memang berani dan lantang tetapi apabila menghadapi dengan masalah yang tulen memang keberanian dan kelantangan itu hilang. Memang hilang. Saya sebutkan dengan buktinya, dengan dia hendak adakan satu perbahasan dengan Yang Berhormat Ipoh Timur tetapi tiba-tiba alasan banyak.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat, yang itu tidak termasuk dalam pindaan.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Saya faham kerana dia hendak saya sebutkan itu. Saya pun enggan hendak buat ulasan mengenai...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Dia ajak Yang Berhormat terbahas sahaja tu.

Dato' Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]: Tuan Yang di-Pertua, Peraturan Mesyuarat 36(6). Saya sudah beritahu Tuan Yang di-Pertua, soal debat dengan Yang Berhormat Ipoh Timur ini Kota Belud tidak pernah lari. Apa yang berlaku, saya sudah cakap. Mana dia Yang Berhormat Kota Kinabalu. Saya cakap dengan Yang Berhormat Kota Kinabalu, tarikh baru saya akan berada di sana walaupun di ibu pejabat DAP. Yang Berhormat Kepong, tolong jangan mengelirukan. Kalau di Kepong *you* boleh kelirukan pengundi *you*.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat, habiskanlah Yang Berhormat.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Saya berharaplah Yang Berhormat... Standard yang sebenar. Saya pun hendak melihat macam mana perbahasan di antara Yang Berhormat Kota Belud dan Yang Berhormat Ipoh Timur. Saya hendak lihat itu, terutama dengan empangan dekat Kota Belud yang kosnya begitu tinggi. Kita hendak balik kepada standard.

Fasal 4 yang disebutkan bahawa takrif di bawah seksyen itu adalah selaras dengan takrif yang diterima di peringkat antarabangsa. Untuk memastikan bahawa takrif itu adalah tepat dan sesuai dengan konteks yang digunakan di Malaysia, cadangan pindaan itu adalah juga selari dengan pengembangan peranan dan fungsi Jabatan Standard Malaysia.

Saya pun berharap Jabatan Standard Malaysia itu boleh meningkatkan tarafnya dan juga anggapan dan pandangan orang ramai sebab saya ada dengar, saya berharap tidak benarlah. Mereka kata kita punya ISO, kita punya standard belum mencapai tahap antarabangsa. Saya bukan kata dia salah atau pun tidak. Cuma saya dengar ada cerita yang tidak menganggap standard Malaysia begitu tinggi.

Beberapa Ahli: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Tuan Yang di-Pertua, kita hendak bahas mengenai standard Malaysia.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Ya. Mereka tidak bercakap dengan *mike* Yang Berhormat, tidak dengar. Yang Berhormat teruskan.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Saya pun hendak buat macam itulah kerana saya nampak Yang Berhormat Rompin merayau-rayau di New York pandailah, standard dialah itu. Masuk ke Dewan di sini pun hendak merayau juga.

Datuk Ismail Kasim [Arau]: Kalau Yang Berhormat Kepong nampak Yang Berhormat Rompin merayau, Yang Berhormat Kepong pun merayaulah.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Saya ada dengar cerita yang di luar. Mungkin tidak benar. Saya berharap Yang Berhormat Menteri dapat mengesahkan setakat mana kalau standard kita, misalnya ISO. Kalau dibandingkan dengan negara-negara yang lebih maju, apakah standard kita? Saya pun berharap Yang Berhormat Menteri dapat memberitahu kepada sesiapa sahaja yang menerima ISO1001:1002 dan sebagainya. Bagi mereka tahu ini untuk jangka masa yang pendek sahaja. Mungkin satu cadangan saya itu, selepas dua tahun, masa yang habis itu, kita turunkan sijil ISO itu sebab ISO itu dipamerkan dengan tempat yang paling mudah kita nampak untuk mengiklankan syarikat atau jabatan itu, di halaman depan itu ia ada. Akan tetapi bila kita tengok tarikh itu, kita nampak...

Dato' Seri Dr. Jamaludin Mohd. Jarjis [Rompin]: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Ya, pandangan pelbagai.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Dia pergi Washington dan New York tidak cukup. Balik ke sini...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Ya, habiskan Yang Berhormat.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Dia memang merapu. Mungkin selepas ISO itu habis tempoh, kita ambil turunkan, tidak mahu tengok lagi.

Dato' Seri Dr. Jamaludin Mohd. Jarjis [Rompin]: *[Bangun]*

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Ini mungkin satu cara untuk memastikan semua syarikat atau jabatan apabila dia hendak adakan ISO, dia faham apa maksud itu.

■1920

Fasal 6, ini mengenai menambah keanggotaan Majlis dan Akreditasi Malaysia itu bagi maksud mengadakan perwakilan yang lebih menyeluruh. Saya pun tidak faham, Kalau kita ada 15 orang anggota dan kita tambah lima lagi menjadi 20.

Dato' Shamsul Anuar Nasarah [Lenggong]: Sudahlah Yang Berhormat Kepong, sudah lewat.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Macam mana daripada 15 kepada 20, kita boleh menjadikan perwakilan yang lebih menyeluruh?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Ya, boleh gulung, boleh gulung Yang Berhormat.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Saya pun kurang tahu. Ya, apa dia?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Boleh gulung dah. Lebih 10 minitlah Yang Berhormat.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Ya, ya, ya, saya tahulah. Tidak lama sudah itu. Saya berharap Yang Berhormat dapat menerangkan kepada Dewan yang mulia ini mengenai apa yang dimaksudkan lebih menyeluruh. Pindaan yang dicadangkan ini juga bertujuan untuk menyemak kewajipan Majlis Standard dan Akreditasi Malaysia untuk meluluskan kriteria yang berhubungan dengan penyediaan, kelulusan, penerimaan dan penetapan standard di Malaysia dan keterlibatan penilaian pematuhan. Di sini saya berharap Yang Berhormat boleh memberitahu kita apakah kriteria yang dimaksudkan di sini? Adakah kriteria antarabangsa yang disebutkan ataupun kita akan wujudkan kriteria sendiri?

Dato' Seri Dr. Jamaluddin Mohd. Jarjis [Rompin]: Saya sedikit sahaja, bukan lama. Saya kagumlah ramai daripada Ahli Yang Berhormat yang mulia, kepakaran dan kebijaksanaan Yang Berhormat Kepong dalam isu standard. Saya hendak bertanya Yang Berhormat, kalau Yang Berhormat katalah esok dilantik Setiausaha Agung DAP, adakah Yang Berhormat sanggup membuat ISO juga di DAP sebab kita dengar parti DAP bercelaru sahaja. Minta pandangan Yang Berhormat. Kalau diberikanlah tanggungjawab menjadi Setiausaha Agung. Setakat ini tidak nampak tetapi kemungkinan mana kita tahu?

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Tuan Yang di-Pertua, yang dimaksudkan standard ISO dan sebagainya, Yang Berhormat Rompin langsung tidak faham... [Ketawa] Yang faham itulah..

Dato' Shamsul Anuar Nasarah [Lenggong]: Yang Berhormat Kepong tak berani jawab, takut.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Macam mana hendak jawab daripada orang yang celopar?

Dato' Shamsul Anuar Nasarah [Lenggong]: Tak berani jawab, takut... [Ketawa]

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Oh, ya. Ini fasal akhirnya Tuan Yang di-Pertua, satu..

Dato' Shamsul Anuar Nasarah [Lenggong]: Okey, okey, cantik.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Fasal 9, kita hendak habis dah itu. Di sini ia mengenai *conformity* kita ini.

Fasal 9 bertujuan untuk meminda seksyen 16 Akta 549 untuk mengadakan peruntukan bagi permohonan untuk diakreditasi sebagai badan penilaian pematuhan (*conformity*). Selanjutnya cadangan pindaan itu bertujuan untuk mengadakan peruntukan bahawa fi akreditasi yang ditetapkan hendaklah kena dibayar oleh badan penilaian dan sebagainya.

Tuan Yang di-Pertua, saya hendak tanyalah apakah itu amaun fi yang perlu dibayar biasanya? Dengan pindaan ini, adakah fi ini akan dinaikkan untuk akreditasi yang akan ditetapkan penilaian pematuhan kepada ketua pengarah. Dengan ini saya berharaplah Yang Berhormat akan terus memantau setakat manakah standard termasuk ISO Jabatan Standard Malaysia ini dapat dipertingkatkan secocok dengan standard antarabangsa. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Ya, sila Yang Berhormat Menteri.

7.24 mlm.

Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi [Datuk Seri Dr. Maximus Johnity Ongkili]: Terima kasih kepada Yang Berhormat Kepong atas kerelaan dan kepakarannya juga dalam bidang standard ini dan input-input yang telah diberi.

Mengenai dengan persoalan empat, saya rasa itu sahaja Yang Berhormat Kepong tidak betul sebab bagi saya standard Malaysia ini MS adalah begitu dihormati sebenarnya di peringkat antarabangsa. Ini memandangkan kerana kita itu adalah di antaranya kenapa kita bercadang untuk mengubah fasal 5. Ini kerana badan-badan antarabangsa di mana kita sebagai ahli adalah seperti berikut:

- (i) *International Organization for Standardization (ISO);*
- (ii) *International Electrotechnical Commission (IEA);*
- (iii) *Pacific Area Standards Congress (PASC);*
- (iv) *Asia Pacific Economic Cooperation (APEC);*
- (v) *International Laboratory Accreditation Cooperation (ILAC);*
- (vi) *International Accreditation Forum (IAF);*
- (vii) *Asia Pacific Laboratory Accreditation Cooperation (APLAC);*
- (viii) *Pacific Accreditation Cooperation (PAC);* dan
- (ix) *ASEAN Consultative Committee for Standards and Quality (ACCSQ).*

Maka dengan keahlian kita di peringkat antarabangsa seperti badan-badan yang saya sebutkan tadi, sekali gus membawa standard kita ke peringkat global. So, mengatakan bahawa standard kita ini tidak dihormati dan seterusnya adalah tidak betul bahkan standard-standard halal khususnya yang telah dibentuk dalam dua atau tiga tahun ini telah menjadi petunjuk bagi negara-negara lain untuk menggunakan standard kita.

Mengenai dengan perihal tambahan Majlis – sebelum itu, Yang Berhormat Kepong membincangkan mengenai pemantauan terhadap standard yang dikatakan mendapat ISO.

Memanglah bukan itu sampai selama-lamanya. Pemantauan dilakukan secara berskala iaitu setahun sekali terhadap syarikat yang disijilkan. Setahun sekali terhadap makmal dan enam bulan sekali terhadap badan pensijilan. So, ini adalah *standard procedures* yang kita gunakan.

Mengenai dengan fasal 6 - keahlian, saya telah sentuhkan tadi bahawa ini adalah untuk menaikkan jumlah ahli daripada 15 orang sampai kepada 20 orang kerana ada lagi sektor-sektor lain yang perlu diwakili. Ada beberapa badan profesional inginkan supaya *representation* mereka itu diambil kira. Itulah sebabnya masa sudah berlalu sebelum lembaga ataupun jumlah keahlian ini dalam Majlis, maka kita berpendapat perlu dimasukkan untuk memasukkan bidang-bidang baru di mana pembentukan standard itu adalah telah dipersetujui untuk membina standard-standard yang baru.

Kita juga memanglah memanggil pakar-pakar lain daripada ahli-ahli Majlis tetapi keanggotaan Majlis pada saat ini adalah mereka yang mewakili pakar-pakar bersama badan-badan profesional yang ada di negara kita. Mengenai dengan perihal fi akreditasi, saya ingin katakan di sini bahawa makmal kos akreditasi ialah RM11,000 dan kos penyelenggaraan adalah RM5,000.

Bagi badan pensijilan, kos akreditasi adalah RM13,000 dan kos penyelenggaraan adalah RM21,000. Bagi badan pemeriksa kos akreditasi adalah RM13,000 dan kos penyelenggaraan adalah RM6,000.

Jadi, saya rasa Tuan Yang di-Pertua, sekadar itu dan terima kasih pihak Yang Berhormat Kepong kerana begitu meneliti keperluan kita dan menyokong pindaan-pindaan yang kita buat. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa rang undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Masalah dikemuka bagi diputuskan; dan disetujui.

Rang undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Majlis bersidang dalam Jawatankuasa.

*[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Ronald Kiandee) **mempengerusikan Jawatankuasa**]*

Fasal-fasal dikemukakan kepada Jawatankuasa.

***Fasal-fasal 1 hingga 16** diperintahkan jadi sebahagian daripada rang undang-undang.*

Rang undang-undang dimaklumkan kepada Majlis sekarang.

Majlis Mesyuarat bersidang semula.

Rang undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan; dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

■1930

USUL-USUL MENTERI KEWANGAN

AKTA PERSATUAN PEMBANGUNAN ANTARABANGSA 1960

[Seksyen 5]

7.32 m.m.

Timbalan Menteri Kewangan II [Dato' Donald Lim Siang Chai]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan bahawa, mengikut seksyen 5 Akta Persatuan Pembangunan Antarabangsa (*International Development Association Act*) 1960, Dewan ini membuat ketetapan bahawa sumbangan Malaysia sebanyak RM368,208 atau USD119,275 sebagai sumbangan kepada tambahan modal ke-16 bagi Persatuan Pembangunan Antarabangsa (IDA-16) diluluskan.

Tujuan ketetapan ini adalah untuk mendapat kelulusan Dewan Rakyat bagi Malaysia membuat sumbangan berjumlah RM368,208 sebagai sumbangan kepada tambahan modal ke-16 bagi Persatuan Pembangunan Antarabangsa (IDA-16). IDA adalah sebuah institusi gabungan Bank Dunia yang ditubuhkan pada tahun 1960 untuk membantu negara-negara ahli yang miskin dengan memberi pinjaman yang berasaskan syarat-syarat yang lebih longgar dan tidak dikenakan faedah.

Negara-negara yang layak untuk menerima bantuan IDA adalah negara-negara yang mempunyai pendapatan negara kasar atau *gross national income* (GNI) kurang daripada USD1,175 tahun 2010. Berdasarkan kriteria ini, hanya 71 daripada 170 buah negara ahli IDA yang layak menerima bantuan. Semua dana IDA bagi membiayai program dan aktiviti adalah caruman tambahan modal pindahan sebahagian pendapatan *International Bank for Reconstruction and Development* (IBRD), pendapatan bersih IDA sendiri dan sumbangan khas yang dibuat oleh negara-negara penderma.

Tuan Yang di-Pertua, sehingga Jun 2010, IDA dianggotai oleh 171 buah negara ahli yang dibahagikan kepada dua kategori iaitu bahagian I berjumlah 30 buah negara terdiri daripada negara maju yang juga merupakan negara penderma dan penyumbang terbesar kepada dana IDA dan bahagian II yang terdiri daripada 141 buah negara-negara membangun, negara berpendapatan rendah dan miskin.

Malaysia telah menjadi ahli IDA pada tahun 1960 dan tergolong dalam bahagian dua yang sentiasa membuat caruman atau *subscription* bagi setiap penambahan dana IDA bagi tujuan menegakkan persatuan kuasa mengundi dalam IDA. Tambahan modal ke-15 IDA atau IDA-15 telah berakhir pada 30 Jun 2011.

Perjanjian tambahan modal IDA-16 telah dipersetujui di Brussels Belgium pada 14 - 15 Disember 2010 di mana sebanyak USD49.3 bilion sumbangan daripada negara-negara penderma telah dicadangkan.

Tambahan modal ke-16 mempunyai beberapa objektif iaitu membantu pertumbuhan sosioekonomi negara-negara ahli, membangunkan sektor swasta, membangunkan dalam usaha negara-negara ahli mencapai *sustainability*, mengukur tahap keberkesanan IDA-15 dan meningkatkan tahap kerjasama IDA dan negara-negara ahli.

Bagi membiayai keperluan IDA untuk tempoh tiga tahun akan datang, sumbangan khas daripada negara penderma akan menjadi sumber utama kepada IDA-16 di samping pembayaran semula pinjaman-pinjaman IDA yang terdahulu dan pindahan pendapatan bersih IBRD.

Tuan Yang di-Pertua, dengan ini disyorkan supaya Malaysia mencarum sebanyak RM368,208 sebagai sumbangan kepada tambahan modal ke-16 bagi Persatuan Pembangunan Antarabangsa (IDA 16).

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Timbalan Menteri Pelancongan [Dato' Dr. James Dawos Mamit]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah sekarang terbuka untuk dibahas. Yang Berhormat Kepong, selepas itu Yang Berhormat Timbalan Menteri menjawab.

Dato' Shamsul Anuar Nasarah [Lenggong]: Yang Berhormat Kepong, kita minum dulu. Yang Berhormat Kepong, minum, minum. Bentara, usung Yang Berhormat Kepong.

7.37 mlm.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk mengambil bahagian kerana ini wang kita... [*Disorak*] Wang kita hendak disumbangkan kepada Persatuan Pembangunan Antarabangsa (IDA). Wang kita. Tiap-tiap tahun kita minta Dewan ini luluskan. Walaupun bukan berbilion-bilion, ini wang kita untuk membantu orang... [*Disampuk*] Kita hendak tahu. Kita hendak tahu daripada IDA ini, jumlah wang daripada penyumbang-penyumbang yang lebih kaya daripada kita, jumlah sekarang wang dana...

Datuk Ismail Kasim [Arau]: Mahu tolong negara miskin.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Jumlah wang dana IDA ini setakat ini dan bilangan negara yang menerima bantuan daripadanya. Walaupun tidak termasuk faedah, adakah mereka bayar balik? Bayar balik. Mungkin kerana miskin, kerana projek-projek yang diberi kepada mereka itu tidak dilaksanakan, tidak dipantau, tidak diselenggarakan dengan baik, mungkin mereka tidak bayar balik. Namun kita tidak cukup wang untuk memberi kepada IDA ataupun apa-apa sahaja tanpa kawalan yang ketat. Saya berharaplah Yang Berhormat dapat memberitahu kepada kita bagaimana kita dapat memantau wang yang kita beri kepada negara-negara yang menerimanya. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Ya, sila Yang Berhormat Timbalan Menteri.

7.39 mlm.

Dato' Donald Lim Siang Chai: Terima kasih Yang Berhormat Kepong yang memberi pandangan mengenai isu IDA. Untuk makluman Yang Berhormat, dalam mesyuarat pada 30 Jun 2011, IDA-15 yang mengadakan mesyuarat di *Brussels*. Mereka mencadangkan kali ke-16 mereka hendak mendapatkan cadangan sebanyak USD49.3 bilion untuk tujuannya dan kita hanya *contribute* RM119,000. So, beza paling besar.

■1940

Untuk IDA ke-16, Yang Berhormat tanya duit ini macam mana kita beri kepada negara yang memerlukan. Untuk makluman Yang Berhormat, negara yang memerlukan duit atau mereka akan pinjam dan memang syarat-syaratnya lebih longgar dan tiada dikenakan faedah dan ini memang setiap tiga tahun kita akan bincang sekali.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalah ialah bahawa usul Yang Berhormat Menteri Kewangan di bawah seksyen 5, Akta Persatuan Pembangunan Antarabangsa 1960 seperti yang tertera dalam Aturan Urusan Mesyuarat hari ini di bawah Perkara 7 hendaklah disetujui.

Usul dikemukakan bagi diputuskan; dan disetujui.

AKTA TATACARA KEWANGAN 1957 [Akta 61]

7.41 mlm.

Dato' Donald Lim Siang Chai: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan bahawa, Dewan ini membuat ketetapan mengikut peruntukan sub perenggan 8(3)(a)(iv) Akta Tatacara Kewangan 1957 [Akta 61] supaya Menteri Kewangan melabur secara pegangan ekuiti dalam Mass Rapid Transit Corporation Sdn. Bhd. Suatu syarikat yang dimiliki sepenuhnya oleh Menteri Kewangan (Pemerbadanan) dengan modal dibenarkan sebanyak RM100 juta dan Modal Berbayar sebanyak RM10 juta.

Tuan Yang di-Pertua, mengikut peruntukan di bawah seksyen 8(3)(a)(iv) Akta Tatacara Kewangan 1957 (Akta 61) wang dalam kedudukan kredit persekutuan dengan mana-mana bank atau selainnya dipegang oleh Persekutuan boleh dilaburkan oleh Menteri dengan resolusi Dewan Rakyat. Sehubungan ini, persetujuan Dewan yang mulia ini adalah dipohon bagi membolehkan kerajaan melalui Menteri Kewangan (Pemerbadanan) melabur dalam Mass Rapid Transit Corporation Sdn. Bhd. dengan Modal Dibenarkan sebanyak RM100 juta dan Modal Berbayar sebanyak RM10 juta.

Kerajaan komited dalam usaha mempertingkatkan taraf ekonomi rakyat dengan memberikan kemudahan infrastruktur yang selamat, berkesan serta memenuhi kehendak rakyat. Untuk itu, kerajaan telah melancarkan projek Mass Rapid Transit (MRT) pada 8 Julai 2011 yang akan memberikan pelbagai faedah kepada ekonomi negara misalnya penjaan sebanyak 130,000 peluang pekerjaan dan pendapatan antara RM3 bilion hingga RM4 bilion setahun yang menyumbang secara langsung kepada pendapatan per kapita atau GNI sepanjang tempoh pembinaan sehingga beroperasi sepenuhnya. Selain itu, kesan pelaksanaan projek MRT ini dijangka akan meningkatkan pertumbuhan nilai hartanah dan pada keseluruhannya menyumbang penambahan sebanyak RM21 bilion termasuk hasil produktiviti menjelang tahun 2020.

Kesan limpahan ekonomi daripada pelaksanaan projek MRT akan turut dinikmati oleh kawasan-kawasan berhampiran Lembah Klang dengan pertumbuhan pesat kawasan komersial dan perumahan. Projek MRT merupakan projek infrastruktur negara terbesar daripada segi nilai dan skopnya. Oleh itu, bagi memastikan projek dilaksanakan dengan lebih cekap dan berkesan, struktur pelaksanaannya perlu diperkemas.

Justeru, Jemaah Menteri pada 17 Ogos 2011 telah bersetuju supaya sebuah syarikat milik penuh Menteri Kewangan Diperbadankan diwujudkan dengan fungsi sebagai pemilik aset dan projek MRT menggantikan Syarikat Prasarana Negara Berhad (Prasarana) yang dipertanggungjawabkan sebelum ini. Ini bagi membolehkan Prasarana memberi tumpuan kepada program transformasi pengangkutan awam antaranya penambahbaikan perkhidmatan Transit Aliran Ringan (LRT), Monorel dan bas di kawasan Lembah Klang ke arah peningkatan sasaran nisbah modal peningkatan awam dari 25 peratus pada tahun 2012 kepada 50 peratus pada tahun 2020.

Peranan dan tanggungjawab syarikat Dana Infra Nasional Berhad (DINB) yang telah ditubuhkan sebelum ini dikekalkan sebagai entiti pembiayaan untuk mendapatkan dana bagi membiayai projek MRT. Bagi tujuan merealisasikan keputusan Jemaah Menteri tersebut, Mass Rapid Transit Corporation Sdn. Bhd. anak syarikat Prasarana telah diambil alih oleh Menteri Kewangan (Pemerbadanan) pada 1 September 2011 tanpa bayaran oleh kerajaan memandangkan MRT Co. berkenaan pada masa kini memiliki Modal Berbayar sebanyak RM2 sahaja, pelaburan kerajaan melalui suntikan modal ekuiti sebanyak RM10 juta diperlukan bagi membolehkan syarikat dapat beroperasi dengan lancar dan berkesan.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Timbalan Menteri Pelancongan [Dato' Dr. James Dawos Mamit]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah sekarang ini terbuka untuk dibahas.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: *[Bangun] [Dewan riuh]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Kepong selepas itu Yang Berhormat Menteri menjawab... *[Dewan riuh]*

7.46 mlm.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Tuan Yang di-Pertua, sayalah...

Dato' Shamsul Anuar Nasarah [Lenggong]: Yang Berhormat Kepong, mencelah boleh mencelah?

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Bising sangat di situ.

Dato' Shamsul Anuar Nasarah [Lenggong]: Yang Berhormat Kepong, mencelah boleh?

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Ini satu....

Dato' Shamsul Anuar Nasarah [Lenggong]: Yang Berhormat Kepong, minta laluan.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Usul yang terpenting...

Dato' Haji Ismail bin Mohamed Said [Kuala Krau]: Yang Berhormat Kepong, isteri tunggu dekat luar, Yang Berhormat Kepong.

Tuan Haji Salleh Kalbi [Silam]: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Usul yang terpenting kerana kita hendak wujudkan infrastruktur termasuk *mass rapid transit* dan dibiayai oleh pihak kerajaan 100 peratus dengan pelaburan yang pertama itu RM10 juta. Bukan main-main dan kalau apa yang disebutkan faedah keuntungan yang disebutkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi boleh dilaksanakan, ini bermakna kawalan ke atas Mass Rapid Transit Corporation Sdn. Bhd. dan juga Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat (SPAD). Ini kawalan mestilah ada ketat untuk memastikan tidak wujudnya, tidak timbulnya penyelewengan dan kecurangan.

Ini memang betul dan pelaburan bagi laluan yang pertama dari Sungai Buloh ke Cheras, itu melibatkan berbilion ringgit. RM20 bilion ada lebih, RM30 bilion kita belum tahu lagi, belum tetapkan lagi amaun kos yang terlibatnya. Kita belum pasti lagi. Walau bagaimanapun, berpuluh bilion ringgit yang terlibat itu fasa yang pertama sahaja dan fasa yang kedua dari Kepong ke Kelana Jaya itu belum tahu lagi. Ini dari Kepong juga, Kepong turut terlibat. Dia sudah fasa yang kedua. Walau bagaimanapun, ini saya berharaplah ramai lagi mengambil bahagian.

Datuk Halimah binti Mohd. Sadique [Tenggara]: ...Tengok sana, tengok Speaker di depan.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Apa masalah di sana?

Datuk Halimah binti Mohd. Sadique [Tenggara]: Itu, itu Speaker di sana.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Saya... *[Ketawa]* Kalau kita mempelbagaikan pandangan pun tidak boleh?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: *[Ketawa]* Pelbagaikan pandangannya.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: *[Ketawa]* Ya, memang sudah. Ini kerana kita hendak Yang Berhormat Menteri Kewangan mengambil perhatian mengenai begitu pentingnya kita mengawal semua pelaburan termasuk kepada MRT Corporation Berhad ini, itu kawalannya ketat dan berkesan untuk memastikan segala pelaburan kita adalah berhasil. Saya memang faham bahawa di semua negara termasuk di Singapura, di Hong Kong, infrastruktur seperti jalan, Mass Rapid Transit itu adalah dibiayai oleh pihak kerajaan. Itu tak boleh dielakkan kerana kita hendak wujudkan peluang yang lain.

■1950

Walau bagaimanapun, kalau kita tidak – pihak Dewan ini memang sentiasa mengawal apa yang dibuat oleh pihak Kementerian Kewangan kerana tiap-tiap kali dia hendak wang, dia datang ke sini untuk diluluskan seperti hari ini. Kita ada Pengerusi SPAD sekarang ada di situ, apabila ada di situ, kita hendak Pengerusi kita efektif, memang dia benar-benar menjalankan tugas yang betul, tanpa...

Beberapa Ahli: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Saya tidak akan cakap kalau tidak diam dahulu. Tidak diam saya tidak akan cakap, kalau hendak balik awal, tolong jangan cakap.

Dato' Shamsul Anuar Nasarah [Lenggong]: Yang Berhormat Kepong, Yang Berhormat di belakang itu sudah tidur, cukuplah itu.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Ada suara lain? Saya hendak balik sudah, tetapi bising di situ, kita tidak boleh cakap. Pertama...

Datuk Halimah binti Mohamed.d. Sadique [Tenggara]: Tadi sudah pertama, ini pertama lagi... *[Ketawa]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Sudah siap Yang Berhormat?

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Dia bising, macam mana hendak cakap?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat, dia sudah bagi mesej, kalau dia diganggu dia akan panjangkan perbahasan... *[Ketawa]*

Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]: Saya ingin mencelah, Yang Berhormat Kepong, boleh mencelah?

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Ha, memang boleh.

Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]: Saya bukan sengaja hendak panjangkan perbahasan, tetapi perkara ini adalah perkara yang serius. Saya nampak kerajaan memang tidak bertanggungjawab, kalau meletakkan satu perkara yang melibatkan RM10 juta saham dan untuk satu syarikat yang mempunyai kepentingan awam. Kenapa kita letakkan dalam item yang terakhir untuk dibahaskan? Saya, bukan kita tolak MRT, kita tidak tolak...

Dato' Shamsul Anuar Nasarah [Lenggong]: Duduklah Yang Berhormat Batu, mengarutlah Yang Berhormat Batu ini.

Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]: Isu sekarang ini ialah kenapa atur cara diletakkan begitu? Perkara yang perlu dibahas dengan betul oleh..., saya kalau kita tidak bahas sebab kita hendak balik dan kita luluskan ini, kita harus bertanggungjawab kepada pengundi kita... *[Dewan riuh]* Adakah ini cara Barisan Nasional untuk meluluskan perkara yang begitu penting.

Tuan Loke Siew Fook [Rasah]: Ketua Pembangkang pun tidak hadir, lagi tidak bertanggungjawab.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Tuan Yang di-Pertua, apa yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Batu tadi betul juga, kalau begitu penting kenapa kita letak pada giliran terakhir. Ini memang, di sini saya mengambil kesempatan ini untuk Yang Berhormat Kota Tinggi. Yang Berhormat Kota Tinggi menjadi Pengerusi SPAD, dan SPAD akan mengendalikan, menguruskan semua pembangunan termasuk fasa yang pertama.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Ya, sila Yang Berhormat Menteri. Dah habis Yang Berhormat?

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Belum habis lagi, dia bangun tadi... [Merujuk kepada YB. Kota Tinggi yang bangun membetulkan kedudukan]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Tidak ada orang bangun Yang Berhormat.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Tadi dia bangun, Yang Berhormat Kota Tinggi.

Dato' Donald Lim Siang Chai: Saya akan jawab Tuan Yang di-Pertua, habis?

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Belum habis lagi, tadi dia bangun, bangun duduk, Yang Berhormat Kota Tinggi, kalau macam itu sebagai Pengerusi SPAD, jadi SPAD tidak boleh jalan dengan lancar. Sekejap dia bangun, sekejap dia duduk.

Datuk Ismail Kasim [Arau]: Yang Berhormat Kepong tidak faham fungsi SPAD, *regulator* sahaja, dia *check* akaun, penguatkuasaan, itu sahaja kuasa dia. Ia bukan terlibat dalam *business*.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Oleh sebab itulah kita bimbang, ia *regulator*, ia tidak kisah apa yang dijalankan, diuruskan, dan apa yang terjadi dengan syarikatnya. Itulah kita bimbang, *regulator* tidak bermakna ia tidak membuka mata untuk melihat apa yang terjadi.

Ir. Haji Hamim bin Samuri [Ledang]: Yang Berhormat Kepong, ini bukan urus klinik, ini mengurus suruhanjaya, suruhanjaya tidak sama dengan klinik. Sekian terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Indera Mahkota bangun.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Saya akan pendekkan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Selepas ini ada satu lagi usul Yang Berhormat.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Satu usul lagi itu lebih cepat diluluskan kerana sudah tidak ada orang.

Tuan Azan Ismail [Indera Mahkota]: Belakang, belakang.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Indera Mahkota bangun Yang Berhormat.

Tuan Azan Ismail [Indera Mahkota]: Terima kasih Yang Berhormat Kepong. Saya juga hendak tanya pandangan Yang Berhormat Kepong sebab di sini terang-terang nampak gaya kita hendak laburkan. Ini laburkah hendak bagikah, ya membuat pelaburan sebanyak sepuluh juta unit saham biasa, bukan saham keutamaan ke saham khas ke, saham biasa. Saya hendak tanya Yang Berhormat Kepong, kita ada banyak pengalaman, kerajaan menggunakan dana yang sama di bawah Akta Tatacara Kewangan 1997 [Akta 61], kalau kita hendak perincian semula dalam buku ini, banyak.

Maka lebih daripada sepuluh yang menggunakan di bawah tatacara kewangan yang sama. Kalau Yang Berhormat Kepong ingat sesi yang lepas, sama juga. Timbalan Menteri Kewangan satu lagi bentangkan *last* sekali untuk *ValueCap* tengah malam, jumlah yang sama RM10 bilion juga kita suntik dalam dana tersebut.

Akan tetapi yang eloknya sekarang ini di bawah *ValueCap* mengatakan mereka masih lagi memerlukan RM250 juta kerana peruntukan yang lama telah habis dan tidak ada satu perubahan dalam kedudukan *value cap*, sampai sekarang.

Jadi setiap tahun, nampak gaya kita membuat suntikan yang sama, apatah lagi suntikan itu dalam jenis saham biasa, saham yang dianggap kalau berlaku kerugian, maknanya rugilah. Kerugian itu boleh dianggap kerugian yang tidak mampu dipulihkan, ataupun *buffered* untuk melihat sama ada wang itu, pelaburan itu pelaburan yang mendatangkan keuntungan atau tidak dan yang peliknya, setiap kali perkara macam ini digunakan, digunakan pada sesi akhir, malam-malam, kalau boleh tidak ada seorang pun hendak bercakap atau diluluskan begitu sahaja.

Saya hendak bertanya Yang Berhormat Kepong, pengalaman Yang Berhormat Kepong lama dalam Dewan ini, adakah kerajaan memang menggunakan trend yang sama apabila hendak buat pelaburan yang berbentuk macam ini, menggunakan kaedah bentangnya tengah malam, kalau boleh semua orang tengok sahaja, tidak bercakap tidak apa, lebih kurang macam pencuri. Terima kasih.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Boleh habiskan Yang Berhormat ya?

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Tuan Yang di-Pertua, apa yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat tadi itu adalah amalan biasa. Skandal pelabuhan Klang, macam mana berlaku? Ini kerana sikap macam inilah, kerana dia hendak balik ke rumah, yang pelabuhan berbilion-bilion pun tidak kisah. Tadi Yang Berhormat Kota Tinggi hendak bangun, hendak jelas, ada orang yang berhentikan dia. Itulah masalah. Saya tengok, dia bangun tadi.

Dato' Shamsul Anuar Nasarah [Lenggong]: Yang Berhormat Kepong, jangan buang masalah Yang Berhormat.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Tidak buang masa, sama ada suruhanjaya itu *regulator* ataupun apa '*ator*' sekali pun, ini mesti memastikan semua yang dijalankan oleh syarikat-syarikat yang berkenaan dijalankan dengan betul. Kita *regulate*, saya berharap saya akan tanya Yang Berhormat Kota Tinggi lagi apa yang beliau buat untuk memastikan MRT kita dibangunkan dengan betul dan semua dijalankan dengan betul. Pihak Kementerian Kewangan mestilah ubah sikap dengan cara Akta Tatacara Kewangan ini bukan satu cara untuk mendapat wang daripada Dewan yang mulia ini kemudian tidak diuruskan dengan baik.

■2000

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Habiskan Yang Berhormat.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Memang. Saya berharap MRT kita tidak akan mengakibatkan pada satu tahap yang boleh mengecewakan. Di sini pun tiap-tiap kali saya mengambil bahagian walaupun orang tidak berminat. Itu tidak mengapa. Mengapa boleh berlaku skandal Pelabuhan Klang? Ini sebab sikap seumpama ini.

Saya berharap Yang Berhormat dapat menjawab kepada kita bagaimana kita boleh memantau dan mengawal pelaburan ini di dalam MRT. MRT ini kalau tidak silap saya akan menghadapi masalah juga. Sekian, terima kasih.

Dato' Donald Lim Siang Chai: Terima kasih Yang Berhormat Kepong yang selalu prihatin atas usul-usul Kementerian Kewangan. Kita hendak ucapkan terima kasihlah. Apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat kita akan ambil perhatian. Kita memang hendak melabur di syarikat ini supaya projek MRT ini boleh berjalan dengan licin. *Phase 1* dari Sungai Buloh melalui Petaling Jaya, Kuala Lumpur, Cheras sampai Kajang sepanjang 51 kilometer.

Pada masa ini kita membuat *open tender*. Kita telah *invited* syarikat dari *international* untuk tender ini dan kita harap pada tahun hadapan lebih kurang bulan April kita boleh tentukan kontraktor mana yang akan membuat projek ini. Pada masa itu kita akan beritahu jumlah kewangan yang kita perlu untuk projek ini. Dengan itu sekian. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah usul Yang Berhormat Menteri Kewangan seperti yang tertera dalam Aturan Urusan Mesyuarat hari ini di bawah Perkara 8 hendaklah disetujui.

Usul dikemuka bagi diputuskan; dan disetujui.

AKTA KASTAM 1967 - Perintah Duti Kastam

8.03 mlm.

Dato' Donald Lim Siang Chai: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan, bahawa Majlis ini, mengambil ketetapan iaitu menurut kuasa yang diletakkan padanya oleh seksyen 11, subseksyen 2, Akta Kastam 1967 supaya Perintah Duti Kastam berikut yang dibentangkan di hadapan Majlis ini sebagai kertas statut bil ST.52 dan ST.53 tahun 2011 disahkan".

Pertama - Perintah Duti Kastam (Barang-barang di bawah Perjanjian Kerjasama Ekonomi Komprehensif Malaysia-India) (MICECA) 2011 P.U.(A)215 bertarikh 1 Julai 2011 kertas statut bil ST.52. Perintah ini diwartakan bagi melaksanakan komitmen Malaysia di bawah Perjanjian Kerjasama Ekonomi Komprehensif antara Malaysia dan India (MICECA). Perjanjian ini mula dirundingkan pada 4 Februari dan 5 Februari, 2008 dan selesai dimuktamadkan semasa rundingan ketujuh pada 20 September hingga 24 September, 2010.

Perjanjian ini telah ditandatangani pada 18 Februari, 2011 di Putrajaya dan mula berkuat kuasa pada 1 Julai, 2011. Pelaksanaan MICECA ini akan merealisasikan peningkatan perdagangan bagi barangan antara Malaysia dan India melalui penghapusan dan pengurangan duti import secara progresif mulai tahun 2011 hingga tahun 2018.

Kedua - Perintah Duti Kastam (Barang-barang di bawah Perjanjian Rangka Kerja Kerjasama Ekonomi Komprehensif Di Antara Kerajaan Negeri-negeri Ahli Persatuan Negeri-negeri Asia Tenggara dan Republik Rakyat Korea) (Pindaan) 2011 P.U.(A)299 bertarikh 25 Ogos, 2011 kertas statut bil ST.53. Perintah ini disediakan untuk melaksanakan perpindahan dari kod tarif versi *Harmonized System* 2002 (HS 2002) kepada HS 2007 supaya selaras dengan perintah duti kastam yang telah pun mengguna pakai kod tarif versi HS 2007. Perintah ini mula berkuat kuasa pada 1 September, 2011 dan menggantikan perintah terdahulu yang telah berkuat kuasa mulai 1 Jun 2007...

Tuan Azan Ismail [Indera Mahkota]: Penjelasan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat, dia tengah bentangkan usul.

Dato' Donald Lim Siang Chai: ...Mengguna pakai kod dari versi HS 2004 yang telah berkuat kuasa mulai 1 Jun, 2007. Pelaksanaan pindahan kod tarif versi HS 2002 kepada HS 2007 ini adalah selaras dengan ketetapan yang telah dibuat oleh *World Custom Organization* (WCO) supaya *harmonized community description and coding system* bagi..., *there is* tarif barangan dikemas kini setiap lima tahun sekali. Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Timbalan Menteri Pelancongan [Dato' Dr. James Dawos Mamit]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya sekarang terbuka untuk dibahas.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Indera Mahkota, selepas itu Yang Berhormat Kepong, dan saya minta Yang Berhormat Menteri menjawab selepas Yang Berhormat Kepong.

8.07 mlm.

Tuan Azan Ismail [Indera Mahkota]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tadi saya dengar Yang Berhormat Timbalan Menteri mengatakan bahawa keseluruhan perintah duti ini adalah berlandaskan kepada mesyuarat yang dimuktamadkan pada 25 sehingga 26 September, 2011. Betul ya? Kalau tidak silap saya.

Saya hendak minta penjelasan tadi pasal tarikh perjanjian ini dimuktamadkan sebab mengikut kertas statut ST.53 yang diedarkan kepada kita ini, perintah ini hendaklah mula berkuat kuasa pada 1 September. Maknanya perjanjian ini dimuktamadkan pada 26 September, 2011 tetapi kita belakangkan perintahnya kepada 1 September. Kertas ini baru kita dapat hari ini, memang tidak sempat kita hendak tengoklah. Cuma adakah perkara ini perkara yang biasa diamalkan dalam edaran kertas statut?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Kepong.

8.08 mlm.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Tuan Yang di-Pertua, secara ringkasnyalah. Memang ST.52 kita ini dengan barang-barang Kerjasama Ekonomi Komprehensif (MICECA) satu komitmen di antara Malaysia dengan India untuk mengurangkan cara beransur duti import dan sebagainya.

Ini memang satu perkembangan yang baru dan penting untuk Malaysia kerana kita hendak mempertingkatkan perdagangan dengan India. Di dalam satu perkembangan yang baru, India akan menjadi ekonomi yang lebih besar di rantau ini. Di sini saya hendak menanya Yang Berhormat Timbalan Menteri dengan MICECA ini, apakah barangan yang biasa kita import daripada India? Adakah barang-barang elektronik, komputer dan sebagainya? Bolehkah itu..., berapa tahun yang kita perlu untuk mengurangkan duti import ini? Adakah duti ini akan dihapuskan sama sekali untuk maksud ini?

Kemudiannya untuk *Harmonized System* yang disebutkan dalam P.U.(A)2 HS2007 dengan kod tarif ini. Tadi yang disebutkan oleh Yang Berhormat tidak jelas.

■2010

Ini dengan Korea Selatan kalau tidak silap saya, untuk *Harmonized System* ini. Saya berharaplah Yang Berhormat Timbalan Menteri dapat menerangkan kerana dengan duti kastam ini melibatkan berpuluh bilion ringgit, bukan begitu bermain-main. Yang Berhormat Kota Tinggi, ini memang berbilion-bilion ringgit, duti import dan sebagainya. Kita mesti mengambil perhatian mengenai apa yang dikutip oleh pihak kastam dan ini merupakan sebahagian daripada bajet kita. Bukan sahaja cukai langsung tadi RM1,001 bilion. Bahkan RM1,001 bilion untuk cukai langsung dengan duti kastam pun berbilion ringgit juga. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Sila Yang Berhormat Timbalan Menteri.

Dato' Donald Lim Siang Chai: Terima kasih Ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian. Soalan Yang Berhormat Indera Mahkota, soalan itu saya pun tidak faham apa yang Yang Berhormat tanya, Yang Berhormat boleh tulis secara bertulislah sebab Yang Berhormat sendiri pun tidak faham apa Yang Berhormat cakap, yang selalu *confused* sendiri.

Tuan Azan Ismail [Indera Mahkota]: *[Ketawa]* Yang Berhormat Timbalan Menteri, kertas statut 53 yang inikan? Yang Berhormat Timbalan Menteri kata tadi perjanjian itu sudah diselesaikan semasa Mesyuarat 25 sehingga 26 September kan?

Dato' Donald Lim Siang Chai: Pada 25 mana ada?

Tuan Azan Ismail [Indera Mahkota]: Yang Berhormat Timbalan Menteri sebut tadi, keputusannya?

Dato' Donald Lim Siang Chai: ST.52?

Tuan Azan Ismail [Indera Mahkota]: Ya.

Dato' Donald Lim Siang Chai: Okey, di sini saya sebut *last* sekali, perundingan ketujuh pada 20 hingga 24 September 2010, 2010. Bukan 2005.

Tuan Azan Ismail [Indera Mahkota]: Saya tidak sebut 2005, saya sebut 2011.

Dato' Donald Lim Siang Chai: Okey dan perjanjian ini telah ditandatangani pada 18 Februari 2011 dan kita kuat kuasa pada 1 Julai 2011. Saya pun tidak tahu mana yang salah.

Tuan Azan Ismail [Indera Mahkota]: Jadi, tidak perlu soalan bertulislah...
[Ketawa]

Dato' Donald Lim Siang Chai: Terima kasihlah. Terima kasih. Yang Berhormat dari Kepong, memang dia pakar dalam itu penyakit kulit, dia tidak tahu ini isu-isu elektronik atau apa... [Ketawa] Memang ini dunia, Malaysia mengamalkan *open economic policy* dan kita ada *future agreement* dengan beberapa negara. Ini kita pulang kepada pakarlah dalam bidang ini untuk bincang. Di sini kita hendak maklumkan kepada Dewan sahaja. Memang Yang Berhormat Kepong ada spesifik, bukan sahaja cakaplah. Spesifik ada yang mana kita ada kesalahan, Yang Berhormat Kepong berbangkit, kita akan betulkan isu itu. Sekian, terima kasih.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Tuan Yang di-Pertua.

Beberapa Ahli: [Menyampuk]

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Memang ada banyak lagi. Saya pun hendak singkat sahaja. Akan tetapi dia cakap saya tidak faham langsung.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Timbalan Menteri sudah jawab habis, Yang Berhormat Kepong.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Habis sudah?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Ahli-ahli Yang Berhormat sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis untuk diputuskan. Masalahnya ialah bahawa usul Yang Berhormat Timbalan Menteri Kewangan II seperti yang tertera Peraturan Mesyuarat hari ini di bawah Perkara 9 hendaklah disetujui.

Usul dikemuka bagi diputuskan; dan disetujui.

8.14 mlm.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Ahli-ahli Yang Berhormat Sidang Mesyuarat Ketiga...

Datuk Ismail Kasim [Arau]: Tuan Yang di-Pertua, sedikit sahaja.

Bagi pihak BNBBC dan juga kalau hendak wakil rakan-rakan semua Ahli Parlimen, *backbench* dan *frontbench* di sini, kita merakamkan jutaan terima kasih yang tidak terhingga kepada Tuan Yang di-Pertua, Timbalan-timbalan Yang di-Pertua, Yang Berbahagia Setiausaha Dewan, Datuk Roosme, dan kumpulan petugas Perundangan Parlimen, kakitangan Parlimen, para bentara, pegawai-pegawai kerajaan dan semua pihak yang terlibat selama 31 hari melayan kerenah kami semua. Jadi, apa-apa pun, kami mohon maaf atas kesilapan yang berlaku bagi pihak rakan-rakan. Terima kasih... [Tepuk]

Datuk Halimah binti Mohd. Sadique [Tenggara]: Dia pun hendak bercakap, tiru sahaja.

Dato' Johari Abdul [Sungai Petani]: Tuan Yang di-Pertua, saya bagi pihak teman-teman di sebelah sini sama juga, diucapkan terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua, Setiausaha Dewan, kawan-kawan di sana dan seluruh...

Timbalan Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah II [Datuk Joseph Entulu anak Belaun]: Ucapan selamat tinggal... [Ketawa]

Dato' Johari Abdul [Sungai Petani]: ...Kakitangan yang telah pun melayan kita semua. *Insyah-Allah* kita akan jumpa lagi... *[Ketawa]* Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Terima kasih Yang Berhormat. Ahli-ahli Yang Berhormat, saya bagi pihak Yang di-Pertua Dewan Rakyat ingin merakamkan ucapan setinggi-tinggi terima kasih kepada semua Ahli Yang Berhormat yang telah memberi kerjasama bagi membolehkan perjalanan Mesyuarat dapat disempurnakan... *[Tepuk]*

Saya juga mengambil kesempatan ini mengucapkan terima kasih dan penghargaan kepada semua pegawai kerajaan, pegawai Parlimen Malaysia, wakil media massa serta semua pihak yang turut terlibat dalam pengendalian urusan Majlis Mesyuarat sepanjang tempoh Dewan kali ini bersidang. Akhir kata, saya ucapkan selamat pulang dan selamat kembali di destinasi masing-masing.

Ahli-ahli Yang Berhormat, Mesyuarat Dewan hari ini ditangguhkan sehingga ke suatu tarikh yang tidak ditetapkan. Sekian, terima kasih.

Dewan ditangguhkan pada pukul 8.16 malam.